

97- 3717

BELIA

DI MALAYSIA

**MASALAH, GERAKAN DAN
MASA DEPAN**

HUSSAIN MOHAMED

BELIA DI MALAYSIA

**MASALAH, GERAKAN
DAN MASA DEPAN**

192057

**NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

14 APR 1997

DR. HUSSAIN MOHAMED

ANEKA Publishing

KANDUNGAN

	Muka surat
Singkatan	iv
Prakata	vii
1 Pentafsiran Terhadap Konsep Belia	1
2 Sistem Nilai dan Sikap di Kalangan Belia	9
3 Belia, Gerakan Sosial dan Perubahan Masyarakat	20
4 Fenomena dan Masalah Belia Lepak	35
5 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gerakan Belia	47
6 Gerakan Pelajar di Malaysia: Satu Sorotan	72
7 Isu-isu Semasa Mengenai Gerakan Belia	90
8 Cabaran dan Permasalahan Dalam Persatuan Belia	112
9 Politik Belia dan Pembangunan Negara	136
10 Belia dan Pembinaan Bangsa di Malaysia	150
11 GPMS: Suatu Manifestasi Gerakan Nasionalisme	169
12 Dari GPMS ke ABIM: Jalur-jalur Dalam Kesenambungan Kepimpinan Politik Melayu	194
13 Pergerakan Pemuda UMNO: Beberapa Aspek Mengenai dan Keprihatinannya	225
14 Anwar Ibrahim: Dari Politik Belia ke Politik UMNO	239
Senarai Rujukan Terpilih	263
Indeks	266

Untuk Seorang wanita bernama
Puan Hajjah Siti Mariam Hj Idris
ibuku dunia dan akhirat

PRAKATA

I

Buku ini merupakan sebuah koleksi artikel mengenai gerakan belia di Malaysia yang telah saya hasilkan dan pernah dimuatkan dalam beberapa jurnal akademik tempatan. Di samping artikel-artikel berkenaan ialah kertas kerja mengenai bidang penyelidikan yang sama yang pernah dibentangkan dalam beberapa seminar dan simposium, anjuran beberapa pihak, sama ada universiti ataupun agensi-agensi awam dan swasta, di dalam dan di luar negeri.

Tulisan dalam koleksi ini merupakan lanjutan daripada kerja-kerja penyelidikan mengenai gerakan belia di Malaysia yang telah dilakukan dalam tempoh 1976 hingga 1981, iaitu bagi tujuan penulisan tesis ijazah Kedoktoran saya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Sebagai sebuah penerbitan, dengan demikian, ia dimaksudkan untuk melanjutkan dan melengkapkan buku yang telah diterbitkan dalam tahun 1986, berdasarkan penyelidikan berkenaan yang diberi judul, *Gerakan Belia di Malaysia*.

II

Penerbitan dan bahan bertulis yang relevan mengenai gerakan belia di negara ini pada umumnya masih menghadapi kekurangan tertentu, terutamanya dari segi maklumat dan sumber rujukannya. Hal ini tidak bermakna bidang penyelidikan mengenai golongan remaja dan belia di Malaysia masih belum dilakukan. Sebenarnya ia sudah dilakukan; namun banyak daripada isu dan permasalahan yang dibincangkan itu dilakukan dari perspektif psikologi dan juga pendidikan. Antaranya adalah mengenai masalah akhlak atau moral golongan muda, proses pembelajaran dan pembentukan perilaku dan sahsiah; serta untuk beberapa waktu kebelakangan ini, berkenaan

dengan masalah remaja atau belia lepak; atau dari perspektif politik pula, tumpuan kajian dan perbincangan umum dan akademik tampaknya banyak sekali tertumpu pada persoalan kemerosotan komitmen kenegaraan dan nasionalisme serta patriotisme di kalangan anak muda umumnya. Memang benar bahawa segalanya ini ada kaitan langsung dengan permasalahan golongan belia umumnya itu. Sebagai golongan pewaris masa depan masyarakat dan negara, maka apapun bentuk dan jenis masalah itu, ia mudah sekali mendapat perhatian umum, dan mudah jugalah diberikan tafsiran dan penilaian tertentu, yang seringkali pula disarati dengan nilai dan sikap negatif lagi pesimistik.

Kajian yang saya pernah lakukan ke atas gerakan belia di negara ini adalah dari perspektif Sosiologi umumnya, dan Sosiologi Politik khususnya. Tumpuan penting dalam kajian itu berdasarkan gerakan berkenaan sebagai sebahagian penting gerakan sosial. Sementara tujuannya adalah untuk memerihai dan menganalisis perilaku kolektif belia sebagai suatu bentuk gerakan sosial yang mempunyai organisasi atau pertubuhannya yang tertentu, yang bergerak dan melakukan aktiviti tertentu, demi memenuhi dan mencapai matlamat bersama, yang menghasilkan perubahan tertentu dalam kehidupan masyarakat yang bakal mereka warisi suatu masa akan datang. Dari perspektif ini, maka aspek-aspek yang lebih diutamakan ialah yang berkenaan dengan perkembangan organisasi gerakan, kepimpinan serta juga proses politik tertentu yang berlaku di kalangan para tokoh dan peneraju gerakan berkenaan. Tegasnya di sini, perbincangan yang dikemukakan, sama ada dalam bentuk tesisnya yang asal, ataupun artikel dan kertas kerja yang terhasil daripada projek penyelidikan berkenaan, berorientasikan suatu analisis politik – tentang organisasi, isu kepimpinan dan manipulasi kuasa – yang dapat dikesan dan disoroti pada sejarah dan perkembangan gerakan berkenaan di negara ini. Orientasi kajian lanjut mengenai gerakan ini khususnya lebih menekankan impak gerakan berkenaan terhadap politik kepartian, khususnya yang boleh dilihat dalam konteks pemupukan dan kepimpinan politik orang Melayu, dalam usaha mempersiapkan dan merealisasikan struktur dan keperluan masyarakat,

terutamanya bilamana ia dilihat dalam konteks aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju sebagaimana yang dilambangkan pada Wawasan 2020.

Perlu dinyatakan di sini bahawa sewaktu kajian asal ini disiapkan pada awal tahun 1980-an lalu, belum terdapat sebarang wawasan negara seperti mana yang ada pada Wawasan 2020 itu misalnya. Maka itu, banyak daripada tulisan dalam koleksi ini tidak banyak memperkatakan gerakan berkenaan dalam konteks merealisasikan Wawasan itu. Yang ada ketika itu, khususnya yang berkenaan dengan belia, ialah kerangka dan perancangan di peringkat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yakni yang berupa *Prinsip 3 Padu* sebagai satu asas perancangan bagi memajukan golongan belia dalam tiga kemahiran utama iaitu dari segi teknikal, kepimpinan, dan juga perniagaan. Memang benar bahawa pada masa itu sudah ada misalnya *Rukunegara* yang menjadi asas penting perancangan pembangunan sosio-ekonomi dan politik negara umumnya. Kaitan dan kepentingannya dalam konteks gerakan belia, bagaimanapun, lebih merupakan sesuatu yang bersifat umum walaupun banyak daripada aktiviti belia, sama ada dalam persatuan mahupun di pusat-pusat latihan belia memerlukan penyebaran maklumat yang lebih khusus berkenaan dengan wawasan negara ini.

Satu hal lain yang dapat diperhatikan pada tulisan-tulisan ini ialah keterlibatan belia dalam gerakan-gerakan yang bersifat *anti-establishment* dan *radikal* iaitu suatu ciri penting yang menjadi *world-order* pada gerakan berkenaan dalam tahun 1960-an dan 1970-an. Kebanyakan analisis dalam koleksi ini berlegar pada tema berkenaan sungguhpun dapat diperhatikan bahawa pada umumnya ada dua peranan istimewa yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan berkenaan, iaitu menjadi tempat latihan dan menjadi kumpulan sokongan bagi beberapa orang tokoh dan pemimpin belia tertentu untuk seterusnya melanjutkan dan mengembangkan bakat kepimpinan mereka itu dalam kepimpinan politik kepartian pula. Beberapa orang tokoh politik dan kenegaraan yang merupakan generasi kedua kepimpinan negara hari ini terdiri daripada aktivis

dan bekas pemimpin gerakan belia. Seorang daripadanya yang terpenting ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menjawat Timbalan Presiden UMNO dan juga Timbalan Perdana Menteri, di samping memegang portfolio asasinya sebagai Menteri Kewangan.

Mengingatkan bahawa koleksi ini berusaha untuk mencakup tiga aspek perbincangan, iaitu masalah, gerakan, dan masa depan golongan belia di negara ini, maka tulisan-tulisan yang dimuatkan itu disusun sedemikian rupa bagi memenuhi ketiga-tiga aspek berkenaan. Tulisan pertama yang membincangkan pentafsiran konsep belia itu dimaksudkan untuk memperjelas erti dan definisi yang biasa digunakan pada golongan muda itu. Sesudah konsep asas itu difahami, maka ia diikuti pula dengan beberapa tulisan yang membincangkan status dan peranan, serta masalah yang berkaitan dengan golongan belia. Ia tidak hanya pada apa-apa yang berlaku di Malaysia sahaja, bahkan juga sebagai bandingannya, dipaparkan juga keadaan belia di beberapa buah negara tertentu yang lain. Seterusnya dimuatkan juga tulisan mengenai proses politik yang pernah berlaku di kalangan tokoh belia di negara ini, khususnya yang melibatkan kepentingan dan pendekatan perjuangan yang berbeza. Beberapa tulisan tertentu secara khusus menyentuh kepentingan gerakan berkenaan dalam konteks pembinaan bangsa dan gerakan nasionalisme di negara ini. Sementara tulisan yang terakhir adalah mengenai kehadiran dan ketokohan Anwar Ibrahim dalam gerakan belia dan politik. Terdapat satu tulisan berkenaan dengan Pergerakan Pemuda UMNO yang dimuatkan dalam koleksi ini memandangkan terdapat pertemuan tertentu antara pergerakan berkenaan dengan gerakan belia umumnya.

III

Sebagai sebuah buku koleksi tulisan dan kertas kerja yang merentasi tempoh masa yang agak lama, iaitu kira-kira sejak 15 tahun lalu, maka diakui bahawa usaha ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tertentu.

Salah satu perkara yang dapat diperhatikan adalah dengan memuatkan berbagai-bagai tulisan itu, maka perulangan tertentu pada maklumat yang diperihalkan itu tampaknya tidak dapat dielakkan. Misalnya yang berkenaan dengan isu perkembangan badan-badan atau pertubuhan belia yang terlibat dalam persaingan dan politik di kalangan pertubuhan belia itu. Begitu juga misalnya dari segi pentakrifan dan konsep belia. Perulangan ini barangkali tidak diperlukan dalam penerbitan sesebuah karya oleh sebab ia boleh membazirkan ruang dan masa para pembacanya.

Perulangan yang terjadi dalam buku ini sebenarnya disengajakan, dan sememangnya dikekalkan sebagaimana tulisannya yang asal, baik sebagai sebuah artikel mahupun sebagai sebuah kertas kerja. Pengekalan ini bertujuan membolehkan keseluruhan pandangan dan permasalahan yang dibincangkan dalam setiap tulisan itu dapat difahami dan dihayati dengan sebaik-baiknya, sebagaimana dalam konteks tulisannya yang asal. Seandainya tidak dibuat demikian, ia barangkali boleh menimbulkan salah faham tertentu pula dari segi aliran pandangan dan kejituan analisis yang dilakukan itu. Diharapkan, dengan demikian kita dapat memahami kedudukan, kepentingan dan peranan serta bentuk keterlibatan yang pernah, yang masih dan yang dikira sesuai untuk dimainkan oleh golongan belia dan pertubuhan-pertubuhan yang mereka anggotai dalam meneruskan kewujudan entiti negara dan masyarakat Malaysia pada masa-masa hadapan.

Sementara itu, satu hal lain yang mungkin juga kurang disenangi adalah tentang gaya catatan nota rujukan pada tulisan-tulisan tertentu yang berkaitan dengannya. Jika diperhatikan, terdapat tiga cara atau gaya catatan yang telah digunakan dalam keadaan penulisan asalnya, iaitu sebagai nota kaki yang biasa, sebagai catatan nota dalam teks, dan juga sebagai catatan dan pemerihalan umum yang tersendiri di akhir teks yang terlibat. Gaya dan cara catatan demikian juga dikekalkan dalam keadaannya yang asal untuk tidak menyebabkan terlalu banyak pindaan dan penyesuaian dibuat pada tulisan-tulisan yang dimuatkan di dalam koleksi ini. Memang diakui ada antara tajuk tulisan itu yang diubahsuaikan bagi tujuan

penerbitan ini. Tetapi ia dibuat demikian setelah dibuat semakan dan bacaan semula pada teksnya agar penyesuaian tajuk yang dibuat itu benar-benar mencerminkan analisis dan perbincangan sebenar yang tersurat dan tersirat dalam setiap tulisan itu. Mungkin ada yang tidak menyetujui pandangan dan hujah demikian; tetapi persembahan demikian dikira lebih bermakna dan berupaya untuk memberikan sedikit sumbangan dalam usaha menyebarkan apa jua maklumat yang wajar mengenai gerakan belia di negara ini.

Dalam pada itu, beberapa maklumat terkini misalnya yang berkaitan dengan perangkaan dan data ahli bagi setiap pertubuhan belia juga sengaja dikekalkan sama sebagaimana maklumat dalam tulisan asalnya. Hal ini juga dibuat bagi membolehkan perbincangan dan analisisnya yang asal dapat dikekalkan, dan suasana yang menjadi latar belakang setiap tulisan itu difahami. Sehubungan dengan itu juga, dicadangkan supaya sebarang maklumat tambahan dan yang terkini dalam gerakan ini dilakukan melalui sesuatu projek penyelidikan lanjut mengenai bidang kajian ini mulai sekarang.

IV

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, koleksi ini berupa himpunan berbagai-bagai tulisan dan kertas kerja yang pernah diusahakan sejak kira-kira satu setengah dekad yang lalu. Satu hal yang perlu dirakamkan, dalam hubungan ini, ialah terima kasih saya kepada pihak penerbit dan sidang editor jurnal-jurnal serta penganjur seminar yang terlibat. Nama-nama penerbitan dan penganjur seminar yang terlibat ada dinyatakan pada setiap tulisan yang dimuatkan ini. Sebenarnya usaha penerbitan ini tidaklah berhajat untuk mengambil alih apa-apa jua usaha penerbitan prosiding seminar atau simposium yang menjadi penganjur pada kertas-kertas yang terlibat dalam koleksi ini. Malahan usaha-usaha penerbitan itu amatlah dialu-alukan, walaupun ada antaranya agak terlewat hingga beberapa tahun.

Sehubungan itu juga, perlu dijelaskan bahawa dari perspektif

yang lain, usaha penerbitan koleksi ini dikira wajar dan menjadi lebih berkesan impaknya pada penulisnya yang mengusahakan penerbitan begini sebagai sebuah penerbitan khusus yang mengandungi berbagai-bagai tulisannya mengenai satu tema yang lebih khusus, yang dapat memperagakan kredibiliti dan keberkesanannya sebagai seorang penyelidik dan pakar akademik pada bidang kajian itu. Sudah tentu juga dengan penerbitan begini, ia akan membolehkan aliran pandangan, sikap, serta kepakaran penulis-penyelidik dan penyumbang akademik terhadap bidang gerakan belia itu dapat diabadi dan dimanfaatkan oleh berbagai-bagai pihak yang terlibat dengan bidang berkenaan, baik di peringkat organisasi dan agensi, mahupun di peringkat kumpulan dan individu perseorangan.

Dalam usaha menjayakan penerbitan ini, saya amat berterima kasih kepada beberapa orang teman di universiti yang turut membantu saya menyiapkan koleksi ini. Antaranya ialah Sdr. Abd. Razak Halifa dan Bapak Prof. Madya Sadono dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran yang telah memberikan galakan dan bantuan tertentu dalam menjayakan kerja-kerja penerbitan ini. Juga kepada beberapa orang lain, antaranya Sdr. Mohamad Saleeh Rahmad dan Hamidi dari Jabatan Pengajian Media yang sering saya rundingi dan dapatkan nasihat tertentu berkenaan dengan kerja-kerja penerbitan ini.

Saya juga merakamkan terima kasih kepada beberapa orang teman di Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang memberikan bantuan tertentu sepanjang saya melakukan kerja-kerja yang berkaitan, secara langsung atau tidak langsung, bagi penerbitan koleksi ini. Dan yang utama sekali tentunya kepada Prof. Datuk Dr. Zainal Kling yang pernah membimbing saya dalam melakukan kajian dan penulisan asal kerja-kerja penyelidikan mengenai bidang yang dikemukakan ini.

Dr. Hussain Mohamed
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 Universiti Malaya
 Kuala Lumpur

20 Oktober 1996

PENTAFSIRAN TERHADAP KONSEP BELIA

Pokok persoalan dan perbincangan yang diberi perhatian dalam tulisan ini adalah mengenai konsep serta tanggapan masyarakat terhadap belia. Maksudnya, untuk memberikan suatu penelitian mengenai penggunaan konsep 'belia' dalam menentukan golongan dalam sesebuah masyarakat, sebagaimana yang pernah dikemukakan dan difahami oleh ahli Sains Sosial selama ini, khususnya ahli-ahli Antropologi dan Sosiologi.

Pentafsiran konsep belia ini mempunyai perbezaan tertentu mengikut orientasi disiplin dan kepentingan kajian. Misalnya dari segi pendidikan, ia sering digabungkan dengan pentafsiran terhadap konsep 'remaja'. Topik ini pernah mendapat perhatian penting pakar-pakar pendidikan dalam tahun-tahun 1930-an, malah sehingga menjadikan, buat beberapa lama, konsep belia itu tidak dianggap penting. Walau bagaimanapun, didapati bahawa 'remaja' sebagai satu konsep kumpulan manusia sememangnya mempunyai keselarasan dan sedikit sahaja perbezaannya daripada konsep belia. Dalam tahun 1944 umpamanya, *National Society for the Study of Education*, sebuah yayasan akademik di Universiti Chicago, USA merumuskan maksud 'remaja' kepada golongan individu yang mencapai peringkat umur akil baligh - sekitar 12 atau 13 tahun

hingga umur 17 atau 18 tahun, iaitu sehingga peringkat awal perkembangan fizikal dewasa yang lazim.

Sementara dalam tahun 1975, yayasan berkenaan mentafsirkan konsep belia itu dengan maksud yang *lebih khusus* sebagai orang yang berumur antara 15 hingga 24 tahun. Ini kerana dalam lingkungan umur inilah terdapatnya bilangan terbesar *orang-orang muda*, sungguhpun sebahagiannya boleh berlanjutan hingga umur 30 tahun dan bermula seawal-awalnya pada umur 12 atau 13 tahun.¹

Pentafsiran demikian, setakat tertentu, adalah terbatas dan *conventional*. Sebenarnya konsep belia adalah sesuatu yang kompleks dan *ill-defined*,² malahan penyelidikan mengenainya dianggap sebagai *a timely topic*³ yang banyak potensinya untuk dikaji secara ilmiah dengan menggunakan berbagai-bagai kaedah dan disiplin. Ia menyangkut banyak unsur lain seperti perundangan, sosial dan fisiologi iaitu selain unsur biologi dan kronologi.

Jika konsep belia itu hanya didasarkan semata-mata pada kriteria paling umum, iaitu fakta umur sahaja, maka secara langsungnya pula ia berkaitan dengan perkembangan hayat atau pusingan hidup seseorang individu. Pertimbangan ini menjadikan penggolongan dan susunan penduduk itu biasanya terbahagi dalam tiga kategori besar, iaitu peringkat 'kanak-kanak', 'orang muda', dan 'orang tua' atau 'dewasa'. Kanak-kanak dimaksudkan pada kumpulan umur (*age-group*) bayi hingga 'remaja' atau 'akil baligh'. 'Orang muda' atau 'belia' menjadi kumpulan umur perantaraan antara kumpulan umur kanak-kanak dengan kumpulan umur deasa. Sedangkan peringkat dewasa itu pula, dimaksudkan kepada kumpulan umur orang-orang tua.

Pemeringkatan kumpulan umur seperti ini terkemuka di mana-mana kerana ia membayangkan pula peranan seseorang anggota kumpulan sendiri. Dalam masyarakat tradisional umpamanya, setiap peringkat umur harus tergabung padanya tanggungjawab dan peranan sosial yang jelas, yang tidak harus pula disalahgunakan di luar ketentuan dan batasan nilai kehidupan mereka. Misalnya seperti yang dijelaskan oleh S.N. Eisenstadt (1956)⁴ mengenai masyarakat

Nandi dan Masai di Afrika Timur. Dalam suku kaum Nandi itu, setiap orang lelaki diperingkatkan hayatnya dalam tujuh set umur (*age-set*), bermula dari dua peringkat umur kanak-kanak, dengan diikuti oleh satu peringkat umur 'pahlawan' dan disusuli pula kemudiannya dengan empat peringkat dalam kumpulan umur 'dewasa'. Pada setiap peringkat umur ini mempunyai peranan sosial dan kedudukan masing-masing, kerana:

...Membership in age sets is a basic indicator of one's social status and is a basic prerequisite for the attainment of full social status...⁵

Oleh itu, dengan berkedudukan dan berperanan sebagai pahlawan atau di peringkat 'orang muda' tersebut, mereka yang berkenaan mempunyai beban tugas khusus seperti menjaga keselamatan dan mempertahankan kumpulan daripada sebarang ancaman luar. Sebaliknya golongan dewasa lebih dipentingkan dalam urusan-urusan *advisory* dan *juridical*.

Dalam masyarakat semasa pula, pemeringkatan umur ini menjadi lebih jelas lagi dengan adanya perkiraan umur berdasarkan *calenderical years*. Pemeringkatan ini tidaklah lagi mementingkan sesuatu *rites de passage* seperti yang terdapat dalam kebanyakan masyarakat tradisi. Pemeringkatan yang lebih teliti ini dikaitkan pula dengan peranan dan satu-satu kedudukan sosial yang lebih *universal* sifatnya. Misalnya, pada peringkat kanak-kanak, seseorang dijangkakan terlibat dalam persekolahan atau pembelajaran, dan bukannya berperanan sebagai seorang dewasa yang biasa.

Demikian juga diperakukan bahawa di peringkat ini undang-undang tidak membenarkan mereka menjawat apa-apa jawatan bergaji, apalagi untuk menjadi buruh. Biasanya peringkat umur kanak-kanak itu, seperti yang dibuat oleh pihak UNESCO (1969) dalam had lingkungan umur antara 0 hingga 15 tahun; peringkat remaja dan belia pula pada had umur antara 15 hingga 25 tahun. Sedangkan had umur yang selebihnya (25 tahun ke atas) dianggap sebagai umur dewasa. Penggunaan peringkat kronologi umur ini

juga diamalkan oleh kebanyakan agensi kerajaan dalam menentukan susunan demografi negara dan juga untuk tujuan lain seperti persekolahan dan projek pembangunan sosioekonomi yang lainnya. Umpamanya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia menggolongkan orang-orang yang berusia antara 15 hingga 30 tahun sebagai 'golongan belia', sedangkan lingkungan umur 15 tahun ke bawah sebagai golongan kanak-kanak dan yang melebihi 30 tahun, sebagai golongan dewasa.

Sehingga hari ini, takrifan ke atas golongan belia yang masih digunakan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia ialah bagi rakyat yang berusia antara 15 hingga 40 tahun. Pengkelasan ini bagaimanapun adalah tidak seragam antara pelbagai negara. Di kalangan sebilangan negara anggota komanwel sendiri misalnya, ada perbezaan tertentu seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

Negara	Tempoh umur belia/tahun
Bangladesh	15 — 30
Brunei Darussalam	15 — 35
India	15 — 34
Hong Kong	10 — 24
Malaysia	15 — 40
Pakistan	18 — 30
Singapura	15 — 30
Sri Lanka	15 — 29

Sumber: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (1994)

Penggolongan usia belia yang diberikan di atas jelas memperlihatkan jangkauan hayat yang lebih besar dan "lama" digunakan di Malaysia berbanding dengan beberapa buah negara rakan dalam Komanwel yang lain. Yang digunakan di Hong Kong juga tampaknya tidak begitu sesuai kiranya dilihat umur permulaannya, iaitu 10 tahun. Umur 10 tahun lazimnya dikira masih di peringkat kanak-kanak atau awal remaja. Sungguhpun begitu dalam kebanyakan urusan rasmi, jangkauan umur itu hanya dibatas pada lingkungan 15 hingga 25-tahun sahaja. Hal ini dilakukan demikian sebagaimana yang lazim digunakan oleh kebanyakan negara dan selaras dengan

amalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri. Sementara itu, fungsinya pula bertujuan untuk memudahkan pihak-pihak perancang dan berkuasa merancang dan membuat unjuran tertentu dalam membangunkan dan menggerakkan tenaga golongan berkenaan bagi memenuhi matlamat dan kepentingan negara umumnya.

Sehubungan dengan ini juga, penggolongan demikian lebih menyenangkan sesuatu dasar diputuskan bagi memenuhi keperluan golongan ini. Salah satu yang penting dalam hal ini ialah berkenaan dengan data dan maklumat penduduk, baik dalam bentuk perangkaan serta saiznya mahupun dari segi membuat unjuran tertentu dalam konteks masa depan sesebuah negara. Hal ini tidak terkecuali bagi Malaysia sendiri, misalnya dalam usaha memajukan negara dan membina masa depan golongan belia, sejajar dengan usaha-usaha yang dirancang bagi memenuhi matlamat menjadi negara maju sebagaimana yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Saiz Penduduk Generasi Muda Malaysia

Kumpulan Umur	1980 (Juta)	%	1985 (Juta)	%	1990 (Juta)	%	1995* (Juta)	%	2000* (Juta)	%
15 — 19	1.58	11.38	1.72	10.89	1.84	10.30	1.96	9.77	2.22	9.90
20 — 24	1.36	9.80	1.57	9.94	7.71	9.57	1.83	9.12	1.95	8.69
25 — 29	0.12	0.86	1.35	8.55	1.57	8.79	1.71	8.52	1.83	9.16
30 — 34	0.90	6.48	1.11	7.03	1.34	7.50	1.56	7.77	1.55	6.91
35 — 39	0.73	5.26	0.89	5.64	1.11	6.22	1.33	6.63	1.70	7.58
Jumlah Belia	4.69	33.79	6.64	42.05	7.57	42.39	8.39	41.80	9.25	42.24
Jumlah Penduduk	13.88		15.79		17.86		20.08		22.43	

Nota: * angka-angka unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (1992) dan juga Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia (1994).

Dalam jadual mengenai saiz penduduk Malaysia di atas, dapat diperhatikan bahawa daripada sejumlah 20.07 juta penduduk dalam tahun 1995, terdapat seramai 8.39 juta atau 41.80% terdiri daripada kalangan belia iaitu mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun.

Sementara dalam tahun 2000 nanti, diunjurkan bahawa daripada seramai 22.43 juta orang penduduk Malaysia, terdapat seramai 9.25% atau 41.24% yang tergolong sebagai belia.

Sementara itu, beberapa definisi mengenai 'belia', baik dari apa perspektif pun, lebih menganggapnya sebagai suatu peringkat peralihan atau perantaraan antara peringkat kanak-kanak dengan peringkat dewasa atau orang tua. Umpamanya seperti yang dikemukakan oleh James S. Coleman (1974) yang mengatakan:

... Youth... an age-grade (between 14-24) and the societal process of transposing each generation from childhood to adulthood. The process and youth come to completion when the young person demonstrate a secure adoption of adult roles in work and in family life. In this sociological sense, youth is clearly a stage of transition and preparation encountered by all the young of a society...⁶

Coleman tidak hanya menganggap belia sebagai peringkat peralihan tingkat umur malahan dari segi kejiwaannya pula ia dihubungkan dengan proses penyediaan seseorang untuk melangkah dan memasuki peringkat dewasa. Proses penyediaan ini melibatkan proses sosialisasi dan pemupukan kesedaran terhadap alam kehidupan mengenai famili, kuatkuasa, kepemimpinan dan lain-lain yang berguna untuk menghadapi wadah hidup yang berikutnya. Kenniston mengutarakan konsep belia itu sebagai:

... a psychological stage of development emerging between adolescence and adulthood and characterised by relatively specific dimensions of consciousness.⁷

Demikian juga pandangan yang dikemukakan oleh de Souza dan Ribeiro mengenai konsep belia:

... a stage in the process of personal evolution, marked by chronological stages, and assumed and redefined socially...⁸

Ketiga-tiga pandangan ini mempunyai satu persamaan yang jelas iaitu menganggap belia sebagai satu peringkat hidup yang dialami oleh setiap orang. Dalam masa yang sama peringkat ini

berfungsi untuk memperlengkap, menyedarkan dan mendorongkan seseorang untuk menghadapi hidup di peringkat yang berikutnya, iaitu peringkat dewasa. Unsur-unsur kejiwaan, sosial, *personal evolution* yang terdapat dalam petikan di atas mengakui bahawa belia adalah fenomena sejagat yang mempunyai proses dan perkembangannya yang tertentu.

Pendekatan ke atas konsep belia yang demikian lebih praktikal. Pertama, pemeringkatan sedemikian, memudahkan pembahagian umur penduduk sesebuah negara dibuat secara *clear-cut*. Dengan itu, keduanya pula, pembahagian tersebut akan lebih memudahkan sesuatu polisi, ketetapan dan perancangan dibuat bagi memenuhi dan mengatasi berbagai keperluan dan kekurangan yang terdapat pada setiap kumpulan itu. Tegasnya, dengan mempunyai pembahagian demikian, polisi dan pelaksanaan rancangan golongan ini dapat dilihat dari sifat mereka yang resah gelisah, marah-marah dan tidak tentu selain berkedudukan sebagai golongan yang berpotensi, lebih produktif, lebih aktif dan perlu digerakkan ke dalam kegiatan yang menguntungkan masyarakat itu sendiri, baik di masa ini mahupun di masa hadapannya. Tegasnya di sini, penggolongan tersebut mengambil kira fakta sejarah, psikologi, ekonomi, politik serta sosiobudaya yang bersangkutan dengan golongan tersebut.

Walaupun aspek pentafsiran yang kedua ini lebih *liberal*, sehingga dewasa ini, konsep belia itu tetap dihubungkan dengan pemeringkatan umur di kalangan penduduk. Maka atas dasar ini pula, tanggapan yang mengatakan belia sebagai golongan yang tidak pasti, tidak mantap dan perlukan bimbingan dan bantuan, tetap dijadikan dorongan utama bagi kebanyakan negara untuk berusaha mengatasinya. Akibatnya setiap masyarakat berusaha untuk menaja dan mengambil inisiatif tertentu untuk mengawal tenaga belia dan menggunakannya sebaik mungkin dalam kegiatan perkumpulan dan kemasyarakatan yang sesuai dan menguntungkan. Ini termasuklah campur tangan kerajaan dalam menajai, memberikan bantuan serta bimbingan tertentu dalam organisasi belia.

Rujukan

1. Robert J. Havighurst, "Introduction" dalam Havighurst & Dreyer (eds.), *Youth*, NSSE (Chicago: The University of Chicago Press, 1975), hal. viii.
2. Luis A. Gomez de Souza & Lucia Ribeiro, *Youth Participation in Development Process: A Case Study in Panama*. UNESCO Report (Paris: The UNESCO Press, 1976).
3. Peter K. Manning & Marcello Truzzi (eds.), *Youth and Sociology* (Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall Inc., 1972), hal. 1.
4. S.N. Eisenstadt, *From Generation to Generation: Age Groups and Social Structure* (N.York: The Free Press, 1956), hal .64.
5. Ibid.
6. James S. Coleman, *Youth: Transition to Adulthood*, Report of the Panel on Youth, President's Science Advisory Committee (Chicago: University of Chicago Press, 1974), hal. 1.
7. Kenneth Kenniston, *Youth and Dissent* (New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc., 1970), hal. 3.
8. Luis A. Gomez de Souza & Lucia Ribeiro, op.cit.

Nota: Tulisan ini pernah dimuatkan dalam *Jurnal Analisa Belia*, Jilid 1, Majlis Belia Malaysia, Kuala Lumpur, 1993. Beberapa maklumat tambahan terkini dilakukan ke atasnya bagi tujuan pencerbitan ini.

SISTEM NILAI DAN SIKAP DI KALANGAN BELIA

Pengenalan

Perbincangan mengenai belia - sama ada yang berkaitan dengan urusan ekonomi, dengan kegiatan dan perkembangan politik ataupun dengan persoalan sosial dan budaya - pada umumnya sudah banyak dibuat. Telah banyak ditunjukkan betapa pentingnya penglibatan dan peranan belia dalam usaha pembangunan sosio-ekonomi, sosiobudaya, politik, pendidikan dan sebagainya. Maka itu, tentulah ramai orang sudah maklum bahawa apabila sahaja dikatakan belia itu, akan terbayanglah pada mereka sekumpulan ataupun satu golongan penduduk yang 'muda-muda', yang mempunyai sifat-sifat atau ciri-ciri kelakuan yang tertentu pula. Mereka merupakan golongan orang muda (*young people*) yang dari segi kronologi umur berada dalam lingkungan umur di peringkat remaja sehingga awal golongan tua, iaitu sekitar usia 15 hingga akhir 30-an. Kelompok umur ini menjadi kelompok perantaraan di antara kelompok umur kanak-kanak dan awal remaja dengan kelompok umur dewasa dan orang tua. Di Malaysia, kira-kira 60% penduduknya pada hari ini berada dalam lingkungan umur demikian - satu ciri umum dalam kebanyakan negara yang sedang membangun.

Di luar pertimbangan umur yang mungkin lebih statik sifatnya itu, bagaimanapun, yang lebih menarik pada golongan ini adalah tentang sifat-sifat atau ciri-ciri tingkah laku mereka. Pada umumnya, mereka mempunyai dua sifat yang sekaligus saling bertentangan. Pertama sebagai 'orang muda', maka mereka pada anggapan setengah-setengah pihak dan pengkaji, dikatakan sebagai golongan yang bertenaga, lebih produktif, lebih menguntungkan dari segi sumbangan tenaga kerja ekonomi, dan kerana itu, mereka seringkali dikatakan sebagai harta atau 'asset' – hak milik yang berguna pada negara; hatta boleh digunakan (digerakkan – mobilized) untuk memenuhi tujuan menyokong, menegakkan dan meneruskan pemegangan kuasa seseorang pemimpin atau sesebuah parti politik yang memerintah. Pemimpin-pemimpin seperti Hitler di Jerman; Lenin di Russia; Mao-Tse-Tung di Republik Rakyat Cina, bahkan Allahyarham Sukarno yang pernah menyebutkan, "...Berikan aku sepuluh orang pemuda, nescaya boleh ku robohkan (politik - status quo) dunia..." adalah antara sekian banyak kes yang telah memperlihatkan kepada dunia bahawa kehebatan dan kecemerlangan politik mereka bersandar sedikit banyaknya pada sokongan dan penglibatan tenaga golongan belia.

Sifat kedua yang ada pada golongan belia itu ialah sifat mencabar, resah gelisah dan cenderung untuk menentang *establishment* dan *status quo* masyarakat, iaitu tingkah laku yang dianggap kurang ajar, *anti-social* dan dengan itu, dianggap sebagai masalah dan menjadi beban kepada masyarakat dan negara. Sifat ini seringkali membimbangkan pemimpin dan negarawan. Malahan dalam tahun 1960-an dan hingga pertengahan 1970-an, tradisi mencabar dan menentang ini berlaku di setiap penjuru alam. Sebagai golongan yang dikatakan *the angry young men* mereka telah bangkit menentang campur tangan Amerika di Vietnam; menentang kerajaan De Gaulle di Perancis; menentang komunis di Indonesia; terlibat dalam Revolusi Kebudayaan di Republik Rakyat Cina; berjaya menjatuhkan rejim tentera Thanom-Prapas di Thailand (Okt. 1973); dan malahan di Malaysia sendiri, peristiwa-peristiwa demonstrasi belia-pelajar dalam kes-kes pendudukan tanah haram,

isu bahasa kebangsaan, anti-Tunku dan kemuncaknya, Demonstrasi Baling-Pelajar awal Disember 1974 lalu merupakan sebahagian peristiwa yang bergolok yang melibatkan golongan belia; dengan meninggalkan kesan-kesan tertentu, positif dan negatif pula.

Persoalan Belia sebagai Waris Negara

Kedua-dua sifat belia yang disebutkan di atas itu ada hubungannya yang tertentu dengan kedudukan dan peranan golongan belia di Malaysia sendiri. Bahkan ia menjadi istimewa lagi apabila mengingatkan bahawa golongan belia hari ini ialah bakal pewaris masyarakat dan negara pada suatu masa nanti. Pemimpin-pemimpin belia yang masih 'muda belia' hari ini dianggapkan, sebahagian besar jika tidak pun kesemua mereka, sedang menghayati dan menjalani suatu latihan kepimpinan tertentu dalam persatuan masing-masing bagi membiasakan diri mereka dengan tugas dan tanggungjawab yang lebih besar dan lebih mencabar yang akan dipikul mereka pada suatu masa nanti. Hukum alam memang menentukan bahawa golongan tua akan diganti, iaitu apabila tiba ajalnya, oleh golongan yang lebih muda; dan sesungguhnya hukum hayat yang ditakdirkan Tuhan sedemikian rupa meyakinkan kita semua akan hakikat betapa kedudukan belia hari ini adalah sebagai pewaris negara dan masyarakat pada masa hadapan itu.

Namun begitu, penggantian dan pewarisan yang dimaksudkan itu bukanlah terjadi dengan begitu sahaja dan semata-mata sekadar berkeadaan semula jadi sahaja. Untuk menunggu dengan penuh harapan begitu sahaja adalah suatu tindakan dan sikap negatif yang berbahaya dan silap. Ia sesungguhnya memerlukan suatu usaha tertentu. Dan usaha tersebut pula menggambarkan sikap dan nilai belia itu sendiri. Maka di sinilah pentingnya persoalan-persoalan tertentu mengenai sifat-sifat tingkah laku belia yang disebutkan itu. Antaranya, apakah sifat dan tradisi mencabar dan menentang itu sesuai dengan nilai dan sikap masyarakat Malaysia? Apakah penentangan dan masalah yang ditimbulkan oleh golongan belia itu boleh memastikan wujudnya masa depan yang kukuh dan meyakinkan bagi negara ini? Dan di sebaliknya pula, apakah bentuk-bentuk

pengawasan dan kawalan yang ada sekarang boleh menjamin wujudnya perpaduan yang kukuh dan berterusan bagi masyarakat berbilang kaum/etnik di negara ini pada masa hadapan? Banyak lagi persoalan yang boleh dikemukakan, tetapi sekadar untuk dijadikan garis panduan dalam perbincangan ini, bolehlah disebut di sini bahawa dalam usaha memahami keterlibatan belia sebagai pewaris negara itu, ia tidak hanya membabitkan persoalan nilai dan sikap yang ada pada mereka sahaja, bahkan juga berkaitan dengan matlamat kegiatan dan gerakan bersama yang ingin mereka capai, termasuk yang utamanya, untuk tidak menafikan matlamat perpaduan masyarakat yang akan mereka warisi itu semata-mata kerana sifat majmuk masyarakat yang mereka anggotai itu.

Nilai dan Sikap di Kalangan Belia

Perkaitan antara nilai dan sikap, matlamat perpaduan serta susunan kehidupan masyarakat (*societal order*) itu berkeadaan saling pengaruh—mempengaruhi. Nilai dikatakan sebagai suatu gagasan yang boleh menggambarkan bentuk tingkah laku, pemikiran dan pegangan seseorang atau segolongan tertentu anggota masyarakat terhadap sesuatu, dalam persekitaran mereka - benda-benda, kejadian, peristiwa, berdasarkan kemampuan, keutamaan dan cita-cita. Nilai itu boleh berubah mengikut masa, golongan, serta perubahan-perubahan persekitaran itu sendiri. Misalnya, ada pemimpin belia pada suatu masa dahulu amat dicurigai, tetapi individu pemimpin yang sama sekarang ini disanjung dipuja. Sementara itu, golongan belia Amerika dalam tahun-tahun 1960-an dan awal 1970-an umpamanya, berdasarkan pandangan dan pemikiran mereka, telah bertindak mengadakan demonstrasi menentang penglibatan dan campur tangan kerajaan Amerika dalam perang di Vietnam, sedangkan sekarang ini, belum lagi ada demonstrasi serupa dianjurkan buat menentang tindakan tentera Israel yang menjadi sekutu Amerika menembak orang-orang pelarian Palestin di Lebanon.

Dalam tempoh yang sama, iaitu dalam tahun-tahun 1960-an dan awal 1970-an itu juga, nilai dan sikap golongan belia di Malaysia

memperlihatkan beberapa bentuk kesedaran tertentu yang telah mencetuskan demonstrasi demi demonstrasi. Sikap dan kesedaran mereka itu dicetuskan oleh adanya banyak kelemahan dan kelalaian di pihak pemerintah, atas simpati terhadap penderitaan rakyat di desa dan di bandar, serta lain-lainnya sehingga mendorong mereka bangkit menentang penyelewengan yang sedang berlaku itu.

Sikap dan tindakan menentang itu mungkin mencapai kejayaan tertentu, walaupun tidak sepenuhnya. Kejayaan demonstrasi belia-pelajar tentera Thanom-Prphas adalah salah satu daripadanya. Namun banyak juga yang tidak demikian halnya. Pun begitu, tindakan golongan belia itu sedikit banyaknya telah dapat menyedarkan pihak-pihak yang berkuasa untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada mereka. Dan sesungguhnya harga gerakan demikian itu sememangnya melibatkan pengorbanan tertentu, tetapi kesannya boleh lebih mematangkan seseorang pemimpin atau sekumpulan pemimpin yang masih muda itu untuk melengkapkan diri mereka dengan selok-belok perjuangan dan usaha mencapai matlamat tertentu pada masa-masa yang akan datang.

Keberkesanan untuk bersuara dan bertindak dalam gerakan-gerakan yang disebut di atas itu juga sebenarnya mengajar seseorang pemimpin belia untuk dapat mewujudkan suatu paduan pendapat dan cara bertindak di kalangan belia itu sendiri. Tegasnya tindakan tersebut memerlukan suatu daya usaha dan kemampuan untuk menyusun organisasi, menentukan strategi dan rancangan bergerak yang rapi. Hal ini lebih-lebih lagi penting dalam konteks masyarakat Malaysia kerana dengan sifat majmuk masyarakatnya itu, ia memerlukan adanya paduan pendapat dan persefahaman antara kaum kerana isu yang ditimbulkan itu melibatkan semua pihak dan kaum. Sekiranya tidak ada perpaduan, sama ada di kalangan pemimpin belia antara kaum atau golongan belia itu umumnya, maka tindakan menentang atau mencabar yang didorong oleh cita-cita dan sikap positif untuk memperbaiki masyarakat itu akan menjadi sia-sia sahaja. Bahkan tindakan itu lebih mudah untuk ditumpaskan sejak awal-awalnya lagi.

Soal perpaduan antara kaum di kalangan pemimpi dan

golongan belia atas sikap dan nilai bersama di negara ini sendiri bagaimanapun masih merupakan suatu bentuk masalah yang sukar untuk diatasi. Ia sesungguhnya membayangkan corak kehidupan masyarakat itu seluruhnya yang masih belum berpadu dengan kukuhnya. Dan keadaan seperti ini memang menimbulkan rantaian masalah dan cabaran terhadap golongan belia sendiri dan ia tidak mudah untuk diatasi. Hakikat ini boleh diperhatikan dalam organisasi gerakan belia yang terdapat dewasa ini.

Matlamat Perpaduan dan Gerakan Belia di Malaysia

Sebagai sebuah negara yang merdeka selepas Perang Dunia Kedua, Malaysia dianggap negara baru muncul. Dalam usianya selama 37 tahun ini, maka Malaysia, sebagaimana juga kebanyakan negara yang sedang membangun yang lain, berusaha untuk memenuhi hasrat dan cita-cita kemerdekaan bagi kesejahteraan hidup rakyatnya, iaitu kemakmuran ekonomi (*economic prosperity*); politik yang mantap (*political stability*) dan perpaduan di kalangan rakyat (*people solidarity/national unity*).

Secara bandingannya, kemakmuran ekonomi bagi negara ini boleh dicapai dengan lebih mudah kerana terdapatnya usaha perancangan projek pembangunan yang sentiasa dikemaskinikan, terdapatnya sumber-sumber kekayaan hasil bumi dan kesuburan tanah, kemasukan teknologi, pinjaman modal serta kepakaran tertentu sepertimana yang boleh kita perhatikan dalam kehidupan kita sekarang.

Kestabilan politik juga secara bandingannya adalah memuaskan kerana sejak sekian lamanya, kerajaan yang dipilih oleh rakyat dapat berjalan dengan baik. Kita juga mempunyai pemimpin yang boleh dibanggakan, bahkan yang sentiasa berusaha untuk memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat terbanyak. Namun demikian, apa-apa yang disebutkan secara mudah di sini mungkin merupakan suatu hakikat semasa yang belum tentu dan pasti lagi akan berterusan pada masa-masa hadapan nanti.

Matlamat dan cita-cita perpaduan rakyat, bagaimanapun, tidaklah terletak pada sumber hasil bumi, atau pada kebolehan

pemimpin sahaja, tetapi adalah lebih daripada itu, iaitu memerlukan penglibatan dan tindak balas rakyat bersama, termasuklah golongan belia seluruhnya. Penglibatan golongan belia dalam hal ini sebenarnya adalah lebih penting lagi kerana mereka, sebagaimana yang telah disebutkan di atas, menjadi golongan yang akan mewarisi dan seterusnya membentuk masyarakat dan mencorakkan negara ini pada masa hadapan. Dan untuk maksud ini, sebilangan daripada mereka bergiat dalam pertubuhan atau persatuan-persatuan sukarela belia, baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat daerah dan di peringkat tempatan - di kampung-kampung ataupun petempatan-petempatan.

Dalam hubungan ini, untuk menilai sejauh manakah pemu- pukan nilai dan sikap yang berdasarkan perpaduan di kalangan belia itu, suatu pemeriksaan umum wajarlah dibuat terhadap usaha dan bidang gerakan belia melalui organisasi atau pertubuhan-pertubuhan yang mereka ceburi dan libati itu.

Dari segi susunan gerakan, kita dapati bahawa Malaysia mempunyai suatu kerangka (*framework*) gerakan belia secara berorganisasi yang boleh dibanggakan. Sudah terdapat, umpamanya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang telah diusahakan penubuhannya sejak tahun 1964 lagi. Dewasa ini, sudah terdapat 21 buah pertubuhan belia (bertaraf) kebangsaan yang (kecuali sebuah) bergabung dalam Majlis Belia Malaysia (MBM). Selain itu, sudah terdapat sebuah 'parlimen' bagi golongan belia iaitu yang dikenali sebagai Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang bertujuan membincangkan dan memutuskan rancangan atau tindakan tertentu antara pihak belia dengan wakil-wakil kerajaan. Perlu juga disebutkan di sini, iaitu di sebalik kurang lebih 3 juta orang belia yang masih belum terlibat dalam mana-mana persatuan atau kelab-kelab belia itu, namun sudah terdapat lebih daripada 1 1/2 juta orang belia menganggotai salah sebuah daripada ribuan cawangan atau kelab gabungan bagi mana-mana sebuah pertubuhan belia kebangsaan itu.

Kerajaan sesungguhnya memang menggalakkan belia terlibat dan menyertai persatuan-persatuan belia itu. Bahagian Belia di

KKBS sentiasa berusaha memberikan peluang, bantuan kewangan dan teknikal, serta latihan-latihan tertentu bagi golongan ini sepertimana yang digariskan sebagai Prinsip 3 Padunya bagi memenuhi tuntutan-tuntutan yang berupa (a) pembangunan ekonomi negara, (b) perpaduan nasional, dan (c) keselamatan negara; sementara pencapaian yang diharapkan daripada usaha tersebut berupa tiga bentuk kemahiran dan kecekapan, iaitu (a) kemahiran teknik, (b) Kemahiran berniaga, dan (c) kemahiran memimpin. Kesemua hal ini dilakukan dengan berpandukan dasar dan cita-cita negara, iaitu Rukunegara.

Kesemua tuntutan, masalah, serta matlamat ini berupa suatu bentuk penyediaan yang akan membolehkan golongan belia di negara ini menjadi anggota masyarakat dan rakyat yang berguna dan boleh dibanggakan – cekap, mahir, berilmu, berdisiplin, beriman, matang, dan bertindak wajar.

Namun demikian, jika diperhatikan dari sudut pendapat dan penilaian seseorang pemerhati profesional/bebas, kejayaan yang dicapai sehingga ini masih belum begitu memuaskan. Memang kita mengakui sudah ada belia yang terlatih dari berbagai-bagai institusi dan kursus tajaan KKBS dan pertubuhan belia tertentu. Sudah ada Koperasi Belia Nasional; sudah terdapat belia yang mahir dari segi teknik, perniagaan, pertanian dan malahan sudah terdapat suatu bentuk 'persefahaman' antara golongan belia dengan pihak pemimpin politik kepartian sehingga terdapatnya sebilangan pemimpin belia yang diberi kepercayaan menjadi pemimpin-pemimpin dalam kerajaan, hatta menjawat jawatan menteri dan/atau menteri besar. Tetapi dalam konteks perpaduan belia secara khususnya masih terdapat kelemahan dan keretakan tertentu.

Sungguhpun kita diperkenalkan oleh pihak kolonial Inggeris akan organisasi-organisasi sukarela belia tertentu, dan kita meneruskan tradisi berpersatuan itu, namun sehingga hari ini, konsep berpersatuan di kalangan belia masih kuat terikat dengan kepentingan-kepentingan kesukuan, kelompok, dan tegasnya masih bersifat perkauman. Dewasa ini pertubuhan-pertubuhan belia yang popular dan dianggap terkemuka adalah lebih banyak mewakili

kumpulan belia Melayu – dalam Belia 4B, MAYC, ABIM, GPMS, PKPIM dan sebuah dua lagi yang lain. Pertubuhan-pertubuhan belia yang lain – GBB dan Belia Buddhist bagi golongan belia Cina; sementara Tamil Bell dan Majlis Belia Hindu bagi belia India; tidaklah sehebat pertubuhan-pertubuhan belia Melayu yang telah disebutkan. Keadaan yang disebutkan ini menimbulkan beberapa implikasi tertentu yang mungkin tidak sesuai bagi pemupukan perpaduan di kalangan belia. Pertama, kedudukan pertubuhan-pertubuhan berkenaan seolah-olah tidak lebih merupakan suatu *Malay affairs* dan bukannya suatu *Malaysian affairs*. Kedua, identiti perkauman tidak sahaja terdapat pada parti-parti politik, bahkan tampaknya sudah bermula dan terorientasi di peringkat pertubuhan-pertubuhan belia lagi. Dan yang ketiganya, perbezaan yang demikian, secara tidak disedari, boleh menyebabkan minat, cara berfikir, sikap, serta *commitment* yang tidak sama rata berkembang di kalangan generasi muda berkenaan, dan hal ini boleh menjejaskan usaha memupuk perpaduan.

Sementara itu, perpaduan di kalangan pemimpin belia sendiri, sama ada di peringkat antara kaum/etnik mahupun sesama atau satu kaum/etnik masih belum terjamin. Naungan MBM sendiri, sebenarnya, berjalan secara longgar, sukarela dan demokratik. Bahkan jika diperhatikan dari akibat Demonstrasi Baling - Pelajar 1974 lalu, MBM hampir lumpuh atau terhapus sama sekali kerana sebilangan pertubuhan yang bergabung di dalamnya telah bertindak keluar darinya. Sama ada tindakan tersebut disebabkan oleh adanya pengaruh dan kepentingan politik kepartian atau desakan tertentu, termasuk konflik peribadi di kalangan pemimpin-pemimpinnya, ternyata bahawa perasaan saling mencurigai itu masih terdapat. Dan sesudah MBM dipulihkan semula (sekitar tahun 1977), ada pula sebuah pertubuhan lain, yang bertindak keluar dari MBM atas alasan-alasan tertentu. Tindakan keluar masuk ini, daripada satu segi, memang menggambarkan ciri-ciri demokrasi masyarakat Malaysia. Tetapi dari satu segi yang lain, sekurang-kurangnya di peringkat golongan belia, boleh menjejaskan konsep perpaduan yang ingin dipupuk itu. Bagi sesetengah pihak bagaimanapun,

keadaan ini menguntungkan kerana disebabkan adanya persaingan, malahan perpecahan, di kalangan belia itu, maka lebih mudah pula bagi mereka menggunakan sesetengah pemimpin dan pertubuhan belia tertentu dalam usaha mengukuhkan kedudukan politik mereka pula. Apalagi jika terdapatnya tokoh-tokoh dan pemimpin belia tertentu yang mempunyai cita-cita untuk muncul menjadi pemimpin politik dan negarawan pula pada suatu masa nanti.

Penutup

Haruslah diakui bahawa persoalan tentang nilai dan sikap dan hubungannya dengan soal perpaduan belia itu tidak mungkin dapat dibincangkan secara muktamad dan sempurna. Ini kerana persoalan dan fenomena nilai dan sikap itu sentiasa boleh berubah atau dengan kata lain, berupa suatu proses yang sentiasa berkembang, dialami bersama dan boleh diperkatakan dari berbagai-bagai sudut dan analisis. Dan kerana itu, perbincangan yang dikemukakan di sini tidak pula dimaksudkan untuk mengemukakan model-model, saranan dan alternatif khusus yang mungkin diharapkan akan dapat memecahkan persoalan dan masalah yang dihadapi itu.

Namun begitu, dalam perbincangan di atas, telah disebutkan beberapa isu dan aspek penting dalam sikap dan nilai serta pergerakan belia di negara ini. Telah disebutkan bahawa kurang lebih 60% penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia. Telah juga dibangkitkan tentang sesuai tidaknya tradisi *the angry young men* – tradisi mencabar dan menggugat dan di sebaliknya tentang suatu sikap lain iaitu yang sentiasa patuh dan bersetuju itu dalam hubungannya dengan nilai dan sikap di kalangan generasi muda yang bakal menjadi waris negara ini. Dan antara dua sifat dan tradisi ini, tidak satu pun yang benar-benar sempurna. Kalau sekiranya sentiasa mencabar dan mempertahankan tradisi mencabar dan menentang itu, hasilnya belum pasti sentiasa menguntungkan; sedangkan di sebaliknya pula, kalau sentiasa hanya mengekalkan tradisi *yes men* dan menjadi *pak turut* sahaja pun belum tentu sentiasa bermanfaat. Kalau terlalu mempertahankan prinsip dan semangat menentang, maka generasi akan datang mungkin

mempunyai pemimpin-pemimpin yang terlalu bersifat dogmatik, radikal dan paling berbahaya sekali tidak dapat bertolak ansur sehingga menakutkan kumpulan etnik atau kelompok yang bukan diwakilinya itu. Sebaliknya pula jika hanya sentiasa bersedia menjadi *pak sanggup* dan *kakaktua*, akan menyebabkan pula – kerana nilai dan sikapnya yang pragmatis, *opportunistic* dan terlalu *liberal* itu banyak pihak dan kelompok yang bersedia mengambil peluang menjadikan mereka sebagai *batu loncatan* dalam mendapatkan sesuatu dan lebih berbahaya lagi, keadaan ini boleh menjejaskan perpaduan dalaman kumpulan etnik yang diwakilinya sendiri. Dalam hubungan ini, maka sesungguhnya seseorang belia itu harus memeriksa diri sendiri sebelum memainkan peranan sebagai waris masyarakat pada masa hadapan.

Nota: Tulisan ini asalnya ialah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Simposium Kepimpinan Belia Kebangsaan, anjuran Persatuan Belia Bimbingan, Alor Setar dan Kerajaan Negeri Kedah, di Alor Setar pada 26 – 28 Disember 1983.

BELIA, GERAKAN SOSIAL DAN PERUBAHAN MASYARAKAT

Belia ialah satu golongan atau kumpulan umur anggota sesebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku dan budaya yang tertentu. Kedudukan, peranan dan penglibatan mereka, dalam banyak hal, bergantung pada suasana, struktur serta sistem kehidupan masyarakat itu umumnya, sama ada dalam hubungan budaya serta lain-lainnya. Sebagai golongan yang produktif, idealistik dan merupakan bakal 'pemilik masa depan masyarakat', golongan ini boleh dilibatkan dalam semua aktiviti kemasyarakatan, malahan untuk apa-apa sahaja. Sebagai sebahagian anggota masyarakat, mereka juga turut menghayati perubahan dan kemajuan yang berlaku dalam masyarakat, bahkan turut menjadi suatu tenaga penting dalam menghasilkan perkembangan dan perubahan itu. Hal ini pernah dijelaskan oleh Leopold Rosenmayr, (1971), seorang sarjana yang mengatakan "...*Youth is a product of societal reproduction as well as a force in social change or social transformation...*"

Pendapat dan kenyataan yang disebutkan ini ialah hakikat penting yang menunjukkan bahawa belia merupakan suatu tenaga penting gerakan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Malahan sebagai suatu kenyataan sejarah, tenaga kolektif belia, sama ada yang bergerak dalam sesebuah organisasi yang tersusun ataupun

yang kurang tersusun, menjadi penggerak penting yang pernah melahirkan banyak perubahan sosioekonomi dan politik, sama ada di negara yang sudah maju mahupun yang sedang atau masih kurang maju ketika itu. Perbezaan sesebuah negara dengan negara yang lain itu biasanya terletak pada falsafah atau ideologi dan kepentingan gerakan; dasar dan matlamat yang menentukan hubungan antara golongan belia dengan dasar pemerintah dan kepentingan masyarakat serta strategi jangka pendek dan jangka panjang yang berguna bagi menimbulkan kesan dan kejayaan gerakan yang dilancarkan itu.

Tujuan tulisan ini untuk mengemukakan suatu deskripsi atau pemerihal umum mengenai pola dan corak penglibatan golongan belia dalam beberapa gerakan sosial dan perubahan masyarakat, yang dari segi sejarahnya, pernah kedapatan dan menunjukkan kejayaan tertentu dalam sebilangan masyarakat. Penumpuan perbincangan, dengan itu dibuat pada kebanyakan penglibatan yang lebih besar dan signifikan kesannya terhadap perkembangan dan perubahan masyarakat.

Kewujudan gerakan sosial yang didukung oleh sebahagian besar golongan belia itu boleh jadi suatu gerakan yang dirancang ataupun tidak. Namun penglibatan golongan belia itu tetap dianggap sebagai suatu tindakan kolektif yang berupa gerakan sosial kerana dalamnya terdapat sedikit banyak kesedaran tertentu di kalangan ahli atau pendukung gerakan. Sesuatu gerakan sosial itu umumnya memperlihatkan adanya kesedaran tertentu, secara terbuka ataupun tertutup, untuk mengubah *status quo* masyarakat, sehingga dengan adanya perubahan itu, akan terbentuk pula suatu *status quo* yang baru pula. Pendukung gerakan belia, sebagaimana yang dapat diperhatikan dari fakta sejarah, adalah terdedah dan terlibat dalam kemungkinan-kemungkinan yang sedemikian rupa.

II

Antara bentuk gerakan sosial yang pernah melibatkan golongan belia sejak Zaman Pertengahan sehingga abad ini ialah Reformasi

agama Katholik-Protestan di Eropah, pada awal abad ke-16. Sebilangan pemimpin gerakan ini terdiri daripada tokoh-tokoh intelek muda yang bertugas di Universiti Wittenberg, Jerman. Gerakan reformasi agama ini berjaya memecahkan tradisi dan kewibawaan mutlak Mazhab Katholik sehingga tertubuhnya beberapa buah mazhab Protestan yang masih berkembang hingga hari ini. Antara tokoh penganjur gerakan ini ialah Martin Luther yang pernah menulis *Ninety-five theses* ketika berumur 34 tahun dan kemudiannya menganjurkan gerakan reformasi tersebut. Penganjuran Luther itu telah diikuti oleh rakan ahli akademiknya di universiti berkenaan. Antara mereka ialah Aurogallus yang telah berjaya menjadi profesor sewaktu berumur 30 tahun; Justin Jones dan Augustine Schiff yang berusia dalam lingkungan dua puluhan dan yang paling muda berjaya menduduki kerusi profesor itu. Turut terlibat dalam kepemimpinan gerakan itu, ialah Johannes Hainpol dan Melanchthon yang ketika itu berusia 21 tahun sahaja.

Salah satu akibat hasil gerak kerja Luther dan rakan-rakannya ialah kesedaran orang monarki, yang bererti bertindak ke atas kewibawaan Pope dan Raja. Pengaruh gerakan ini pula telah berkembang ke Perancis dan Britain. Walau bagaimanapun, hampir semua mereka yang terlibat dalam penganjuran gerakan reformasi agama ini telah menghadapi hukuman bunuh dan meninggal dunia dalam lingkungan usia yang muda, rata-ratanya kurang daripada 30 tahun.

Usaha orang muda di Jerman menjadi fakta sejarah khususnya mengenai penglibatan mereka yang boleh menimbulkan perubahan dalam masyarakat. Usaha ini memperlihatkan tradisi kebangkitan golongan demikian sebagai pencetus dan penganjur bagi bentuk organisasi yang lain dalam masyarakat adalah sesuatu yang berkeadaan mencabar dan menggugat *establishment* masyarakat. Tradisi seperti ini sebenarnya berakar umbi pada banyak bentuk kegelisahan sosial masyarakat mereka sendiri, seperti kemelesetan hidup, pengangguran, serta kongkongan masyarakat yang tidak dapat memenuhi pertambahan bilangan dan keperluan hidup mereka.

Mereka juga sebenarnya merupakan tenaga penting yang boleh

menentukan pengukuhan kuasa pemimpin dan ideologi politik negara. Misalnya dalam konteks kebangkitan kekuasaan Hitler - Nazisme di Jerman; ideologi Komunisme di Russia serta di beberapa buah negars sosialis yang lain, serta fahaman Zionisme - Yahudi di negara Israel.

Kebangkitan kuasa Hitler serta pengukuhan kuasanya banyak bergantung pada golongan belia Jerman. Mereka menyokong Hitler atas kesedaran untuk dapat membaiki nasib dan masa depan rakyat Jerman yang selama beberapa ketika sesudah Perang Dunia Pertama, tertindas dan berkeadaan melarat di tanah air mereka sendiri. Golongan 'penindas' utama ialah orang-orang kaya daripada kalangan rakyat Jerman berketurunan Yahudi. Sesudah berjaya mempengaruhi dan menggunakan tenaga belia untuk membina kesedaran itu. Hitler pula menggunakan mereka bagi memenangi pilihan raya tahun 1930. Dan untuk proses politik terpenting ini, sokongan daripada lebih 4 1/2 juta orang pengundi baru yang buat pertama kalinya layak mengundi ketika itu amatlah menguntungkan pihak Hitler. Dalam tahun 1933, Hitler dapat menjadi pemimpin Jerman, dan ini bererti beliau perlu mengukuhkan lagi kedudukan yang diperolehi itu. Sekali lagi, sumbangan golongan belia diperlukan. Untuk itu beliau telah mengusahakan penubuhan Hitler Youth Movement dalam tahun 1936, lalu 'mengharamkan' pula apa-apa sahaja pergerakan belia yang sifat dan tujuannya bukan-Nazi. Dalam tahun 1939, keanggotaan Belia Hitler diwajibkan bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur lebih daripada 6 tahun sehingga peringkat umur 18 tahun. Mereka ini dilatih dan diajari dengan segala aspek ideologi Nazisme, latihan ketenteraan dan teknik peperangan.

Seterusnya, mereka yang dalam lingkungan umur 20-an pula diberi peluang sampingan untuk bekerja dalam sektor perindustrian dan pertanian. Ini bermakna bahawa untuk sekian lamanya itu, golongan belia Jerman sudah diindoktrinasikan untuk menumpahkan seluruh taat setia mereka demi mempertahankan dan memperluas Nazisme yang bersifat *hyper-nationalism*.

Dalam kebanyakan negara Komunis, organisasi belia biasanya

ditajai penubuhannya oleh pemerintah untuk mengukuhkan dan mengekalkan ideologi negara di samping menggerakkan tenaga orang muda ini ke dalam berbagai-bagai projek pembangunan sosioekonomi.

Pertubuhan belia yang terpenting di Russia, yang dinamakan KOMSOMOL (Kommunisticheskii Soinz Molodezhi = Communist League of Youth = Liga Belia Komunis) ialah salah satu bukti konkrit dalam hal ini. Sebagai usaha terpenting bagi menggabungkan organisasi belia yang pernah terlibat dalam Revolusi 1917, maka KOMSOMOL ditubuhkan oleh Parti Komunis Russia dalam tahun 1918. Sebenarnya hasrat untuk mempunyai sebuah benteng ideologi yang boleh didukung oleh kader muda Komunis telah mula difikirkan oleh Lenin, pemimpin revolusi itu, sejak tahun 1903, kerana beliau secara peribadinya tertarik untuk mengambil kesempatan daripada keghairahan orang muda ketika itu – sebilangan besar pelajar dan pekerja yang bergerak secara radikal menentang *establishment* – bagi digunakan sebagai benteng sokongan dan pertahanan ideologi komunis pula. Tujuan seperti ini tidaklah terbatas di Russia saja, malahan juga di seluruh dunia, sebagai organisasi penting dalam menyemai dan memperluas ideologi politik berkenaan.

KOMSOMOL mempunyai peranan tertentu selaras dengan perkembangan parti dan ideologi yang mendukung penubuhannya. Ia tidak hanya untuk menyatupadukan pekerja muda dan pelajar, mewakili dan melatih belia menjadi rakyat yang berdisiplin dan berguna untuk negara, mengajar belia bertani dan berniaga tetapi yang lebih utamanya adalah: "...to organize and rear youth in a Communist manner, to build Communist Society, and to defend the Societ Republic...". Tegasnya KOMSOMOL merupakan agensi yang dapat memastikan pengkaderan dan pengelolaan masyarakat sosialis-komunis dalam keadaan yang sebaik-baiknya.

Dalam masyarakat sosialis yang lain juga terdapat belia yang besar, yang menjadi benteng kekuatan ideologi dan kerajaan masing-masing secara rasmi dan terbuka. Misalnya, di Poland terdapat empat buah pertubuhan besar iaitu: Socialist Rural Youth

Union - SRYU; Socialist Youth Union SYU, Polish Pathfinders Associations dan Polish Socialist Students' Association. Sungguhpun keempat-empat pertubuhan ini lebih berorientasikan gerakan dalam bidang sosial dan ekonomi serta pendidikan, konsep perjuangan mereka berdasarkan ideologi sosialisme, sama ada dari segi perancangan ataupun matlamat kegiatannya.

Hal yang sama juga pernah diusahakan oleh Raja Sihanouk di Kampuchea dalam zaman pemerintahannya. Pertubuhan yang dinamai Royal Khmer Socialist Youth Movement (R.K.S.Y.) yang ditubuhkan dalam tahun 1957 bertujuan untuk mengerakkan tenaga generasi muda, berdasarkan kepentingan dan ideologi sosialis, yang bertujuan menyediakan, "...*Cambodian youth a sense of direction and belonging with the community...*" dalam jangka panjangnya.

Sementara itu, di Israel pula terdapat beberapa pertubuhan atau organisasi belia yang ditubuhkan untuk menjamin negara itu selamat daripada ancaman luar dan musuh di sekelilingnya. Antara organisasi yang terpenting dan paling unik ialah Gadna Youth Corps yang telah ditubuhkan dalam tahun 1939. Mulanya pertubuhan ini bergerak sebagai barisan hadapan separa-tentera yang berusaha menanam sikap untuk menyayangi tanah air, membentuk disiplin di kalangan ahli secara ala tentera, seterusnya dilatih memahirkan diri dengan penggunaan segala jenis alat senjata ketenteraan. Demi mempertahankan Israel dan menegakkan cita-cita Zionisme, Gadna dapat memenuhi fungsinya sebagai benteng nasionalisme Yahudi sehingga ia dapat mempertahankan Israel sejak puluhan tahun yang lalu, biarpun sentiasa terancam dan bermusuh dengan jiran di sekelilingnya itu. Sebagai sebuah organisasi belia, Gadna berusaha untuk dapat menggabungkan kesedaran melalui pendidikan jasmani dan rohani serta latihan ketenteraan yang boleh mengukuhkan semangat dan kemahiran generasi muda Israel yang silih berganti itu.

Golongan belia di China sejak awal abad ke-20 ini juga memainkan peranan dan kedudukan yang penting dalam perkembangan sosiopolitik masyarakatnya. Gerakan pelajar dan belia di negara ini sebenarnya melibatkan golongan akademik universiti

serta sebilangan siswazahnya yang pernah terdidik di luar negeri. Tradisi begini memperlihatkan hubungan gerakan organisasi belia dengan suasana politik secara langsung yang pada peringkat permulaan abad ini, golongan muda terpelajar lebih cenderung untuk bergiat dalam Parti Koumintang. Tetapi sesudah parti komunisnya meningkat, malahan Mao-tse Tung masih muda semasa memulakan kepimpinan politiknya itu, maka gerakan belia China mula bergerak atas ideologi politik ini.

Dalam perkembangan berikutnya, terutamanya semasa "Great Cultural Revolution" dalam tahun-tahun 1965-67 bagi memulihkan semula kecemerlangan dan keunggulan ideologi komunis China, golongan belia paling banyak terlibat. Tegasnya seperti peranan belia di negara sosialis, peranan belia China juga penting dalam menjamin kelangsungan ideologi berkenaan dalam masyarakat mereka.

Ada dimensi yang penting dalam gerakan dan penglibatan belia yang berhubung dengan revolusi kemerdekaan dan gerakan nasionalisme di tanah-tanah jajahan. Selain gerakan belia di China, gerakan yang terpenting di rantau ini ialah gerakan revolusi kemerdekaan Indonesia. Di negara ini telah terbukti bahawa konsep berorganisasi di kalangan belia atau orang mudanya sudah menjadi kenyataan sejak awal abad ke-20 dan perkembangannya telah melalui tahap-tahap peristiwa tertentu. Tahap pertama, iaitu dalam tahun 1908 hingga 1927, yang disebut sebagai 'tahap perintis' memperlihatkan wujudnya 'Boedi Oetomo (Usaha Suci) tajaan beberapa orang pelajar *Stovia* (School Tot Opleideng van Inlands Artsen - Sekolah Doktor Djawa) di Jakarta, yang menampilkan beberapa orang pemimpin muda yang awal termasuk R. Sutano, R. Gunawan Mangunkusumo dan Suradji. 'Boedi Oetomo' merupakan "...organisasi pertama di antara bangsa Indonesia yang disusun secara moden dengan bentuk organisasi yang sangat besar ertinya bagi pergerakan nasional di Indonesia..."

Gerakan ini hampir seluruhnya dianjurkan oleh golongan belia-pelajar, tetapi secara tradisinya gerakan itu berpusat dalam institusi pengajian ugama - pesantren - yang berusaha memupuk jaguh-

jaguh kumpulan dalam kehidupan masyarakat tradisinya. Ilham dari gerakan Boedi Oetomo itu seterusnya menambah ghairahkan lagi golongan muda Indonesia ketika itu untuk menubuhkan beberapa himpunan atau pertubuhan, sama ada yang bercorak politik ataupun tidak, kemudiannya. Antaranya ialah Sarekat Islam, Indische Party dan Partai Komunis Indonesia di samping Jong-Java, Jong Sumatraren Bond dan juga Jong Islamietten Bond, yang bercorak kedaerahan.

Perkembangan gerakan yang awal inilah juga kemudiannya, dalam tahun 1928, melahirkan satu ikrar penting perjuangan belia atau pemuda Indonesia iaitu 'Sumpah Pemuda, 1928' yang menyebutkan bahawa:

1. Kami putera dan puteri Indonesia mengaku bertumpah darah satu, Tanah Indonesia;
2. Kami putera dan puteri Indonesia, mengaku berbangsa yang satu, bangsa Indonesia;
3. Kami putera dan puteri Indonesia menjunjung bahasa persatuan, bahasa Indonesia.

'Sumpah Pemuda' ini menandakan bermulanya gerakan nasionalisme yang lebih berkembang pesat di Indonesia. Serentak dengan itu, maka usaha menyatukan berbagai-bagai persatuan pemuda turut dilakukan, dengan menggabungkan semua persatuan pemuda dari pelbagai daerah dan corak kepentingan. Usaha pertama dimulai dengan menggabungkan beberapa buah yayasan dan institusi pelajaran seperti Perguruan Taman Siswa yang telah dilakukan oleh Ki Hadjar Dewantore, sejak tahun 1922. Ikut serta berkembang ialah pertubuhan politik khususnya Partai Nasional Indonesia (PNI) yang ditajai oleh Ir. Sukarno, Dr. Tjipto Mangunkusumo, Ir. Arwani, Sartono, Ishak, Sanarjo dan lain-lain sebagai lanjutan Kelab Studi di Bandung. Kegiatan dan penegasan kerja terpenting yang dilakukan, sama ada oleh pertubuhan pemuda nonpolitik seperti Jong Indonesia Baru, ataupun parti-parti politik seperti PNI, PARTIDO (Partai Indonesia - pengganti sementara PNI yang diharamkan dalam tahun 1928) dan BERINDRA (Partai

Indonesia Raya) adalah untuk menuntut kemerdekaan Indonesia.

Sehingga menjelang Perang Dunia Kedua, tema pergerakan ini menentukan haluan pergerakan politik dan pelajar-pemuda Indonesia umumnya. Dalam masa pendudukan Jepun pula, beberapa pertubuhan pemuda atau belia telah ditubuhkan, antaranya: (i) *Seinendan* (tujuan: menyatukan dan menjayakan pembangunan kemakmuran bersama Asia Timur Raya); (ii) *Fuzinki* (tujuan: untuk menyatukan dan menggerakkan tenaga wanita membantu tentera Jepun mengukuhkan kekuasaannya di Asia); (iii) *Kaibodan*: (tujuan: sebagai tenaga perisik polis Jepun untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang dianggap mengancam kedudukan Jepun, dikumpul dan dianalisis bagi tindakan seterusnya); (iv) *Heiho* (tujuan: persatuan untuk menggerakkan tenaga pemuda membantu gerak kerja dan segala kelengkapan tentera Jepun); (v) *Romusja* (tujuan: bentuk kerahan tenaga rakyat, terutama belia, untuk membantu tentera Jepun menjayakan beberapa projek tertentu seperti membina jalan keretapi maut di Burma - Thailand); dan (vi) PETA - Pembela Tanah Air (tujuan: mengerah tenaga sukarela pemuda Indonesia untuk membantu tentera Jepun melawan pihak Berikat kerana pihak Jepun semakin banyak mengalami kekalahan di medan perang).

Organisasi-organisasi ini banyak sekali menimbulkan kesedaran politik yang berterusan di kalangan pemuda pelajar Indonesia yang kemudiannya sesudah perang berakhir, amat membantu mereka bersatu bagi menentang percubaan Belanda untuk kembali berkuasa.

Perkembangan gerakan pemuda-pelajar Indonesia yang sedemikian rupa menjadi semakin penting dalam tempoh 1945-1966. Zaman yang dimulai dengan pengisytiharan kemerdekaan sehingga berakhirnya kepimpinan Sukarno ini memperlihatkan bahawa hampir setiap parti politik berusaha menggerakkan dan mempunyai organisasi pemuda-pelajar masing-masing, sama ada berdasarkan kepentingan agama, nasionalisme ataupun sosialis-komunisme. Pergerakan yang bercorak nasionalisme-agama bermula dengan penubuhan HMI (Himpunan Mahasiswa Islam) dalam tahun 1947 yang akhirnya membentuk Generasi Atau Angkatan 66 dengan 'Order Baru', dengan penggabungan KAMI (Kesatuan Aksi

Mahasiswa Indonesia), KAPPI (Kesatuan Aksi Pemuda-Pelajar Indonesia) dan KAPI (Kesatuan Aksi Pelajar Indonesia) dan beberapa pertubuhan pemuda yang lain buat menghadapi Partai Komunis Indonesia dan GESTAPO 1965.

Dalam usaha penentangan yang berupa gerakan demonstrasi dan beberapa tindakan radikal yang lain itu, golongan ini mendapat sokongan daripada sebahagian besar anggota tentera, kesatuan sarjana, buruh dan wanita Indonesia. Hasilnya, Order Baru politik Indonesia, dengan General Suharto sebagai pemimpinnya telah akhirnya dapat menggantikan Presiden Sukarno sebagai ketua negara, dengan tugas paling segera iaitu menghapuskan pengaruh dan kegiatan komunis di negara itu.

Sungguhpun ada penglibatan belia dan pelajar menentang rejim politik di beberapa negara lain seperti Korea Selatan, Jepun, Thailand dan Perancis umpamanya, contoh di atas adalah memadai untuk menunjukkan bagaimana hubungan dan kedudukan belia dalam konteks perubahan dan pembangunan sosiopolitik masyarakat mereka. Kes-kes yang berlaku pada zaman Hitler, di Rusia dan di beberapa buah negara Sosialis-Komunis juga menunjukkan betapa golongan ini telah dapat mencorakkan pengukuhan dan kelangsungan kuasa serta sesuatu bentuk ideologi politik tertentu dengan memikul tanggungjawab tersebut sebagaimana yang dirancang dan disarankan oleh pihak yang berkuasa.

Demikian juga kes-kes dalam zaman Reformasi Agama di Eropah, Revolusi Kebudayaan di China serta revolusi kemerdekaan di Indonesia memperlihatkan sumbangan dan kegunaan tenaga mereka untuk mencorakkan sejarah dan identiti negara-bangsa masing-masing, selain dapat mewujudkan suatu bentuk *status quo* yang baru dalam masyarakat. Dalam konteks agama Kristian, *status quo* yang diwujudkan berupa mazhab Protestan; sementara di Indonesia, berupa politik kemerdekaan.

III

Dalam konteks Malaysia, gerakan dan penajaan pemerintah bagi menggerakkan tenaga belia untuk kepentingan politik dan ideologi

tidaklah berlaku secara terbuka dan jelas. Jika adapun usaha tersebut, maka ia tidaklah dilakukan melalui pertubuhan atau organisasi belia yang biasa, bahkan melalui badan politik belia yang menjadi sebahagian daripada badan induk atau parti politik. Dalam keadaan hari ini, perbezaan yang sedemikian rupa dilakukan berdasarkan keperluan dan kehendak undang-undang sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Pertubuhan. Maka itu, yang lebih jelas kedapatan dalam pertubuhan belia yang biasa seperti Gerakan Belia 4B, Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (PKBM/MAYC), Gerakan Belia Bersatu (GBB) dan banyak pertubuhan belia yang lain itu sebagai pertubuhan atau organisasi belia yang bertujuan untuk menggerakkan ahli dalam kegiatan sosial dan politik yang tidak berunsurkan politik kepartian. Kegiatan-kegiatan di bidang politik dijalankan oleh Pemuda UMNO, Pemuda MCA, Pemuda MIC dan Pemuda PAS.

Golongan belia, di samping berguna untuk menegakkan dan mengukuhkan sesuatu rejim dan ideologi politik, juga wajar dan perlu dipergunakan bagi menjayakan perkembangan dan pembangunan sosioekonomi negara. Menyedari hakikat inilah, maka banyak agensi antarabangsa, terutamanya Bangsa-Bangsa Bersatu, telah mengambil langkah-langkah dan membuat rancangan tertentu bagi membolehkan 'orang-orang muda' itu menyertai usaha pembangunan sosioekonomi negara ahlinya. Dengan penglibatan belia dalam usaha tersebut, maka proses pembangunan itu menjadi lebih berkesan, kerana apabila belia dianggap sebagai peserta aktif, dan bukannya objek atau kumpulan sasaran pembangunan, sumbangan dan peranan tenaga mereka lazimnya lebih mudah diperoleh bagi mencapai matlamat pembangunan.

Dalam hubungan ini, maka beberapa model rancangan dan organisasi gerakan belia di negara-negara yang sudah maju, khususnya dari Eropah dan Amerika Syarikat, telah diperkenalkan di kebanyakan negara yang sedang membangun. Pengenalan ini disesuaikan dengan keadaan dan persekitaran tempatan.

Contohnya ialah gerakan belia yang bertujuan membangunkan dan memajukan kehidupan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Program belia kita ini mengambil model daripada pergerakan pertubuhan 4-H dari Amerika Syarikat.

Gerakan Belia 4-H berpegang pada cogan katanya yang berbunyi *To Make the Best Better* dengan berikrar:

*I pledge my head to clearer thinking,
my heart to greater loyalty,
my hands to larger service,
my health to better living,
for my club, my community, and my country...*

Sementara tujuan pentingnya adalah untuk mengajar, melatih, serta menggerakkan tenaga belia di luar bandar agar mengusahakan dengan sebaik-baiknya apa jua peluang dalam bidang sosial dan ekonomi yang terdapat di sekeliling mereka.

Pertubuhan 4-H itu bermula daripada timbulnya usaha mengadakan pertandingan dalam penanaman jagung oleh petani-petani muda di New York State, Amerika Syarikat, kira-kira dalam tahun 1856. Mulai pertandingan itu, usaha memajukan pertanian di kalangan belia luar bandar menjadi kegiatan kumpulan yang secara beransur-ansur mendasari konsep 4-H atau *4-head, heart, hands* dan *health* dan usaha seperti ini kemudiannya telah berkembang ke negeri-negeri lain di Amerika Syarikat dan sehingga tahun 1950-an, konsep memajukan pertanian luar bandar secara kumpulan itu berkembang ke seluruh dunia.

Dalam konteks Malaysia, penerimaan dan pelaksanaan konsep gerakan 4-H ini dilakukan secara rasminya melalui penubuhan Gerakan Belia 4-B (B = Belajar, Bersatu, Berusaha dan Berbakti) iaitu kira-kira sembilan tahun sesudah berlangsungnya persidangan di Bangkok. Walaupun demikian, tidaklah bermakna bahawa inilah julung-julung kalinya Malaysia mempunyai sebuah organisasi belia yang sedemikian rupa, kerana sesungguhnya beberapa bentuk dan corak pertubuhan belia telah pun kedapatan bergerak di negara ini lama sebelum itu.

Maka itu, selain gerakan organisasi belia bercorak 4-H, terdapat juga organisasi gerakan belia yang asal mulanya adalah dari F. opah,

malahan lebih banyak dan lebih mendahului konsep 4-H. Ini termasuklah Pergerakan Pengakap, Pandu Puteri, St. John dan beberapa buah yang lain.

Penjajah Inggeris telah mengembangkan dan memperluas beberapa konsep gerakan belia dalam masyarakat tanah jajahan di seberang laut. Misalnya Khidmat Belia (Youth Service) yang bertujuan untuk mengadakan pusat-pusat latihan bagi belia menerima latihan kemahiran tertentu, terutamanya kemahiran kepemimpinan persatuan dan gerak kerja kumpulan yang berguna bagi kemajuan masyarakat umumnya.

Salah satu ciri terpenting dalam gerakan belia yang berorientasikan sosioekonomi ini ialah anggota organisasi merupakan sukarelawan yang tidak mengamalkan sesuatu ideologi politik. Tegasnya di sini, walaupun kewujudannya memang sengaja ditaja oleh sesebuah rejim atau kerajaan, tenaga belia tidaklah digunakan untuk menegakkan kepentingan politik pemerintah. Sebaliknya hal-hal yang ditekankan dalam organisasi ialah disiplin, moral, dan peraturan organisasi.

Dewasa ini banyak negara yang sedang membangun menggalakkan penubuhan organisasi belia yang mempunyai berbagai-bagai kegiatan.

Misalnya, Filipina. Di sana terdapat sebuah majlis iaitu Majlis Penyelarasan Kebajikan Belia Filipina (Philippine Youth Welfare Co-ordinating Council) yang mengandungi 57 buah pertubuhan sukarela dan belia yang berbagai-bagai corak serta matlamat perjuangannya. Antara yang terkemuka dalam kegiatan pembangunan sosioekonomi ialah (a) Operation Brotherhood, (b) Philippine Rural Reconstruction Movement, (c) Rizal Youth Development Foundation, dan (d) The Civic Action Corps of the Philippine. Keempat-empat organisasi belia ini banyak melibatkan ahli masing-masing dalam kegiatan pembangunan komuniti setempat. Sebagai misalannya, The Civic Action Corps, tajaan Jabatan Pertahanan Negara yang telah mula bergerak dalam tahun 1966 berkhidmat secara sukarela di luar bandar dengan sebahagian besar ahli yang bergiat di dalamnya ialah pelajar maktab. Sementara

itu, Operation Brotherhood yang telah bergerak sejak tahun 1962 menumpukan kegiatannya dalam siri projek pembangunan daerah tempatan, sama ada dari segi kegiatan pendidikan, tempat kediaman, kesihatan serta projek pertanian di dalam beberapa buah *barrio* atau kawasan perkampungan. Tumpuan kegiatan adalah dalam kawasan bandar dan pinggir bandar.

Rizal Youth Development Foundation pula bergiat dalam bidang pekerjaan dan pembangunan. Yayasan ini juga berusaha menolong belia yang menganggur atau yang tercicir dari sekolah untuk bergiat dan menyertai kegiatan sukarela dan mengikuti kursus kemahiran tertentu bagi mendapatkan sesuatu pekerjaan yang sesuai.

Sumbangan tenaga sukarela belia juga penting dalam usaha memajukan kehidupan rakyat di Indonesia dewasa ini. Dalam rancangan Pembangunan Lima Tahun (PELITA) pertama dan keduanya (mulai 1967), pembangunan luar bandar dan daerah semakin diberikan keutamaan, dan sesungguhnya hal ini memerlukan penglibatan tenaga produktif rakyat majoriti, khususnya belia. Untuk maksud ini, sebuah badan iaitu Badan Urusan Tenaga Kerja Sukarela Indonesia (BUTSI) ditubuhkan bagi mengelolakan Tenaga Kerja Sukarela (TKS) yang terdiri daripada para belia terpelajar – sarjana dan sarjana muda – sebagai pelopor pembangunan dan pembangunan daerah serta tempatan di seluruh negara.

Sebagai sebuah pertubuhan sukarela, TKS terlibat dalam kegiatan lima aspek penting iaitu kepemimpinan dan pentadbiran desa, pendidikan, latihan sosial dan mental/spiritual; kesihatan, keluarga berencana (*family planning*) serta penjagaan kebersihan; prasarana fizikal dan sosial; dan juga pekerjaan dan pengeluaran pertanian, kerajinan tangan dan lain-lain. Penglibatan TKS penting dalam menggerakkan rakyat tempatan bagi memajukan diri. Sungguhpun dalam tempoh PELITA pertama BUTSI hanya dapat mengendalikan 850 orang TKS bagi 850 buah desa dalam 19 buah 'propinsi', dianggarkan dalam tempoh PELITA kedua pula, seramai 23,000 orang TKS akan dapat dilibatkan.

Penglibatan dan perkhidmatan belia juga penting bagi Singapura. Walaupun ia tidak mempunyai rancangan pembangunan

luar bandar, rancangan komuniti ialah satu usaha pembangunan sosioekonomi yang penting. Untuk tujuan ini, maka tenaga belianya dilibatkan melalui The People's Association, yang bergiat dalam kira-kira 190 buah pusat pembangunan komuniti. Pusat ini dikelolakan oleh pegawai komuniti dan belia yang mendapat latihan daripada National Youth Leadership Training Institute, Singapore. Banyak kemudahan untuk memenuhi berbagai-bagai kegiatan yang berfaedah bagi memajukan belia disediakan di pusat-pusat pembangunan komuniti itu. Kemudahan ini diadakan sesuai dengan penglibatan belia dalam masyarakat dalam kerahan tenaga rakyat dan latihan ala tentera yang diwajibkan mengikut undang-undang negara itu.

Di Malaysia, tidak ada kerahan tenaga. Bagaimanapun, golongan belia juga terlibat dalam pasukan keselamatan awam, iaitu pasukan polis dan tentera. Selain itu, projek pembangunan luar bandar cukup memerlukan tenaga dan penglibatan belia. Agensi kerajaan yang menggerakkan tenaga belia ialah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1964); pusat-pusat latihan belia seperti di Dusun Tua dan Peretak. Sementara itu, terdapat pula sebuah majlis perundingan antara belia dengan kerajaan iaitu Majlis Perundingan Belia Negara.

Demikianlah, pada umumnya boleh dikatakan bahawa gerakan belia di Malaysia boleh dianggap, secara umumnya, berkeadaan sederhana, lebih tersusun dan terkawal, dan memberi lebih kerjasama dengan kerajaan; misalnya melalui bantuan kewangan, penyediaan kemudahan untuk menjalankan aktiviti dalam organisasi dan yang seumpamanya.

Nota: Tulisan ini telah dimuatkan dalam *Jurnal Analisa Belia*, Jilid 1, Majlis Belia Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.

FENOMENA DAN MASALAH BELIA LEPAK

... Masalah "budaya lepak" dan "belia lepak" adalah salah satu isu yang amat popular dan amat mendapat perhatian dalam beberapa waktu kebelakangan ini. Pihak Kementerian Belia dan Sukan menjadi pihak yang amat prihatin dalam hal ini sehingga menganjurkan satu kajian empirikal mengenainya. Beberapa tindakan segera dilaporkan telah dirancang dan akan dilaksanakan untuk menanganai masalah yang menggugat dan mencemaskan generasi pewaris masyarakat dan negara ini... Bagaimanakah pandangan lanjut kalangan ahli akademik, khususnya sarjana Sosiologi dalam hal? Sebagai seorang penyelidik yang pernah melakukan kajian tertentu terhadap gerakan belia di negara ini untuk ijazah PhDnya (tahun 1981), Prof. Madya Dr. Hussain Mohamed, pensyarah di Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya telah kami kunjungi untuk memperkatakan isu ini seterusnya....

Barangkali boleh kami mulakan temubual ini dengan meminta Dr. jelaskan serba sedikit mengenai "belia" itu. Sebagai seorang yang pernah membuat kajian tentang belia, tentunya Dr. boleh jelaskan

tafsiran tentang belia itu sama ada dari segi umur, dari segi fizikal ataupun apa-apa sahaja yang relevan dengannya.

Pengarang: Terima kasih....Memang benar bahawa yang lazim dimaksudkan sebagai “belia” itu ialah golongan orang muda. Misalnya kita sering dengar orang berkata “muda belia”. Begitu juga penggolongan yang selalu digunakan untuk hayat hidup seseorang - dari peringkat janin, ke peringkat bayi, kanak-kanak, remaja, belia, dewasa dan hinggalah ke peringkat “tua”. Tahap-tahap hayat ini lazimnya pula mengikut umur tertentu. Kanak-kanak misalnya di peringkat umur, mungkin 2 hingga 12 atau 13 tahun; selepas itu sehingga umur 16 atau 17 tahun di peringkat remaja; sementara belia pula barangkali pada tahap umur 15 hingga 30 atau sekarang dilanjutkan sehingga 40 tahun. Selebihnya, di peringkat “tua”.... Namun yang penting juga diperhatikan di sini ialah pola dan bentuk tingkah laku tertentu pada setiap tahap umur atau peringkat hayat itu; masing-masing mempunyai identiti, pola dan bentuk tingkah laku tertentu. Kalau kanak-kanak, ada sekian-sekian pola tingkah lakunya; kalau di peringkat remaja pula, perlakuan yang biasa kita lihat berbeza daripada sebelumnya... misalnya remaja mula berjinak-jinak dengan alat-alat *make-up*, mula menyanyi lagu-lagu cinta misalnya; sementara di peringkat belia, apalagi yang berusia dua puluhan, sudah mula dilamun cinta, mula memilih atau rasa terikat pada seseorang, emosinya kadang-kadang sukar ditentukan, dan bermacam-macam lagi. Segalanya ini juga melibatkan perubahan dan pertumbuhan dari segi fizikal mereka. Secara umumnya golongan remaja dan belia merupakan sebahagian daripada tenaga kerja yang produktif, menjadi golongan yang berpotensi untuk membuat sesuatu pekerjaan atau tugas yang diberikan kepada mereka. Namun mereka juga ialah golongan yang belum mantap, masih banyak resah gelisah, suka memberontak, suka menyanggah, mencuba-cuba, mengacau-ngacau dan berminat untuk menanggung risiko. Sebab itulah golongan ini sering dikaitkan dengan perbuatan-perbuatan *hedonism*, *vandalism* dan *rebel without cause* iaitu perbuatan-perbuatan yang melibatkan

sekali gus *pleasures and pains*. Sebab itulah pula mereka membuat sesuatu tanpa alasan dan berfikir panjang, paling tidak semata-mata "mengikut kawan". Ini lebih-lebih lagi kiranya mereka mempunyai masa dan ruang yang membolehkan mereka melakukan sesuatu sesuka hati semata-mata untuk mencuba-cuba, menyahut cabaran rakan dan seumpamanya. Maka itu, perbuatan-perbuatan seperti menconteng papan tanda, tembok bangunan, mengoyak poster, usik-mengusik, malah menyepak kambing dan kucing di tepi jalan, atau bersiulan dengan sorak-sorai dan seumpamanya adalah perbuatan atau tingkah laku yang dikaitkan dengan golongan ini. Termasuk juga dalam hal ini, dan dalam keadaan terkini, ialah perbuatan melepak dan membuang masa di tempat-tempat awam yang mendapat perhatian utama hari ini.

Penemuramah: Secara khusus, apa sebenarnya "budaya lepak"? Pada pandangan Dr., apakah gejala buruk ini hanya berlaku dalam beberapa waktu kebelakangan ini sahaja?

Pengarang: Nampaknya saya harus menjawab soalan ini dengan cara yang mudah. Tak perlu saya gunakan istilah-istilah yang berat-berat bunyinya. Bagi saya, secara mudahnya maksud 'lepak' itu tidak lebih hanya berupa perbuatan bersiar-siar, bersantai-santai, berehat-rehat. Kadang kala kita 'berlepak-lepak' di beranda rumah kerana kekeyangan misalnya. Atau melelapkan mata seminit dua kerana keletihan sesudah bekerja kuat sebelumnya. Ini semua perbuatan biasa... Tetapi ia menjadi gejala yang negatif bila ia melibatkan ramai orang, secara berterusan hari demi hari. Tanpa mengira waktu yang khusus. Bukan itu sahaja. Ia dilakukan pula di tempat-tempat awam. Di tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai. Di pasar raya. Di perhentian bas. Di simpang-simpang. Pastilah dengan demikian merosakkan pandangan. Dan lebih malang lagi, ia kemungkinan mengganggu orang lain. Lazimnya bila dah ramai berkumpul itu, akan ada perbuatan nakal: misalnya bersiul ke arah anak gadis yang tumpang lalu. Atau sebaliknya anak-anak gadis berdehem-dehem mengusik anak jejaka yang berurusan di situ.

Penemuramah: Maksud Dr., budaya lepak itu melibatkan sesiapa sahaja: tidak kira lelaki ataupun perempuan?

Pengarang: Pada hemat saya begitulah. Ertinya di sini bila kita sebut “budaya lepak” itu, ia bersifat kolektif. Atau kelompok atau sebilangan orang tertentu. Tidak kira lelaki ataupun perempuan. Tetapi yang penting diperhatikan di sini ialah bila kita sebut “budaya lepak”, maka maksudnya perbuatan itu melibatkan ramai orang, berlaku secara berulang atau berterusan, dan akan terdapat pula rangsangan dan respons tertentu pada pihak-pihak yang terlibat itu.

Penemuramah: Rangsangan dan respons yang bagaimana?

Pengarang: Maksud saya begini: bila sudah berkumpul ramai-ramai begitu, lebih mudahlah timbulnya gejala-gejala buruk. Malahan keprihatinan masyarakat terhadap isu lepak ini adalah dari perspektif negatif ini. Pertama, perbuatan melepak itu melibatkan sesuatu golongan yang tidak sepatutnya berbuat demikian. Iaitu orang muda. Mereka seharusnya terlibat dalam kegiatan yang produktif. Yang menguntungkan. Yang dijangka akan membolehkan mereka bersiap sedia memikul tanggungjawab dan peranan mereka sebagai pewaris masyarakat dan negara di masa hadapan. Kedua, keseimbangan betapa perbuatan itu boleh merangsang dan menjerumuskan anak-anak muda ini dengan perbuatan-perbuatan buruk yang lain. Membuang masa sudah tentu sekali. Di samping membazirkan waktu, ia berjangkit pula pada usik-mengusik orang-orang yang lalu-lalang seperti yang saya bayangkan di atas. Inikan satu bentuk gangguan awam? Dan lebih malang dari itu ialah boleh juga menyebabkan sebilangan mereka ini terjebak dengan perbuatan-perbuatan buruk yang lain: mungkin ia bermula dengan rokok-merokok; kemudian menghisap dadah, dan langsung menjadi penagih. Lain daripada itu, terlibat dengan perbuatan jenayah: mencuri, menipu dan seumpamanya. Dan bukan tidak mungkin pula yang terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral: kegiatan maksiat, pelacuran dan macam-macam perbuatan buruk lagi.

Penemuramah: Amat pesimistik nampaknya pandangan Dr. dalam hal ini?

Pengarang: Memang saya akui bahawa pandangan saya dalam isu begini cukup pesimistik. Barangkali saya terlalu berpegang pada logik yang sehalu dalam hal ini. Saya akui. Ertinya bila saya kata perbuatan itu melibatkan seseorang membuang masa, duduk-duduk melihat orang lalu-lalang dan mundar-mandir ke hulu ke hilir di tempat awam itu tanpa tujuan yang khusus, maka tentu sahajalah segalanya itu menimbulkan syak wasangka tertentu. Memang kita tidak ada data-data konkrit untuk mengatakan bahawa dengan melepak sekian banyak jam, seseorang pada akhirnya menjadi perogol, peragut rantai atau penagih dadah. Tetapi pola umum menunjukkan bahawa dengan semakin banyaknya gejala membuang waktu dan melepak dengan peningkatan kes-kes ketagihan dadah, jenayah kecil-kecilan, pelanggaran had umur ke pusat-pusat hiburan dan permainan snuker misalnya, maka korelasi sebab dan akibat beginilah yang pada hemat saya cukup membimbangkan masa depan golongan belia kita. Katakanlah sebaliknya: sesudah melepak dan mundar-mandir ke kompleks pasar raya di sana sini, golongan anak-anak muda kita ini ramai-ramai pergi bina rumah batu, bina bangunan tinggi-tinggi, ramai-ramai turun ke sawah ladang, ramai-ramai ke laut tangkap ikan atau ramai-ramai bersihkan bandar raya, atau ramai-ramai berpakat hapuskan jenayah, kutu rayau, berpelesenan, ramai-ramai hapuskan lumba motosikal haram, dan macam-macam lagi sehingga negara kita tidak perlu import buruh dari negara asing, tidak lagi bergantung pada tenaga pekerja dari Bangladesh, dari Indonesia dan dari Filipina dan sebagainya itu, barulah kita tidak akan mengatakan bahawa budaya lepak itu adalah sesuatu yang negatif. Sebaliknya seperti yang kita telah baca dan lihat daripada media massa, banyak buruknya budaya lepak itu. Maka itulah sebabnya kita menjadi amat pesimistik akan gejala tersebut. Apakah corak hidup masyarakat kita di masa hadapan?.

Penemuramah: Tapi ada pihak yang merasakan fenomena lepak ini adalah 'sementara' sifatnya, dan ia berkurangan bila belia kita

itu menjadi semakin dewasa, atau bila mereka sudah berumah tangga dan beranak-pinak.

Pengarang: Soal sementara atau berterusan dalam hal ini tidak timbul. Pada hemat saya, baik sementara ataupun kekal, tidak penting. Kita mungkin boleh meramalkan betapa seseorang itu cenderung untuk melepak kerana belum bekerja. Bila dia sudah bekerja, maka sudah tidak ada masa untuknya melepak dan mundar-mandir di pasar raya atau di mana-mana. Bagi saya, pandangan ini mungkin ada benarnya di peringkat perseorangan. Tetapi yang kita perlu utamakan ialah gejala ini berterusan dengan pelaku-pelakunya sahaja yang berbeza. Saya juga harus tarik perhatian bahawa dalam kajian yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik yang ditaja oleh KBS baru-baru ini, jelas menunjukkan bahawa kalangan orang muda yang sudah bekerja (ertinya mempunyai pekerjaan) pun turut terlibat dalam perbuatan dan budaya lepak itu. Kalau mereka begini pun boleh ikut terlibat, bayangkanlah bagaimanakah nanti sumbangan produktiviti yang boleh mereka berikan kepada organisasi tempat kerja mereka? Saya tidak pastilah bahawa dengan melepak itu, mereka sentiasa mendapat inspirasi baru, semangat baru dan azam baru untuk melipatgandakan tenaga mereka untuk bekerja. Malahan saya amat bimbang sekali kiranya dengan ikut melepak itu, mungkin ada antara mereka mendapat bekalan dadah yang baru atau suntikan yang baru. Atau setidak-tidaknya melepak itu makin meleakakan dan melenakan mereka. Menjadikan mereka akhirnya hanyut di negara mereka sendiri. Dan jika ini berlaku, makanya jelaslah bahawa masa depan generasi belia kita adalah malap dan cukup membimbangkan. Dalam keadaan begini, bagaimana mereka mampu untuk menyahut dan memenuhi tuntutan dan cabaran Wawasan 2020 kelak? Bagaimanakah mereka berupaya mempertahankan maruah bangsa dan negara mereka?

Penemuramah: *Jika demikian halnya, maka apakah sebabnya minat dan wabak melepak ini menjadi begitu berleluasa dalam masyarakat kita hari ini? Malahan ia nampaknya turut membabitkan orang dewasa juga.*

Pengarang: Saya percaya ada banyak sebab terjadinya budaya lepak ini. Tetapi yang ingin saya tegaskan di sini ialah ia bukanlah sesuatu yang baru. Ia juga bukanlah sesuatu yang hanya terdapat di Malaysia sahaja. Kalaulah kita sebutkan perbuatan membuang masa, bercakap-cakap kosong, sembang-sembang di simpang-simpang jalan yang bermaksud melepak, maka ia boleh terdapat di mana-mana. Di taman-taman bunga saban waktu ada orang berehat-rehat dan duduk-duduk. Malahan melibatkan anggota keluarga. Ada juga orang melepak di *coffee house*. Di warung-warung. Di pusat-pusat pameran. di pasar raya, di perhentian bas. Masing-masing barangkali ada alasan tertentu yang ada antaranya memang wajar dan masuk akal. Mungkin ada yang kononnya ingin melepaskan penat di hujung minggu. Mungkin kerana mengadakan rundingan urusaniaga. Mungkin untuk bertemu kawan. Mungkin untuk *window-shopping* kalau di pasar raya atau gedung perniagaan. Atau setidaknya menunggu teman dan memenuhi temujanji dengan rakan. Namun pada hemat saya, gejala lepak yang kita cukup prihatin ini adalah berpunca daripada berbagai-bagai faktor penolak dan penarik yang ada dalam hidup yang kita nikmati sendiri. Tempat-tempat awam yang kerap saya sebutkan di atas umpamanya menjadi faktor penarik untuk dikunjungi oleh orang ramai. Apalagi bagi kalangan anak-anak muda, yang ada antaranya sengaja pula dibekalkan wang ringgit oleh ibubapa masing-masing yang sibuk dengan urusan masing-masing. Ertinya di sini sekaligus anak-anak muda itu dilanda faktor penolak seperti rasa jemu, bosan, juga rasa sunyi kiranya terperap tinggal di rumah tanpa ditemani ibu bapa. Bukan itu sahaja. Ada juga yang didesak oleh faktor penolak menyebabkan mereka melepak kiranya ada kesempatan. Misalnya tekanan dan tuntutan persekolahan dan peperiksaan di sekolah atau di institusi pengajian tinggi menyebabkan para pelajar terjebak untuk melepak semasa cuti. Dan tidak kurang juga oleh ajakan kawan-kawan sebaya. Namun tidak kurang juga yang melepak untuk beberapa jam sebelum menghadiri sesuatu upacara atau pertunjukan wayang, permainan di stadium atau ketibaan yang ditunggu. Ada juga, malahannya, mengatakan bahawa gejala hidup nafsu-nafsi hari ini,

baik di bandar mahupun di kampung, telah jauh menyebabkan hubungan seseorang dengan orang lain, menjadi semakin renggang. Hari ini misalnya soal gotong-royong, kegiatan sukarela, malahan makin malapnya kegiatan persatuan-persatuan belia juga menyebabkan ada banyak masa untuk golongan belia ini melepak dan membuang masa ke sana sini. Dulunya golongan ini adalah ahli dan penggerak penting badan-badan sukarela ini. Pendeknya ada berbagai alasan yang boleh dikemukakan untuk menjelaskan perbuatan demikian. Apa yang mungkin berbeza lagi dalam hal ini ialah lepak orang muda dengan lepak orang tua. Orang muda dibimbangi akan lebih mudah untuk dijangkiti dengan gejala-gejala buruk yang lain sedangkan tempoh hayat mereka umumnya masih lama, dan masih perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi hari muka. Jika persediaan ini tidak ada, maka alangkah malangnya generasi yang akan datang kelak? Sedangkan orang muda itulah yang rata-ratanya cukup mudah menurut dan meniru sebarang perbuatan orang lain.

Penemuramah: Apakah masih belum terlambat untuk kita membaiki dan mengatasi masalah ini?

Pengarang: Di sebalik rasa pesimis yang saya sebutkan di atas, saya sebenarnya masih menaruh harapan dan masih optimis bahawa gejala dan budaya lepak ini akan dapat diatasi. Atau setidaknya ia boleh diminimumkan. Rasa optimis itu pertama-tamanya saya landaskan pada kepekaan dan keprihatinan segera kita terhadap isu dan masalah lepak itu sendiri. Ia diberikan perhatian berat malah oleh Perdana Menteri sendiri. Tentu sekali beliau, dan malahan kita semua, perlu prihatin dan peka terhadap isu ini. Jika ia dibiarkan dan tidak ditangani segera, maka jangan diharaplah Wawasan 2020 itu kelak akan dapat direalisasikan. Jangan mimpilah gerombolan yang suka melepak itu boleh memainkan peranan mereka untuk memajukan negara dan bangsa. Jangan haraplah slogan *Pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara* itu dapat digandingkan dengan Wawasan itu kelak. Pendeknya pada hemat saya, kita belum

terlambat untuk mengatasi masalah lepak ini walaupun hambatan-hambatan terhadapnya memang menggerunkan.

Penemuramah: Pada hemat Dr., apakah ada satu-satu cara yang spesifik untuk mengatasinya?

Pengarang: Pada saya, ada banyak cara dan kemungkinan untuk kita lakukan buat menangani masalah lepak ini. Ertinya tidak ada satu-satu cara yang spesifik bagi mengatasi atau mengurangkan gejala yang membimbangkan ini. Setiap orang daripada kita, baik yang berkedudukan sebagai pemimpin, sebagai ibu bapa, sebagai guru, sebagai imam, sebagai pegawai, sebagai petani, dan apa sahaja seharusnya prihatin terhadap masalah ini. Mungkin anak kita tidak terlibat dengan gejala lepak ini. Mungkin adik kita tidak terjebak dengan masalah ini. Tetapi percayalah ada kedapatan misalnya rakan-rakan anak kita, atau anak rakan dan jiran tetangga kita, atau anak ahli khairiah kita yang berangkali terlibat dengannya. Mungkin hari ini anak orang yang terlibat. Barangkali esok lusa saudara-mara kita pula. Bukankah semuanya ini ada kait-mengaitnya dengan kita semua? Sebab itulah saya katakan setiap orang perlu menganggap gejala buruk ini adalah musibat bersama yang sama-sama kita alami. Dengan itu juga pada hemat saya, tidak ada satu-satunya cara yang spesifik atau agensi yang spesifik yang boleh kita bebankan untuk menangani dan mengatasi masalah ini. Kita barangkali boleh memikirkan misalnya melalui cara paksa dan wajib. Misalnya mengadakan kerahan tenaga negara (*national service*). Ini adalah cara yang saya kira paling keras. Ia bertujuan untuk mendisiplinkan semua orang muda. Misalnya bagi mereka yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Dengan disiplin yang ketat, yang *regimented* sifatnya, semua orang akan menjadi insaf dan mematuhi apa jua larangan, termasuk larangan daripada berfoya-foya, melepak dan membuang masa ketaktentuan di mana-mana itu. Tetapi cara ini saya percaya amat keras. Amat tidak disenangi oleh para ibu bapa. Bukan itu sahaja. Ia boleh menimbulkan masalah yang lain. Misalnya akan ada yang berusaha meng-

hantar anak-anak mereka ke negara luar dengan berbagai-bagai alasan. Tujuannya semata-mata untuk mengelakkan diri daripada didisiplinkan melalui perkhidmatan nasional itu. Cara lain ialah melalui usaha pendidikan. Misalnya sedaya mungkin mengadakan berbagai-bagai aktiviti masa lapang dan masa cuti untuk disertai oleh golongan muda itu. Ini semata-mata untuk mengelakkan mereka daripada membuang masa dan melepak di sana sini. Dari segi ini, peranan institusi pendidikan dan para pendidik cukup penting dan perlu dihargai sewajarnya. Juga melalui pemupukan kesedaran ibu bapa dan perspektif baru keibubapaan dalam mendidik anak-anak agar berusaha mengindar daripada terjebak dalam budaya lepak itu. Usaha pemupukan masyarakat penyayang misalnya haruslah menjadi sebahagian daripada proses pemupukan dan pendisiplinan anak-anak muda ini. Tapi ini tidak pula bererti ibu bapa perlu sama sekali menyekat kebebasan anak-anak mereka. Apa yang perlu ialah para ibu bapa menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk membesarkan anak-anak mereka. Saya percaya dalam hubungan ini, peranan agama cukup penting. Agama Islam umpamanya cukup prihatin terhadap kerukunan hidup umatnya, hatta dalam soal penjagaan waktu, pemupukan akhlak yang baik serta pola perhubungan ibu bapa dan anak-anak, hatta apa sahaja isu kolektif manusia bagi menjamin kesejahteraan manusia seluruhnya. Islam mempunyai panduan tertentu untuk menghadapinya.

Penemuramah: Bagaimana dengan pihak kerajaan dalam hal ini?

Pengarang: Setahu saya pihak kerajaan sudah peka dan sedar akan gejala buruk ini. Menteri Belia dan Sukan sudahpun memainkan peranannya sejak awal-awal lagi beliau dilantik menerajui Kementerian berkenaan. Tetapi sama sebagaimana gejala dadah, ataupun yang lain-lain seumpamanya, pencapaiannya hanya dapat dikesan sesudah berlalunya sesuatu tempoh dan masa tertentu. Saya percaya pihak KBS telah dan sedang merancang dan melaksanakan sesuatu yang sewajarnya dalam hal ini. Seperti yang telah kita ketahui daripada media massa baru-baru ini, beberapa projek khusus akan

dilaksanakan. Misalnya telah diberitakan *Projek Briged Muda* yang menyediakan berbagai-bagai prasana untuk menampung berbagai-bagai aktiviti yang diminati dan difikirkan sesuai untuk golongan remaja dan belia itu akan diadakan. Projek ini nampaknya terbuka kepada semua belia yang berminat, tanpa mengira apakah mereka itu menjadi ahli pada mana-mana pertubuhan belia ataupun tidak. Yang penting adalah untuk memupuk semangat kesukarelaan di kalangan belia dan seterusnya melakukan kegiatan yang prososial yang berfaedah pada diri mereka sendiri dan negara umumnya. Ertinya melalui usaha ini, mudah-mudahan gejala lepak-melepak itu dapat diatasi atau sekurang-kurangnya dapat diminimumkan sewajarnya. Saya juga fikir ada baiknya dalam kesempatan dan keprihatinan KBS sedemikian rupa, akan tampil pelbagai persatuan belia, baik yang kecil mahupun yang besar yang bertaraf nasional, menyertai dan mengaktifkan semula kegiatan mereka yang nampaknya agak lembam beberapa waktu kebelakangan dahulu. Eloklah pemimpin-pemimpin persatuan belia yang beribu-ribu buah jumlahnya di seluruh tanah air itu menyahut dan menggerakkan ahli masing-masing atau menambahkan ahli dan seterusnya mendorong mereka untuk menyertai pelbagai projek yang sejak sekian lamanya dikendalikan oleh Kementerian itu. Tugas belia sekarang pada hemat saya adalah untuk menyemarakkan kembali segala kegiatan mereka masa lalu, tidak kira apa bentuk dan jenisnya, asalkan ia bermanfaat kepada negara seluruhnya. Pada saya, dengan cara ini sahajalah persediaan yang lebih mantap dan munasabah dapat dibuat bagi memenuhi hasrat dan matlamat Wawasan 2020 itu. Lain daripada itu, saya fikir wajar jugalah pihak kerajaan membuat sorotan tertentu terhadap dasar dan keutamaan yang mereka buat selama ini ke atas golongan remaja dan belia itu. Penyelarasan dasar saya fikir perlu diberi keutamaan. Ini kerana ada diantara rancangan yang dimaksudkan untuk golongan ini dikendalikan oleh beberapa agensi kerajaan, sehingga menyebabkan pencapaian dan manfaat yang seharusnya dicapai menjadi berbaaur dan ketaktentuan. Mungkin juga saya fikir beberapa cara seperti pihak Kementerian menggerakkan dan mengaktifkan semula 1 fajlis

Perunding Belia Negara untuk memikir dan membincangkan berbagai-bagai isu dan masalah yang melanda belia hari ini. Majlis ini pula saya fikir wajarlah dianggotai oleh pihak-pihak yang prihatin dan ada kepentingan langsung dengan permasalahan yang dihadapi, dan bukannya sekadar diisi oleh orang-orang yang sudah terlalu sibuk dengan berbagai-bagai tugas dan komitmen dalam bidang-bidang yang lain. Barangkali dengan segala langkah ini, berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh belia kita, baik soal dadah, soal akhlak, keciciran, budaya lepak, dan malahan masalah kepimpinan dalam badan-badan belia itu juga dapat diatasi.

Nota: Perbincangan ini telah dimuatkan dalam majalah bulanan *Tamadun*, Jilid 2, Ogos, 1994.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI GERAKAN BELIA DI MALAYSIA

Pengenalan

Belia ialah golongan majoriti penduduk dalam kebanyakan negara yang sedang membangun dewasa ini. Keadaan ini juga terdapat di Malaysia. Bancian Penduduk Malaysia yang dikeluarkan dalam tahun 1970 misalnya menunjukkan bahawa kira-kira 41% penduduk berada dalam lingkungan 'orang-orang muda' yang berumur antara 12 hingga 35 tahun, iaitu lingkungan umur bagi golongan belia. Dengan demikian, maka kewujudan dan kepentingan golongan ini untuk dapat digerakkan (*mobilized*) dalam berbagai-bagai bentuk kegiatan kolektif, sama ada dalam bidang sosial, ekonomi mahupun politik, adalah besar sekali. Ini adalah wajar sekali kerana golongan ini jugalah yang bakal menjadi penerus dan pewaris masyarakat pada masa hadapan, sehingga telah menimbulkan banyak usaha dilakukan untuk mengembangkan, mencorakkan serta menggalakkan bakat dan keupayaan mereka menyertai berbagai-bagai bentuk kegiatan masyarakat.

Salah satu daripada bentuk usaha itu adalah dengan memberikan peluang, bantuan dan galakan bagi belia menubuhkan dan seterusnya menganggotai pertubuhan atau organisasi sukarela belia.

Sebagai suatu bentuk gerakan sosial, maka hasilnya dewasa ini, Malaysia mempunyai dua puluh buah pertubuhan belia peringkat kebangsaan dengan ribuan jumlah persatuan atau kelab belia yang menjadi cawangan ataupun badan gabungan, ataupun bergerak secara sendirian, pada mana-mana satu pertubuhan kebangsaan itu.

Perjalanan serta pergerakan belia di negara ini, umumnya berlangsung secara yang sederhana dan dipengaruhi serta ditentukan oleh banyak faktor dan suasana kehidupan masyarakat setempat. Kepelbagaian corak kehidupan masyarakat tempatan dari segi etnik, agama, bahasa, serta sikap dan nilai; menghadapi proses pembangunan sosioekonomi yang pesat dan berancang; masih wujudnya perbezaan tingkat kemajuan di bandar dan di luar bandar; serta pengalaman sejarah dan struktur pentadbiran negara adalah antara beberapa bentuk keadaan yang menentukan corak pergerakan dan kewujudan organisasi-organisasi belia itu. Sehubungan dengan ini, artikel ini bertujuan membincangkan dan mengemukakan suatu analisis makro mengenai beberapa isu serta aspek pergerakan tersebut yang berkaitan, secara langsung dan tidak langsung, dengan ciri-ciri kehidupan masyarakat di negara ini sekarang. Ini termasuklah mengenai perbezaan bilangan serta bentuk penyebaran persatuan-persatuan belia yang terdapat di kalangan golongan belia Melayu dan bukan Melayu serta antara kawasan bandar dan luar bandar, serta hubungannya dengan dasar-dasar pembangunan negara sendiri.

Kehidupan Masyarakat Majmuk

Malaysia mengandungi sebuah masyarakat majmuk atau berbilang kumpulan etnik, bahasa, sikap dan, cara hidup atau kebudayaan; dan sifat-sifat ini selalunya dianggap begitu unik dan *par excellence*,¹ baik di paras *horizontal* antara sesuatu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain, mahupun di paras *vertical* dalam kumpulan etnik itu sendiri.

Perbezaan yang menonjol di paras *horizontal*, terutamanya, ialah berhubung dengan bilangan anggota kumpulan. Di Semenanjung Malaysia umpamanya, kumpulan orang Melayu adalah

sebanyak 53.2% (4,685,838 orang), orang Cina sebanyak 35.4% (3,122,350 orang) dan orang-orang India, Pakistan serta lain-lain adalah sebanyak 11.4% (hampir 1 juta orang).² Dengan bilangan anggota kumpulan yang hampir sama banyak ini, maka setiap pihak sentiasa memikirkan dan berusaha untuk mengekalkan cara hidup masing-masing. Kepentingan dan nilai-nilai hidup orang Melayu adalah tidak sama dengan yang ada pada orang bukan Melayu dan begitulah sebaliknya, sehingga perasaan perkauman (*communalism*) antara mereka masih berterusan. Tegasnya di sini, dengan sifat yang disebutkan itu, orang-orang Melayu, Cina dan India yang menjadi penduduk negara ini masih terpisah-pisah dan berbeza-beza, sama ada dari segi sikap, nilai, penumpuan tempat tinggal dan pekerjaan dan, sebagainya yang menepati keadaan masyarakat majmuk itu.³ Secara hakikinya orang Melayu masih tertumpu dan lebih ramai berkediaman di kawasan luar bandar, bergantung pada sektor pertanian dan pentadbiran serta mempunyai kuasa politik yang masih kuat. Sementara orang Cina pula lebih tertumpu berkediaman di kawasan bandar, lebih berusaha dalam bidang perdagangan dan perniagaan, dan orang India pula lebih ramai menjadi pekerja di ladang-ladang dan buruh-buruh di kawasan bandar.⁴

Keadaan polarisasi etnik di paras mendatar ini menjadi lebih rumit lagi kerana secara tradisinya setiap kumpulan etnik itu juga mempunyai perbezaan dalaman (*internal differences*) masing-masing. Umpamanya orang-orang Cina itu terkelompok dalam lebih daripada 10 kumpulan dialek bahasa, daerah asal dan orientasi pekerjaan atau kemahiran.⁵ Orang Melayu juga demikian kerana ada yang berasal dari kawasan Jawa, Sumatera, Bugis dan Sulawesi, di samping orang-orang Asli serta orang Melayu tempatan yang asal. Sementara di kalangan orang India pula, ada yang berasal dari bahagian selatan (Tamilnadu, Kerala dan Andhra) dan ada yang berasal dari kawasan utara (Punjab, Pakistan).⁶

Perbezaan dalaman ini juga menjadi lebih rumit lagi dengan adanya sikap serta orientasi nilai-nilai yang tidak sama di kalangan mereka. Seringkali kedapatan perbezaan antara golongan Cina berpendidikan sekolah Cina dengan yang berpendidikan Inggeris,

golongan Melayu berpendidikan agama dengan yang berpendidikan Inggeris, orang Melayu bandar dengan orang Melayu kampung, orang-orang India yang beragama Islam dengan bukan Islam serta lain-lain lagi.⁷

Sifat-sifat majmuk serta perbezaan-perbezaan yang terhasil oleh susunan masyarakat yang sedemikian rupa itu sesungguhnya mencabar segala bentuk usaha dan konsep kesatuan atau *unity* yang mahu dipupuk dan dibangunkan oleh Malaysia dewasa ini. Dalam konteks gerakan berorganisasi belia, sifat-sifat dan keadaan demikian menimbulkan tiga implikasi penting:

- a. Terdapatnya perbezaan orientasi serta kesediaan berorganisasi yang tidak sama rata antara kumpulan etnik.
- b. Tertubuhnya organisasi yang lebih berdasarkan kepentingan yang bersifat perkauman (*communalism*).
- c. Wujudnya perasingan antara beberapa buah organisasi yang berbeza-bebeza kepentingan dan matlamatnya dalam sesuatu kumpulan etnik yang sama.

Implikasi pertama yang dimaksudkan itu ialah terdapatnya kesediaan yang berbeza antara belia Melayu dengan yang bukan Melayu untuk menganggotai organisasi-organisasi belia. Didapati bahawa belia Cina lebih cenderung memasuki persatuan-persatuan sukarela yang bukan bercorak belia (*non-youth association*) berbanding dengan belia Melayu ataupun belia India. Belia Cina lebih memilih untuk menganggotai persatuan-persatuan kesukuan (*clan associations*) mereka seperti *kongsi* (iaitu ditubuhkan atas dasar hubungan kekerabatan; *huay-kuans* (iaitu organisasi sukarela berdasarkan tempat asal mereka seperti Persatuan Kwangtung, Persatuan Teochew); *miao* atau pertubuhan keagamaan; serta juga berbagai-bagai persatuan kebudayaan yang bertujuan mengembangkan seni, tarian, serta seni mempertahankan diri.⁸ Dorongan-dorongan ini diperkuat oleh sebab-sebab lain seperti tidak faham dengan urusan-urusan berpersatuan yang menggunakan bahasa Malaysia; dasar-dasar Kerajaan terhadap belia, serta minat mereka yang lebih dalam kegiatan-kegiatan persatuan yang bercorak

perniagaan dan perdagangan yang lebih menguntungkan dari segi wang ringgit.⁹

Keadaan ini menyebabkan kurangnya minat dan penyertaan belia bukan Melayu dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela belia iaitu sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam Jadual 1.

Angka-angka yang diberikan dalam jadual berkenaan menunjukkan bahawa sepanjang tahun 1970-an itu, kira-kira 70% ahli pertubuhan belia di Semenanjung Malaysia terdiri daripada belia Melayu berbanding dengan 18% belia Cina. Atau daripada jumlah sebenar bilangan ahlinya, kedapatan seramai 102,983 belia Melayu dalam tahun 1970 berbanding dengan seramai 6,168 orang belia Cina, 5,335 orang belia India serta 149 orang belia yang lain-lainnya dalam tahun yang sama. Dalam dua tahun terakhir, iaitu tahun 1978 dan 1979 pula, ahli-ahli biasa pertubuhan belia umumnya masih memperlihatkan keadaan yang sama lebih daripada suku juta orang belia Melayu menjadi ahli pertubuhan belia, sedangkan bilangan belia bukan Melayu masih belum meningkat lebih daripada 100,000 orang pun.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, perbezaan jumlah ahli mengikut kaum ini hanyalah tertumpu pada pertubuhan-pertubuhan belia semata-mata, sedangkan dalam pertubuhan-pertubuhan bukan belia, seperti kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan ikhtisas, kebudayaan, kongsi (*guilds*) dan dewan-dewan perniagaan umpamanya adalah lebih ramai dianggotai oleh orang bukan Melayu, yang sebahagian besarnya dalam lingkungan umur belia. Penyelidikan yang dibuat oleh Douglas dan Pedersen¹⁰ ke atas pertubuhan-pertubuhan sukarela di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1972 mendapati bahawa sehingga bulan September 1972 terdapat sejumlah 3,455 buah persatuan di kalangan orang Cina, dan hanya 28 buah sahaja daripadanya berupa sama ada pertubuhan belia ataupun persatuan peladang. Sementara di kalangan orang Melayu pula, terdapat sejumlah 4,007 buah persatuan yang terdaftar secara rasmi, dan sebanyak 1,858 daripadanya merupakan sama ada persatuan belia ataupun persatuan peladang. Daripada 754 buah persatuan sukarela di kalangan orang

golongan Melayu berpendidikan agama dengan yang berpendidikan Inggeris, orang Melayu bandar dengan orang Melayu kampung, orang-orang India yang beragama Islam dengan bukan Islam serta lain-lain lagi.⁷

Sifat-sifat majmuk serta perbezaan-perbezaan yang terhasil oleh susunan masyarakat yang sedemikian rupa itu sesungguhnya mencabar segala bentuk usaha dan konsep kesatuan atau *unity* yang mahu dipupuk dan dibangunkan oleh Malaysia dewasa ini. Dalam konteks gerakan berorganisasi belia, sifat-sifat dan keadaan demikian menimbulkan tiga implikasi penting:

- a. Terdapatnya perbezaan orientasi serta kesediaan berorganisasi yang tidak sama rata antara kumpulan etnik.
- b. Tertubuhnya organisasi yang lebih berdasarkan kepentingan yang bersifat perkauman (*communalism*).
- c. Wujudnya perasingan antara beberapa buah organisasi yang berbeza-berbeza kepentingan dan matlamatnya dalam sesuatu kumpulan etnik yang sama.

Implikasi pertama yang dimaksudkan itu ialah terdapatnya kesediaan yang berbeza antara belia Melayu dengan yang bukan Melayu untuk menganggotai organisasi-organisasi belia. Didapati bahawa belia Cina lebih cenderung memasuki persatuan-persatuan sukarela yang bukan bercorak belia (*non-youth association*) berbanding dengan belia Melayu ataupun belia India. Belia Cina lebih memilih untuk menganggotai persatuan-persatuan kesukuan (*clan associations*) mereka seperti *kongsi* (iaitu ditubuhkan atas dasar hubungan kekerabatan; *huay-kuans* (iaitu organisasi sukarela berdasarkan tempat asal mereka seperti Persatuan Kwangtung, Persatuan Teochew); *miao* atau pertubuhan keagamaan; serta juga berbagai-bagai persatuan kebudayaan yang bertujuan mengembangkan seni, tarian, serta seni mempertahankan diri.⁸ Dorongan-dorongan ini diperkuat oleh sebab-sebab lain seperti tidak faham dengan urusan-urusan berpersatuan yang menggunakan bahasa Malaysia; dasar-dasar Kerajaan terhadap belia, serta minat mereka yang lebih dalam kegiatan-kegiatan persatuan yang bercorak

perniagaan dan perdagangan yang lebih menguntungkan dari segi wang ringgit.⁹

Keadaan ini menyebabkan kurangnya minat dan penyertaan belia bukan Melayu dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela belia iaitu sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam Jadual 1.

Angka-angka yang diberikan dalam jadual berkenaan menunjukkan bahawa sepanjang tahun 1970-an itu, kira-kira 70% ahli pertubuhan belia di Semenanjung Malaysia terdiri daripada belia Melayu berbanding dengan 18% belia Cina. Atau daripada jumlah sebenar bilangan ahlinya, kedapatan seramai 102,983 belia Melayu dalam tahun 1970 berbanding dengan seramai 6,168 orang belia Cina, 5,335 orang belia India serta 149 orang belia yang lain-lainnya dalam tahun yang sama. Dalam dua tahun terakhir, iaitu tahun 1978 dan 1979 pula, ahli-ahli biasa pertubuhan belia umumnya masih memperlihatkan keadaan yang sama lebih daripada suku juta orang belia Melayu menjadi ahli pertubuhan belia, sedangkan bilangan belia bukan Melayu masih belum meningkat lebih daripada 100,000 orang pun.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, perbezaan jumlah ahli mengikut kaum ini hanyalah tertumpu pada pertubuhan-pertubuhan belia semata-mata, sedangkan dalam pertubuhan-pertubuhan bukan belia, seperti kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan ikhtisas, kebudayaan, kongsi (*guilds*) dan dewan-dewan perniagaan umpamanya adalah lebih ramai dianggotai oleh orang bukan Melayu, yang sebahagian besarnya dalam lingkungan umur belia. Penyelidikan yang dibuat oleh Douglas dan Pedersen¹⁰ ke atas pertubuhan-pertubuhan sukarela di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1972 mendapati bahawa sehingga bulan September 1972 terdapat sejumlah 3,455 buah persatuan di kalangan orang Cina, dan hanya 28 buah sahaja daripadanya berupa sama ada pertubuhan belia ataupun persatuan peladang. Sementara di kalangan orang Melayu pula, terdapat sejumlah 4,007 buah persatuan yang terdaftar secara rasmi, dan sebanyak 1,858 daripadanya merupakan sama ada persatuan belia ataupun persatuan peladang. Daripada 754 buah persatuan sukarela di kalangan orang

Jadual 1
 Penyertaan Belia Pelbagai Kaum Dalam Pertubuhan-
 Pertubuhan Belia Di Peringkat Kebangsaan 1970-1979.

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah*
1970	102,893 (89.8)	6,168 (5.4)	5,335 (4.7)	149 (0.13)	114,545
1971	239,320 (72.88)	64,133 (19.53)	22,178 (6.75)	2,171 (0.84)	328,402
1972	264,387 (75.44)	59,796 (17.06)	23,310 (6.65)	2,989 (0.85)	350,482
1973	316,316 (64.77)	107,099 (21.93)	56,330 (11.53)	8,630 (1.77)	488,375
1974	316,373 (62.50)	117,012 (23.10)	69,249 (11.9)	12,543 (2.4)	506,177
1975	506,733 (70.90)	120,894 (16.91)	70,159 (9.82)	16,919 (2.37)	714,705
1976	539,294 (67.24)	146,785 (18.30)	95,170 (11.86)	20,851 (2.60)	802,100
1977	580,401 (70.59)	143,013 (17.39)	80,000 (9.73)	18,842 (2.29)	822,256
1978	262,005 (73.3)	42,171 (11.8)	20,696 (5.8)	32,444 (9.1)	357,316
1979	330,646 (74.1)	57,771 (12.9)	27,790 (5.9)	31,801 (7.1)	446,008

* Jumlah bagi tahun-tahun 1971-1977 adalah termasuk ahli biasa dan ahli bersekutu, sementara bagi tahun 1978 dan 1979, hanyalah jumlah ahli biasa. Sumber: Laporan Tahunan KKBS

India, hanya 90 buah sahaja yang berupa sama ada persatuan belia atau persatuan peladang.

Keadaan dan minat berorganisasi yang berbeza antara kumpulan belia Melayu dan bukan Melayu ini menimbulkan beberapa anggapan tertentu. Umpamanya seringkali dikatakan betapa dengan semakin bertambah banyaknya bilangan pertubuhan belia Melayu itu, maka pertubuhan belia dikatakan sebagai *Malay affairs*, yang mengurangkan pula minat belia bukan Melayu untuk turut melibatkan diri di dalamnya.¹¹ Demikian juga terdapatnya anggapan yang mengatakan kerajaan menindas organisasi sukarela bukan Melayu sementara berusaha dengan gigihnya untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan organisasi belia Melayu.¹²

Tanggapan-tanggapan begini sesungguhnya kurang tepat dan malah boleh mengelirukan hakikat. Ini kerana pada umumnya orang-orang bukan Melayu sendiri (khususnya orang Cina) kurang berminat untuk menceburkan diri atau menganggotai pertubuhan-pertubuhan sukarela terutamanya organisasi belia sendiri. Keadaan minat demikian terhasil daripada banyak sebab, tetapi yang lebih pentingnya adalah kerana kedudukan persatuan-persatuan kesukuan, tempat asal dan sebagainya yang masih lagi dianggap istimewa itu.¹³ Sedangkan dalam masa yang sama, orang Melayu pula memperlihatkan semangat dan minat yang semakin meningkat untuk menubuhkan persatuan atau organisasi sukarela rasmi, sama ada yang berdasarkan umur (iaitu organisasi atau persatuan belia) mahupun yang berdasarkan pekerjaan (terutamanya persatuan peladang dan nelayan), yang boleh menampung dan memenuhi dasar kerajaan untuk memajukan negara. Ini kerana organisasi-organisasi begini, biasanya, menjadi saluran yang berguna bagi merapatkan rakyat di luar bandar dengan pemimpin atau ejen-ejen kerajaan.¹⁴

Galakan dan tindakan kerajaan memajukan dan memupuk kegiatan berorganisasi di kalangan belia Melayu seperti dengan menganjurkan penubuhan Belia 4B itu tidaklah menunjukkan adanya diskriminasi dilakukan kerana kepentingan belia bukan Melayu juga diberikan perhatian. Misalnya, kerajaan juga

menganjurkan penubuhan Gabungan Belia Bersatu (GBB) dalam tahun 1976 untuk menarik minat belia Cina memasuki organisasi sukarela belia itu.

Demikian juga langkah pembubaran pertubuhan yang dilakukan itu tidak hanya dimaksudkan pada organisasi sukarela bukan Melayu sahaja.¹⁵ Banyak juga organisasi sukarela Melayu, sama ada yang bercorak belia atau yang lain-lainnya, telah dibubarkan berdasarkan peraturan dan undang-undang yang sama yang digunakan pada organisasi bukan Melayu itu. Malahan menjadi satu hakikat bahawa walaupun semakin bertambahnya bilangan organisasi belia Melayu itu, semakin bertambah pula bilangannya yang terpaksa dibubarkan atas ketetapan dan peraturan yang dijalankan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan.¹⁶ Oleh sebab itu, biarpun bilangan organisasi belia Melayu, adalah jauh lebih banyak daripada bilangan organisasi belia bukan Melayu, dengan adanya tindakan pembubaran itu, jumlahnya juga adalah tidak tetap. Hal ini boleh diperhatikan dalam Jadual 2: bilangan organisasi belia Melayu adalah turun-naik keadaannya; dalam tahun 1969, sebanyak 1,056 buah dan terus meningkat sehingga tahun 1973 menjadi 1,518 buah tetapi telah merosot selama empat tahun kemudiannya. Sedangkan persatuan-persatuan belia bukan Melayu bertambah secara perlahan-lahan tetapi lebih tetap keadaannya.

Implikasi keduanya berhubung dengan penumpuan keahlian yang menunjukkan ciri-ciri terkhusus untuk kepentingan kumpulan etnik tertentu sahaja. Umpamanya Kelab Belia Tamil Bell secara khususnya ditubuhkan dan dianggotai oleh Belia Tamil/India; Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS); Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM), dan setakat tertentu, Belia 4B dan PKBM juga, secara khususnya untuk golongan belia dan/atau belia-pelajar Melayu.¹⁷ Keadaan yang sama juga terdapat pada belia Cina kerana hampir semua anggota Gabungan Belia Bersatu (GBB) terdiri daripada Belia Cina.

Dalam hubungan ini, maka didapati perbezaan dalaman sesuatu kumpulan etnik itu juga turut mempengaruhi corak dan jenis organisasi belia. Umpamanya, dalam kumpulan etnik Melayu terdapat

beberapa buah organisasi yang lebih terkemuka bagi mereka seperti ABIM, PKPIM, Belia 4B dan GPMS yang masing-masing mempunyai keutamaan matlamat perjuangan yang berbeza. Umpamanya, perjuangan yang bercorak keagamaan pada ABIM dan PKPIM itu lebih mendapat perhatian di kalangan belia Melayu intelektual,¹⁸ berbanding dengan kegiatan agama dan sosioekonomi Belia 4B misalnya, yang lebih mendapat sambutan di kalangan belia Melayu yang bersefahaman dengan aliran pemikiran politik pemerintah itu. Sementara di kalangan belia Cina terdapat juga beberapa buah organisasi yang berbeza atas kepentingan dalaman yang demikian: GBB lebih mementingkan kegiatan sosioekonomi dan politik, sementara Belia Buddha bersifat keagamaan Buddha; di samping Briged Putra dan Briged Puteri pula mementingkan kegiatan yang berorientasikan agama Kristian.

Jadual 2
Bilangan Kelab Atau Persatuan Belia
Berdaftar Secara Rasmi Mengikut Kumpulan Etnik

Tarikh/Hingga	Cina	Melayu	India	Lain-lain
31.12.1969	18	1,056	60	239
31.12.1970	21	1,196	70	336
31.12.1971	22	1,348	77	322
31.12.1972	19	1,463	83	406
31.12.1973	29	1,518	89	424
31.12.1974	51	1,229	96	417
31.12.1975	71	1,001	124	372
31.12.1976	81	883	136	361
31.12.1977	87	864	149	352
31.12.1978	136	943	162	300
31.12.1979	191	1,181	203	269
31.12.1980	318	2,092	231	243

Sumber: Pejabat Pendaftar Persatuan, *Laporan Suku Akhir Pendaftaran Persatuan, 1969-1977* dan anggaran KKBS (Disember, 1980).

Struktur Umur Penduduk

Dengan mengingatkan bahawa belia ialah golongan kumpulan umur perantaraan di antara kanak-kanak dengan orang dewasa, iaitu dalam lingkungan umur 15-39 tahun, maka dalam konteks negara ini, bilangan kumpulan umur ini ialah yang menjadi golongan majoriti rakyatnya. Peratus bilangan mereka, sebagaimana dalam Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan bahawa dalam tahun 1970 umpamanya adalah sebanyak 36.7% dan dalam tahun 1972 pula, meningkat sebanyak 1.1% menjadi 37.9%. Sementara itu adalah didapati bahawa sebanyak 40.9% penduduk Semenanjung Malaysia dalam tahun 1970 terdiri daripada belia yang berumur dalam lingkungan 12-35 tahun. Jadual 4 juga menunjukkan bahawa sekiranya mengikut masing-masing kumpulan etnik pula, golongan belia yang berumur demikian puratanya dalam lingkungan 40.0%. Umpamanya daripada sejumlah 4,671,874 orang Melayu, terdapat seramai 1,874,035 orang atau sebanyak 40.1% daripada golongan belia yang terkelompok dalam kumpulan umur demikian. Sementara di kalangan orang Cina pula adalah sebanyak 42.1% dan India sebanyak 40.4%.

Pada umumnya, bilangan serta kedudukan peratus umur penduduk yang sedemikian rupa ini mempunyai implikasi tertentu terhadap dasar dan hubungan antara Kerajaan dengan golongan belia. Dalam hal ini ada sekurang-kurangnya tiga persoalan pokok yang merupakan masalah dan cabaran terhadap belia, iaitu (a) pengangguran, (b) kemahiran dan (c) kematangan pimpinan.¹⁹

Masalah pengangguran ini amat besar implikasinya terhadap kehidupan golongan belia negara ini dan tidak mungkin dapat diatasi dengan sebaik-baiknya oleh Kerajaan atau *establishment* kerana penawaran guna tenaga ialah satu perkara yang terus berlanjutan dan semula jadi sifatnya, iaitu berkaitan langsung dengan kadar kelahiran penduduk. Sementara itu penampungan guna tenaga itu bergantung pada kadar pertumbuhan peluang pekerjaan yang bergantung pada keupayaan manusia mengusahakannya. Sebagai golongan yang lebih bertenaga untuk memikul tugas-tugas ekonomi yang produktif, daya tenaga muda ini amat besar ertinya untuk

Jadual 3
Susunan Peringkat Umur Penduduk di Sem. Malaysia

Umur	1972	%	1970	%	1957	%
0 - 14	4,012,048	43.3	3,926,114	44.6	2,752,208	43.8
15 - 19	1,065,329	11.5	976,597	11.1	611,961	9.8
20 - 24	833,747	9.0	744,936	8.5	521,300	8.3
25 - 29	606,535	6.6	549,683	6.2	440,306	7.0
30 - 34	536,928	5.8	534,171	6.1	370,672	5.9
35 - 39	464,067	5.0	420,352	4.8	293,023	4.4
15 - 39	3,506,606	37.9	3,225,739	36.7	2,283,229	36.4
40 - 65+	1,744,034	18.8	1,657,704	18.7	1,243,321	19.4
Jumlah	9,262,688	100.0	8,809,557	100.0	6,278,758	100.0

Jadual 4
Bilangan Penduduk Belia (12-35 Tahun) Mengikut Etnik
Di Semenanjung Malaysia, 1970

Kumpulan Etnik	(i) Bil. Belia (12-35)	(ii) Bil. Penduduk	(iii) % (i) dp. (ii)
Melayu	1,874,035 (52.04)	4,671,874	40.1
Cina	1,319,216 (36.63)	3,131,320	42.1
India	387,148 (10.50)	936,341	40.4
Lain-lain	29,838 (0.83)	70,022	42.6
Jumlah	3,601,237	8,809,557	40.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Bancian Penduduk dan Perumahan*, 1970 dan 1972.

dapat digunakan dengan sebaik-baiknya supaya tidak timbulnya kegelisahan, kekecewaan dan ketidakpastian dalam kehidupan mereka. Perkaitan fenomena pengangguran dengan belia ini memang diakui dan mendapat perhatian daripada perancang-

perancang ekonomi negara ini sebagaimana yang tercatat dalam rangka kerja Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 yang menyebutkan bahawa: "...Pengangguran di Malaysia Barat kebanyakannya terdapat di kalangan belia-belia. Lebih 64% dari jumlah penganggur dalam tahun 1962 berumur dalam lingkungan 15-25 tahun; menjelang tahun 1967, angka ini meningkat dengan cepat menjadi lebih 75%..."²⁰

Seterusnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 juga ada dicatatkan bahawa: "...Pengangguran di kalangan belia dalam lingkungan umur 15-19 tahun telah berkurangan tetapi masih tinggi. Di antara bulan Oktober 1971 – Oktober 1974, kadar pengangguran di kalangan belia dalam lingkungan umur 15-19 tahun telah turun dari 22.8% kepada 16.6%..."²¹.

Yang lebih penting berkaitan dengan pengangguran belia ini ialah perkembangan pendidikan dan kelulusan yang ada pada mereka. Kurangnya tekanan pengangguran di kalangan belia berumur 15-19 tahun seperti yang dicatatkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di atas disebabkan oleh pertambahan yang pesat peluang untuk melanjutkan pelajaran yang telah disediakan dalam rancangan pembangunan sebelumnya. Keadaan ini dapat dijelaskan dengan melihat beberapa data perangkaan yang berkaitan dengan taraf pendidikan dan tenaga kerja yang terdapat di Malaysia Barat sejak merdeka. Didapati bahawa dalam tahun 1957, jumlah pekerja yang mempunyai pelajaran asas (pelajaran rendah) ialah 61% sahaja dan angka ini bertambah menjadi 74%. Selain itu, dijangkakan bahawa jumlah tenaga baru di kawasan ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua meningkat seramai 728,000 orang. Dengan jumlah yang besar ini, maka dianggarkan hanya 1% sahaja yang tidak mempunyai apa-apa pelajaran asas; 70% memiliki setinggi-tingginya pelajaran menengah rendah, sementara 37% pula mempunyai kelulusan yang lebih tinggi daripada itu. Sama ada seseorang individu belia itu terlalu memilih pekerjaan, masih menunggu panggilan bekerja ataupun tidak tahu akan peluang-peluang pekerjaan, namun akibatnya sama sahaja, iaitu menganggur. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan buat mengatasi hal ini adalah

banyak. Tetapi gesaan dan galakan untuk belia menubuhkan persatuan mereka telah dapat menggerakkan tenaga orang muda ini dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi dan sosial yang menguntungkan seperti mengadakan projek pertanian, perniagaan kecil-kecilan serta kerja di bengkel-bengkel. Dan malahan, keadaan seperti inilah pula yang mendorong persatuan-persatuan belia dewasa ini telah menyediakan beberapa strategi dan rangka kerja tertentu yang selaras dan dapat memenuhi sosioekonomi negara seluruhnya.²²

Satu masalah atau cabaran lain adalah mengenai masalah kemahiran (*skills*) yang berupa usaha peningkatan dan penyediaan pengetahuan yang membolehkan seseorang itu benar-benar pakar atau mahir dalam membuat sesuatu pekerja yang diminatinya. Dalam usaha mengatasi masalah ini, banyak peluang mendapatkan latihan kemahiran telah disediakan oleh kerajaan, sama ada sebagai projek langsung ataupun projek sampingan yang melibatkan belia. Projek langsung berupa pembukaan pusat-pusat latihan kerja untuk belia. Ini termasuklah, pada umumnya, pembukaan sekolah-sekolah, dan peluasan bidang kurikulum di sekolah-sekolah daripada yang bersifat akademik kepada teknologi dan vokasional dan yang terpenting ialah pusat-pusat latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran MARA, Pusat Latihan Belia Pelopor Negara di Dusun Tua dan Institut Latihan Perusahaan (ITI) di Kuala Lumpur dan Butterworth.²³ Projek sampingan dilaksanakan melalui penggalakan dan pertolongan yang diberikan kepada pertubuhan dan kelab-kelab belia dalam menjayakan sesuatu projek sosio-ekonomi. Bimbingan ini menjadi tanggungjawab khusus yang dikendalikan oleh Bahagian Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta organisasi Kementerian di peringkat negeri dan daerah. Dalam Bahagian Belia ini, beberapa unit pengelolaan belia ditubuhkan, antaranya Unit Bimbingan dan Kerjaya, Projek Belia Peladang, Perpaduan dan juga latihan.

Dari segi kepimpinan pula, masalah yang jelas dihadapi adalah untuk melahirkan dan memupuk bakat kepimpinan yang cekap dan bertanggungjawab di kalangan belia agar mereka tidak dianggap

sebagai suatu kumpulan yang tersendiri, terasing dan 'membebankan' masyarakat seluruhnya. Untuk tujuan ini, langkah-langkah bagi merapatkan jurang generasi yang mungkin terdapat antara golongan belia dengan *establishment* telah dilakukan. Kerajaan telah berusaha memupuk *a meaning identity* belia dengan memberi mereka peluang terlibat dalam persatuan-persatuan serta digalakkan menyusun dan mengadakan aktiviti-aktiviti kumpulan belia yang lebih sesuai dengan keperluan negara umumnya. Misalnya memberikan bantuan kewangan dan moral dari semasa ke semasa yang disalurkan, terutamanya, melalui KKBS, untuk membiayai dan menggerakkan aktiviti perkumpulan berkenaan. Ini termasuklah juga usaha-usaha menubuhkan institusi-institusi tertentu seperti Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) dalam tahun 1971 untuk dijadikan tempat rasmi berdialog dan bermesyuarat antara pemimpin-pemimpin belia dengan kerajaan, dari hasilnya dapat menentukan pergerakan belia itu sendiri.

Pengalaman Sejarah dan Pentadbiran Negara

Unsur ketiga yang boleh dianggap besar pengaruhnya ke atas usaha penubuhan dan perjalanan organisasi belia di negara ini ialah faktor sejarah dan perjalanan pentadbiran negara umumnya. Kewujudan kumpulan-kumpulan belia yang tidak rasmi dalam masyarakat Malaysia memanglah tidak asing lagi, baik pada zaman tradisional mahupun pada zaman sekarang. Tetapi melalui proses sejarah, terutamanya kemasukan pengaruh dan pentadbiran Inggeris, organisasi berkenaan telah menjadi semakin banyak dan rasmi kedudukannya di sisi undang-undang negara. Hal ini boleh diperhatikan dari dua segi.

Pertama, dalam usaha menyebarkan pengaruhnya, sama ada dari segi pendidikan mahupun agama Kristian, pihak kolonial telah membawa masuk beberapa buah model gerakan berorganisasi belia yang sudahpun terdapat di England ataupun di Eropah itu. Perkembangan ini telah mendorong masyarakat tempatan turut ghairah dan berusaha menubuhkan banyak lagi persatuan sukarela, termasuk juga pertubuhan belia, di kawasan kediaman masing-masing.²⁴

Keduanya, dalam usaha mengawal dan mengawasi perjalanan dan aktiviti kongsi-kongsi gelap Cina sejak pertengahan abad ke sembilan belas itu, pihak kolonial Inggeris telah bertindak untuk mengesahkan kumpulan-kumpulan itu melalui undang-undang tertentu iaitu *Societies Act* (Akta Pertubuhan), dengan peraturan setiap satunya mestilah didaftarkan. Jadi hanya persatuan yang didaftarkan secara sah dan memenuhi kehendak atau peraturan yang disetujui kerajaan sahajalah yang dianggap sah dan rasmi serta boleh mendapat bimbingan atau bantuan tertentu daripada pihak yang berkuasa itu. Ini termasuklah juga persatuan belia.

Penggabungan kedua-dua aspek ini telah menjadikan kewujudan persatuan belia itu sentiasa berhubung rapat dengan proses dan perkembangan sejarah Malaysia umumnya. Ia sentiasa terdedah pada tindakan dan campur tangan kerajaan. Walaupun hal ini dari satu seginya boleh menjejaskan konsep 'kesukarelaan' yang ada pada persatuan itu sendiri, namun dari segi pentadbirannya pula, perjalanannya menjadi lebih mudah tersusun dan diselaraskan. Ini kerana model perjalanan organisasi belia yang terdapat di England itu umpamanya, telah diikuti dan dilanjutkan amalannya ke dalam masyarakat tempatan, baik pada zaman sebelum ataupun sesudah kemerdekaan dicapai.²⁵

Perkembangan serta lanjutan corak pentadbiran daripada model-model yang diimport pada zaman kolonial itulah juga yang diteruskan kewujudannya sehingga dewasa ini, iaitu terdapatnya beberapa peringkat pentadbiran tertentu yang terselaraskan dan menyerupai pentadbiran atau birokrasi negara yang tersusun pada pentadbiran kerajaan pusat, negeri, daerah serta perkampungan.²⁶ Demikian juga dengan perjalanan organisasi belia umumnya: di peringkat pusat, terdapat organisasi kebangsaannya yang mengandungi bahagiannya di peringkat negeri dengan diikuti oleh peringkat daerah, dan akhirnya di peringkat persatuan-persatuan belia tempatan atau perkampungan.

Proses Pembangunan Sosioekonomi

Malaysia ialah sebuah negara sedang membangun dengan pesatnya. Ini terbukti dengan berdasarkan adanya proses dan peran-

cangan sosioekonomi yang sudahpun bermula sejak tahun 1956 lagi, iaitu dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang disalurkan melalui Rancangan Malaya I (1956-1960), Rancangan Malaya II (1961-1965), Rancangan Malaysia I (1966-1970), Rancangan Malaysia II (1971-1975) dan sekarang pula Rancangan Malaysia III (1976-1980) serta Rancangan Malaysia IV (1981-1985). Kesemua Rancangan ini bertujuan meningkatkan taraf hidup sosioekonomi dan politik dengan lebih baik dan sempurna lagi.

Dalam menghayati proses pembangunan ini, banyak peluang yang telah dan sedang disediakan untuk semua golongan masyarakat untuk terlibat dalam membaiki kehidupan mereka. Proses seperti ini juga dialami oleh golongan belia. Malahan pergerakan belia itu sentiasa digesa untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu dan hal ini secara langsungnya banyak mempengaruhi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Umpamanya dewasa ini Gerakan Belia 4B Malaysia mengambil kesempatan ini dengan mengadakan projek-projek sosioekonomi untuk ahli-ahlinya melalui rancangan Pembangunan Lima Tahun (PELITA) 4B yang sudah dimulakan sejak tahun 1972 dahulu. Dalam PELITA ini telah dirangkakan dasar dan matlamat beberapa projek utama yang wajar dijalankan bagi memenuhi kepentingan tenaga muda ahli-ahlinya. Misalnya Gerakan ini bergiat dalam bidang pembangunan pertanian dengan mengadakan kerja ladang, penternakan dan menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama selaras dengan usaha-usaha yang dianjurkan oleh kerajaan umumnya dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya. Satu misalan lain yang lebih menyeluruh ialah usaha mengadakan projek KOBENA (Koperasi Belia Nasional) yang dimulakan oleh KKBS dalam tahun 1976 lalu. Secara bersendirian pula, beberapa pertubuhan belia telah mengadakan syarikat perniagaan masing-masing. Misalnya Gerakan Belia 4B Malaysia menubuhkan Syarikat Kerjasama SEGEMAL; Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (PKBM/MAYC) menubuhkan NUR-HARAPAN. Tegasnya di sini, sebagai satu perubahan sikap dan amali, ternyata bahawa aliran perjuangan belia tidak lagi berkisar pada soal-soal hiburan atau

recreational sebagaimana yang lazim kedapatan dalam tahun-tahun 1950-an lalu, tetapi kepada *economic motivated projects*, atau telah memasuki bidang kegiatan yang lebih menguntungkan dari segi ekonomi. Keadaan seperti ini adalah lebih sesuai dengan hasrat orang dewasa yang ingin melihat wujudnya golongan belia yang berdikari itu.

Proses pembangunan sosioekonomi yang dijalankan itu pada dasarnya telah melibatkan organisasi belia itu dari dua segi. Pertama, mereka digesa dan digalakkan untuk bergerak selaras dengan dasar-dasar Kerajaan. Ini bererti mereka berfungsi untuk dapat dijadikan alat atau kumpulan yang ditaja oleh Kerajaan itu.²⁷ Keduanya, untuk memastikan usaha dan-sumbangan tersebut terselaras dengan dasar pembangunan itu, maka organisasi belia telah mengubah keutamaan aktiviti mereka, misalnya daripada mementingkan nyanyian, tarian, drama ataupun usaha gotong-royong membersihkan kubur atau tempat kediaman yang lazim dilakukan itu kepada mengutamakan kegiatan-kegiatan ekonomi seperti perniagaan, pembukaan bengkel-bengkel, berkedai, mengedar barang-barang malahan menjalankan perniagaan insurans sekalipun. Kegiatan-kegiatan ekonomi yang melibatkan unsur keuntungan wang ringgit yang serta-merta, kemahiran dan pekerjaan tetap yang lebih kekal ini adalah sebahagian yang penting daripada sekian banyak aktiviti yang diusahakan oleh organisasi belia yang terdapat di negara ini dewasa ini.

Perbezaan Bandar-Luar Bandar

Unsur terakhir yang dapat disebutkan sebagai mempengaruhi pergerakan belia di Malaysia ialah perbezaan kehidupan bandar dan luar bandarnya. Dengan mengingat pada keadaan petempatan kumpulan etnik yang tidak sama rata serta kurangnya bilangan belia Cina terlibat dalam pertubuhan sukarela belia sebagaimana yang telah diterangkan di atas, maka dua fakta ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa belia Melayu adalah lebih ramai menyertai pertubuhan-pertubuhan demikian. Oleh sebab orang Melayu lebih ramai berkediaman di kawasan luar bandar, maka fakta ini pada

menunjukkan bahawa pergerakan berorganisasi sukarela belia adalah lebih banyak terdapat di kawasan ini. Dengan itu, adalah tidak menghairankan apabila disebutkan aliran pergerakan ini lebih bersifat *economic motivated* sesuai dengan usaha-usaha kerajaan yang lebih menumpukan perhatian pada kehidupan masyarakat luar bandar sejak terlaksananya beberapa rancangan pembangunan negara sesudah kemerdekaan dicapai. Maka itu, nyatalah kewujudan organisasi belia seperti yang ada pada hari ini telah berubah sama sekali kalau dibandingkan dengan keadaannya pada zaman kolonial, lebih tertumpu di kawasan bandar.²⁸ Dengan itu juga ia bukan sahaja bersifat *economic motivated* bahkan, sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, juga berkeadaan *Malay-oriented* dan kerana itu pula, bermaknalah ia *rural-oriented*. Hal ini boleh dibuktikan selanjutnya dengan mengemukakan perbezaan jumlah bilangan persatuan belia yang terdapat di kawasan bandar dan luar bandar sebagaimana yang diberikan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5
Bilangan* Persatuan Belia di Bandar dan Luar Bandar
Semenanjung Malaysia 1975-79

Tahun	Bandar	Luarbandar
1975	599	2,401
1976	613	2,530
1977	628	2,608
1978	715	2,765
1979	783	4,078

* Bilangan yang dilaporkan ini tidak kira apakah persatuan berkenaan telah digantung atau dibubarkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan, tetapi bilangan yang ada membuat hubungan dan mendapat bantuan atau berurusan dengan KKBS dalam tahun-tahun berkenaan.

Bilangan persatuan yang berbeza yang dikemukakan dalam jadual ini sebenarnya melengkapkan keterangan yang telah diberikan mengenai keahlian dalam organisasi belia mengikut kumpulan etnik di atas. Tetapi yang penting di sini adalah mengenai implikasinya, iaitu keadaan ini memperlihatkan bahawa persatuan-persatuan itu lebih banyak terdapat di kawasan negeri-negeri yang mempunyai ramai orang Melayu. Angka-angka terakhir mengenai hal ini, seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 6, menunjukkan bahawa hanya di Wilayah Persekutuan, iaitu kawasan bandar raya sahajalah yang tidak mempunyai persatuan belia luar bandarnya. Sedangkan persatuan belia luar bandar di negeri-negeri lain adalah berlipat kali ganda banyaknya berbanding dengan yang terdapat di bandar-bandar. Umpamanya di empat buah negeri yang mempunyai penduduk majoriti orang Melayu iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, dan Trengganu, peratus persatuan belia yang terdapat di kawasan luar bandar masing-masing melebihi 80.0%, berbanding

Jadual 6
Bilangan Persatuan Belia Kawasan Bandar dan Luar Bandar di Semenanjung
Malaysia, 1979 Mengikut Negeri

Negeri	Dalam Bandar	%	Luar Bandar	%	Jumlah
Perlis	13	12.7	89	87.3	102
Kedah	76	11.3	599	88.7	675
Pulau Pinang	71	29.6	169	70.4	240
Perak	120	21.7	432	78.3	552
Selangor	82	19.8	333	80.2	415
Negeri Sembilan	75	25.3	222	74.7	297
Melaka	36	21.8	129	78.2	165
Johor	114	21.5	416	78.5	530
Pahang	64	16.6	321	83.4	385
Terengganu	55	19.9	222	80.1	277
Kelantan	46	11.2	363	88.8	409
W. Persekutuan	31	100.0	-	0.0	31
Jumlah	783		3,295		4,078

Sumber: KKBS, 1980.

misalnya Pulau Pinang sebanyak 78.3% ataupun Johor sebanyak 78.5%. Dalam hal ini, negeri Selangor ada kekecualiannya memandangkan kedudukannya sebagai negeri yang lebih maju dan pengasas kepada beberapa pertubuhan belia kebangsaan misalnya Belia 4B sendiri. Sambutan terhadap gerakan belia seperti di negeri Terengganu yang sebanyak 80.1% itu disebabkan oleh kekurangan pimpinan dan masih kurang sambutannya terhadap kegiatan demikian.²⁹

Jadual berkenaan juga menunjukkan bahawa bilangan persatuan belia yang terdapat di dalam bandar tidak ada yang melebihi 30%. Malahan bagi negeri Kedah dan Kelantan umpamanya, peratus persatuan belia yang terdapat di kawasan bandar adalah terlalu kecil, iaitu kurang lebih 11.0% sahaja. Dan sesungguhnya keadaan demikian merupakan kesan langsung oleh penumpuan tempat tinggal kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza-beza itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kedua-dua pola penyebaran persatuan belia di bandar dan di luar bandar ini tetap mempunyai perhubungan antara satu sama lain dalam menjayakan aktiviti yang mereka jalankan itu.

Kesimpulan

Penganalisan makro di atas memperlihatkan beberapa aspek atau ciri penting dalam gerakan belia di Malaysia dewasa ini. Pertamanya mengenai perbezaan yang ketara akan kesungguhan dan bilangan golongan belia Melayu dan bukan Melayu yang bergiat dalam organisasi-organisasi belia. Sungguhpun kerajaan mempunyai dasar-dasar tertentu untuk mendorong dan mengawasi organisasi-organisasi sukarela ini, namun sambutan yang diberikan oleh golongan belia bukan Melayu adalah kurang menggalakkan berbanding dengan yang diberikan oleh belia Melayu. Pertambahan bilangan belia Melayu yang terlibat dalam organisasi atau pertubuhan demikian, bagaimanapun, merupakan satu perkembangan yang positif terutamanya dengan mengingatkan bahawa kegiatan-kegiatan demikian masih baru dalam hidup mereka.

Dalam hubungan ini, maka ternyata bahawa kekurangan

kemahiran, peralatan serta kepimpinan di kalangan belia Melayu itu lebih memudahkan kerajaan menggalakkan, membantu, dan seterusnya memupuk pertumbuhan organisasi sukarela dalam hidup mereka, terutamanya di kawasan luar bandar, yang sebahagian besar didiami oleh orang Melayu. Dengan yang demikian, organisasi-organisasi berkenaan diharapkan untuk memenuhi atau dijadikan sebagai sebahagian daripada jentera demi meningkatkan kemajuan dan pembangunan dalam kehidupan masyarakat berkenaan. Keadaan ini juga telah menyebabkan, sekurang-kurangnya dari segi bilangannya, lebih banyak terdapatnya persatuan atau kelab belia di kawasan luar bandar berbanding dengan yang terdapat di kawasan bandar.

Gambaran yang diberikan dalam analisis makro ini tidaklah menjelaskan sejauh manakah ciri-ciri kehidupan semasa serta proses pembangunan itu berjaya mencorakkan kehidupan golongan belia negara ini untuk diteruskan oleh mereka pada masa hadapan. Perbezaan serta penyebaran kegiatan berpersatuan dalam kumpulan etnik dan kawasan kediaman yang berlainan serta usaha penggalakan yang disediakan untuk belia itu, bagaimanapun, adalah sesuatu yang wajar dilakukan sesuai dengan corak kehidupan masyarakat yang wujud di Malaysia hari ini.

Rujukan

1. Lihat: R.K. Vasil, *Policies in a Plural Society* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971) hal.3.
2. Jabatan Perangkaan, *Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1970* (Kuala Lumpur, 1972).
3. Untuk keterangan lanjut lihat, antaranya: K.J. Ratnam, *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya* (terjemahan, 1969); R.K. Vasil, *op.cit*; Gordon P. Means, *Malaysian Politics* (London, 1976); dan C.H. Enloe, *Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia* (Berkeley, 1970).
4. Sungguhpun dewasa ini semakin ramai orang Melayu berkediaman di kawasan bandar, tetapi mengikut bancian tahun 1970, pola petempatan yang berbeza ini masih jelas keadaannya, iaitu 85.1% orang Melayu masih tinggal di kawasan luar bandar atau hanya 14.9% berada di kawasan bandar berbanding dengan 47.4% bagi orang Cina dan 34.7% bagi orang India. Lihat: Jabatan Perangkaan (1972), *op.cit*.
5. Bancian tahun 1970 menunjukkan bahawa daripada seramai 3,122,350

orang Cina itu, 34.2% adalah terdiri daripada suku Hokkien; 22.1% suku Hakka (Khek); 19.8% Cantonese; 12.4% Teochew; 4.7% Hainan sementara suku-suku Kwong-sai 2.5% dan Hokchiu 1.8%. Yang lain-lain ialah suku yang kecil-kecil sahaja. Lihat: Jabatan Perangkaan (1972). Dari segi pekerjaan pula, antaranya, suku Hokkien lebih mahir berniaga; Hakka, perburuhan dan perlombongan; sementara Hainan pula dalam bidang masak-memasak. Lihat juga: Purcell, V., *The Chinese in Malaya* (London: Oxford University Press, 1948).

6. Untuk keterangan lanjut mengenai hal-hal ini, lihat antaranya: Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya* (Cambridge: Cambridge University Press, 1969); Jabatan Perangkaan (1972), op.cit. dan Sanusi Osman, "Beberapa Persoalan Tentang Hubungan Etnik di Malaysia Barat", *Manusia dan Masyarakat*, Bil.1 (1972), hal.36-50.
7. Lihat juga: R.K. Vasil, *The Malaysian General Elections of 1969* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972); Gordon P. Means (1976), op.cit. dan R. S. Milne & Diane K. Mauzy, *Politics and Government in Malaysia* (Singapore: Federal Publication, 1978), Bab 2, dan Judith Nagata, *Malaysian Mosaic: Perspectives from a Poly-Ethnic Society* (Vancouver: University of British Columbia Press, 1979).
8. Lihat keterangan lanjut dalam: Stephen A. Douglas & Paul Pedersen, *Blood, Believer and Brother: The Development of Voluntary Associations*, Papers in International Studies, Southeast Asia Series No.29, Center for International Studies, Ohio University (1973); Chee Liew Seong, *The Hakka Community in Malaya with Special Reference to Their Associations, 1801-1968*, M.A. Thesis, Chinese Department, University of Malaya, 1971 dan juga Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya* (London: Oxford University Press, 1969), *Introduction*, hal.1-13.
9. Sebab-sebab ini ialah yang diberikan oleh kebanyakan pemimpin belia sebagaimana yang disebutkan dalam Wan Ahmad bin Jusoh, "Masalah-masalah Perpaduan dan Pengelompokan Belia Dalam Pergerakan-pergerakan Belia", kertas kerja bagi *Seminar Pemimpin-pemimpin Belia Negeri Johor*, 10-14 Jun 1978.
10. Dewasa ini terdapat sebanyak 10,964 buah pertubuhan sukarela yang terdaftar secara rasmi (tidak termasuk persatuan peladang): 1,917 buah ialah pertubuhan belia; 1,749 pertubuhan sosial; 1,347 pertubuhan sukan; 1,029 guild; 773 buah penubuhan agama; 250 buah 'kongsi'; 652 buah 'huay kuans'. Secara tradisinya, empat jenis pertubuhan yang terakhir ini ialah yang lebih terkemuka di kalangan orang Cina. Lihat: S.A. Douglas & P.Pedersen (1973), op.cit.
11. Lihat: Wan Ahmad Jusoh, op.cit.
12. Lihat perbincangan mengenai hal ini dalam A. Rabuska, *Race and Politics in Urban Malaya* (Stanford, Calif: Hoover Institution Press (1973), hal.121 dan Douglas, S.A. & Pedersen, P. (1973). Lihat juga Judith Nagata (1979), op.cit., hal.241-244.

13. Sesungguhnya memang terdapat pertambahan bilangan organisasi yang bergerak di kalangan orang Cina sejak awal tahun 1960-an lagi. Misalnya dalam tahun 1959, terdapat sebanyak 2,041 buah organisasi sukarela Cina dengan ahli seramai 985,726 orang berbanding dengan sebanyak 862 buah organisasi dengan ahli seramai 190,509 orang di kalangan orang Melayu. Dalam tahun 1969, terdapat seramai 1,211,370 orang Cina memasuki organisasi sukarela yang berjumlah sebanyak 2,141. Tetapi jumlah ahli ini telah merosot sejak tahun 1962 biarpun bilangan organisasinya masih bertambah. Maka itu, dalam tahun 1968, terdapat sebanyak 3,069 buah organisasi Cina dengan ahli seramai 369,448 orang dan jumlah ini telah mulai diatasi oleh orang Melayu yang mempunyai 3,118 buah organisasi terdaftar dengan ahlinya seramai 330,799 orang. Lihat: A. Rabuska, *ibid.*
14. Lihat juga Chandra Muzaffar, "Haluan Perhubungan Etnik di Malaysia" dalam S. Ahmad Hussein dan Y. Mansoor Marican (eds.) *Integrasi Politik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1979), hal.90-100.
15. Sebab-sebab pembubaran sesebuah pertubuhan itu antaranya kerana gagal mengemukakan laporan tahunan; menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan, membuat hubungan dengan parti-parti politik di luar negeri, serta gagal mematuhi Akta Pertubuhan (Societies Act), 1966 dan Pindaannya 1972. Lihat: Societies Act), 1966 dan ulasan dalam Douglas, S.A. & Pedersen, P. (1972) hal.39-40.
16. Sebahagian besar pembubaran itu dibuat kerana persatuan gagal mengemukakan penyata tahunan masing-masing yang kemaskini dan persatuan berkenaan sudah tidak ada pemimpin yang aktif lagi (Pertemuan dengan Pengarah Belia, KKBS, Mac 1976 dan Pengarah Pergerakan Belia, November 1980). Laporan Pendaftar Pertubuhan menunjukkan bahawa dalam tahun 1969, terdapat 224 buah organisasi belia Melayu, 4 buah organisasi belia Cina dan 4 buah organisasi belia India telah dibubarkan. Sementara dalam tahun 1974 umpamanya, sebanyak 822 buah organisasi belia Melayu, 15 buah organisasi belia Cina dan 9 buah organisasi belia India telah dibubarkan.
17. Terdapat peratus bilangan belia bukan Melayu yang amat kecil yang menganggotai kedua-dua organisasi Belia 4B dan PKBM ini sekarang.
18. Lihat perbincangan lanjut dalam: Judith Nagata, "Religious Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia", *Pacific Affairs*, Vol.53, No.3, Fall, 1980; dan "The New Fundamentalism: Islam in Contemporary Malaysia", *Asian Thought and Society*, Vol.V, No.4, September 1980 dan juga: Mohamed Abu Bakar, "Dakwah dan Pengislaman Masyarakat Melayu Masakini: Satu Analisa Pengenalan", *Tamadun Islam di Malaysia* (1970).
19. KKBS, *Perkhidmatan Belia di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1975) serta kenyataan yang dirumuskan oleh Pengarah Belia, KKBS dalam pertemuan dengan beliau, Mac 1976.
20. Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975* (Kuala Lumpur 1971), hal.11.

21. Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980* (Kuala Lumpur 1976), hal.166.
22. Mohd Wahiduddin Ab. Wahab, Pengarah Belia, KKBS, "Dasar dan Strategi Perkhidmatan Belia Dalam Konteks Rancangan Malaysia Ketiga", kertas kerja *Seminar Pemimpin-pemimpin Belia Negeri Johor*, op.cit. Lihat juga: KKBS, *Perkhidmatan Belia di Malaysia* (1975), op.cit., dan *Laporan Tahunan KKBS, Bahagian Belia, 1979*.
23. Ibid. Lihat juga: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, *Perkhidmatan Belia di Malaysia* (Kuala Lumpur, 1975).
24. Perbincangan awal mengenai hal ini telah pernah saya kemukakan dalam "Pertumbuhan Pergerakan Berorganisasi Belia di Malaysia Barat Sebelum Merdeka", Kertas Tak Berkala No.2, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Mac 1979.
25. Ini termasuklah galakan kerajaan untuk memperbanyak bilangan persatuan belia serta lain-lain persatuan sukarela di kalangan orang-orang Melayu dan India serta yang bercorak campuran ditubuhkan. Penyesuaian dasar yang sedemikian rupa tidak hanya bertujuan untuk mengimbangi apa-apa yang sudah terdapat di kalangan orang Cina, bahkan dengan mengambil kira terhadap faktor yang memperlihatkan bahawa selama ini persatuan sukarela, terutamanya kongsi-kongsi gelap di kalangan orang Cina itu lebih banyak membahayakan keselamatan negara. Lihat perbincangan lanjut dalam Douglas & Pedersen, op.cit.
26. Terkecuali bagi persatuan-persatuan belia yang bergerak secara bebas, iaitu tidak bergabung dalam pertubuhan-pertubuhan belia yang bertaraf kebangsaan. Misalnya Persatuan Kawan Sebelia Kuala Lumpur (KSKL) ialah sebuah persatuan belia yang sedemikian rupa tarafnya; ia bergerak bersendirian, dan tidak bergabung dalam mana-mana pertubuhan belia kebangsaan.
27. Hal ini boleh berlaku sama ada di peringkat perseorangan (seperti kehebatan Tun Abd. Razak yang menjadi individu penggerak dalam usaha-usaha pembangunan sosioekonomi Malaysia) ataupun/dan juga di peringkat institusi (seperti penubuhan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi tujuan berkenaan). Lihat perbincangan lanjut dalam Gayl D. Ness, *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia* (Berkeley, University of California Press, 1967), Bab 1.
28. Lihat keterangan lanjut dalam Gayl D. Ness, "Economic Development and the Goals of Government in Malaysia" dalam Gungwu, W. (ed), *Malaysia: A Survey*, London 1964.
29. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah Nawawi, Timbalan Pengarah, Bahagian Belia, KKBS dalam pertemuan dengannya pada bulan November 1980.

LAMPIRAN

PERTUBUHAN BELIA KEBANGSAAN DI MALAYSIA*

<u>Pertubuhan</u>	<u>Anggaran Bilangan Ahli</u> (sehingga tahun 1980)
1. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	40,000
2. Briged Putera Malaysia	1,467
3. Briged Puteri Malaysia	1,200
4. Gabungan P/pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	73,450
5. Gerakan Belia 4B Malaysia	200,000
6. Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM)	58,059
7. Majlis Belia FELDA Wilayah Selatan	19,409
8. Majlis Belia Hindu	24,310
9. Majlis Kelab Bell Tamil	55,048
10. Pekerja Muda Kristian	6,000
11. Pergerakan Pemuda Malaysia	11,916
12. Persatuan Asrama Belia	2,000
13. Persatuan Belia Buddhis	36,000
14. Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA)	57,000
15. Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM)	30,625
16. Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC)	189,000
17. Persatuan Pandu Puteri	46,500
18. Persatuan Belia Methodis	6,200
19. Persatuan Pengakap Malaysia	81,776
20. Persatuan Belia Sarawak (SABERKAS)	68,243
21. Persatuan St. John Ambulan Malaysia	22,700

- * Antara syarat/ciri-ciri penting pertubuhan belia bertaraf kebangsaan itu ialah: "...hendaklah mempunyai 6 cawangan atau badan gabungan daripada 13 buah negeri dan jumlah ahli tidak kurang daripada 2,000 orang... atau tanpa cawangan tetapi mempunyai keahlian seramai 5,000 orang... Pertubuhan-pertubuhan Pelajar yang tidak mempunyai cawangan tetapi mempunyai 5 badan gabungan dan mempunyai tidak kurang dari 2,000 orang ahli adalah layak untuk mencapai taraf (kebangsaan) ini..." Lihat: Perlembagaan Majlis Belia Malaysia, Fasal VII(a), dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, *Perkhidmatan Belia di Malaysia*; Kuala Lumpur, 1975, hal.3.

Sumber: Sekretariat Majlis Belia Malaysia dan Bah. Pergerakan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, (1980).

GERAKAN PELAJAR DI MALAYSIA: SATU SOROTAN

Kurang lebih satu setengah dekad yang lampau, masyarakat Malaysia telah menyaksikan betapa panasnya Demonstrasi Tani - Baling - Pelajar. Demonstrasi yang tercetus di Baling, Kedah, oleh sebilangan besar kaum tani penoreh miskin itu telah disambut dengan suatu demonstrasi yang besar-besaran oleh sebilangan besar pelajar dan belia di Kuala Lumpur. Tarikh 4 Disember 1974 telah mencatatkan suatu peristiwa pahit di Kuala Lumpur apabila kumpulan penunjuk perasaan itu terkepung di Masjid Negara. Dan sebagaimana yang biasa berlaku, pasukan Polis Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Unit - FRU) dengan belantan dan *tear gas* telah dapat memecahkan kumpulan tersebut.

Peristiwa ini terjadi lima belas tahun lalu. Ia sudah kian dilupakan. Rancangan Buku Hijau yang pernah dijadikan langkah segera buat mengatasi masalah kemiskinan itu sudah jarang-jarang disebut-sebut. Jika adapun, ia dimaksudkan dalam konteks tujuan yang lain. Demikian juga pemimpin-pemimpin pelajar-belia dan ahli akademik universiti yang telah ditahan sebagai tahanan ISA (*Internal Security Act*) akibat daripada Demonstrasi tersebut sudah kian dimakan usia, sudah kurang disebut-sebut. Yang hanya masih selalu dihubungkan dengan peristiwa itu ialah Anwar Ibrahim.

Peristiwa tersebut telah dikaitkan dengannya secara langsung dan atas tuduhan tertentu berhubung dengan peristiwa malang itu, beliau telah ditahan selama kurang lebih 18 bulan lamanya. Pun bagaimana, sejak Mac 1982 beliau telah berubah haluan dan menyertai UMNO dan telah bertanding dalam pilihanraya tahun tersebut atas tiket UMNO/Barisan nasional bagi kerusi Parlimen kawasan Permatang Pauh, Seberang Perai. Dan mulai September 1982 pula, beliau menjadi orang UMNO yang semakin penting setelah dapat memenangi pemilihan Ketua Pemuda, dan hari ini sebagai Timbalan Presiden UMNO. Kedudukannya sekarang sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dalam kerajaan Barisan Nasional adalah cukup kukuh. Bahkan sebagai Menteri Pertanian yang sedang disandanginya sekarang, beliau secara langsung berhadapan dengan masalah yang serupa yang pernah mewarnai perjuangannya sebagai pemimpin pelajar dan belia dahulu - masalah tani dan kemiskinan. Dan hanya barangkali dari sekian banyak tema dan tuntutan serta resolusi yang seringkali disuarakan dalam gerakan pelajar dan belia sejak dua dekad lampau, isu dan permasalahan kemiskinan inilah yang belum pernah luput dan dilupakan.

Demikianlah beberapa episod dan aspek tertentu yang menarik yang tersirat dalam wadah gerakan pelajar dan belia yang pernah tercatat dalam perkembangan masyarakat Malaysia. Dan sesungguhnya, sejak peristiwa besar demonstrasi itu berlaku, belum lagi kedapatan demonstrasi dan kegiatan radikal pelajar di negara ini sehingga sekarang. Hal ini bagi setengah-tengah pihak, dirasakan sebagai sesuatu yang wajar dan baik kerana soal-soal kenegaraan dan permasalahan dasar dan politik itu bukanlah urusan dan tanggungjawab pelajar. Hal-hal ini ialah urusan dan beban para tokoh dan pemimpin. Bagi mereka golongan pelajar lebih perlu dan lebih wajar untuk melengkapkan diri dengan berbagai-bagai ilmu dan kepandaian. Soal *committed* atau tidaknya mereka dengan 'aspirasi dan cita-cita' rakyat terbanyak bukanlah urusan para pelajar dan belia. Pengkhususan dan persempadanan peranan ini turut diperkukuh dengan beberapa langkah tertentu yang lain,

termasuklah penegasan dalam pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) dan Pindaannya (1975).

Persoalan tentang wajar atau tidaknya aktivisma pelajar (para siswa dan mahasiswa) itu adalah suatu persoalan tersendiri yang tertentu dan tidaklah diberikan perhatian di sini. Demikian juga tentang Akta Universiti dan sebagainya yang banyak telah diperbincangkan dalam tempoh satu dekad yang lalu itu tidak juga diberikan perhatian dalam tulisan ini. Yang lebih ditumpukan adalah berupa suatu usaha merenung kembali akan beberapa isu dan politiknya yang tertentu yang pernah mendasari dan menentukan haluan gerakan belia dan pelajar dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Pergolakan yang berlaku di kalangan belia, khususnya organisasi belia yang mewakili golongan pelajar iaitu GPMS, PKPIM dan PKPM yang bergabung dalam MBM, perlu direnung kembali dalam tahun-tahun 1980-an ini. Dan sebagai suatu renungan kembali, peristiwa-peristiwa yang berbangkit barangkali menjadi suatu hakikat sejarah yang boleh menghasilkan sesuatu bentuk pertimbangan baru dari perspektif yang baru di kalangan generasi muda dewasa ini.

II

Fenomena gerakan pelajar (dan belia umumnya) ialah suatu pergolakan yang sewarjagat sifatnya. Ia terdapat di banyak negara – baik negara maju mahupun negara sedang membangun – di Eropah, di Asia, di Afrika dan di Amerika. Dan fenomena tersebut ialah fenomena yang amat bergolak dalam dua dekad pertama selepas Perang Dunia Kedua; iaitu dekad-dekad yang penuh peristiwa politik - masih gawatnya kerajaan kebangsaan yang baru mencapai kemerdekaan, pertentangan dan konflik politik serta peperangan seperti di Vietnam, dan beberapa strategi pengukuhan negara yang masih dalam peringkat percubaan - adalah semuanya turut mempengaruhi pemikiran dan cita-cita golongan muda dalam hampir setiap penjuru alam. Dan sebagai suatu gerakan sosial, gerakan belia dan pelajar yang tersalur melalui organisasi-organisasi

gerakan, sama ada yang sengaja dianjurkan penubuhannya oleh kerajaan mahupun yang ditubuhkan atas hasrat dan minat golongan ini sendiri, mengandungi aktiviti kolektif para siswa dan mahasiswa di pusat-pusat pengajian tinggi dengan matlamat umumnya untuk menimbulkan sesuatu kesedaran, keinsafan dan perubahan tertentu sehingga sesuatu isu dan permasalahan itu dapat diatasi bersama. Matlamat tersebut tegasnya adalah untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Sungguhpun demikian, sasaran paling utama dan yang paling sensitif adalah kepada pemegang-pemegang kuasa atau *establishment* atau tegasnya pihak kerajaan yang biasanya dipilih atau dianggap sah berkuasa oleh anggota masyarakat terbanyak. Pada tahap tertentu dalam perkembangan gerakan sosial itu bagaimanapun, terutamanya di peringkat awal gerakan, sasaran tersebut boleh jadi pemegang kuasa atau badan autoriti yang paling hampir dengan golongan pelajar itu sendiri, iaitulah pemegang kuasa dalam kampus-kampus di tempat mereka berada. Misalnya gerakan militan pelajar melalui demonstrasi-demonstrasi tertentu lebih menjadikan *establishment* sesebuah universiti sendiri. Hal ini misalnya pernah terjadi dalam kampus Universiti Waseda, Jepun, dalam tahun 1965 bilamana sebilangan besar para mahasiswanya melancarkan suatu permogokan dan enggan menghadiri kuliah serta memulaukan peperiksaan sebagai tindakan membantah pihak universiti berkenaan menaikkan bayaran masuk dan yuran pengajian. Sungguhpun pada dasarnya tindakan demikian berpunca daripada suatu isu yang lebih bersifat *domestic*, ia cukup untuk menggambarkan bahawa sebagai suatu golongan yang mempunyai budayanya yang tersendiri – tidak pasti, resah gelisah, sensitif dan marah-marah – golongan pelajar tersebut secara terbuka akan menentang sebarang ancaman yang boleh menjadikan mereka terhimpit.

Tetapi yang lebih biasa tercetus adalah berupa gerakan-gerakan pelajar yang militan dan *anti-establishment* atau *anti-government*. Tegasnya tindakan yang menentang *status-quo* masyarakat. Dan sebagai satu hakikat sejarah, gerakan seperti ini bukanlah merupakan fenomena abad ke-20 atau selepas Perang Dunia Kedua semata-mata. Bahkan adalah lebih awal daripada itu. Dan satu-

satunya yang lebih menonjol dalam hal ini ialah yang dicetuskan oleh sebilangan para pelajar – ahli akademik Universiti Wittenberg di Jerman, sebuah universiti tertua yang telah ditubuhkan dalam tahun 1502. Dalam tahun 1950-an, universiti berkenaan telah melahirkan gerakan-gerakan radikal *anti-establishment* yang dipelopori oleh, antaranya yang paling terkemuka, Martin Luther (melalui tulisan-tulisannya yang bertemakan *anti-social* seperti “Ninety-Five Theses”) yang telah memulakan perpecahan agama Kristian ke dalam dua mazhab utama iaitu Katholik (yang asal) dan Protestan (yang baru). Gerakan Reformasi ini kemudiannya telah berlembang ke Perancis dan beberapa buah negara jiran yang lain, sebagai suatu gerakan agama Kristian yang umum. Suatu hakikat penting boleh tercetusnya gerakan yang bersifat keagamaan dan *scholastic* ini adalah kerana berlakunya pertambahan golongan orang muda umumnya dan lebih-lebih lagi golongan pelajar. Ekoran daripada pertambahan bilangan pelajar seperti yang berlaku dalam konteks Universiti Wittenberg dalam abad ke-16 itu dalam banyak hal, menunjukkan bahawa dengan semakin meningkatnya bilangan *intellectual proletariat* yang kerana latar belakang hidupnya daripada kalangan rakyat biasa/bawahan itu, maka mereka menjadi lebih sedar akan kelemahan-kelemahan dan kongkongan tertentu *status-quo* terhadap keupayaan berfikir dan kebolehan mereka sebagai golongan yang baru muncul dalam masyarakat. Maka itu, golongan yang berpengaruh dan berkuasa dalam masyarakat, dewasa itu ialah golongan bangsawan (*nobility*) dan golongan gereja (*clergy*), menjadi sasaran tindakan yang utama atas anggapan bahawa golongan seperti inilah yang menjadi penghalang dan pengongkong kemajuan masyarakat dan kerana kedudukan itu mereka ini perlu diketepikan atau diruntuhkan.

Demikianlah makanya, penubuhan universiti, peningkatan taraf keilmuan dan kesedaran terhadap persekitaran, termasuklah keterbatasan peluang kerja dan guna tenaga serta ‘kesia-siaan intelektual’ sehingga ini menjadi tema dan teori penting yang dikemukakan bagi menjelaskan fenomena gerakan pelajar dan tradisi *the angry young men* dalam abad ke-20 ini. Dan sungguhpun

mereka masih memerlukan bantuan tertentu daripada kumpulan atau tenaga politik yang lain seperti tentera dan kaum tani untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam usaha 'meruntuhkan' sesebuah rejim politik itu, namun golongan pelajar dan belia (juga golongan intelektual) adalah yang lebih mungkin untuk mendapatkan sokongan daripada majoriti rakyat dan melahirkan pemimpin-pemimpin radikal.

Sebagai suatu gerakan sosial, tindakan-tindakan kolektif militan dan revolusinari golongan pelajar biasanya menjadi satu anasir penting dalam aktiviti-aktiviti politik antikolonial dalam banyak negara di Afrika dan Asia. Walau bagaimanapun, satu hakikat yang tidak dapat dinafikan adalah bahawa banyak ide penentangan tersebut sememangnya terhasil oleh adanya kemajuan tertentu yang telah sekian lamanya berkembang dalam zaman kolonialisme itu sendiri. Satu daripadanya yang terpenting adalah bilamana berpeluangnya pelajar-pelajar dari koloni-koloni itu belajar di universiti-universiti di Eropah (dan di Timur Tengah juga). Mereka inilah yang kemudiannya kembali ke tanah air masing-masing dengan membawa pulang berbagai-bagai kesedaran dan ide mengenai modenisasi, marxisme, sosialisme, demokrasi dan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan serta mengadakan pembaharuan-pembaharuan yang tertentu. Dalam pada itu, kemajuan pendidikan sekular dalam koloni itu juga secara langsung turut memberi sumbangan penting dalam pemupukan kesedaran politik tersebut. Malahan golongan pelajar tempatan yang demikian mempunyai gagasan politik yang lebih jelas mengenai nasionalisme dan sikap antikolonial kerana mereka adalah yang lebih hampir, bahkan lebih *committed* dengan segala macam penindasan dan kesengsaraan masyarakat di luar kampus mereka. Pengalaman dan *commitment* politik golongan pelajar di Indonesia, di Burma dan bahkan di Tanah Melayu sendiri membuktikan hakikat betapa pertambahan bilangan *intellectual proletariat* itu lebih ampuh akan sikap dan sifat-sifat nasionalisme mereka. Lulusan Rangoon College, Sultan Idris Training College (SITC) dan Sekolah Doktor Djawa (Stovia) serta Institut Teknologi Bandung umpamanya

adalah lebih *committed* dan *nationalistic* berbanding dengan sebilangan para lulusan yang pernah terdidik di London, Hague, Paris ataupun Kahirah sendiri. Pun bagaimana, kedua-dua golongan pelajar ini perlu dan boleh bekerjasama, bahkan saling memerlukan dalam menghadapi himpitan kuasa-kuasa kolonial di tanah air masing-masing.

Sehubungan dengan itu, maka dalam masyarakat serantau di Asia Tenggara, kemunculan tokoh-tokoh nasionalis dan pelajar khususnya bukanlah perkara baru. Mereka bukanlah hasil fenomena dan kewujudan gerakan pelajar tahun-tahun 1960-an dan 1970-an yang lebih cenderung menentang *establishment* kebangsaan yang sudah merdeka itu. Kemunculan dan kebangkitan gerakan pelajar sama ada yang berupa Angkatan 66, Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (GERMINDO) dan sebagainya ekoran daripada Peristiwa GESTAPU 1965; kumpulan dan organisasi mahasiswa Katolik dan Buddha dari Universiti Dalat dan Van Hanh di Vietnam Selatan yang menentang rejim Ngo Dinh Diem; keterlibatan para mahasiswa yang dikatakan menggugat melalui Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Persatuan Mahasiswa Islam dan malahan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (UMSU), Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia (PKPM) serta lain-lain; serta kebangkitan gerakan pelajar dari Universiti Thammasat, Chulalongkorn serta lain-lain di Thailand yang mencetuskan Demonstrasi Oktober 1973 sehingga meruntuhkan rejim politik tentera-polis Thanom-Praphat itu, antara lainnya, adalah suatu kesinambungan gerakan pelajar dan belia nasionalis yang pernah wujud pada zaman sebelum merdeka lagi. Pada zaman tersebut sudah terdapat gerakan radikal pelajar sehingga ia merupakan tempat latihan awal gerakan politik dan nasionalisme bagi sebilangan tokoh dan pemimpin negara seperti Sukarno, Mohd Hatta (Indonesia), Jose Rizal (Filipina), Aung San (Burma) dan (Allahyarham) Ibrahim Yaakub serta beberapa orang kawannya (Tanah Melayu). Dengan yang demikian, kemunculan pemimpin-pemimpin gerakan pelajar dalam tahun-tahun 1960-an seperti Anwar Ibrahim dan beberapa orang yang lain (di Malaysia);

Pranpansak Kampoletch, Boonsong Chalethorn, Therayudh Boonmee dan lain-lain (di Thailand); Arif Rachman serta lain-lain (di Indonesia) adalah suatu bentuk kesinambungan pada tradisi menentang dan mencabar *establishment* (bahkan di Thailand meruntuhkan sebuah rejim politik kebangsaan). Ini menjadikan golongan pelajar, melalui organisasi-organisasi mereka di dalam dan di luar kampus, sebagai kumpulan penting dan pendesak yang penting kerana di samping menyediakan tempat latihan kepimpinan bagi sebilangan pemimpin masa depan negara, juga berperanan untuk membetulkan sesuatu penyelewengan dan kesilapan yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa dengan cara mereka yang tersendiri.

III

Sungguhpun gerakan pelajar dan golongan belia di Malaysia hanya kelihatan lebih menonjol kewujudannya dalam tahun-tahun 1960-an sehingga pertengahan tahun-tahun 1970-an, ia sudahpun terdapat sejak zaman pemerintahan kolonial lagi. Jika dilihat dari perspektif umur umpamanya, adalah jelas didapati bahawa gerakan-gerakan politik seperti melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam tahun-tahun 1930-an itu melibatkan, sebahagian besarnya golongan yang masih muda, iaitu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC). Dan seterusnya selepas Perang Dunia Kedua, beberapa sayap parti tertentu diusahakan untuk menggembelngkan tenaga belia dalam gerakan politik sehingga telah lahir, misalnya, Pemuda UMNO, Angkatan Pemuda Insaf, dan beberapa badan belia lain yang sungguhpun bersifat kenegerian dan bergerak sebagai pertubuhan sosiobudaya, mereka mempunyai kesedaran politik dan semangat nasionalisme tertentu.

Dalam pada itu, haruslah disebutkan bahawa pertumbuhan organisasi-organisasi belia bermula sejak zaman awal pentadbiran kolonial Inggeris itu sendiri. Beberapa konsep dan model organisasi belia yang sudah terkemuka di Britain dan di Eropah, sama ada yang bercorak agama, disiplin dan akhlak, pengembaraan dan

penerokaan, sosioekonomi telah pun 'diimport' ke Tanah Melayu dalam zaman tersebut. Antara organisasi tersebut yang masih terus berkembang sehingga hari ini ialah Pasukan St. John Ambulan yang telah diperkenalkan dalam tahun 1908; Young Men's Christian Association – YMCA (1905); Pasukan Pengakap (1910); Young Women's Christian Association – YWCA (1914), Pandu Puteri (1917); Belia Methodist (1950); konsep National Association of Youth Clubs yang diubahsuai menjadi Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC) pula dalam tahun 1954. Sementara dalam tahun 1950, sebuah badan penyelaras belia peringkat nasional yang dikenali sekarang sebagai Majlis Belia Malaysia (MBM) telahpun ditubuhkan.

Sebagai ekoran daripada segala bentuk kegiatan berpersatuan yang dikembangkan ini, maka terdapat pula beberapa pertubuhan belia tertentu yang diusahakan penubuhannya melalui daya usaha golongan belia tempatan, terutamanya golongan pelajar Melayu sendiri. Secara yang lebih tegas, perkembangan ini lebih banyak tertumpu selepas Perang Dunia Kedua. Antaranya yang terpenting dan lebih terkemuka ialah Kesatuan Pelajar-Pelajar Melayu Selangor, kesatuan-kesatuan pelajar di maktab-maktab (teknik dan pertanian), dan yang lebih pentingnya ialah Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung GPMS (1948). Dan dalam arus perkembangan pendidikan yang semakin pesat selepas Merdeka, dua buah pertubuhan pelajar (mahasiswa) bertaraf kebangsaan telah tertubuh kemudiannya iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia – PKPM (1958) dan dalam tahun 1961 pula, Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia – PKPIM telah ditubuhkan. Kedua-dua pertubuhan PKPM dan PKPIM menggabungkan sebilangan besar persatuan pelajar dari kampus-kampus universiti serta beberapa institusi pengajian serta maktab-maktab; sementara GPMS adalah lebih terkemuka pada golongan pelajar sekolah menengah biarpun sebilangan pemimpinnya terdiri daripada kalangan mahasiswa universiti.

Dalam tahun-tahun 1950-an dan 1960-an itu juga telah tertubuh beberapa buah pertubuhan belia yang lain yang bergerak di luar

kampus. Ada antaranya seperti Briged Putera (1959), Briged Puteri (1960), Young Malaysian Movement (1960), Joyful Vanguard (1965), Belia 4B (1965) berdasarkan model beberapa gerakan belia yang sudah terkemuka di Eropah dan Amerika Syarikat. Sementara pertubuhan-pertubuhan belia seperti Majlis Belia Hindu (1958), Tamil Bell (1966), dan diikuti kemudian dalam tahun-tahun 1970-an oleh penubuhan Belia Buddhist (1970), Angkatan Belia Islam Malaysia (1971) serta beberapa buah yang lain di peringkat negeri berdasarkan kepentingan, daya usaha serta keperluan golongan belia tempatan sendiri. Jabatan Belia yang kemudiannya diserapkan menjadi Bahagian Belia dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah dilakukan dalam tahun 1964, suatu langkah kerajaan untuk benar-benar dapat memberikan perhatian kepada golongan berkenaan.

IV

Dalam MBM sekarang terdapat 32 buah pertubuhan atau organisasi belia yang menjadi ahli gabungannya. Selain 14 buah organisasi yang lebih merupakan badan penyelaras belia peringkat negeri, 18 buah yang lain ialah organisasi belia bertaraf kebangsaan. Dari segi aliran atau dasar gerakan, organisasi-organisasi ini terkelompok dalam tiga kategori penting. Pertama ialah organisasi beruniform seperti Pengakap, St. John Ambulan dan Pandu Puteri; kedua, pertubuhan yang bercorak agama, sosioekonomi dan kebudayaan seperti ABIM, Briged Putera, Belia 4B, Tamil Bell dan YMM. Sementara yang ketiganya ialah pertubuhan belia pelajar, dan dua buah organisasi yang penting iaitu GPMS dan PKPIM. Sebelum berkuatkuasanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975, PKPM merupakan pertubuhan pelajar yang bergabung dalam MBM.

Jika direnung kembali akan sejarah dan perkembangan MBM dan gerakan belia seluruhnya di negara ini, nyata sekali bahawa hanya dengan bergabungnya pertubuhan pelajar, terutamanya PKPIM dan PKPM, gerakan belia telah muncul sebagai suatu

kumpulan pendesak dan tenaga politik yang memberikan perhatian kepada berbagai-bagai bentuk masalah dalam kehidupan rakyat, dan sanggup bertindak untuk menyatakannya kepada pihak yang berkuasa. Sebelumnya, MBM dan ahli-ahli gabungannya, rata-ratanya, lebih banyak terlibat dalam urusan-urusan belia antara-bangsa ataupun aktiviti-aktiviti yang 'lebih ringan', umpamanya yang mengenai kesenian dan hiburan, dan sedikit banyak dalam soal-soal kemajuan sosioekonomi. GPMS yang lebih terkemuka di kalangan pelajar Melayu peringkat menengah, bahkan dalam tahun-tahun akhir 1960-an masih menghadapi kemelut kepimpinan. Dan hanya dengan penggabungannya dalam MBM dalam tahun 1969, GPMS menjadi semakin lebih aktif dan mahu tidak mahu, terseret sama dalam arus aktivisma pelajar, walaupun hal ini agak menyulitkannya sendiri kemudiannya.

Maka itu, dari segi dasar perjuangan, ternyata bahawa ketiga-tiga pertubuhan belia-pelajar – GPMS, PKPM dan PKPIM – mempunyai identiti dan aliran pergerakan yang berbeza. GPMS yang lebih berminat pada kemajuan pendidikan di kalangan pelajar Melayu, terutamanya melalui projek-projek kelas bimbingannya serta dari segi keahliannya yang bersifat Melayu itu, lebih menjadikannya sebuah organisasi perkauman – nasionalistik Melayu. Sebaliknya PKPIM, yang walaupun dalam usaha penubuhannya (1960) juga melibatkan restu dan penyertaan dua pemimpin GPMS sendiri, adalah lebih bersifat organisasi keagamaan – Islam dan pemupukan kesedaran Islam di kalangan generasi pelajar Islam umumnya. Melalui usaha dan tradisi projek Kempen Kesedaran dan seminar-seminar yang bersifat kesarjanaan yang dianjurkan atau disertainya mengenai berbagai-bagai isu – kebudayaan, bahasa, agama dan pendidikan – PKPIM menjadi lebih cepat terkenal walaupun ia ditubuhkan kurang lebih 12 tahun selepas tertubuhnya GPMS. Sementara PKPM pula adalah lebih bersifat *multi-racial* dan dengan sifatnya ini, ia juga menjadi cepat *popular* dan malahan lebih mudah mendapat perhatian daripada pihak *establishment* sendiri. Ini terutamanya jika dibandingkan dengan GPMS yang bersifat perkauman Melayu ataupun PKPIM juga, yang

oleh sebab perjuangannya, adalah lebih terkemuka pada golongan pelajar Islam dan Melayu sahaja. Namun demikian, kehairahan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersifat *multi-racial*, dan bukan bersifat *Islamic* seperti PKPIM dan tidak juga berdasarkan nasionalisme Melayu seperti GPMS, lebih mendorong sebilangan pemimpin PKPM kemudiannya cenderung kepada pengaruh sosialisme, antikapitalis dan sekali gus sifat demikian adalah juga bererti *anti-establishment*.

Demikianlah, maka dalam suasana politik serantau yang amat bergolak dalam tahun-tahun 1960-an dan awal 1970-an itu, perang dan penglibatan Amerika di Vietnam, gerakan pelajar di Indonesia di sekitar peristiwa GESTAPU 1965 serta beberapa yang lain menjadi sebahagian daripada peristiwa-peristiwa luaran yang menimbulkan kesan tunjuk tertentu terhadap kebangkitan gerakan pelajar di negara ini. Dan banyak lagi peristiwa lain yang berlaku sejak pertengahan tahun 1960-an seperti demonstrasi pelajar Perancis yang menentang kerajaan De Gaulle umpamanya cukup besar pengaruhnya ke atas kegiatan pelajar di dalam kampus, terutamanya kampus Universiti Malaya, untuk dapat berbuat sesuatu dalam menghadapi suasana dan pergolakan tempatan sendiri. Dan sebagai suatu *fesyen*, maka dewasa itu, kegiatan-kegiatan di kampus seperti majlis-majlis seminar, simposium dan kongres telah banyak membuka mata sebilangan pemimpin persatuan pelajar yang sebelumnya lebih berminat untuk menganjurkan drama dan tarian.

Hasilnya, generasi pelajar atau mahasiswa sekitar tahun-tahun 1965 hingga 1974 merupakan generasi pelajar tempatan yang diwarnai dan mengharungi banyak peristiwa dan aktiviti yang menjadikan mereka suatu kumpulan pendesak yang mungkin sukar berulang lagi buat beberapa dekad yang akan datang. Peristiwa-peristiwa seperti demonstrasi menentang kerajaan yang tertumpu pada isu dan tokoh tertentu seperti demonstrasi menyokong Hamid Tuah (1967), anti-Russia (kes pencerobohan ke atas Czekoslovakia) dan anti-Filipina (kes tuntutan ke atas Sabah) (1968), hak autonomi universiti (1969), anti-Tunku (1969) dan beberapa yang lain sehinggalah kepada Demonstrasi Baling – Pelajar dalam bulan

Disember 1974 itu merupakan suatu manifestasi kesedaran golongan pelajar yang tidak kurang hebatnya sebagaimana yang terdapat dalam banyak negara luar juga.

V

Bagaimanakah aktivitisma pelajar sebagai kumpulan pendesak yang dihubungkan dengan berbagai-bagai peristiwa dan demonstrasi itu boleh menimbulkan impak dan membabitkan MBM dan lain-lain ahli gabungannya? Jawapannya, sebagaimana yang telah disebutkan sepintas lalu di atas adalah melalui penglibatan pemimpin dan bekas-bekas pemimpin gerakan pelajar ke dalam MBM. Dan satu-satunya pemimpin yang paling terkemuka dalam pengembangan peranan ini ialah Anwar Ibrahim. Beliau yang pernah memimpin Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, PKPIM, dan seterusnya dalam tahun 1971 pula merupakan salah seorang pemimpin-penaja ABIM. Penglibatan beliau dalam kepimpinan MBM telah bermula dalam tahun 1969/70 iaitu sebagai Yang Dipertua (YDP) PKPIM. Dalam tahun berikutnya, beliau telah dipilih menjadi Setiausaha Agung MBM pula.

Dalam banyak hal, penyertaan Anwar yang pernah menjadi 'hero' dalam gerakan pelajar di kampus (Universiti Malaya – selain beberapa orang yang lain dalam PKPM, terutamanya memang kurang disenangi oleh sebilangan pemimpin pertubuhan beliau yang lain yang bergabung dalam MBM. Maka itulah, dalam 'merebut' jawatan presiden MBM yang disokong oleh YM Tunku Abdullah dalam tahun 1972, MBM seolah-olah berpecah kepada tiga blok atau *faction* atau kelompok tertentu.

Blok pertama terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang berpihak dan cenderung untuk menyokong Anwar, iaitu daripada kalangan PKPIM dan PKPM serta ABIM sendiri. Blok kedua terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang dianggap 'prokerajaan', terutamanya yang tertumpu pada Belia 4B dan Majlis Belia Selangor dengan tokoh terpentingnya iaitu Hj. Suhaimi bin Datuk

Haji Kamaruddin. Sementara yang ketiga adalah yang lebih berkecuali yang biarpun menjadi kelompok penentu tetapi sering menjadi 'kambing hitam' dalam politik belia dewasa itu. Misalnya MAYC dan beberapa pertubuhan belia bukan-Melayu yang lain. Lebih malang, bagaimanapun tampaknya, ialah GPMS yang 'diragukan' pendiriannya sama ada benar-benar memihak kepada blok Anwar ataupun blok Hj. Suhaimi.

Kedudukan GPMS yang demikian adalah mudah difahami kerana selama ini pun pemimpin-pemimpinnya tidaklah mempunyai hubungan yang rapat dengan sebilangan pemimpin belia golongan Anwar Ibrahim, terutamanya dalam gerakan pelajar di kampus universiti sebagaimana pemimpin-pemimpin PKPIM. GPMS juga sebenarnya lebih berminat dengan usaha-usaha yang lebih sederhana dalam menyatakan sikap dan kesedaran, terutama kerana merasakan bahawa adalah lebih mudah baginya mendapatkan kerjasama daripada kalangan bekas pemimpin GPMS yang tertentu yang sudah menjadi pegawai kanan kerajaan dalam merintis jalan perundingan dan pertemuan dengan tokoh dan pemimpin-pemimpin negara. Pertimbangan dari segi bantuan kewangan bagi kepentingan GPMS sendiri juga menjadikannya berkeadaan demikian.

Walaupun begitu, dalam kekeruhan pengelompokan MBM itulah juga GPMS telah cuba mengemukakan seorang pemimpinnya untuk menjadi calon ketiga bagi merebut jawatan presiden MBM itu. Usaha ini bagaimanapun telah terpaksa diketepikan sahaja kemudiannya. Malahan pihak GPMS telah bertindak mundur ke belakang dengan menarik semua pencalonan pemimpin dan perwakilannya untuk merebut jawatan-jawatan MBM (1972) dengan alasan terdapatnya pandangan serong dan pemulauan senyap-senyap dilakukan oleh beberapa pertubuhan tertentu terhadap GPMS yang dikatakan sebagai satu-satunya pertubuhan pelajar yang prokerajaan dewasa itu. Dalam kehangatan gerakan pelajar dan belia waktu itu, apa pun alasan dan pertimbangan GPMS untuk memboikot pemilihan jawatan dalam pimpinan MBM boleh juga ditafsirkan sebagai ketaksanggupannya untuk mengharungi politik belia yang sesungguhnya tidaklah lepas bebas

daripada konflik peribadi dan fitnah-memfitnah yang tidak kurang hebatnya sebagaimana yang terdapat dalam percaturan politik kepartian yang biasa. Dan politik yang menjadi itu secara disadari atau tidak haruslah diterima sebagai suatu perkembangan yang boleh melengkapkan kematangan mengendalikan sesebuah pertubuhan yang besar seperti MBM sendiri.

VI

Pendirian dan sikap GPMS dalam konteks perebutan jawatan pemimpin MBM 1972/73 itu membuktikan bahawa pertubuhan pelajar umumnya tidak berpadu dan bersependapat. Pada satu pihak, iaitu PKPM dan PKPIM yang lebih berpengalaman dalam aktivitisme pelajar di kampus-kampus dalam tahun-tahun 1960-an itu adalah lebih cenderung untuk bertindak cepat dan secara yang lebih radikal sifatnya. GPMS berkeadaan sebaliknya. Dan dengan demikian, dengan wujudnya politik dalam proses pemilihan pemimpin itu, gaya kepimpinan Anwar Ibrahim yang bersifat *issue-oriented* yang diusahakan penerusannya dari dalam kampus ke dalam gerakan belia di luar kampus, khususnya melalui MBM, adalah tidak ampuh. Buktinya adalah jelas kerana bilamana tercetusnya Demonstrasi Tani – Baling 1974 itu, Anwar tidak sahaja menanggung risiko yang besar sebagaimana yang telah disebutkan di atas, bahkan juga kedapatan sebahagian besar Ahli Jawatankuasa MBM dan badan-badan gabungannya telah meletakkan jawatan dan keluar dari MBM. Malahan MBM sendiri hampir terubur.

Dalam hubungan ini bagaimanapun, haruslah diakui bahawa sebagai suatu hakikat dan legasi perjuangan, corak pergerakan dan gaya kepimpinan yang demikian telah dapat mengubah haluan gerakan MBM dan organisasi belia umumnya untuk mendasari kewujudan mereka pada banyak isu dan permasalahan yang terdapat dalam masyarakat umumnya, dan bukan hanya semata-mata buat mengisi masa lapang begitu sahaja. Dengan yang demikian juga, maka walau apa pun pentafsiran yang ingin dikemukakan, adalah jelas bahawa kemunculan aktivisme dan gerakan pelajar dalam

tahun 1960-an dan 1970-an itu mempunyai impak tertentu terhadap masyarakat. Umumnya ia dianggap sebagai golongan yang lebih *committed* dengan segala macam harapan dan keluh-kesah rakyat majoriti kerana rata-ratanya golongan ini sendiri datang daripada kalangan rakyat.

Maka itu, di luar pertimbangan akan wujudnya konflik dan persaingan organisasi dan personaliti para pemimpin belia, nyatalah bahawa dalam banyak hal, golongan belia-pelajar pernah muncul sebagai kumpulan pendesak yang berkesan dalam melakukan desakan dan tuntutan tertentu terhadap pihak pemegang kuasa pada zaman merdeka. Dan sebagai golongan demikian, keberkesanannya bertindak bukanlah bererti ia semestinya berjaya meruntuhkan sesebuah rejim atau kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Dalam kebanyakan negara lain, apalagi di Malaysia sendiri, walaupun tindakan mendesak itu ada kalanya melibatkan pengorbanan tertentu di kalangan pelajar, namun golongan ini belum berjaya menggantikan dan seterusnya menjalankan kekuasaan atau *status-quo* yang telah diruntuhkan itu sendiri. Kumpulan yang lebih mungkin dan lebih berupaya untuk memimpin negara (membentuk kerajaan) adalah sama ada kumpulan politik awam (demokratik atau sosialistik) atau kumpulan tentera. Kumpulan pelajar dengan demikian boleh jadi sebagai golongan pendesak yang merintis jalan bagi salah satu kumpulan politik berkenaan – parti politik ataupun pihak tentera – memegang kuasa. Tegasnya, dengan kedudukan dan peranannya yang lebih berpotensi sebagai kumpulan pendesak itu, kumpulan dan gerakan pelajar-belia mempunyai peranan sama ada untuk mengukuhkan sesebuah rejim atau di sebaliknya, boleh juga turut meruntuhkannya; tetapi belum pasti boleh, secara sendirian, membentuk kerajaan. Namun demikian, melalui pengalaman dan pemupukan bakat kepimpinan melalui organisasi-organisasi sukarela pelajar dan belia yang dipimpin itu, sebilangan pemimpin golongan muda ini mempunyai peluang yang baik untuk kemudiannya diteruskan pula dalam kegiatan dan pertubuhan politik kepartian. Demikianlah maka, bilamana Anwar Ibrahim dan sebilangan pemimpin politik semasa yang ‘sebaya’ dengan beliau –

Sanusi Junid (PKBM/MAYC), Hj. Suhaimi (Belia 4B), Ustaz Fadhil Noor dan Hj. Nakhaie Ahmad terlibat dalam pimpinan ABIM, sebagaimana Anwar sendiri – memperlihatkan wujudnya suatu ‘transformasi’ dan ‘kesinambungan’ peranan pemimpin dan kepimpinan daripada organisasi pelajar dan belia ke dalam parti-parti politik. Persoalan apakah bentuk ‘transformasi’ dan kesinambungan ini lebih mengukuhkan parti yang memerintah ataupun sebaliknya memanglah suatu persoalan lain, tetapi adalah wajar untuk disebutkan bahawa walau apa bentuk kegiatannya sekalipun, organisasi pelajar khususnya dan organisasi belia umumnya sehingga ini tidak sahaja pernah muncul sebagai kumpulan penting dan ada ketikanya menjadi kumpulan pendesak yang berkesan, bahkan juga menjadi *training ground* bagi sebilangan pemimpin politik dan kerajaan hari ini. Dan dalam hal ini barangkali boleh juga disebutkan bahawa dalam beberapa hal tertentu, organisasi yang pernah dan yang masih diceburi oleh sebilangan pemimpin politik itu juga merupakan *ground support* yang baik dan cukup berkesan bagi mengukuhkan dan memantapkan pengaruh dan kedudukan politik kepartian masing-masing. Sungguhpun tanggapan ini mungkin ada benarnya, tetapi kerana perkembangan dan transformasi yang dimaksudkan itu masih berjalan, maka pastilah kenyataannya yang muktamad masih terlalu awal untuk dikemukakan.

Rujukan

Antara bahan rujukan yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah: Leopold Rosenmayr, “Introduction: New Theoretical Approaches to the Sociological Study of Young People”, *International Social Science Journal*, Vol. XXIV, No. 2 (1972); artikel-artikel dalam Donald K. Emmerson (ed.), *Students and Politics in Developing Nations* (London: Pall Mall Press, 1968); Harry J. Benda, “Non-western Intelligentsia as Political Elites”, *The Australian Journal of Politics and History*, Vol. VI, No. 2 (Nov. 1960); Herbert Moller, “Youth as a Force in the Modern World”, *Comparative Studies in Society and History*, Vol. X (1967-68); Joseph Silverstein, “Burmese Student Politics in a Changing Society”, *Daedalus*, Vol. 97 (1968); dan “Burmese and Malaysian Student Politics: A Preliminary Comparative Inquiry”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 1, No. 1 (March 1970). Beberapa artikel lain mengenai gerakan dan aktivisma pelajar serta hubungannya dengan politik dalam negara-negara di Asia Tenggara: David Wurfel,

"Martial Law in the Philippines: The Methodes of Regime Survival", *Pacific Affairs*, Vol.50, No.1 (Spring 1977); Justus M. van der Kroef, "Patterns of Political Opposition in Southeast Asia", *Pacific Affairs*, Vol.51, No.4 (Winter 1978/79); Frank C. Darling, "Marshall Sarit and Absolute Role in Thailand", *Pacific Affairs*, Vol.33, No.3 (Dec. 1960) and "Student Protest and Political Change in Thailand", *Pacific Affairs*, Vol.47, No.1 (Spring 1974) serta artikel Robert F. Zimmerman, "Student Revolution in Thailand: The End of the Thai Bureaucratic Polity?", *Asian Survey*, Vol.14, No.2 (Feb. 1974) adalah dianggap penulisan yang cukup relevan bagi memahami beberapa permasalahan dan isu yang mempengaruhi dan seterusnya menimbulkan implikasi tertentu terhadap gerakan pelajar dan belia umumnya.

Untuk mendapatkan beberapa penjelasan dan pemerihalan lanjut mengenai konsep gerakan sosial dan kumpulan kepentingan (*interest group*) serta kumpulan pendesak (*pressure group*) lihat antaranya: Rudolf Heberle, *Social Movements: An Introduction to Political Sociology* (N.York: 1951); D.G. Garson, "On the Origin of Interest Group Theory", *American Political Science Review*, Vol.LXIII, No.4 (Dec. 1968); M.N. Zald & R.Ash, "Social Movement Organization: Growth, Decay and Change", *Social Forces*, Vol.44 (March 1966); G.Almond & S.Powell, *Comparative Politics: A Developmental Approach* (1962) dan juga Paul Wilkinson, *Social Movements* (London, 1971).

Mengenai gerakan belia dan aktivisma pelajar di Malaysia pula, antara sekian banyak bahan yang digunakan antaranya ialah: Mohamed Abu Bakar, *Mahasiswa Menggugat* (1973); dan "Kenapa Pelajar-pelajar Berdemonstrasi", *Dewan Masyarakat* (April 1973); pelbagai rencana dan makalah jurnalistik yang tersiar dalam majalah (mending) *Pemimpin*, terbitan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia; Mahmud Kitom, "Percaturan Politik Belia Mengancam MPBN?", *Dailog*, Edisi 2, Bil.2 (Sept 1976) dan "MBM Bergegar Lagi Ekoran Tindakan MAYC/PKBM", *Dailog*, Edisi 1, Bil.5 (Julai 1977); Ibrahim Ali, "Memo terbuka kenapa MBM retak", *Sarina* (Jun 1977); tulisan mengenai "GPMS 29 tahun", *Mastika* (Jun 1977); Ahmad Faiz Abd. Hamid, *Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)*, Latihan Ilmiah ijazah Sarjana Muda Sastera di Jab. Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya 1977/78; Abd. Ghani Abdullah Che Amat, *Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM)*, juga latihan ilmiah di Jab. Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1979/80; Abu Bakar Muhammad, *Majlis Belia Malaysia*, kertas projek di Jab. Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya 1978/79. Hampir kesemua bahan yang disebutkan di dalam nota ini, kecuali beberapa bahan terbaharu berhubung dengan penglibatan Anwar Ibrahim dalam politik dan UMNO yang didapati daripada *Asiaweek* dan *Far Eastern Economic Review*, digunakan dalam tesis PhD saya mengenai *Organisasi Gerakan Belia di Malaysia*, Universiti Malaya (1981).

Nota: Tulisan ini telah dimuatkan dalam *Jurnal Malaysia Masakini*, Jilid 3, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur. 1983.

ISU-ISU SEMASA MENGENAI GERAKAN BELIA

Pengenalan

Dalam tempoh 24 jam sewaktu saya mula menyiapkan tulisan ini, ada dua isu atau peristiwa semasa yang berkenaan dengan belia yang sedang berjalan. Pertama akhbar *Utusan Malaysia* hari ini, Khamis 7 hb. Nov. menjadikan kekecohan mesyuarat agung tahunan Belia 4B sebagai tajuk utama muka depannya.

Peristiwa yang kedua ialah di PWTC Kuala Lumpur, Pemuda dan Wanita UMNO sudah menyelesaikan sidang tahunan mereka bagi tahun 1991 ini. Seorang tokoh Pemuda UMNO iaitu Timbalan Ketuaanya diumumkan telah dilantik menjadi seorang ahli Dewan Negara, menjadikan beliau sebagai tokoh Pemuda yang ketiga yang dilantik ke Dewan berkenaan berdasarkan kelompok Pemuda itu.

Dalam pada itu, suka juga saya menyebutkan di sini bahawa dalam minggu yang sama, saya terbaca sebuah rencana popular mengenai belia dalam majalah *Dewan Masyarakat*, terbitan bulan November 1991 ini. Rencana yang mengenai belia ini ditulis oleh salah seorang sahabat saya dari USM yang kebetulannya turut memberikan bantuan tertentu kepada saya sewaktu melakukan penyelidikan mengenai belia kira-kira satu dekad yang lalu. Beliau ialah Dr. Azizan Bahari yang pernah bertugas sebagai Setiausaha

Kerja Majlis Belia Malaysia (Sekarang bertugas ke Institut Kajian Dasar).

Rencana yang beliau kemukakan itu ialah pernyataan keluhan dan kesayumannya mengenai "kelesuan dalam MBM" yang dewasa ini lebih berkeadaan *action-oriented* daripada *issue-oriented* sebagaimana yang pernah wujud pada MBM dalam dekad 70-an lalu. Dengan "kelesuan" dan *action-oriented* itu, Sdr. Azizan maksudkan betapa sepi dan tidak bermayanya MBM hari ini kerana begitu banyak aktiviti mengenai belia atau yang berhubungan dengan belia sudah tidak lagi dikemudikan oleh MBM, sedangkan begitu banyakkannya aktiviti yang diterajui oleh MBM pada suatu masa dahulu. Segala-galanya menampakkan kelemahan MBM dan hal ini juga membabitkan kelesuan dan semakin malapnya peranan dan kedudukan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) hari ini berbanding dengan sepuluh atau lima belas tahun selepas ia ditubuhkan dalam tahun 1971 itu.

Keluhan dan kebimbangan yang dinyatakan ini merupakan suatu testimoni seorang yang berpengalaman luas dan prihatin mengenai gerakan belia di Malaysia umumnya. Saya sendiri pernah memerhatikan hal seperti ini sebagaimana yang pernah saya sebutkan setahun lalu dalam satu majlis anjuran KBS dan MBM sendiri.

Barangkali keluhan dan kesalan yang dimaksudkan ini akan mendapat sanggahan tertentu daripada kalangan pemimpin dan tokoh belia sendiri. Akan kedapatan pihak dan individu tertentu yang mengatakan bahawa kegiatan yang bercorak *issue oriented* sudah usang dan sudah tidak lagi sesuai hari ini. Pihak ini akan menyebutkan bahawa generasi *the angry youngmen* sudah tidak ada lagi hari ini sejajar dengan semakin matang dan mantapnya kedudukan dan pencapaian tokoh dan pemimpin belia dalam kegiatan-kegiatan alam dewasa yang lebih luas dan lebih menyeronokkan itu.

Zaman ini tidak perlu lagi demonstrasi, piket dan boikot. Dan kerana itu, dengan *action-oriented* yang berkembang secara "senyap-senyap", segalanya akan ditanggung beres dan segala tuntutan dan keperluan golongan belia akan dipenuhi satu demi satu

tetapi haruslah dalam keadaan teratur, berdisiplin dan terurus lengkap dengan segala kerenah profesionalismenya.

Inilah fenomena dan suasana yang menyelubungi gerakan belia dalam dekad 80-an dan yang boleh dijangkakan berkembang dalam dekad yang akan datang ini. Hari ini, di kampus-kampus, yang sama sebagaimana juga di sekolah sebelumnya, para pelajar tidak perlu bising-bising, tidak perlu sibuk-sibuk dan berlagak pandai kerana segala-galanya tanggung beres melalui pengurusan dan pentadbiran Hal Ehwal Pelajar.

Demikian juga dalam persatuan-persatuan belia. Segala-galanya boleh disediakan dan ditanggung beres asalkan memenuhi segala bentuk dan keperluan yang difikirkan wajar oleh pihak yang menajai dan membiayainya, iaitu yayasan ataupun kementerian. Baik bantuan itu berupa modal, alat, kemahiran, kepakaran mahupun nasihat dan seumpamanya, wakil-wakil persatuan tidak perlu khuatir: mereka akan dijemput untuk tumpang "bertenggek" sama.

Inilah sebahagian dan cebisan yang boleh disebutkan pada apa yang berlaku di kalangan generasi atau orang muda di Malaysia kebelakangan ini. Dan ia haruslah dilihat sebagai sebahagian daripada isu dan permasalahan semasa mereka dalam dunia yang semakin pesat berubah ini.

Gagasan dan Permasalahan Sejangat Belia

Apa yang diperihalkan dengan panjang lebar di atas memperlihatkan bahawa persoalan mengenai belia sebagai satu kelompok masyarakat yang memerlukan renungan, penelitian dan kefahaman yang sewajarnya di kalangan para pemutus dasar dan pihak-pihak yang melaksanakan dasar tersebut. Permasalahan belia dalam apa keadaan sekalipun tidak harus dipisahkan sama sekali daripada persoalan masyarakat itu seluruhnya. Ini kerana belia ialah sebahagian daripada anggota masyarakat itu sendiri biarpun pada dasarnya ukuran penggolongan mereka itu bersifat semula jadi yang didasarkan pada umur hayat antara 15 hingga 35 atau 40 tahun.

Mengingatkan ukuran dan penggolongan umur yang sejangat inilah juga maka tampaknya dari satu generasi ke satu generasi,

golongan belia masih dilihat mempunyai imej, ciri dan budayanya yang tersendiri. Ciri dan budaya ini secara mudahnya boleh disebut sekali gus sebagai “tanggungan” (*liabilities*) atau “beban” dan juga sebagai “harta” (*asset*) kepada sesebuah masyarakat. Tingkah lakunya mempunyai kaitan langsung dengan sifat-sifat *hedonism* atau ingin mencuba-cuba, meneroka dan melepas geram yang sering berkeadaan *rebel without cause*. Dalam keadaan begini, walaupun mereka pada lahiriahnya bukan lagi tergolong sebagai bayi dan kanak-kanak, akal budi mereka sesungguhnya masih lagi dikira belum mantap, masih goyah, masih serba kurang dan masih belum matang berbanding dengan yang sepatutnya ada pada golongan dewasa dan golongan tua.

Berdasarkan pertimbangan dan ciri-ciri kehidupan atau perilaku yang beginilah maka dalam realitinya, golongan belia perlu ditangani sebaik mungkin. Mereka ialah golongan penduduk yang paling bertenaga, produktif dan kreatif; tetapi kerana belum lagi dianggap mencapai “kedewasaan”nya, maka sukar pula untuk dipertanggungjawabkan dengan berbagai-bagai peranan dan kedudukan sosial, ekonomi dan politik yang asasi dalam kehidupan kumpulan. Inilah dua ciri yang bertentangan yang ada pada golongan ini sehingga di sebalik kecergasan, produktiviti, intelektualiti, kreativiti dan kecemerlangan itu, ada antara mereka yang tercebak dengan gejala-gejala antisosial seperti kekecewaan, putus asa, jenayah, muzik liar, keruntuhan akhlak seperti pelacuran serta penagihan dadah, dan kebelakangan ini pula wujud gejala Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit atau AIDS.

Dua ciri bertentangan serentak yang ada pada golongan belia sesungguhnya bukanlah fenomena dekad 90-an ini. Ia sudah lama bermula. Hampir setiap dekad dalam abad ke-20 ini boleh ditandai dengan berbagai-bagai corak dan pola kegiatan dan perlakuan mereka. Misalnya dalam dekad-dekad awal abad ini, mereka ialah golongan peneroka yang menjelajahi alam ini dan menjadi tenaga penting yang terlibat dalam proses kolonialisme; dalam zaman Perang, mereka ialah tenaga pemikul senjata di medan pertempuran; pada zaman gerakan nasionalisme, golongan belia terlibat

dalam gerakan menentang kolonial dan seterusnya menjadi pendukung kepimpinan kebangsaan awal. Sementara dalam tahun-tahun 1960–70-an, ramai daripada mereka terjebak dalam kegiatan-kegiatan *anti-establishment*, dalam kumpulan *hippies* dan muzik rock baru Beettle – Rolling Stones, atau di Malaysia, “Pop Yeh yeh”. Sebilangan mereka pula terlibat dalam gerakan-gerakan pelajar, *sit-in* di kampus-kampus California dan Paris misalnya. Demikian jugalah kampus-kampus universiti seperti di Teheran telah menyaksikan kebangkitan golongan pelajar menentang Shah dan menggantikannya dengan kepimpinan *Mullah* dalam tahun 1979.

Dalam zaman kemelesetan ekonomi 80-an pula, di mana-mana pun ramai belia yang menganggur. Dan sehingga hari ini nampaknya, gerakan belia dan pelajar di Korea Selatan masih lagi panas; dan barangkali tidak berapa lama lagi, Dataran Tienanmen boleh mengulangi peranannya sebagai pentas demonstrasi pelajar sebagaimana yang telah berlaku dalam bulan Jun 1989 lalu; dan kali ini, tentu sahaja risikonya lebih besar, lebih kuat dan lebih mengesankan.

Isu dan Permasalahan Belia di Malaysia

Segala yang disebutkan di atas adalah mengenai perkara-perkara umum yang mungkin sebahagian besarnya sudah menjadi sejarah kepada umat manusia. Tetapi adalah jelas di sini bahawa belia sebagai satu golongan yang biasanya menjadi golongan majoriti mana-mana masyarakat, menjadi pencetus dan pencipta sejarah yang tertentu untuk diabadikan dalam tamadun manusia sejagat.

Hal ini tidak ada kekecualiannya bagi belia kita di Malaysia sendiri. Kedudukan, peranan dan penglibatan golongan belia sebagai pemangkin atau *catalyst* perubahan kemasyarakatan bukan lagi merupakan satu isu baru.

Dalam hubungan ini, bagaimanapun, sukaiah disebutkan bahawa di Malaysia sendiri, persoalan belia, khususnya dari segi organisasi atau gerakan berpersatuannya, adalah satu daripada kira-kira sebanyak 14 buah jenis pertubuhan sukarela (termasuklah parti politik) yang terdaftar sebagai pertubuhan yang sah, “demokratik”,

mempunyai ahli tertentu sebagaimana yang peraturan perjalanan masing-masing tertakluk pada Akta Pertubuhan.

Sementara itu, dalam jenis pertubuhan belia itu sendiri terdapat sekurang-kurangnya tiga kelompok utama iaitu pertubuhan atau organisasi beruniform seperti Pengakap dan Pandu Puteri, pertubuhan belia-pelajar seperti GPMS dan PKPIM dan seterusnya pertubuhan sosioekonomi seperti MAYC, Belia 4B, SANYA, SABERKAS, ABIM, Belia Hindu, Tamil Bell dan GBB. Hampir 1.8 juta orang belia hari ini menganggotai cawangan atau badan gabungan kira-kira 30 buah pertubuhan belia kebangsaan berkenaan.

Umumnya, kemunculan dan perkembangan serta pasang surut gerakan berpersatuan belia ini, seluruhnya mencerminkan ciri-ciri masyarakat majmuk Malaysia. Tetapi sebagai golongan majoriti, dalam keadaan pertubuhan yang berorientasikan ahli atau *mass-based organization* dan sebagai pemangkin perubahan dan pewaris masyarakat Malaysia pada masa hadapan, perkembangan dan prestasi pertubuhan-pertubuhan sukarela belia ini adalah cukup penting untuk diberikan perhatian.

Keprihatinan berbagai-bagai pihak terhadap gerakan belia kebelakangan ini tampaknya lebih banyak didasarkan pada "kelesuan" yang dimaksudkan di awal tulisan ini.

Tetapi sekiranya perkembangan dan permasalahan terkini yang ada kaitannya dengan golongan ini diuraikan dalam konteks "isu-isu semasa mengenai belia" yang menjadi tugas kertas ini, maka pastilah tiga hal yang telah disebutkan di awal tulisan ini merupakan isu utama yang harus mendapat renungan dan pemikiran saksama dan bersama semua pihak yang prihatin terhadap golongan ini. Bagi mengelakkan kekeliruan dalam hal ini, wajarlah disebutkan iaitu isu-isu yang dimaksudkan itu ialah (i) kes perebutan kepimpinan dalam Belia 4B, (ii) Pemuda/Politik UMNO, dan (iii) kelesuan MBM.

Sehubungan dengan ini, walau bagaimanapun, saya suka membincangkan isu-isu berkenaan dan yang berkaitan dengannya juga dalam suatu perspektif dan ruang yang lebih luas dan yang

lebih sejajar dengan keperluan dan kepentingan perbincangan dan pemerihalan ini dilangsungkan.

Untuk tujuan tersebut, maka pada hemat saya, ada baiknya masalah dan isu-isu semasa yang berkenaan dengan belia itu dilihat dalam tiga perspektif dan tahap utama yang setiap satunya melibatkan secara langsung manusia-manusia pelaku itu sendiri, sama ada tokoh dan pemimpin mahupun pengikut, iaitu:

(i) di peringkat elit atau "atasan", (ii) di peringkat organisasi atau pertubuhan, dan (iii) di peringkat komuniti atau "massa".

(i) *Isu-isu Semasa di Peringkat Elit/Pemimpin:*

Apa-apa yang diberikan perhatian di sini tidaklah terhadap semua *the chosen few* atau yang menjadi golongan terpilih dari segi sosial dan ekonomi, tetapi yang dipentingkan ialah elit politik. Ini kerana golongan ini lebih hampir dan lebih mungkin melahirkan pemimpin-pemimpin politik yang "sebenar" dalam sesebuah masyarakat. Pada peringkat ini, beberapa isu semasa yang berkenaan dengan belia telah dapat dikesan. Antaranya yang boleh disebutkan di sini ialah:

(a) *Warisan politik belia dekad 70-an dan 80-an,*

Kalaulah kes kepimpinan Belia 4B di atas dilihat dalam konteks ini, maka adalah jelas bahawa dari segi kepimpinan atau elit, maka isu semasa yang sedang menyelubungi gerakan dan golongan belia di Malaysia sekarang ialah warisan politik belia tahun 70-an dan 80-an. Kes penutupan pagar dan permit polis untuk mengadakan perhimpunan bagi tujuan pemilihan pucuk pimpinan itu bukanlah sesuatu yang luar biasa dan malahan jauh lebih baik berbanding dengan penayangan pistol dalam mesyuarat dan suasana sedemikian yang pernah terjadi dalam tahun 70-an lalu iaitu dalam sejarah MAYC.

(b) *Politik belia dan kepimpinan organisasi*

Kes kepimpinan Belia 4B yang masih baru itu sesungguhnya memperlihatkan suatu bentuk politik yang bermula dalam usaha

manipulasi kuasa sebilangan pemimpin dan tokoh belia untuk terus-terusan menguasai kerusi pemimpin organisasi. Sehingga hari ini nampaknya kerusi presiden MAYC dan Belia 4B, SANYA, SABERKAS dan beberapa pertubuhan yang lain masih lagi disandang oleh pemimpin dan tokoh belia yang berusia lebih daripada 40 tahun, iaitu melebihi had batasan ukuran umur belia yang rata-ratanya digunakan di seluruh dunia, termasuk oleh pihak UNESCO sendiri. Manipulasi undang-undang dan peraturan persatuan sering terpinda dalam hal ini; dan ini sesungguhnya cukup malang bagi sesebuah pertubuhan sukarela yang terlibat. Hal ini terjadi kerana sejak sekian lamanya pertubuhan belia terlibat secara langsung atau tidak langsung sebagai arena dan alat sosialisasi politik dan kepimpinan seseorang yang bercita-cita dalam urusan dan arena politik kepartian sehingga organisasi belia menjadi *stepping stone* dan *supporting ground* bagi pemimpin belia berkenaan. Bukan itu sahaja sebenarnya. Malahan sebagai salah sebuah jenis pertubuhan sukarela, organisasi belia adalah cukup mudah terdedah kepada politik kepartian, misalnya melalui naungan dan tajaan sesuatu kegiatan berpersatuan.

(c) *Politiking belia dan kepimpinan dalam politik UMNO*

Isu ini juga ada kaitannya dengan golongan dan gerakan belia di Malaysia hari ini dan dalam beberapa tahun akan datang. Sekurang-kurangnya ada tiga tokoh utama yang pernah bergerak dalam gerakan belia sekarang ini menduduki kerusi naib presiden UMNO, iaitu kedudukan ketiga tertinggi dalam parti kanan dan terbesar yang menerajui politik Malaysia. Mereka ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan yang pernah terlibat dalam PBMUM, PMIUM, PKPIM dan ABIM, MBM dan WAMY; Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Menteri Luar yang pernah bergiat dalam kepimpinan GPMS; dan Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian, yang pernah turut serta menubuhkan ABIM (1971) tetapi sejak tahun 1973 menjadi Presiden MAYC. Persaingan yang menjadi perhatian utama sekarang ialah apakah mereka mampu mempertahankan kerusi naib presiden parti atau siapakah yang

bakal memenangi kerusi timbalan presiden, seawal-awalnya dalam perhimpunan agung UMNO tahun 1993 kelak.

(d) *Faktor Anwar Ibrahim dan Kepimpinan UMNO-Melayu*

Sejak meninggalkan ABIM dan memasuki UMNO dalam bulan April 1982, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meningkat dan mencapai kedudukan politik dalam UMNO dan Kerajaan yang begitu cepat. Banyak pihak dalam parti berasa kurang senang atas pencapaiannya itu dan beliau mendapat perhatian utama kerana dalam dekad yang akan datang, kepimpinan politik dan kerajaan Malaysia akan diwarisi oleh generasi pemimpin pelapis tahun 70-an iaitu "generasi Anwar Ibrahim". Persoalan yang sensasi dalam hal ini tampaknya ialah sejauh manakah Anwar Ibrahim dapat menangani saingannya, termasuklah Ghafar Baba yang sekarang ini menduduki kerusi timbalan presiden parti UMNO, sebagai tokoh dan pemimpin utama Malaysia dalam dekad akan datang. Dan kerana itu, apakah "rangkaiian belia" yang pernah diceburinya dahulu memainkan peranan tertentu dalam hal ini.

(ii) *Isu-isu Semasa di Peringkat Organisasi*

Antara isu yang tampaknya perlu mendapat perhatian sewajarnya di peringkat organisasi, baik sesama ahli atau di peringkat dalaman-organisasi (*intra-organizational level*) mahupun di peringkat "antara-organisasi" (*inter-organizational level*) ialah:

(a) *Kemerosotan semangat "kesukarelaan"*

Kajian dan pemerhatian yang dibuat oleh ramai sarjana sains kemasyarakatan menunjukkan bahawa dengan semakin berkembang pesatnya perubahan dan kemakmuran soioekonomi, anggota masyarakat menjadi semakin tidak sama rata, semakin bertambah ciri-ciri kehidupan bandaran (*urbanism*) yang berupa nafsu-nafsi atau *individualistic* dan akhir-akhirnya melemahkan dan meruntuhkan konsep kejiranan, kekitaan dan kesukarelaan (*voluntarism*). Hal dan keadaan ini tidak ada kekecualiannya dalam masyarakat Malaysia sendiri, setidak-tidaknya dalam satu dekad kebelakangan ini.

“Kelesuan MBM” yang dibincangkan oleh Sdr. Azizan dalam tulisannya adalah yang berkenaan dengan organisasi induk yang menyelaraskan kegiatan-kegiatan belia di peringkat kebangsaan. Sayang sekali beliau tidak menyertakan data dan maklumat mengenai bilangan cawangan dan badan gabungan badan belia kebangsaan itu yang telah dibubarkan bulan demi bulan atau tahun demi tahun sejak beberapa waktu kebelakangan ini.

Laporan-laporan akhbar dari semasa ke semasa sebenarnya ada menyebutkan pembubaran terpaksa dibuat oleh pihak Pendaftar Pertubuhan terhadap badan-badan belia ini. Sedangkan tindakan ini merupakan satu-satunya langkah terakhir yang terpaksa dilakukan sesudah beberapa *option* lain yang bersifat administratif tidak lagi berkesan dan sia-sia sahaja.

Sebab-sebabnya yang lazim ialah kegagalan mengadakan mesyuarat agung dan seterusnya menyerahkan laporan tahunan persatuan sebagaimana yang disyaratkan oleh Akta. Kegawatan yang terjadi pada Belia 4B Kebangsaan sejak tiga empat tahun lalu bukan hanya kerana masalah teknikal berhubung dengan usaha meminda perlembagaan persatuan untuk membolehkan seseorang yang berumur lebih daripada 40 tahun memimpinnya ataupun kerana politik UMNO dan Semangat 46 telah menjangkitinya dan menjadikannya sebagai kad pertarungan dalam politiking kepartian itu, tetapi kerana kegagalan dari segi teknikal yang tersebut di atas.

Salah satu akibat yang dibimbangi daripada “kelesuan” yang dimaksudkan itu ialah tidak terselarasnya konsep belia serta penentuan akan keutamaan atau *priority* rancangan-rancangan untuk menggerakkan dan memajukan golongan ini secara administratif oleh berbagai-bagai agensi awam.

Misalnya, 10 Program Induk Belia Negara. Salah satu kelainan yang boleh diperhatikan ialah program-program berkenaan seperti Malaysia Cergas, Malaysia Patriotik dan beberapa yang lain melibatkan murid-murid sekolah sebagai sebahagian daripada kumpulan sasarannya. Sedangkan pada kebiasaannya, ramai orang tahu dengan status sebagai murid-murid, maka program pihak Kementerian Pendidikan adalah yang lebih utama.

Satu contoh lain ialah yang berkaitan dengan “pembaziran sumber” apabila Jabatan Perpaduan Negara di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menubuhkan Panel Penasihat Perpaduan Belia; sedangkan di KBS sendiri sudah sekian lamanya terdapat unit yang demikian yang berperanan untuk memupuk perpaduan belia, tidak kira sama ada di kawasan bandar ataupun di desa. Mungkin ada pihak menganggap bahawa penubuhan kedua-dua unit dan panel ini boleh saling melengkapi dan mungkin lebih memudahkan tercapainya perpaduan di kalangan rakyat. Tetapi akan ada juga pihak yang mungkin bertanya apakah penubuhan panel yang baru itu seolah-olah menjadi satu lagi manifestasi ketakberkesanan MBM dan MPBN selama ini dalam menangani isu ini sehingga perlu diadakan lagi satu panel lain? Barangkali suatu tindakan penyelarasan kerja dan keputusan yang lebih jelas dan padu diperlukan dalam hal-hal seperti ini.

Hal ini samalah keadaannya dengan dakwaan setengah-setengah pihak berhubung dengan isu Dasar Belia Negara. Dasar yang telah pun dibincangkan dan diputuskan awal dekad 80-an pun masih ramai yang mendakwa masih belum mengetahui apa-apa tentangnya. Sebilangan daripada mereka ini terdiri daripada tokoh dan pemimpin muda dalam pertubuhan belia hari ini.

(b) *Kemerosotan aktiviti dan sebab-akibatnya:*

Sehubungan dengan kelesuan yang dimaksudkan itu, dapat diperhatikan bahawa sesudah terjadinya Demonstrasi Belia – Pelajar – Tani Baling Disember 1974, pindaan dan perubahan dibuat ke atas beberapa akta untuk membolehkan kerajaan mengawal tingkah laku golongan ini. Termaktubnya pindaan-pindaan pada Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975, tertangkapnya beberapa orang pemimpin belia-pelajar, dan percubaan pihak Kementerian untuk “menggantikan” MBM dengan sebuah Majlis yang lain serta politiking tertentu di kalangan pertubuhan-pertubuhan belia yang *pro-establishment* dengan yang lebih “vokal” akhir-akhirnya telah menyebabkan semakin terkawalny badan-badan ini walaupun

dalam masa yang sama mereka mendapat biaya dan tajaan yang lebih mudah daripada pihak berkuasa.

Selain itu, pengunduran generasi pemimpin dan tokoh belia tahun 60-an dan 70-an yang memasuki bidang pengurusan dan pentadbiran yang lebih tinggi, pertukaran kerjaya, penglibatan dalam arena politik sepenuh masa dan seumpamanya telah semakin memudahkan pihak berkuasa menentukan arah dan haluan pergerakan belia umumnya. Maka itu dalam dekad 80-an, gerakan belia yang kononnya sudah berubah menjadi *action-oriented* itu bukan sahaja sekadar melakukan kerja-kerja rutin dan penyenggaraan pada apa-apa yang sedia ada seperti perayaan Hari dan Minggu Belia atau kursus kepimpinan tahunan tetapi menjadi semakin "mengecil" keterlibatannya dalam banyak urusan dan kepentingan belia.

Keadaan ini sendiri sebenarnya memperlihatkan bahawa dalam dekad 80-an lalu, keprihatinan terhadap golongan dan gerakan belia adalah lebih bersifat rutin dan penyenggaraan *status-quo* semata-mata. Hal ini juga sebenarnya berkaitan secara langsung dengan kemerosotan semangat kesukarelaan yang semakin pesat berkembang dalam masyarakat umumnya sebagaimana yang dibincangkan di atas.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa selain parti-parti politik, kegiatan dalam kelab-kelab sukan tertentu seperti bola sepak, khairat kematian serta pertubuhan peladang dan petani, maka pertubuhan belia adalah yang lebih banyak mendapat tempat di kalangan golongan belia Melayu sejak selepas Perang Dunia Pertama. Sedangkan belia Cina pula lebih meminati badan-badan kebudayaan dan seni mempertahankan diri.

Maka itu, apabila kita memperkatakan kemerosotan gerakan belia, maka ia tampaknya secara kebetulan membabitkan dan kepentingan pertubuhan belia Melayu dan bumiputera umumnya. Dalam hal ini, terdapat beberapa gejala dan faktor tertentu yang mempengaruhi dan menyebabkan berlakunya keadaan demikian dalam dekad 80-an yang boleh dianggap masih merupakan isu semasa yang perlu mendapat sorotan dan pertimbangan semula daripada banyak pihak. Antaranya:

- * Pengembangan proses urbanisasi – semakin ramai belia Melayu berpindah ke kawasan bandar dan bekerja dalam sektor perkilangan; ramai yang masih belum “menetap kekal” di bandar atau belum *established* sebagai anggota masyarakat bandar;
- * Pengisian masa lapang yang berubah – dewasa ini, muzik dan hiburan lebih diminati walaupun sekadar sebagai golongan pengguna sahaja. Ini kerana hiburan lebih mudah diperoleh hasil daripada perkembangan dan kemajuan media massa dan teknologi komunikasi; akibatnya kerja-kerja sukarela semakin kurang diminati;
- * Fenomena generasi sekolah asrama penuh dan persaingan mendapatkan sijil dan kelulusan peperiksaan demi peperiksaan yang semakin mencabar, “competitive” tidak memungkinkan para pelajar mempunyai masa untuk prihatin terhadap persekitaran mereka; atau jika tinggal di asrama penuh, mereka menjadi semakin terpisah daripada dunia dan realiti kemasyarakatan. Semuanya menyebabkan kesedaran sosial tidak subur dalam pertumbuhan sahsiah generasi ini, walaupun mereka adalah *the cream of the society* yang bakal menganggotai golongan elit dalam masyarakat kita kelak;
- * Beberapa tahun lalu, aktiviti di peringkat Kementerian lebih tertumpu pada kegiatan sukan apabila penghebahannya dibuat secara yang berlebihan sehingga “membayangi” kepentingan kegiatan belia;
- * Kesibukan para pemimpin yang memungkinkan rekrutmen dan profesionalisme dalam pengurusan dan kepimpinan golongan belia terjejas. Ini terjadi kerana generasi pemimpin belia yang “lebih umur” masih tidak digantikan sedangkan ramai daripada mereka mempunyai urusan lain yang lebih mendesak. Ini terutamanya apabila sesebuah pertubuhan itu dipimpin dan masih dipimpin oleh tokoh dan pemimpin politik

yang sebilangannya sengaja melakukannya sebagai sumber kekuatan dan pengaruh politik kepartian mereka. Ahli-ahli persatuan boleh mereka “gunakan” apabila tiba masanya pertandingan politik diadakan.

(iii) *Isu-isu Semasa di Peringkat Komuniti*

Yang dimaksudkan isu-isu di peringkat komuniti atau kemasyarakatan ini ialah yang berkenaan dengan apa-apa jua masalah dan isu sejagat yang berkenaan dengan golongan belia. Isu dan masalah ini, bagi tujuan yang lebih praktikal, bolehlah dikelompokkan dalam dua kategori iaitu (i) isu-isu domestik atau dalam negeri, dan (ii) isu-isu antarabangsa.

(a) *Isu dan masalah dalam negeri*

Ada beberapa bentuk dan jenis masalah yang berkenaan dengan belia yang masih lagi berlaku dan berkembang dalam masyarakat Malaysia hari ini. Antara yang dapat disebutkan secara ringkas dan mudah adalah berupa:

- * masalah perpaduan kaum, sejajar dengan ciri majmuk masyarakat Malaysia umumnya;
- * masalah dadah dan ketagihan dadah, sehingga hari ini melibatkan kira-kira sejuta orang di Malaysia;
- * masalah kesihatan, khususnya jangkitan AIDS;
- * masalah *social evils* (korupsi, akhlak, jenayah);
- * masalah gun tenaga kerja – pengangguran dan penguasaan berbagai-bagai bentuk kemahiran teknikal;
- * gejala *apolitical groups* iaitu yang mengasingkan diri daripada urusan politik kepartian dan lebih tertumpu kepada urusan tertentu seperti urusan kerjaya dan keagamaan;
- * gejala “kejumudan fikiran” – *the slavie mind* dan *the captive mind* iaitu gejala “jiwa hamba” dan mudah putus asa; dan
- * arah aliran kependudukan “masyarakat tua” atau *the*

aging society yang semakin membesar serta gagasan “Masyarakat Penyayang”.

(b) *Isu dan masalah di peringkat antarabangsa*

Antara isu dan masalah yang berlaku di peringkat antarabangsa yang secara langsung atau tidak langsung melibatkan juga kepentingan golongan belia hari ini ialah:

- * pasang surut kegiatan-kegiatan belia serantau Asia Tenggara;
- * cabaran, persaingan dan prestasi sosioekonomi yang berbeza antara negara-negara sedang membangun, negara-negara perindustrian baru, dan negara-negara maju – yang berkenaan dengan isu kepenggunaan, produktiviti dan kemahiran teknikal, revolusi teknologi maklumat – “megatrend” dan “Vision 2020”; dan
- * cabaran dan persaingan politik dalam konteks Order Politik Dunia Yang Baru iaitu Unipolar System selepas Perang Teluk dan keruntuhan ideologi Komunis di Soviet Union.

Senarai masalah dan isu yang disebutkan, dengan sengaja, secara ringkas di sini bertujuan memudahkan masalah itu dibincang dan dianalisis selanjutnya sekiranya diperlukan. Namun begitu, semuanya merupakan persoalan-persoalan besar yang memerlukan keprihatinan setimpal daripada golongan belia umumnya sebagai bakal pewaris masyarakat dan masa depan negara ini.

Satu perkara yang perlu diperhatikan daripada tajuk dan senarai isu dan masalah yang disebutkan itu ialah sebahagian daripadanya merupakan isu-isu yang lama, dan ada juga yang masih baru. Isu penagihan dadah misalnya adalah satu isu besar yang melanda golongan belia Malaysia dalam dekad 80-an dan wabak gejala buruk ini telah menimpa golongan ini tanpa mengira apa pun status dan latar belakang sosioekonomi mereka. Sementara ancaman terbaharu ialah jangkitan AIDS atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit yang dalam tahun 1986, bilangan kesnya hanya

dua, tetapi mencapai paras 350 kes jangkitan sehari dewasa ini dengan banciaan kasar seramai kira-kira 1700 menjadi mangsa AIDS sehingga akhir tahun 1990.

Satu lagi bentuk masalah yang boleh diperhatikan berlaku dalam kehidupan golongan belia hari ini ialah semangat patriotisme mereka yang semakin "merosot" berbanding dengan yang pernah wujud di kalangan generasi belia 60-an dan 70-an lalu. Sindrom kegilaan pada muzik rock, pendaulatan semula secara tak formal terhadap kepentingan bahasa Inggeris, percambahan institusi pengajian swasta yang "menyaingi" sistem pendidikan kebangsaan, keghairahan pada nama-nama bangunan dan cara hidup kondominium yang berbau bukan Malaysia di sebalik nama-nama jalan, padang golf atau nama bandar baru yang "dimalaysiakan" ialah isu-isu yang perlu mendapat perhatian golongan belia umumnya. Budaya korporat dan penswastaaan yang tidak terkawal boleh menimbulkan masalah yang tidak kurang hebatnya terhadap pembudayaan dan pemupukan nilai-nilai kemalaysiaan di kalangan orang muda ini. Yang lebih dibimbangkan dalam hal ini ialah ia bukan sahaja mengurangkan patriotisme atau rasa kecintaan terhadap tanah air, bahkan lebih malang lagi ia menimbulkan sifat-sifat rakus dan "hukum rimba" – *the survival of the fittest* – yang menghanyutkan dan memusnahkan apa-apa jua yang ada di bumi Malaysia ini, baik maruah dan budayanya mahupun hutan rimbanya.

Sementara itu, perubahan-perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa juga menuntut keprihatinan golongan belia Malaysia yang sewajarnya. Perubahan-perubahan yang amat pesat hari ini seperti dari segi teknologi maklumat, komunikasi, kewujudan Sistem Unipolar Politik Dunia yang didakwa menjadikan Amerika sebagai Polis Dunia sekarang dan dalam dekad yang akan datang di samping kecanggihan teknologi Jepun di serata dunia sudah tidak lagi menjadikan manusia dalam dekad-dekad akan datang terasing dan berupaya mengasingkan diri daripada intipan, interaksi dan hubungan pelbagai hala walau di mana-mana pun mereka berada.

Apakah belia di Malaysia akan berdiam diri dalam menghadapi dan menangani segala bentuk masalah dan perubahan ini?

Belia Malaysia dalam Konteks “Wawasan 2020” dan “Jihad Abad ke-21

Soalan dan permasalahan ini sesungguhnya menuntut dan menjadi isu yang tidak mungkin lagi dapat dipandang remeh dan ringan oleh generasi muda Malaysia hari ini.

Dengan demikian, generasi muda Malaysia perlu mempersiapkan dan dipersiapkan diri mereka mulai sekarang bagi mengharungi tuntutan dan liku-liku hidup dalam dekad-dekad yang akan datang.

Satu daripada strategi yang amat cepat popularitinya hari ini ialah yang dinamakan sebagai *Wawasan 2020*. Wawasan atau agenda yang walaupun pada mulanya semacam suatu ucapan amanat biasa kepada para usahawan yang menganggotai Majlis Perdagangan Malaysia yang secara tidak rasmi menggantikan Majlis Perundingan Ekonomi Malaysia (MAPEN) itu telah dijadikan suatu agenda penting bagi penerusan perancangan dan pembangunan negara ini dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Popularitinya tampaknya bukan sahaja kebetulan sudah semakin ramai orang Malaysia yang peka dengan perkembangan ilmu dan isu terkini seperti yang tersirat pada dasar-dasar awam yang diperkenalkan dalam dekad 80-an lalu, atau oleh sebab keghairahan terhadap karya yang mengandungi unsur-unsur intelektualiti, disiplin, budaya kerja serta visi dan jangkauan dan seumpamanya seperti yang didasarkan pada karya-karya J. Peters, *In Search of Excellence*, atau Edward de Bono dengan *Lateral Thinking* atau *Six Thinking Hats* ataupun *I am Right, You Are Wrong*, ataupun Alvin Toffler dengan *The Third Wave*, *Future Shocks* atau *Powershift* atau *Megatrends*, ataupun karya Stanley Davis & Bill Davidson yang berjudul *Vision 2020: How to Survive in the Future Economy?* tetapi disebabkan revolusi teknologi maklumat terkini yang menjalar dalam kehidupan rakyat Malaysia yang sudahpun mengakhiri tempoh Dasar Ekonomi Baru mereka pada tahun 1990.

Memang benar bahawa DEB telah pun digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara yang tidak dihadkan tempohnya itu; tetapi di samping mengekalkan dan memperluas matlamat dan

sasaran DEB, matlamat dan sasaran DPN itu pula adalah lebih terbuka, lebih liberal dan melibatkan rakyat semua kaum dan keturunan dalam keadaan yang lebih seimbang dan sama rata.

Bagi golongan belia umumnya dan golongan belia Melayu-bumiputera khususnya, segala pernyataan dan ketetapan yang tersurat dalam DPN itu sesungguhnya lebih mencabar dan menuntut mereka menjadi manusia yang lebih peka, kreatif dan inovatif dalam menghadapi dan menangani segala bentuk perubahan yang terjadi dalam kehidupan manusia pada masa hadapan.

Maka itu, sesungguhnya Wawasan 2020 ialah pernyataan dan amanat Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai negarawan Malaysia yang sejak dari awal pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia telah disifatkan sebagai pemimpin yang *no-nonsense* itu dalam tahun-tahun terakhir era kepimpinannya. Dan sesungguhnya amanat ini bukanlah sekadar menggariskan sembilan bentuk masalah dan cabaran yang harus dihadapi oleh Malaysia dalam usahanya mencapai matlamat sebuah negara maju, tetapi merupakan suatu garis panduan dan dorongan yang berperanan untuk memandu golongan belia dan rakyat umumnya bertindak dan berusaha untuk memajukan diri masing-masing dalam dunia yang semakin kompleks, canggih dan mencabar.

Dalam hubungan ini juga, ucapan dasar Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 8 Nov. 1991 berusaha untuk memperjelas dan mengukuhkan "amanat" yang dimaksudkan di atas. "Jihad Bentuk Melayu Abad ke-21" yang menjadi tema ucapan itu mengingatkan ahli-ahli UMNO khususnya, dan rakyat Malaysia umumnya, bahawa pengalaman dan sejarah masa lalu, kritikan diri sendiri dan kesilapan dan kekuatan orang lain adalah antara beberapa hal yang perlu diambil kira untuk seseorang atau sesebuah masyarakat dan negara itu dapat mencari kekuatan dan bersiap sedia untuk menghadapi masa depannya yang semakin mencabar dan menghipit. Sementara mengakui kesilapan dan keterlanjuran yang pernah berlaku, maka strategi yang terbaik untuk mengukuhkan semula keyakinan dan ketahanan diri dalam hal ini adalah dengan

membersihkan diri berasaskan sifat amanah, keinsafan bersama terhadap masalah serta pemupukan *sense of belonging* yang ampuh, yang di dalamnya mengandungi visi dan misi yang jelas dan seimbang dalam organisasi atau pertubuhan seluruhnya.

Masalah Belia: Rangka dan Visi Penyelesaiannya?

Seseorang boleh dituduh bersikap terlalu optimistik apabila mengatakan bahawa “tidak ada penyakit yang tidak ada ubatnya”. Setiap penyakit ada ubatnya. Demikianlah ubat itu boleh dicipta dalam jangka masa yang segera ataupun terpaksa menunggu beberapa lama. Ia tetap ubat; dan masih dikatakan sebagai cara atau alat untuk mengatasi sesuatu penyakit walaupun memakan masa bertahun-tahun untuk merekakiptanya.

Dalam hubungan ini, visi dan misi yang dimaksudkan dalam Wawasan 2020 dan Jihad abad ke-21 itu sebenarnya bukanlah ubat untuk mengatasi segala macam sifat keterbelakangan yang masih menyelubungi kehidupan sebahagian besar rakyat di negara ini, terutamanya di kalangan orang Melayu dan bumiputera umumnya. Tetapi ia merupakan formula-formula istimewa yang berperanan sebagai tanda amaran awal atau *first warning* yang sempat difikirkan dan diinsafi segera oleh pihak yang berada dalam kepimpinan negara dalam usaha menyediakan, merangsang dan menggerakkan rakyat terhadap bentuk dan kemungkinan masa depan yang lebih mencabar dan persaingan hebat dalam keadaan kepesatan perubahan yang berlaku di setiap pelosok dunia.

Bagi ahli UMNO dan orang Melayu umumnya, strategi dan asas pengentalan ketahanan diri yang berdasarkan amanah itu bukanlah luar biasa oleh sebab ia merupakan salah satu daripada empat sifat asasi kenabian dan ketauhidan yang perlu ada pada seseorang yang mengakui dirinya beragama Islam. Tiga lagi sifat berkenaan ialah *sidiq*, *tabligh* dan *fatanah*. Urutan yang lebih popular dalam hal ini bagaimanapun ialah *sidik*, *amanah*, *tabligh* dan *fatanah*.

Sehubungan dengan inilah, maka sebagai seorang Islam, saya fikir sudah tiba masanya persoalan dan isu-isu yang menimbulkan

masalah dan desakan dalam gerakan belia di negara ini ditangani dengan empat perspektif yang dimaksudkan ini. Tetapi perlu diingatkan di sini, apabila pendekatan ini digunakan, ia tidak harus dilihat sebagai tidak lebih hanyalah semata-mata kerana sentimen keagamaan yang melulu atau oleh sebab ia merupakan suatu fesyen yang menjadi trend penyelesaian isu dan masalah semasa dalam masyarakat kita hari ini. Sesungguhnya seperti yang pernah dianjurkan oleh Edward de Bono dalam tulisan-tulisannya mengenai akal manusia, pendekatan ini pun masih berpijak pada "topi hijau" beliau iaitu yang menunjukkan fikiran yang kreatif dan inovatif dandengan itu pula cuba mencari suatu sintesis atau penyesuaian "logik air", dan bukannya "logik batu", yang memperlihatkan masih adanya ruang dan kesempatan untuk membuat ubahsuai terhadap cara bertindak mengikut bentuk, jenis dan sasaran penyelesaian masalah yang dilakukan itu.

Pada hemat saya, perspektif pertama iaitu *sidiq* memberikan ruang untuk dikenal pasti dan difahami segala permasalahan itu sehingga dapat memperjelas realiti dan *the truth*: Apakah yang masih timbul dan menjadi masalah dalam gerakan dan pertubuhan belia? Apakah halangan atau batasan yang menyebabkan kelesuan dan kemerosotan berlaku di kalangan generasi ini? Apa masalah yang ada di kalangan pemimpin belia? Apa kelemahan yang ada pada sesebuah organisasi belia? Inilah beberapa soalan yang patut diperjelas secara jujur dan lengkap bagi memenuhi konsep *sidiq* itu.

Sesudah itu, dengan sifat *amanah*, segala masalah dan isu itu dianalisis dan dikelaskan mengikut darjah dan desakannya. Mungkin sudah ada peruntukan bantuan, rancangan jangka pendek dan jangka panjang dan seumpamanya. Sifat ini juga sebenarnya menghendaki setiap pihak memikirkan secara jujur dan ikhlas bahawa setiap tindakan, penglibatan dan keprihatinan mereka terhadap generasi belia bukanlah kerana mengharapkan sesuatu balasan yang ampuh dan bersifat peribadi tetapi dilakukan atas rasa keinsafan bahawa segala-galanya demi kepentingan bangsa dan nusa.

Dalam hubungan ini juga, mana-mana pihak yang benar-benar berpegang pada sifat *amanah* akan teruji dan perlu bersikap apang

dada untuk mengundurkan diri daripada pucuk pimpinan atau pemegangan apa-apa jawatan sekiranya merasakan bahawa ia terlalu sibuk dengan kerja-kerja lain, atau mendapati bahawa kepimpinannya sudah tidak lagi berkesan dan bertenaga, atau merasakan bahawa sesudah beberapa lama memegang jawatan dan amanat ahli, sewajarnya berundur untuk memberikan peluang kepada ahli yang lain menerajui pertubuhan.

Islam juga memerlukan penganutnya menunaikan tanggungjawab *tabligh* atau “menyampaikan” atau “menyeru” orang lain. Dalam konteks pergerakan belia, hal ini juga tidaklah menjadi suatu kesukaran di mana maklumat yang berkenaan dengan persatuan dan haluan serta trend tertentu generasi belia perlu dirancang, dihebah dan dilaksanakan bagi memenuhi kepentingan bersama pemimpin dan ahli. Konsep ini, secara mudahnya, bertujuan memupuk suatu *sense of belonging* yakni segala pengalaman, keistimewaan serta kelebihan yang tercapai itu seharusnya dikongsi bersama secara bertolak ansur, adil, dan sama rata. Dan untuk tujuan itu, ia memerlukan proses, prosedur serta pengurusan dan perancangan yang di dalamnya terkandung visi dan misi yang boleh difahami bersama di kalangan berbagai-bagai pihak yang prihatin terhadap kepentingan golongan belia. Tidak guna misalnya ditubuhkan sebuah lagi persatuan semata-mata kerana persatuan yang sedia ada dirasakan sudah usang, sudah tidak bertenaga dan ketinggalan zaman sedangkan masih ada beberapa *options* tertentu yang boleh digunakan untuk mengatasinya tanpa membazirkan belanja dan masa.

Segala tindakan dan usaha untuk mengatasi apa-apa jua masalah itu perlu dilakukan secara *fatanah* atau “bijaksana” dalam erti kata penyelesaian yang diusahakan itu haruslah boleh memuaskan semua pihak yang terlibat dalam permasalahan berkenaan. Untuk tujuan itu, maka ia memerlukan tahap-tahap bertindak yang tertentu seperti pengumpulan maklumat, analisis data, kaunseling, tindakan *brain-storming*, mesyuarat, dan seumpamanya dalam keadaan yang seimbang, terbuka dan komited. Misalnya, bekas-bekas pemimpin, yang walaupun kurang tinggi

pendidikannya tetapi cukup luas berpengalaman dalam pergerakan belia, perlu didekati dan dibawa berunding sekali-sekala dalam menentukan strategi bertindak bagi memajukan sesebuah pertubuhan. Sementara pihak yang lain, yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan profesional, juga diperlukan dalam hal demikian. Tegasnya, "kebijaksanaan" bertindak itu bukanlah sesuatu yang *rigid* yang hanya dianggap milik mutlak satu-satu pihak tertentu sahaja. Dan hasilnya akan terdapat strategi penyelesaian tertentu yang mungkin berupa tindakan jangka pendek dan jangka panjang, pendekatan-pendekatan yang berbeza berdasarkan kumpulan sasaran dan seumpamanya lagi.

Sesungguhnya mencari kebenaran dan mengatasi masalah bukanlah sesuatu yang sukar sekiranya setiap pihak berusaha dengan jujur dan ikhlas untuk melakukannya. Simposium ini barangkali merupakan titik awal dalam usaha ini.

Nota: Tulisan ini asalnya satu kertas kerja yang telah dibentangkan dalam *Simposium Pengurusan Pembangunan Belia Kebangsaan*, anjuran bersama Pusat Belia Antarabangsa dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, di Kuala Lumpur, 12 November 1991.

CABARAN DAN PERMASALAHAN DALAM PERSATUAN BELIA

Pengenalan

Sebagai seorang yang pernah melakukan kajian tertentu terhadap gerakan belia di negara ini, saya bersyukur ke hadirat Ilahi kerana isu dan permasalahan tentang belia sejak beberapa waktu kebelakangan ini telah kembali mendapat perhatian. Pada hemat saya, hampir sepanjang dekad 80-an lalu, permasalahan tentang belia tampaknya tidak banyak diberi perhatian. Ia bahkan telah ditenggelami oleh berbagai-bagai isu lain sama ada yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan belia. Misalnya masalah penagihan dadah dan pengangguran belia (terutamanya pengangguran siswazah universiti dan pusat pengajian tinggi) pada zaman meleset 1984/87. Ataupun perhatian telah beralih pada kerenah "siswazah-siswazah gerakan belia" yang ketika itu telah memasuki (tepatnya perebutan untuk memasuki barisan kepimpinan) arena politik kepartian, khususnya UMNO.

Dalam pada itu, terdapat tokoh belia tertentu yang berusaha untuk memajukan ahli dalam bidang perniagaan juga akhir-akhirnya menerima bahang ekonomi meleset itu dan didapati melakukan kesalahan tertentu dalam urusanniaga yang dilakukannya itu sehingga kesnya telah sampai ke peringkat mahkamah dan penjara. Hal ini

juga, walaupun kes ekonomi, namun oleh sebab melibatkan pertubuhan belia, ia juga turut menjejaskan golongan berkenaan.

Sementara itu, tumpuan dan urusan awam sendiri dalam dekad 80-an itu bukan sahaja mendapat perhatian yang berbeza ketutamaannya daripada para menteri yang menerajui KBS sehingga menjejaskan penerusan rancangan dan pelaksanaan, bahkan dalam banyak hal urusan pentadbiran itu sendiri tampaknya jauh terarah kepada aktiviti kesukanan, kepada jaguh-jaguh kolam renang dan padang serta gelanggang permainan seperti bola sepak dan yang seumpama-nya.

Tegasnya di sini, bukan tidak ada masalah yang melanda golongan belia umumnya ataupun gerakan berorganisasi belia khususnya. Masalah memang ada. Di samping masalah dan gejala dadah yang semakin meluas, perebutan kerusi pemimpin dalam UMNO juga mengheret sama gerakan belia. Satu daripadanya ialah rentetan perebutan kuasa (*battle royale*) UMNO 1987 telah mengheret sama kedudukan dan keharmonian pertubuhan-pertubuhan belia tertentu khususnya pada Gerakan Belia 4B yang sebelumnya mempunyai imej timbal-balik dengan UMNO itu. Kekecohan dalam persidangan agung tahunannya pernah menjadi berita muka depan akhbar tempatan (*Utusan Malaysia*, 7 Nov. 1991). Malahan keretakan kepimpinan dalam pertubuhan belia yang besar ini secara mutlaknya masih belum selesai, walaupun kedua-dua tokoh yang mendakwa menjadi presidennya telah pun dipanggil mengadap pihak Pendaftar Pertubuhan baru-baru ini (*Berita Harian*, 13 Jun 1994).

Sebuah lagi pertubuhan belia yang besar iaitu Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) tampaknya masih bergerak sendiri di luar Majlis Belia Malaysia (MBM). Walaupun tindakan yang dilakukannya hanya di peringkat kebangsaan sejak tahun 1977, dan ia merupakan pertubuhan yang besar dan cukup berpengalaman serta berupaya untuk berdikari, namun ia masih tetap mencatitkan perpaduan belia yang diharapkan itu. Barangkali ada pihak yang melihatnya sebagai suatu kekecualian dan ia boleh dibiarkan begitu sahaja untuk tidak menimbulkan apa-apa masalah yang makin

merumitkan; namun sikap dan pendirian yang sedemikian rupa bukanlah sesuatu yang bijaksana sifatnya.

Sehubungan ini tampaknya sepanjang dekad 80-an, ternyata wujudnya semacam suatu suasana tenang malahan kelesuan dalam aktiviti berpersatuan di kalangan generasi muda. Azizan Bahari, seorang bekas aktivis belia yang sekarang ini berkecimpung dalam dunia akademik pula telah mengamati dan melihat hal ini sebagai suatu era "kelesuan dalam MBM" (Azizan Bahari, Nov. 1991).

Beliau beranggapan bahawa "kelesuan dalam MBM" itu sebagai akibat daripada perubahan tindak-tanduk pertubuhan berkenaan daripada *issue-oriented* yang pernah wujud dalam gerakan belia dalam dekad 1960-an dan 70-an lalu kepada tindakan-tindakan yang berorientasikan *action-oriented*. Akibat daripada "kelesuan" dan *action-oriented* itu, dikatakan MBM hari ini khususnya semakin menyepi dan kurang bermaya, terutamanya dalam menangani berbagai-bagai isu dalaman – begitu banyak aktiviti mengenai belia atau yang berhubungan dengan belia sudah tidak lagi diterajui oleh MBM; sedangkan begitu banyak aktiviti yang diterokainya pada suatu masa dahulu. Segala-galanya menampakkan kelemahan MBM dan hal ini juga membabitkan kelesuan dan semakin menyepinya Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) hari ini berbanding dengan sepuluh atau lima belas tahun selepas ia ditubuhkan dalam tahun 1971.

Barangkali keluhan dan kesalan yang dimaksudkan ini akan mendapat sanggahan tertentu daripada kalangan pemimpin dan tokoh belia sendiri. Akan kedapatan pihak dan individu yang mengatakan bahawa kegiatan yang bercorak *issue-oriented* sudah usang dan sudah tidak lagi sesuai hari ini. Pihak ini akan menyebutkan bahawa generasi *the angry youngmen* sudah tidak ada lagi hari ini sejajar dengan semakin matang dan mantapnya kedudukan dan pencapaian tokoh dan pemimpin belia dalam kegiatan-kegiatan alam dewasa yang lebih luas dan lebih menyeronokkan itu.

Zaman ini tidak perlu lagi demonstrasi, piket dan boikot. Dan kerana itu, dengan orientasi *action-oriented* yang dikatakan

kononnya berkembang secara senyap-senyap itu, segalanya akan ditanggung beres dan segala tuntutan dan keperluan golongan belia akan dipenuhi satu demi satu tetapi haruslah dalam keadaan teratur, berdisiplin dan terurus lengkap dengan segala kerenah profesionalismenya.

Inilah fenomena dan suasana yang menyelubungi gerakan belia dalam dekad 80-an dan yang boleh dijangkakan berkembang dalam dekad yang akan datang ini. Hari ini, di kampus-kampus yang sama sebagaimana juga di sekolah sebelumnya, para pelajar tidak perlu bising-bising, tidak perlu sibuk-sibuk dan berlagak pandai kerana segala-galanya ditanggung beres melalui pengurusan dan pentadbiran Hal Ehwal Pelajar.

Demikian juga dalam persatuan-persatuan belia. Segala-galanya boleh disediakan dan ditanggung beres asalkan memenuhi segala bentuk dan keperluan yang difikirkan wajar oleh pihak yang menajai dan membiayainya, iaitulah yayasan ataupun kementerian. Baik bantuan itu berupa modal, alat, kemahiran, kepakaran mahupun nasihat dan seumpamanya, wakil-wakil persatuan tidak perlu khuatir: mereka akan dijemput untuk tumpang "bertenggek" sama.

Inilah sebahagian dan cebisan yang boleh disebutkan tentang apa-apa yang berlaku di kalangan generasi muda di Malaysia kebelakangan ini. Dan ia haruslah dilihat sebagai sebahagian daripada isu dan permasalahan semasa mereka dalam dunia yang semakin pesat berubah ini.

Gagasan dan Permasalahan Belia Sejagat

Apa-apa yang diperihalkan dengan panjang lebar di atas memperlihatkan bahawa persoalan mengenai belia sebagai satu kelompok masyarakat yang memerlukan renungan, penelitian dan kefahaman yang sewajarnya di kalangan para pemutus dasar dan pihak-pihak yang melaksanakan dasar tersebut. Permasalahan belia dalam apa keadaan sekalipun tidak harus dipisahkan sama sekali daripada persoalan masyarakat itu seluruhnya. Ini kerana belia adalah sebahagian daripada anggota masyarakat itu sendiri biarpun pada dasarnya ukuran penggolongan mereka itu bersifat semula jadi

yang didasarkan pada umur hayat antara 15 hingga 35 atau 40 tahun.

Perangkaan penduduk Malaysia (1980) menunjukkan bahawa terdapat sekitar 4.69 juta orang (33.78%) penduduk Malaysia berusia antara 15 hingga 39 tahun; dan ia bertambah menjadi 6.64 juta orang (42.05%) dalam bancian tahun 1985; 7.57 juta orang (62.38%) pada bancian tahun 1990; dan diunjurkan meningkat ke paras 8.39 juta orang (61.81%) bagi tahun 1995 dan menjelang tahun 2000 ke paras 9.25 juta orang (41.24%). Walau bagaimanapun dewasa ini dianggarkan tidak sampai 2.0 juta orang golongan muda di negara ini yang menganggotai persatuan-persatuan belia.

Mengingatkan ukuran dan penggolongan umur yang sejagat inilah juga maka tampaknya dari satu generasi ke satu generasi, golongan belia masih dilihat mempunyai imej, ciri dan budayanya yang tersendiri. Ciri dan budaya ini secara mudahnya boleh disebut terkelompok sebagai tanggungan (*liabilities*) atau beban dan juga sebagai harta (*asset*) kepada sesebuah masyarakat. Tingkah lakunya mempunyai kaitan langsung dengan sifat-sifat *hedonism* atau ingin mencuba-cuba, meneroka dan melepas geram, termasuk perbuatan *vandalism* yang sering kalinya berkeadaan *rebel without cause*. Dalam keadaan begini, walaupun mereka pada lahiriahnya bukan lagi tergolong sebagai bayi dan kanak-kanak, namun akal budi mereka sesungguhnya masih lagi dikira belum mantap, masih goyah, masih serba kurang dan masih belum matang berbanding dengan yang sepatutnya ada pada golongan dewasa dan golongan tua.

Berdasarkan pertimbangan dan ciri-ciri kehidupan atau perilaku yang beginilah maka dalam realitinya, golongan belia perlu ditangani sebaik mungkin. Mereka golongan penduduk yang paling bertenaga, produktif dan kreatif; tetapi kerana belum lagi dianggap mencapai "kedewasaan"nya, maka sukar pula untuk dipertanggungjawabkan dengan berbagai-bagai peranan dan kedudukan sosial, ekonomi dan politik yang asasi dalam kehidupan kumpulannya. Inilah dua ciri yang bertentangan yang ada pada golongan ini sehingga di sebalik kecergasan, produktiviti, intelektualiti, kreativiti dan kecemerlangan itu, ada antara mereka yang terjebak dengan

gejala-gejala antisosial seperti kekecewaan, putus asa, jenayah, muzik-muzik liar, keruntuhan akhlak seperti pelacuran serta penagihan dadah dan kebelakangan ini pula wujud gejala-gejala Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit atau AIDS. Sementara itu fenomena yang mengancam kehidupan anak-anak muda sejak beberapa waktu kebelakangan ini ialah perbuatan lepak atau membuang masa, bersantai-santai di tempat-tempat awam tanpa haluan dan aktiviti positif, malahan dikhuatiri semakin memudahkan mereka untuk terjebak dalam kegiatan negatif dan antisosial.

Dua ciri bertentangan serentak yang ada pada golongan belia sesungguhnya bukanlah fenomena dekad 90-an ini. Ia sudah lama bermula. Hampir setiap dekad dalam abad ke-20 ini boleh ditandai dengan berbagai-bagai corak dan pola kegiatan dan perlakuan mereka. Misalnya dalam dekad-dekad awal abad ini, mereka ialah golongan peneroka yang menjelajahi alam ini dan menjadi tenaga penting yang terlibat dalam proses kolonialisme; dalam zaman Perang, mereka tenaga pemikul senjata di medan pertempuran; dalam zaman gerakan nasionalisme, golongan belia terlibat dalam gerakan menentang kolonial dan seterusnya menjadi pendukung kepimpinan kebangsaan awal. Sementara dalam tahun-tahun 1960-70-an, ramai daripada mereka terjebak dalam kegiatan-kegiatan *anti-establishment*, dalam kumpulan "hippies" dan muzik rock baru Beettle - Rolling Stones atau di Malaysia, "Pop Yeh yeh". Sebilangan mereka pula terlibat dalam gerakan-gerakan pelajar, "*sit-in*" di kampus-kampus California dan Paris misalnya. Demikian jugalah kampus-kampus universiti seperti di Teheran telah menyaksikan kebangkitan golongan pelajar menentang Shah dan menggantikannya dengan kepimpinan "Mullah" dalam tahun 1979.

Dalam zaman kemelesetan ekonomi 80-an pula, di mana-mana pun ramai belia yang menganggur. Dan sehingga hari ini tampaknya, gerakan belia dan pelajar di Korea Selatan masih lagi panas; dan barangkali tidak berapa lama lagi, Dataran Tienanmen boleh mengulangi peranannya sebagai pentas demonstrasi pelajar sebagai mana yang telah berlaku dalam bulan Jun 1989 lalu; dan kali ini, tentu sahaja risikonya lebih besar, lebih kuat dan lebih mengesankan.

Isu dan Permasalahan Belia di Malaysia

Segala yang disebutkan di atas adalah mengenai perkara-perkara umum yang mungkin sebahagian besarnya sudah menjadi sejarah kepada umat manusia. Tetapi jelas di sini bahawa belia sebagai satu golongan yang biasanya menjadi golongan majoriti mana-mana masyarakat, menjadi pencetus dan pencipta sejarah yang tertentu untuk diabadikan dalam tamadun manusia sejagat.

Hal ini tidak ada kekecualiannya bagi belia kita di Malaysia sendiri. Kedudukan, peranan dan penglibatan golongan belia sebagai pemangkin atau *catalyst* perubahan kemasyarakatan bukan lagi merupakan satu isu baru.

Dalam hubungan ini, bagaimanapun, sukalah disebutkan bahawa dalam konteks gerakan belia di Malaysia, kemunculan kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan formal belia itu hanyalah salah satu daripada 14 jenis atau kategori pertubuhan sukarela yang didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan mengikut Akta Pertubuhan Malaysia. Antara jenis persatuan yang demokratik, sukarela tetapi diwajibkan mematuhi aturan yang ditetapkan oleh akta berkenaan ialah persatuan sukan, persatuan kebajikan, *huay kuans*, persatuan agama, persatuan peladang, dan termasuk juga parti-parti politik. Minat berpersatuan yang dimanifestasikan daripada tumpuan keahlian badan-badan sukarela ini memang berbeza antara kaum yang berbeza di kalangan penduduk negara ini. Di kalangan belia Melayu misalnya, tumpuan keahlian mereka adalah lebih kepada persatuan belia, peladang dan parti politik; berbanding misalnya dengan kalangan belia Cina yang lebih berminat untuk menyertai kegiatan seni mempertahankan diri (*self-defence associations*) seperti taekwando dan karate serta *huay kuans*, selain *kongsi* dan persatuan dialek keturunan.

Sementara itu, dalam jenis pertubuhan belia itu sendiri terdapat sekurang-kurangnya tiga kelompok utama iaitu pertubuhan atau organisasi beruniform seperti Pengakap dan Pandu Puteri, pertubuhan belia-pelajar seperti GPMS dan PKPIM dan seterusnya pertubuhan sosioekonomi seperti MAYC, Belia 4B, SANYA, SABERKAS, ABIM, Belia Hindu, Tamil Bell dan GBB. Hampir

1.8 juta orang belia hari ini menganggotai cawangan atau badan gabungan 20 buah pertubuhan belia kebangsaan dan 14 buah badan belia negeri yang menganggotai MBM.

Umumnya kemunculan dan perkembangan serta pasang surut gerakan berpersatuan belia ini seluruhnya mencerminkan ciri-ciri masyarakat majmuk Malaysia. Tetapi sebagai golongan majoriti, dalam keadaan pertubuhan yang berorientasikan ahli atau *mass-based organization* dan berperanan sebagai pemangkin ke atas perubahan dan warisan masyarakat Malaysia pada masa hadapan, perkembangan dan prestasi pertubuhan-pertubuhan sukarela belia ini adalah cukup penting untuk diberi perhatian.

Keprihatinan berbagai-bagai pihak terhadap gerakan belia kebelakangan ini tampaknya lebih banyak didasarkan pada "kelesuan" yang dimaksudkan pada awal kertas ini.

Tetapi sekiranya perkembangan dan permasalahan terkini yang ada kaitannya dengan golongan ini dihuraikan dalam konteks cabaran dan permasalahan persatuan-persatuan belia Malaysia semasa, maka pastilah beberapa isu yang telah diperihalkan pada awal tulisan ini merupakan isu-isu utama yang harus mendapat renungan dan pemikiran saksama dan bersama semua pihak yang prihatin terhadap golongan ini.

Bagi mengelakkan kekeliruan dalam hal ini, wajarlah disebutkan iaitu isu-isu yang dimaksudkan itu ialah (i) kes perpaduan belia, khususnya dalam konteks kerendah kepimpinan dalam Belia 4B, (ii) gerakan belia dalam konteks Pemuda/politik UMNO, dan (iii) sekitar satu dekad kelesuan MBM khususnya, dan persatuan-persatuan belia umumnya.

Sehubungan dengan ini, walau bagaimanapun, saya suka membincangkan isu-isu berkenaan dan yang berkaitan denganya juga dalam suatu perspektif dan ruang yang lebih luas dan yang lebih sejajar dengan keperluan dan kepentingan perbincangan dan pemerihalan ini dilangsungkan.

Untuk tujuan tersebut, maka pada hemat saya, ada baiknya masalah dan isu-isu semasa yang berkenaan dengan belia itu dilihat dalam tiga perspektif utama yang saling berkaitan yang setiap satu-

nya pula melibatkan golongan belia yang menjadi pelaku utamanya, baik yang bertaraf tokoh dan pemimpin mahupun pengikut, iaitu:

- i. Di peringkat elit atau kepimpinan,
- ii. Di peringkat organisasi atau pertubuhan, dan
- iii. Di peringkat komuniti atau massa.

Sungguhpun perhatian kertas ini sepatutnya hanyalah pada perkara-perkara (i) dan (ii) sahaja, namun ia harus juga disentuh perkara (iii) yang pada hemat penulis merupakan akibat daripada yang berlaku pada kedua-dua peringkat pemimpin dan organisasi itu juga.

1. Isu-isu Semasa di Peringkat Kepimpinan

Apa-apa yang diberikan perhatian di sini tidaklah terhadap semua *the chosen few* atau yang menjadi golongan terpilih dari segi sosial dan ekonomi, tetapi yang dipentingkan ialah elit politik. Ini kerana golongan ini lebih hampir dan lebih mungkin melahirkan pemimpin-pemimpin politik yang "sebenar" dalam sesebuah masyarakat. Pada peringkat ini, beberapa isu semasa yang berkenaan dengan belia telah dapat dikesan. Antaranya yang boleh disebutkan di sini ialah:

a. Warisan politik belia dekad 70-an dan 80-an

Kalaulah kes kepimpinan Belia 4B di atas dilihat dalam konteks ini, maka adalah jelas bahawa dari segi kepimpinan atau elit, isu semasa yang sedang menyelubungi gerakan dan golongan belia di Malaysia sekarang ialah warisan politik belia tahun 70-an dan 80-an. Kes penutupan pagar dan permit polis untuk mengadakan perhimpunan bagi tujuan pemilihan pucuk pimpinan 4B itu bukanlah sesuatu yang luar biasa dan malahan jauh lebih baik berbanding dengan penayangan pistol dalam mesyuarat, dan suasana begini pernah berlaku dalam tahun 70-an iaitu dalam sejarah MAYC.

b. Politik belia dan kepimpinan organisasi

Kes kepimpinan Belia 4B yang masih baru itu sesungguhnya memperlihatkan suatu bentuk politik yang bermula dalam usaha

manipulasi kuasa sebilangan pemimpin dan tokoh belia untuk terus-terusan menguasai kerusi pemimpin organisasi. Sehingga hari ini tampaknya kerusi presiden MAYC dan Belia 4B, SANYA, SABERKAS dan beberapa pertubuhan yang lain masih lagi disandang oleh pemimpin dan tokoh belia yang berusia lebih daripada 40 tahun, iaitu melebihi had batasan ukuran umur belia yang rata-ratanya digunakan di seluruh dunia, termasuk oleh pihak UNESCO sendiri. Manipulasi undang-undang dan peraturan persatuan sering terpinda dalam hal ini; dan ini sesungguhnya cukup malang bagi sesebuah pertubuhan sukarela yang terlibat. Hal ini terjadi oleh sebab sejak sekian lamanya pertubuhan belia terlibat secara langsung atau tidak langsung sebagai arena dan alat sosialisasi politik dan kepimpinan seseorang yang bercita-cita dalam urusan dan arena politik kepartian sehingga organisasi belia menjadi *stepping stone* dan *supporting ground* bagi sebilangan pemimpin belia berkenaan. Bukan itu sahaja sebenarnya. Malahan sebagai salah sejenis pertubuhan sukarela, organisasi belia adalah cukup mudah terdedah kepada politik kepartian, misalnya melalui naungan dan tajaan sesuatu kegiatan berpersatuan.

c. *Politiking belia dan kepimpinan dalam politik UMNO*

Isu ini juga ada kaitannya dengan golongan dan gerakan belia di Malaysia hari ini dan dalam beberapa tahun akan datang. Sekurang-kurangnya ada tiga tokoh utama yang pernah bergerak dalam gerakan belia sekarang ini menduduki kerusi naib presiden UMNO, iaitu kedudukan ketiga tertinggi dalam parti kanan dan terbesar yang menerajui politik Malaysia. Mereka ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan yang pernah terlibat dalam PBMUM, PMIUM, PKPIM dan ABIM, MBM dan WAMY; Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Menteri Luar yang pernah bergiat dalam kepimpinan GPMS; dan Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian, yang pernah turut serta menubuhkan ABIM (1971) tetapi sejak tahun 1973 menjadi Presiden MAYC. Persaingan yang menjadi perhatian utama beberapa waktu yang lalu ialah siapakah yang lebih mungkin terpilih menerajui UMNO dan seterusnya

mempertahankan jawatan parti itu untuk memimpin parti dan kerajaan dalam tahun-tahun akan datang?

d. Faktor Anwar Ibrahim dan kepimpinan UMNO-Melayu

Sejak meninggalkan ABIM dan memasuki UMNO dalam bulan April 1982, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meningkat dan mencapai kedudukan politik dalam UMNO dan Kerajaan yang begitu cepat. Banyak pihak dalam parti berasa kurang senang atas pencapaiannya itu dan beliau mendapat perhatian utama oleh sebab dalam dekad yang akan datang, kepimpinan politik dan kerajaan Malaysia akan diwarisi oleh generasi pemimpin pelapis tahun 70-an iaitu *generasi Anwar Ibrahim*. Persoalan yang sensasi dalam hal ini tampaknya ialah sejauh manakah Datuk Seri Anwar Ibrahim, sesudah berjaya mendudukkan kerusi timbalan presiden UMNO pada Nov. 1993 itu secara berterusan, berjaya mempertahankannya dan seterusnya, bilakah pula gilirannya yang sebenar mengambilalih teraju kepimpinan parti dan kerajaan itu? Barangkali hal ini akan terjadi dalam perkembangan politik Malaysia dalam dekad akan datang. Dan kerana itu, apakah dan sejauh manakah *jaringan belia* yang telah diceburi dan membentuk imejnya itu berupaya memainkan peranan politik yang tertentu dalam hal ini.

2. Isu-isu Semasa di Peringkat Organisasi

Antara isu yang tampaknya perlu mendapat perhatian sewajarnya di peringkat organisasi, baik sesama ahli, di peringkat dalaman-organisasi (*intra-organizational level*), mahupun di peringkat "antara-organisasi" (*inter-organizational level*) ialah:

a. Kemerosotan semangat "kesukarelaan"

Kajian dan pemerhatian yang dibuat oleh ramai sarjana sains kemasyarakatan menunjukkan bahawa dengan semakin berkembang pesatnya perubahan dan kemakmuran sosioekonomi, proses industrialisasi, gejala-gejala upah-mengupah dan proses penswastan yang berjaya memesatkan pencapaian dan kemajuan ekonomi, secara tidak sedar, menjadikan anggota masyarakat semakin tidak sama rata, semakin bertambah ciri-ciri kehidupan bandaran

(*urbanism*) yang berupa nafsu-nafsi atau *individualistic* dan akhir-akhirnya melemahkan dan meruntuhkan konsep kejiranan, kekitaan dan kesukarelaan (*voluntarism*). Hal dan keadaan ini tidak ada kekecualiannya dalam masyarakat Malaysia sendiri, setidaknya-tidaknya dalam satu dekad kebelakangan ini. Jangkitan "politik wang" yang mudah seperti seorang ahli parti akan hanya menampal poster parti sekiranya disediakan upah tertentu, yang pada umumnya merebak ke dalam masyarakat secara tanpa dirancang itu, juga mempengaruhi kegiatan sukarela yang lain. Seseorang akan hanya bersedia untuk menyertai sesuatu kumpulan sukarela sekiranya dapat membayangkan faedah wang ringgit atau pendapatan tertentu hasil daripada penyertaannya itu.

Laporan-laporan akhbar dari semasa ke semasa sebenarnya ada menyebutkan pembubaran terpaksa dibuat oleh pihak Pendaftar Pertubuhan terhadap badan-badan belia ini. Sebenarnya tindakan ini tidaklah dilakukan sewenang-wenangnya. Ia, malahannya, merupakan satu-satunya langkah terakhir yang terpaksa dilakukan sesudah beberapa *option* atau *cara* lain yang bersifat administratif tidak lagi berkesan dan sia-sia sahaja.

Sebab-sebabnya yang lazim adalah kerana kegagalan mengadakan mesyuarat agung dan seterusnya menyerahkan laporan tahunan persatuan sebagaimana yang disyaratkan oleh Akta. Kegawatan yang terjadi pada Belia 4B Kebangsaan sejak tiga empat tahun lalu bukan hanya semata-mata kerana masalah teknikal berhubung dengan usaha meminda perlembagaan persatuan untuk membolehkan seseorang yang berumur lebih daripada 40 tahun memimpinnya ataupun oleh sebab politik UMNO dan Semangat 46 telah menjangkikannya dan menjadikannya sebagai kad pertaruhan dalam politiking kepartian itu, tetapi juga disebabkan kegagalan mengadakan mesyuarat agung.

Salah satu akibat yang dibimbangi daripada "kelesuan" yang dimaksudkan itu ialah tidak terselarasnya konsep belia serta penentuan akan keutamaan atau *priority* rancangan-rancangan untuk menggerakkan dan memajukan golongan ini secara administratif oleh berbagai-bagai agensi awam.

Sebagai contoh ialah 10 Program Induk Belia Negara yang pernah dirancang sebelum ini. Salah satu kelainan yang boleh diperhatikan ialah program-program berkenaan seperti Malaysia Cergas, Malaysia Patriotik dan beberapa yang lain melibatkan kalangan murid-murid sekolah sebagai sebahagian daripada kumpulan sasarannya. Sedangkan pada kebiasaannya, ramai orang tahu dengan status sebagai murid-murid, maka program pihak Kementerian Pendidikanlah yang lebih utama. Sehubungan dengan ini, maka dari segi kepentingan gerakan berpersatuan belia khususnya, barangkali definisi golongan belia itu sewajarnya diberikan perhatian saksama agar apa-apa jua rancangan yang dibuat menepati kumpulan sasarannya. Demikian juga baru-baru ini apabila Kementerian Pendidikan diberitakan telah mula mengusahakan penubuhan suatu kumpulan sukarela yang juga melibatkan kumpulan remaja-pelajar-belia yang dinamakan sebagai *Briged Komuniti*. Barangkali di sebalik terdapat beberapa kelainannya, sebagai pemerhati kita akan dapat jangkakan adanya pertindihan tertentu antara Briged ini dengan *Briged Muda* yang akan dilaksanakan oleh KBS kelak.

Memang benar betapa *the more the merrier*. Tetapi yang pasti dari satu segi ialah kemungkinan berlakunya "suatu pertindihan yang mungkin menghasilkan pembaziran sumber", khususnya wang dan tenaga, terhadap golongan belia khususnya, baik di peringkat individu mahupun pertubuhan. Satu contoh adalah dalam konteks perpaduan belia: Jabatan Perpaduan Negara di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menubuhkan Panel Penasihat Perpaduan Belia; sedangkan di KBS sendiri sudah sekian lamanya terdapat unit yang demikian yang berperanan untuk memupuk perpaduan belia antara kaum, tidak kira sama ada di kawasan bandar ataupun di desa. Demikian juga dalam usaha menangani masalah dan gejala dadah, terdapat satu unit tertentu di KKBS (sekarang KBS) yang dimaksudkan bagi urusan ini, tetapi yang lebih popular ialah kegiatan PEMADAM yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Memang pendekatan utama KDN adalah dari segi keselamatan dan pencegahan; sementara

pendekatan KBS dari sudut pengisian masa lapang dan penyediaan masa depan belia secara yang lebih berfaedah. Mungkin ada pihak menganggapkan bahawa penubuhan kedua-dua unit dan panel di KDN dan di KPNPK itu boleh saling melengkapi dan dikira lebih memudahkan tercapainya perpaduan dan pembanterasan salah guna dadah di kalangan rakyat. Tetapi akan ada juga pihak yang mungkin beranggapan bahawa penubuhan agensi-agensi berkenaan merupakan suatu manifestasi ketakberkesanan MBM dan MPBN selama ini dalam menangani isu ini sehingga perlu diadakan satu panel lain. Barangkali suatu tindakan penyelarasan kerja dan keputusan yang lebih jelas dan padu diperlukan dalam hal-hal seperti ini.

Hal ini samalah keadaannya dengan dakwaan setengah-setengah pihak berhubung dengan isu Dasar Belia Negara. Dasar yang telah pun dibincangkan dan diputuskan pada awal dekad 80-an ini pun masih ramai yang mendakwa masih belum mengetahui apa-apa tentangnya. Dan malangnya, sebagaimana yang dapat dikesan dalam suatu kursus kepimpinan anjuran MBM pada akhir tahun 1990, mereka yang mendakwa demikian terdiri daripada tokoh dan pemimpin muda yang menjadi peserta kursus berkenaan.

b. Kemerosotan aktiviti dan sebab-akibatnya

Sehubungan dengan kelesuan yang dimaksudkan itu, dapat diperhatikan bahawa sesudah terjadinya Demonstrasi Belia – Pelajar – Tani Baling Disember 1974, pindaan dan perubahan dibuat ke atas beberapa akta untuk membolehkan kerajaan mengawal tingkah laku golongan ini. Termaktubnya pindaan – pindaan pada Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975, tertangkapnya beberapa orang pemimpin belia – pelajar, dan percubaan pihak Kementerian untuk “menggantikan” MBM dengan sebuah majlis yang lain serta politik tertentu di kalangan pertubuhan belia yang *pro-establishment* dengan yang lebih *vokal* akhirnya telah menyebabkan semakin terkawalny badan-badan ini walaupun dalam masa yang sama mereka mendapat biaya dan tajaan yang lebih mudah daripada pihak berkuasa.

Selain itu, pengunduran generasi pemimpin dan tokoh belia tahun 60-an dan 70-an yang memasuki bidang pengurusan dan

pentadbiran yang lebih tinggi, pertukaran kerjaya, penglibatan dalam arena politik sepenuh masa dan seumpamanya seolah-olah telah *memberi laluan* kepada pemimpin-pemimpin belia yang baru muncul; dan dalam pada itu juga keadaan demikian tampaknya semakin memudahkan pihak berkuasa *menentukan* arah dan haluan pergerakan belia umumnya. Maka itu dalam dekad 80-an, gerakan belia yang kononnya sudah berubah menjadi *action-oriented* itu bukan sahaja sekadar melakukan kerja-kerja rutin dan penyenggaraan pada apa-apa yang sedia ada seperti perayaan Hari dan Minggu Belia atau kursus kepimpinan tahunan, tetapi menjadi semakin "mengecil" keterlibatannya dalam banyak urusan dan kepentingan belia.

Kedaaan ini sendiri sebenarnya memperlihatkan bahawa dalam dekad 80-an, keprihatinan terhadap golongan dan gerakan belia adalah lebih bersifat rutin dan penyenggaraan *status-quo* semata-mata. Hal ini juga sebenarnya berkaitan secara langsung dengan kemerosotan semangat kesukarelaan yang semakin pesat berkembang dalam masyarakat umumnya sebagaimana yang dibincangkan di atas.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa selain parti-parti politik, kegiatan dalam kelab-kelab sukan tertentu seperti bola sepak, khairat kematian serta pertubuhan belia ikut terjejas. Ini terjadi kerana generasi pemimpin belia yang *lebih umur* masih *tidak digantikan* sedangkan ramai daripada mereka ini mempunyai urusan lain yang lebih mendesak. Ini terutamanya apabila sesebuah pertubuhan itu dipimpin dan masih dipimpin oleh tokoh dan pemimpin politik yang sebilangan mereka ini sengaja melakukannya sebagai sumber kekuatan dan pengaruh politik kepartian mereka. Ahli-ahli persatuan boleh mereka "gunakan" apabila tiba masanya pertandingan politik diadakan. Lebih malang daripada itu, kepimpinan begini sukar menarik minat kalangan belia yang mungkin cenderung dan bersimpati dengan parti politik lain.

c. *Sindrom asrama penuh dan kejayaan cemerlang dalam peperiksaan*

Analisis seterusnya mengenai isu kelesuan ini perlulah dilihat dalam konteks kesinambungan usaha-usaha rekrutmen atau peng-

kaderan tokoh dan pemimpin persatuan-persatuan belia. Kalau di kalangan belia Tionghua mempunyai tarikan yang lebih banyak dalam pertubuhan *huay kuans* dan *kongsi* dan yang seumpamanya, maka di kalangan belia Melayu pula tampaknya orientasi persekolahan berasrama penuh (*boarding schooling*) dan persaingan yang semakin kompetitif dalam peperiksaan demi peperiksaan sejak dua dekad yang lalu menimbulkan akibat tertentu dalam kegiatan sukarela di kampung-kampung atau tempat asal masing-masing. Memang tidak dapat dinafikan bahawa melalui sekolah-sekolah berasrama penuh itulah lahirnya teknokrat dan golongan profesional Melayu yang telah menjadi kebanggaan dan telah berjaya menampung kekurangan yang mereka alami selama ini khususnya dan kegersangan Melayu dalam bidang sains dan teknologi selama ini (khususnya sebelum DEB dilancarkan). Walau bagaimanapun, mereka ini tidak banyak mempunyai waktu dan kesempatan untuk terlibat dalam aktiviti sosial, termasuk gerakan belia.

d. Gejala migrasi desa-bandar

Sehubungan dengan sindrom persekolahan asrama penuh dan orientasi pendidikan (peperiksaan) semasa itu, dan diikuti pula dengan keghairahan lahirnya generasi *Melayu Baru* inilah juga, berlakunya semacam *kerenggangan* antara seorang anak kampung itu dengan keluarga dan komuniti kampungnya, lebih-lebih lagi setelah tamat pengajiannya, beliau bermastautin di kawasan bandar. Ertinya, gejala migrasi desa-bandar itu juga turut menggerhanakan kegiatan sukarela atau swadaya di kalangan orang muda: di kampung yang ditinggal, lesu dengan ketiadaan tenaga muda; sementara di bandar, kesibukan dan ketaktentuan nasib di rantau cukup menyulitkan kerana manusianya perlu bernafsu-nafsi dalam hidupnya, saling berlumba-lumba dan atas-mengatasi antara satu sama lain.

Kesibukan belajar di sekolah dan diikuti dengan *kerenggangan fizikal* dan *mental* itu seterusnya makin menyempitkan ruang untuknya bergerak dalam kumpulan-kumpulan sukarela seperti pertubuhan belia; dan kalaupun ia bergerak dalam kumpulan suka-

rela, mungkin dalam bentuk yang eksklusif yang berorientasikan rekreasi, keusahawanan, tempat kerja, tempat tinggal yang baru, kepakaran profesion dan yang seumpamanya, bukanlah yang bersifat *mass-based* seperti sesebuah pertubuhan belia yang lazim. Dan kegiatan yang eksklusif itu pula seringkalinya melibatkan kegiatan yang berjadual, mengikut kesempatan masa, dan kepentingan terdekat dan terkini yang ada pada seseorang itu.

Dalam keadaan beginilah tampaknya, kalangan profesional itu kurang sekali melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sukarela yang lazim, sama ada dalam sesebuah pertubuhan khairat kematian, badan-badan belia, apalagi pertubuhan politik. Suatu kajian yang dilakukan oleh Posiah Hj. Mohd. Isa (1987) dan Umran Khan (1991) ke atas kehidupan ratusan famili kelas menengah Melayu di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya jelas memperlihatkan betapa kurangnya penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan sukarela dan kebajikan, apalagi dalam parti politik. Daripada seramai 166 orang responden (terdiri daripada doktor perubatan dan peguam) dalam kajian Umran, seramai 67 orang (40.3%) mengatakan mereka tidak berminat menyertai kegiatan politik, sementara 71 orang (42.8%) pula mengatakan mereka tidak ada masa untuk berbuat demikian.

3. *Isu dan Masalah Semasa di Peringkat Komuniti*

Maksud isu-isu di peringkat komuniti atau kemasyarakatan ini ialah yang berkenaan dengan apa-apa jua masalah dan isu sejagat yang berkenaan dengan golongan belia. Isu dan masalah ini, bagi tujuan yang lebih praktikal, bolehlah dikelompokkan dalam dua kategori iaitu (i) isu-isu domestik atau dalam negeri, dan (ii) isu-isu antarabangsa.

a. *Isu dan masalah domestik/dalaman*

Ada beberapa bentuk dan jenis masalah yang berkenaan dengan belia yang masih lagi berlaku dan berkembang dalam masyarakat Malaysia hari ini. Antara yang dapat disebutkan secara ringkas dan mudah adalah berupa:

- * masalah budaya belia lepak (*youth loafing*), sama ada di bandar ataupun luar bandar, terutamanya yang boleh menjurus kepada kegiatan dan masalah moral dan penjenayahan;
- * masalah perpaduan kaum, sejajar dengan ciri majmuk masyarakat Malaysia umumnya;
- * masalah dadah dan ketagihan dadah, sehingga hari ini melibatkan kira-kira sejuta orang di Malaysia;
- * masalah kesihatan, khususnya jangkitan AIDS;
- * masalah *social evils* (korupsi, akhlak, jenayah);
- * masalah gunatenaga kerja – pengangguran dan penguasaan berbagai-bagai bentuk kemahiran teknikal;
- * gejala *apolitical groups* iaitu yang mengasingkan diri daripada urusan politik kepartian dan lebih tertumpu kepada urusan tertentu seperti urusan kerjaya dan keagamaan;
- * gejala kejumudan fikiran: *the slavish mind* dan *the captive mind* iaitu gejala “jiwa hamba” dan mudah putus asa;
- * arah aliran kependudukan masyarakat tua atau *the aging society* yang semakin membesar serta gagasan Masyarakat Penyayang.

b. Isu dan masalah di peringkat antarabangsa

Antara isu dan masalah yang berlaku di peringkat antarabangsa yang secara langsung atau tidak langsung melibatkan juga kepentingan golongan belia hari ini ialah:

- * pasang surut kegiatan-kegiatan belia serantau Asia Tenggara, dan juga usaha mewujudkan persefahaman mereka dalam menghadapi masalah bersama;
- * cabaran, persaingan dan prestasi sosioekonomi yang berbeza antara negara sedang membangun, negara perindustrian baru, dan negara maju – yang berkenaan dengan isu kepenggunaan, produktiviti dan kemahiran teknikal, revolusi teknologi maklumat – *megatrend* dan Vision 2020;

- * cabaran dan persaingan politik dalam konteks Order Politik Dunia Yang Baru iaitu Unipolar System selepas Perang Teluk dan keruntuhan ideologi Komunis di Soviet Union.

Senarai masalah dan isu yang disebutkan secara ringkas di sini merupakan sebahagian persoalan besar yang memerlukan keperihatinan setimpal daripada golongan belia umumnya sebagai bakal pewaris masyarakat dan masa depan negara ini.

Satu perkara yang perlu diperhatikan daripada tajuk dan senarai isu dan masalah yang disebutkan itu ialah sebahagian daripadanya merupakan penerusan isu-isu yang lama, dan ada juga yang masih baru. Isu penagihan dadah misalnya adalah satu isu besar yang melanda golongan belia Malaysia dalam dekad 80-an dan wabak gejala buruk ini telah menimpa golongan ini tanpa mengira apapun status dan latar belakang sosioekonomi mereka. Sementara ancaman terbaharu ialah jangkitan AIDS atau Sindrom Kurang Daya Tahan melawan Penyakit yang dalam tahun 1986, bilangan kesnya hanya dua, tetapi telah dikesan mencapai lebih 350 kes jangkitan HIV sehari dewasa ini dengan bancia kasar seramai kira-kira 1,700 menjadi mangsa AIDS sehingga akhir tahun 1990. Pengidap HIV (High Infected Virus) telah dikesan seramai 1,686 orang dalam tahun 1992 dengan seramai 40 orang pengidap AIDS; sementara bilangan pengidap HIV telah dikesan meningkat ke paras 2,516 orang dalam tahun 1993 dengan seramai 18 orang pengidap AIDS yang baru pertama kali.

Satu lagi bentuk masalah yang boleh diperhatikan berlaku dalam kehidupan golongan belia hari ini ialah semangat patriotisme mereka yang semakin merosot berbanding dengan yang pernah wujud di kalangan generasi belia 60-an dan 70-an. Sindrom kegilaan pada muzik rock, pendaulatan semula secara tak formal terhadap kepentingan bahasa Inggeris, percambahan institusi pengajian swasta yang menyaingi sistem pendidikan kebangsaan, keghairahan pada nama-nama bangunan dan cara hidup kondominium yang berbau bukan-Malaysia di sebalik nama-nama jalan, padang golf atau nama bandar baru yang "dimalaysiakan" ialah isu-isu yang

perlu mendapat perhatian golongan belia umumnya. Budaya korporat dan penswastaan yang kononnya mendasari kewujudan dan pengembangan ciri-ciri *Melayu Baru* khususnya atau *Malaysia Baru* umumnya, tampaknya secara tidak dijangkakan menimbulkan masalah yang tidak kurang hebatnya terhadap pembudayaan dan pemupukan nilai-nilai kemalaysiaan di kalangan orang muda ini. Yang lebih dibimbangkan dalam hal ini ialah ia bukan sahaja memerosotkan patriotisme atau rasa kecintaan terhadap tanah air bahkan lebih malang lagi ialah menimbulkan sifat-sifat rakus dan "*hukum rimba*" – *the survival of the fittest* – yang menghayutkan dan memusnahkan apa-apa jua yang ada di bumi Malaysia ini, baik maruah dan budayanya bahkan juga hutan belantaranya.

Sementara itu, perubahan-perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa juga menuntut keprihatinan golongan belia Malaysia yang sewajarnya. Perubahan-perubahan yang amat pesat hari ini seperti dari segi teknologi maklumat, komunikasi, kewujudan Sistem Unipolar Politik Dunia yang didakwa menjadikan Amerika sebagai Polis Dunia sekarang dan dalam dekad yang akan datang di samping kecanggihan teknologi Jepun di serata dunia sudah tidak lagi menjadikan manusia dalam dekad-dekad akan datang terasing dan berupaya mengasingkan diri daripada intipan, interaksi dan hubungan pelbagai-hala walau di mana pun mereka berada.

Apakah belia di Malaysia akan berdiam diri dalam menghadapi dan menangani segala bentuk masalah dan perubahan ini? Mudah-mudahan kepimpinan MBM yang baru sekarang boleh membuat sesuatu dalam hal ini.

Barangkali segala permasalahan dan cabaran yang dimajukan dalam perbincangan ini akan menjadi renungan bersama yang menimbulkan keprihatinan yang benar-benar ikhlas di kalangan berbagai-bagai pihak yang berusaha untuk menanganinya secara saksama dan bijaksana.

Penglibatan Kerajaan dan Pemulihan Gerakan Belia

Penglibatan pihak *establishment* atau pihak berkuasa dalam usaha memupuk kegiatan berpersatuan di kalangan belia di negara

ini adalah sesuatu yang tidak asing lagi. Peristiwa dan usaha untuk menggantikan MBM dengan sebuah badan penyelaras belia kebangsaan ekoran daripada Demonstrasi Baling 1974 itu ialah salah satu daripada usaha yang jelas membayangkan niat kerajaan dalam *menjinakkan (in taming)* golongan orang muda ini. Sungguhpun percubaan ini kurang berjaya, ia telah menjadi satu teladan yang penting bagi kedua-dua pihak – kerajaan dan belia – untuk saling berusaha memahami antara satu sama lain bagi menjamin masa depan negara ini.

Apa-apa yang disebutkan pada isu Demonstrasi 1974 itu hanyalah salah satu episod daripada sekian banyak usaha penajaan pihak berkuasa untuk menggerakkan dan mewujudkan persatuan di kalangan belia di negara ini. Dalam zaman kolonial misalnya, usaha penajaan atas kepentingan keagamaan yang dilakukan oleh pihak gereja dan pengembang agama Kristian adalah cukup jelas dan mendapat restu daripada pentadbiran kolonial. Maka itu lahirlah antaranya, pada awal abad ke-20 ini, YMCA dan YWCA, fellowship Metodhist dan Katolik; sehinggalah ke tahun 1960-an persatuan belia Kristian yang masih diimport seperti Joyful Youth dan Briged Putera dan Briged Puteri. Demikian juga penubuhan pasukan beruniform di dalam kawasan sekolah untuk memupuk semangat dan disiplin tertentu di kalangan pelajar seperti Pengakap, Pandu Puteri dan St. John Ambulance dalam dekad pertama dan kedua abad ini di Tanah Melayu diusahakan oleh pegawai-pegawai kolonial Inggeris. Sementara usaha penubuhan MAYC dalam tahun 1954 yang berdasarkan model *National Association of Youth Clubs* di Britain dimaksudkan untuk menggabungkan berbagai-bagai persatuan belia dalam sebuah badan nasional dalam usaha mengatasi kemungkinan mereka dijangkiti dan dipengaruhi oleh anasir dan diayah komunis. Demikian juga apabila pihak KKBS mengusahakan penubuhan Belia 4B (4B – Bersatu, Berkhidmat, Berusaha, Bekerja) mulai tahun 1965, menggunakan model *4H Clubs* (4H – Head, Hand, Health & Heart) di Amerika Syarikat tujuannya untuk menggerakkan dan menggembelng tenaga belia kawasan luar bandar dan sektor pertanian yang rata-ratanya masih

tertinggal dan diabaikan daripada arus kegiatan belia dewasa itu. Walaupun kemunculan gerakan belia-pelajar seperti GPMS (1948), dan dalam tahun-tahun 1960-an pula PKPM, PKPIM sehinggalah kemudiannya menyusul ABIM (1971) pada mulanya tidak dicetuskan oleh pihak *establishment*, masing-masing berusaha untuk menyatukan dan menggerakkan ahli dalam berbagai-bagai kepentingan mereka sebagai pewaris masa depan negara ini, dan akhir-akhirnya juga turut bertindak menangani segala permasalahan masyarakat dan negara umumnya.

Sehubungan dengan usaha penubuhan badan-badan belia yang disebutkan sepintas lalu di atas, maka adalah jelas dapat diperhatikan bahawa pihak *establishment*, baik dalam zaman kolonial mahupun selepas Merdeka telah sejak sekian lamanya sentiasa prihatin dan memainkan peranan tertentu dalam menggerakkan dan menggunakan tenaga belia bagi kepentingan negara umumnya. Hampir setiap satu usaha penajaan dan seterusnya pergerakan pertubuhan belia itu dilakukan sebagai strategi tertentu yang dijangka akan dapat mengatasi sesuatu masalah dan selanjutnya mencapai matlamat bersama bagi kesejahteraan golongan yang terlibat itu sendiri.

Soal yang penting juga diberikan perhatian dalam hal ini adalah untuk kembali memupuk dan memesatkan semula semangat dan kegiatan sukarela di kalangan anak muda hari ini. Usaha ini barangkali boleh dimulakan di peringkat famili dan sekolah cara memupuk dan mengenal pasti bakat memimpin dan semangat sukarela dan diperkembang melalui persatuan-persatuan pelajar, umpamanya. Ia seterusnya dilanjutkan ke dalam institusi yang lain seperti di peringkat tempatan, di kampus, di tempat kerja, dan seumpamanya. Segala usaha ini perlu mendapat kerjasama, perundingan serta respons yang positif dan konstruktif daripada institusi dan badan-badan sukarela yang sedia ada, termasuklah persatuan-persatuan belia sendiri. Dengan demikian kesinambungan aktiviti dan kegiatan sukarela itu menjadi lebih terjamin dan diperluas dengan lebih mudah.

Penutup: Ke Arah Memanfaatkan Briged Muda

Dalam hal ini, usaha KBS dalam penajaan dan penubuhan suatu gerakan yang dinamakan sebagai *Briged Muda* sebagaimana yang dirancangkan ini dijangka akan dapat menangani masalah dan kerendah belia terkini: perpaduan belia, masalah moral, budaya lepak, dan seumpamanya. Briged ini perlu direalisasikan sebagai strategi yang wajar. Matlamatnya bukan untuk mengetepikan mana-mana persatuan belia yang sedia ada, bahkan adalah untuk melengkapkan dan menyelaraskan kegiatan sebenar berbagai-bagai persatuan dan orientasi gerakan yang berlainan itu. Dengan demikian, rancangan ini memerlukan suatu kefahaman yang lebih jitu dan jelas terhadap berbagai-bagai persoalan dan masalah yang dihadapi oleh golongan belia dan seterusnya terhadap keadaan jatuh bangunnya kegiatan dan gerakan persatuan-persatuan belia Malaysia selama ini.

Segalanya ini, menjadi lebih istimewa dan lebih mendesak oleh sebab ia perlu dilihat bukan hanya sekadar masalah dan cabaran yang mewarnai jatuh bangun dan pasang surutnya sesuatu gerakan terkini semata-mata. Tetapi ia perlu dirancang sebegitu rupa agar sejajar dan menepati Wawasan 2020 yang bertujuan mewujudkan sebuah negara dan masyarakat Malaysia yang maju. Kiranya hal ini tidak dilihat dalam perspektif yang baru ini, maka usaha mewujudkan Briged yang dimaksudkan akan terbantut dan mundur dengan sendirinya.

Rujukan

1. Azizan Bahari, "Majlis Belia Malaysia: Di Mana dan Ke Mana?", *Dewan Masyarakat*, Nov. 1991.
2. Douglas, S.A. & Pedersen, P., *Blood, Believer, and Brother: The Development of Voluntary Associations in Malaysia*, Center for International Studies, Southeast Asia Series No. 29, Ohio University, 1973.
3. Hussain Mohamed, *Gerakan Belia di Malaysia*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, 1986.
4. _____, "Politik Belia dan Pembangunan Negara", Kertas kerja Simposium Kepimpinan Belia Negeri Sabah, 1991, anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Sabah, ABIM Sabah dan UKM, Kampus Sabah, 28 - 31 Mei 1991.
5. _____, "Isu-isu Semasa Mengenai Belia: Ke Arah Penyelesaiannya", Kertas kerja Simposium Pengurusan Pembangunan Belia Kebangsaan, anjuran KBS dan Pusat Belia Antarabangsa, K. Lumpur: 12 Nov. 1991.

6. Posiah Hj. Mohd. Isa, "Kelas Menengah Melayu – Satu Kajian Mengenai Sosialisasi Politik dan Budaya Politik" Tesis Sarjana Ekonomi, FEP, U. Malaya (1987),
7. Shamsudin A. Rahim, *Tingkah Laku Lepak di kalangan Remaja*, Kuala Lumpur: KBS, 1994.
8. Umran Mohd. Anas Khan, "Kelas menengah Melayu Bandar: Satu Kajian Status Sosio-ekonomi dan Politik", Tesis Sarjana Sastera, JAS/FSSS, Universiti Malaya, 1991
9. Wan Ahmad Jusoh, "Masalah-masalah Perpaduan dan Pengelompokan (Polarization) Belia Dalam Pergerakan- pergerakan Belia", Kertas kerja Seminar Pemimpin-pemimpin Belia Negeri Johor, Mersing, Johor, 10 - 14hb. Jun, 1978.

Nota: Tulisan ini asalnya ialah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam *Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN)*. Sidang I Penggal ke-XVIII, anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Kuala Lumpur, 25-26 Julai 1994.

POLITIK BELIA DAN PEMBANGUNAN NEGARA

Pengenalan

Sewaktu dijemput mengambil bahagian dalam forum belia bertemakan "*Misi dan Visi Pergerakan Belia Ke Arah Tahun 2000*" anjuran KBS di Petaling Jaya pada 19 Disember 1990 lalu, saya telah membentangkan beberapa penemuan umum kajian PhD saya mengenai "Organisasi Gerakan Belia di Malaysia" (1981) yang antara lain mendapati:

- (a) Gerakan belia, khususnya melalui organisasi sukarela gerakan belia menjadi semakin formal/birokratik dan administratif sifatnya sejak beberapa tahun kebelakangan ini; malahan terdapat sindrom tertentu memperlihatkan, secara sedar atau tidak, gejala-gejala "ayam daging" atau "ayam telur" iaitu banyak daripada kegiatannya menerima segala macam kemudahan atau subsidi tetapi dipagari dengan beberapa "pantangan" tertentu berupa akta dan undang-undang, prosedur dan *red-tape* pentadbiran.
- (b) Sejak sekian lamanya gerakan belia menjadi *training ground* kepada pemimpin-pemimpin mereka untuk dilatih dan dilengkapi dengan berbagai-bagai pen-

dedahan untuk muncul kemudiannya dalam arena bukan belia, khususnya dalam arena politik dan kepimpinan nasional.

- (c) Sebilangan pertubuhan atau organisasi belia secara sedar atau tidak sedar berperanan sebagai *supporting ground* kepada pemimpin atau bekas-bekas pemimpin mereka yang berusaha untuk mendapatkan tempat dalam barisan kepimpinan politik kepartian atau dalam kerajaan.

Saya percaya bahawa premis dan penemuan yang saya sebutkan pada malam akhir "Simposium Kepimpinan Belia Kebangsaan 1990" itu tidaklah terpakai (*applicable*) atau "sahih" dalam semua keadaan atau untuk semua organisasi gerakan belia di negara ini. Saya juga maklum bahawa tidak semua pemimpin belia berasa lapang hati dan bersikap *gentlement* mengenai apa-apa yang pernah saya sebutkan ini. Tetapi sebagai salah seorang penyelidik dalam hal ini, saya merasakan ini adalah sebahagian kecil daripada realiti yang pernah wujud dan masih wujud di kalangan orang muda kita hari ini. Suasana begini tentu sahaja tidak salah dan bahkan tidak pula menakjubkan bilamana mengingatkan bahawa premis sesebuah gerakan sosial itu bukan hanya sebagai suatu kegiatan kolektif yang bekerja dan bergiat serta berjuang untuk mencapai matlamat bersama, bahkan matlamat itu juga mengandungi nilai dan minat untuk meletak dan mempertahankan kepentingan bersama ahli. Umpamanya bilamana pemimpin atau bekas pemimpin pertubuhan X menjadi pemimpin politik, maka bukan tidak mustahil sebilangan rakan dan pengikutnya tumpang mendapat nikmat daripada kedudukan ketua atau pemimpin mereka itu. Begitu juga kiranya pemimpin berkenaan menjadi usahawan dan jutawan. Tentulah ada antara "orang kuat" dan pengikut setianya dapat menikmati bersama faedah ekonomi itu walaupun secara tidak langsung. Yang masih mengikat (*binding*) sesama mereka ini ialah komitmen perjuangan bersama mereka dalam pergerakan belia iaitu yang boleh disebutkan sebagai *old-comrade sentiments* yang terjalin melalui *old-gang networks*.

Sesungguhnya inilah sebahagian daripada bentuk politiking di kalangan anggota masyarakat kita iaitu terlibat dalam kumpulan-kumpulan tertentu untuk memperjuangkan dan mempertahankan matlamat dan kepentingan bersama bermula sebagai kumpulan berkepentingan (*interest group*) yang biasa tetapi kadangkalanya bertindak juga sebagai kumpulan pendesak (*pressure group*) dan akhir-akhirnya ikut berminat dengan urusan politik kepartian. Hal ini tidak ada kekecualiannya pada golongan belia sendiri walaupun seringkali dikatakan bahawa pertubuhan belia haruslah berkecuali dalam soal-soal politik kepartian itu. Tetapi ini tidak salah. Oleh sebab golongan belia merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat, maka amatlah aneh bilamana ada pihak yang cuba menghalang mereka daripada meminati politik atau menyediakan diri untuk mengambil bahagian dalam kegiatan politik pada suatu masa kelak walaupun secara tidak sedar mereka membina imej dan menggilap personaliti politik melalui kegiatan dalam pertubuhan belia. Malahan pada hemat saya, keadaan seperti ini memperlihatkan bahawa sesungguhnya peranan, kedudukan dan kepentingan belia dan pertubuhan-pertubuhan belia yang mereka anggotai itu memberikan sumbangan positif tertentu dalam apa-apa jua bidang kehidupan masyarakat di negara ini.

Dalam pada itu, bagaimanapun, izinkan saya menyebutkan di sini bahawa kewujudan dan pertubuhan belia hanyalah salah satu daripada kira-kira 14 jenis pertubuhan sukarela yang terdapat di Malaysia, iaitu badan atau organisasi yang ditubuhkan oleh ahli secara sukarela tanpa paksaan, bersifat demokratik dan pada teorinya bebas daripada kawalan langsung pihak kerajaan, khususnya dari segi kewangan, keanggotaan pertubuhan dan proses pemilihan kepimpinan serta matlamat perjuangannya. Konsep sukarela dan bebas ini bagaimanapun mempunyai batasannya yang tertentu walaupun pada umumnya kemunculan badan-badan ini merupakan suatu angka tunjuk atau manifestasi akan kewujudan hak dan kebebasan asasi manusia yang masih dihormati, walaupun ada had dan batasannya, dalam masyarakat kita.

Sehubungan dengan ini, maka dalam konteks gerakan belia,

tertubuhnya pertubuhan atau organisasi belia, sama ada yang berupa warisan organisasi belia daripada zaman kolonial Inggeris mahupun yang ditubuhkan selepas Merdeka secara “bebas” atau yang “dirancang dan ditajai” oleh pemerintah haruslah pula “bersaing dan disaingi” oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain seperti pertubuhan sukan, pertubuhan sosiobudaya, pertubuhan peladang, organisasi suku kaum, badan perniagaan, badan kebajikan dan lain-lain yang bertaraf sukarela, yang secara formalnya masing-masing wajib didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Malaysia. Dalam pada itu, saingan itu masih belum lagi mengambil kira pertubuhan parti-parti politik yang sememangnya merupakan pertubuhan sukarela profesional politik, dan juga pertubuhan-pertubuhan sekerja. Kesatuan atau pertubuhan sekerja, (*trade unions*) walaupun dikawal oleh Akta Kesatuan Sekerja, dan di bawah pengawasan Pendaftar Kesatuan Sekerja juga mewujudkan *socio-political networks* tertentu dalam memberikan sumbangan tertentu terhadap kemajuan negara. Bukankah ada sebuah dua parti politik di negara kita mempunyai pengaruh dan *modus operandi* yang istimewa melalui kegiatan kesatuan-kesatuan sekerja begini?

Keterangan di atas menjelaskan bahawa sekiranya dilihat dari perspektif gerakan sukarela dan demokratik, maka haruslah diterima dan difahami akan hakikat bahawa (i) pertubuhan belia hanyalah salah satu daripada berbagai-bagai bentuk dan jenis pertubuhan sukarela luar kerajaan yang terdapat di negara ini, (ii) pertubuhan belia perlu bersaing dan disaingi oleh banyak lagi pertubuhan lain dalam memberikan sumbangan dan impak terhadap kemajuan dan pembangunan negara dan “perebutan kuasa politik”, sementara itu (iii) sesebuah pertubuhan belia pula terdedah pada suasana persaingan atau politiking tertentu, sama ada di peringkat horizontal sesama pertubuhan belia (*inter-organizational politiking*) ataupun di peringkat *vertical* atau dalaman/domestik (*intra-organizational politiking*) untuk menjadi penyumbang berkesan (*effective contributor*) atau *effective participant* terhadap pembangunan ahli, masyarakat dan negara seluruhnya (lihat juga penjelasan dalam 9(iii) dan (iv) di bawah).

Permasalahan “Politik Belia dan Pembangunan Negara”

Sesungguhnya isu “Politik Belia dan Pembangunan Negara” yang barangkali merupakan salah satu daripada tajuk perbincangan dalam simposium ini bukanlah persoalan asing dalam gerakan belia di Malaysia atau di mana-mana jua pun. Walau bagaimanapun, sebagai satu tajuk perbincangan, ia boleh diberikan tafsiran dari beberapa sudut dan perspektif.

Satu daripada yang mungkin menjadi tafsiran itu adalah mengenai sejauh manakah perlunya belia berpolitik dalam keadaan negara yang sedang membangun ini. Juga boleh dilihat dari segi apa dan bagaimanakah sumbangan belia terhadap pembangunan negara. Sementara itu, ada juga yang lebih suka melihatnya dari sudut “politiking” yang pernah dan mungkin berterusan di kalangan pemimpin dan ahli pertubuhan-pertubuhan belia dan impak atau akibatnya terhadap proses pembangunan negara umumnya.

Ketiga-tiga kemungkinan dan perspektif yang disebutkan ini dalam banyak hal adalah saling berkaitan dan tidak harus dianggap terkeluar daripada tajuk asasi yang menjadi tema perbincangan simposium ini keseluruhannya walau apa pun perspektif yang diberikan pemberatan dalam perbincangan tersebut.

Hal ini dikatakan demikian oleh sebab ada beberapa perkara tertentu yang perlu diberikan perhatian dan pertimbangan saksama dalam memperkatakan kewujudan belia, penglibatan belia dan pembangunan negara umumnya itu, iaitu:

- (i) Belia ialah satu golongan penduduk dan lazimnya menjadi golongan majoriti dalam sesebuah negara. Di Malaysia, sekitar 60% penduduk tergolong dalam golongan belia iaitu yang berusia di antara 15 – 40 tahun. Lingkungan usia ini diiktiraf dari segi biologinya, sebagai “usia muda” iaitu tergolong dalam “golongan belia” dari segi sosialnya,
- (ii) Golongan belia umumnya mempunyai suatu subbudaya atau pola-pola tingkah laku tertentu yang dikira masih belum mantap atau belum benar-benar kukuh, yang

masih memerlukan bimbingan, pendedahan dan seumpamanya. Dari satu segi, mereka merupakan satu golongan yang *promising*, paling produktif bagi melanjutkan dan mewarisi masa depan negara dan juga dalam usaha melaksanakan berbagai-bagai jenis atau bentuk rancangan dan projek pembangunan; sementara dari satu segi yang lain, golongan ini boleh juga menjadi "beban" (*liabilities*) kepada masyarakat seperti menjadi golongan penagih dadah, penjenayah dan seumpamanya.

- (iii) Dalam banyak negara, terdapat beberapa pertubuhan atau badan belia yang dirancang dan ditajai oleh "negara" untuk membolehkan rakyat daripada berbagai-bagai latar belakang menganggotainya dan melakukan kegiatan-kegiatan bersama bagi faedah bersama. Salah satu daripada pertubuhan atau badan itu ialah pertubuhan belia SANYA di Sabah yang menjadi salah sebuah badan gabungan dalam badan induk kebangsaan iaitu MBM. Keahlian dalam badan-badan ini, dalam negara-negara demokrasi adalah secara "sukarela" dan dengan demikian, usaha penubuhan, keahlian, kegiatan dan kepimpinan badan-badan ini adalah sejajar dengan perinsip demokrasi. Dalam keadaan ini, kita boleh menjangkakan bahawa bilangan badan ini adalah "banyak", "pelbagai" dan saling bersaing antara satu sama lain.
- (iv) Sehubungan dengan (iii), maka tidak dapat dinafikan wujudnya politiking antara pemimpin dan antara pertubuhan (*intra-politicking among the leaders as well as inter-organizational politics*). Inilah yang menjadi sebahagian "politik belia", iaitu persaingan atau politiking untuk merebut peluang dan kedudukan di kalangan anak-anak muda itu yang sekali gus kemudiannya dimanfaatkan dalam berbagai-bagai bidang kegiatan yang lebih luas, lebih mencabar dan lebih canggih. Persaingan atau politiking yang berlaku itu mempunyai beberapa di-

mensi tertentu: selain untuk mencapai kepuasan peribadi, menonjolkan imej dan kepentingan organisasi, ia juga memperlihatkan bahawa mereka juga mempunyai kesedaran dan kepekaan tertentu terhadap masyarakat dan kerana itu mereka perlu diberikan pengiktirafan tertentu.

Mengingatnkan perkara-perkara yang disebutkan ini dari segi kewujudan golongan belia, maka persoalan yang perlu dihubungkan di sini ialah apakah pula peranan dan kepentingan mereka sebagai pewaris masyarakat dan negara ini pada masa hadapan. Hal ini menjadi lebih istimewa lagi oleh sebab jangkaan peranan setiap golongan rakyat sejak beberapa waktu ini bukan lagi sekadar berpandukan konsep Dasar Ekonomi Baru yang sudah berakhir itu, tetapi adalah pula berkenaan dengan Wawasan 2020. Oleh sebab jangkauan atau *vision* Wawasan ini adalah lebih besar ruang lingkungannya dan dikemukakan berdasarkan 9 cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju, maka sudah pastilah persoalan yang dihadapnkan kepada golongan belia hari ini bukan sekadar perlunya mereka ikut menyertai kegiatan dan kancah politik, tetapi juga mencabar golongan ini untuk terus bersiap sedia dengan impian yang tersirat dalam Pelan Induk Belia Negara (PIBN) juga.

Sebagai satu kerangka pembangunan negara, Wawasan 2020 serta PIBN haruslah diterima dan difahami sebagai suatu kesinambungan *large scale* yang di dalamnya mengandungi pentafsiran semula (*reviews*), pengembangan (*extension*), dan juga penghaluan semula (*redirection*) segala dasar dan rancangan yang pernah dibuat dan sedang dilaksanakan. PIBN, misalnya, merupakan pemikiran semula (*rethinking*) ke atas beberapa dasar yang pernah wujud dalam usaha memajukan golongan belia umumnya seperti konsep Prinsip 3 Padu, Dasar Belia Negara dan Yayasan Belia Malaysia itu; dan PIBN dirasakan lebih mantap, lebih canggih dan mencakupi sejajar dengan perubahan dan perkembangan masyarakat dunia umumnya.

Maka itu, dalam menangani semua perubahan dan bentuk kesinambungan yang dimaksudkan ini, sudah sewajarnya juga

golongan dan gerakan belia melakukan ulang kajian, renungan serta pengembangan yang sebanding. Barangkali dalam hal inilah akan terdapat pandangan yang berbeza: ada yang menjadi amat berminat untuk berusaha melakukan perubahan dan penghaluan semula; sementara akan ada juga pendapat yang ingin menunggu dan melihat terlebih dahulu. Tetapi walau apa pun sikap itu, adalah jelas bahawa permasalahan ini akan menjadi lebih mudah untuk diberikan pertimbangan sekiranya terdapat usaha untuk merenung kembali, mempelajari, serta menjadikan jalur-jalur perkembangan dan jatuh banggunya gerakan belia di negara ini selama ini sebagai iktibar.

Kelesuan Gerakan Belia Dekad 80-an?

Sungguhpun saya pernah menyebutkan betapa gerakan belia dalam dekad 80-an menghadapi zaman kelesuan berbanding dengan yang terjadi sebelumnya, saya tidaklah menafikan sama sekali bahawa organisasi gerakan belia “sudah berkubur” dan “kehilangan arah”. Tetapi dalam dekad tersebut saya lebih merasakan bahawa gerakan belia seolah-olah sudah berada di peringkat *anti-climax*, lebih cenderung untuk bekerja senyap-senyap, birokratik dan seumpama “ayam daging dan ayam telur”, iaitu segala projek belia sudah tidak lagi menjadi bahan berita media massa yang menarik dan mendapat perhatian.

Dalam dekad tersebut, pada pemerhatian saya, segala bentuk keghairahan gerakan belia yang pernah wujud sebelumnya bertemakan Belia Bertindak Untuk Kebenaran dan Keadilan sehingga ia tampaknya berkeadaan *anti-establishment*, dengan subbudaya *the angry youngmen* telah semakin kendur dan luntur. Memang tidak siapa pun inginkan berlakunya demonstrasi, pemuluan kuliah, tutorial, dan seumpamanya di kalangan belia dan pelajar. Tetapi gerakan belia dalam dekad 60-an dan terutamanya 70-an jelas memperlihatkan peranan mereka sebagai *catalyst* perubahan masyarakat, bukan sekadar *rhetoric* atau pidato-pidato yang hanya sedap didengar semata-mata. Ia telah melahirkan dan seterusnya mematangkan satu generasi pemimpin muda yang

lebih komited dengan aspirasi dan hasrat rakyat. Memang berlaku persaingan antara pemimpin dan organisasi iaitu yang dianggap antikerajaan dan yang prokerajaan, tetapi secara tidak sedar politik belia yang demikian memperlihatkan satu lagi dimensi penting gerakan mereka dewasa itu iaitu ingin mendapat pengiktirafan masyarakat bahawa mereka benar-benar prihatin terhadap masa depan masyarakat dan negara mereka, dan mereka sedang mempersiapkan diri untuk mewarisi sebuah masyarakat yang unggul walaupun kata-kata "menegakkan yang maaruf dan menentang kemungkaran" belum begitu popular lagi dewasa itu.

Malangnya dalam dekad 80-an, sewaktu masyarakat Malaysia mula menikmati hasil DEB dan hasil kemakmuran ekonomi itu, gerakan belia bukan sahaja menjadi semakin sepi oleh sebab yang lama sudah semakin tua, bahkan lebih menyayat lagi kerana ia telah dibayangi oleh beberapa gejala negatif atau buruk yang lebih besar dan lebih mendesak. Pertama ialah gejala ketagihan dadah. Gejala ketagihan ini masih berterusan sehingga hari ini dan ianya cukup mengancam bentuk dan jenis manusia di negara ini pada masa hadapan. Ikut membimbangkan lagi dalam beberapa waktu kebelakangan ini ialah gejala AIDS yang walaupun hanya sekadar 2 kes sahaja dalam tahun 1987, tetapi sekarang sudah hampir seribu orang disyaki terjebak dalam kes Sindrom Kurang Daya Tahan ini. Di samping itu, gejala-gejala muzik rock juga cukup membimbangkan banyak pihak yang prihatin mengenai masa depan golongan ini biarpun kegiatan muzik ini membuka peluang ekonomi kepada mereka yang bergiat di dalamnya. Malangnya dunia ini masih dikira sukar menjamin masa depan seseorang; dan kerana itu, buat beberapa waktu ini, muzik rock seolah-olah berperanan untuk dijadikan suatu *escapism* yang cukup mengkhayalkan dan memabukkan bakal pewaris masa depan masyarakat ini.

Kedua, pemimpin-pemimpin belia 70-an menjadi lebih dewasa dan berpeluang untuk menangani "kepimpinan pelapis" dalam politik. Mereka dengan demikian, seorang demi seorang, sudah meninggalkan alam *the angry youngmen* dan menjadi sebahagian daripada pihak *establishment* itu sendiri sehingga ada antara mereka

menjadi lebih cepat *conservative* dan ikut mempertahankan *status-quo* masyarakat yang secara senyap-senyap berlandaskan kepentingan dan kedudukan politik kepartian mereka. Lebih daripada itu, kedapatan juga personaliti politik yang "baru" telah ikut serta dan diterima untuk menduduki barisan kepimpinan gerakan belia. Tetapi yang lebih malang daripada itu tampaknya ialah politiking di peringkat parti itu ikut menyeret, secara langsung, gerakan belia tertentu oleh sebab sentimen dan kelainan haluan politik. Persaingan antara Anwar Ibrahim dengan Hj. Suhaimi untuk merebut jawatan ketua Pemuda UMNO 1982 dan 1984 merupakan sebahagian daripada rentetan persaingan mereka (ABIM vs. 4B) yang pernah terjadi dalam gerakan belia dalam tahun 70-an. Sementara itu, Gerakan Belia 4B Malaysia yang pada suatu masa dahulu bergerak dengan baik dan aktif di kalangan para belia di luar bandar, khususnya sedang mengalami kekalutannya sendiri hari ini, rentetan daripada perbezaan haluan politik di kalangan pemimpinya.

Sementara alasan lain dalam hal ini ialah kerana semakin malapnya "semangat dan kegiatan sukarela" di kalangan anggota masyarakat dengan sebab semakin berkembang luasnya nilai material ringgit dan sen dalam pelbagai urusan, hatta gotong-royong yang tidak berupah selama ini juga semakin pupus; sementara dalam banyak kegiatan politik pula, gejala politik wang dan budaya koporat semakin kental dalam masyarakat umumnya. Golongan anak muda juga ikut terseret dalam hal ini kerana mereka juga berminat untuk mendapatkan subsidi sama sebagaimana orang lain juga. Dan menjadi lebih malang lagi jika diperhatikan bahawa dalam masa yang sama, *rat-race* dan *survival for the fittest* atau "hukum rimba" semakin berkembang dalam sistem pendidikan — yang menjadi keutamaan ialah kelulusan dan pencapaian sijil dan ijazah. Anak-anak muda seolah-olah tidak ada masa untuk berjinak-jinak dengan pertubuhan belia di kampung mereka sendiri. Barangkali jurang pemisahan yang dibina di antara kumpulan pelajar yang lebih bijaksana, dan tinggal di asrama dengan aktiviti kemasyarakatan, termasuk aktiviti belia juga, dalam persekitaran yang normal semakin melebar. Ini mengasingkan diri mereka

dengan hati nurani manusia jembel dan kerdil di luar dunia asrama mereka itu. Memang benar bahawa mereka ini suatu masa kelak boleh menjadi *cream of our society* oleh sebab bijak dan pandainya mereka menjadi orang “terpelajar” dan “terbilang”, dan mencapai kedudukan yang elitis dalam masyarakat; namun mereka sebenarnya berada di awang-awangan, tidak pernah mengenal dan mengalami hati nurani golongan bawahan yang memerlukan bimbingan mereka. Sebilangan mereka barangkali memang prihatin terhadap permasalahan masyarakat umumnya, namun paling tidak, hambatan daripada Akta Universiti dan Universiti Kolej umpamanya menjadi sebahagian daripada alasan mereka untuk bersikap nafsu-nafsi walaupun secara terpaksa. Atau di sebaliknya menjadi golongan “serba rapuh” dan mudah putus asa, walaupun tidak “meminta-minta” subsidi itu dan ini.

Sementara itu peringkat kementerian atau pentadbiran sendiri dalam dekad yang lalu tampaknya lebih meminati kegiatan dan lapangan sukan sehingga keghairahan bahang Olimpik dan Piala Dunia itu sendiri amat menggoda para pemutus dasar dan anak muda yang mimpikan kejuaan menyebabkan kerja-kerja sukarela dalam organisasi belia seolah-olah “sudah beres” dan “mantap”; sedangkan dalam masa yang sama, begitu banyaknya kes kegagalan projek belia, baik yang berdagang mahupun yang berbengkel, hatta KOBENA sendiri sedang terumbang-ambing dan semakin gelap masa depannya.

Nostalgia Masa Lalu dan Visi Masa Depan Gerakan Belia

Sesungguhnya “kemalapan” gerakan belia yang dapat dikesan dalam dekad 80-an itu merupakan suatu teladan yang baik kerana haruslah diakui bahawa di sebalik gerakan-gerakan radikal dan bernada *anti-establishment* belia dalam dekad 70-an, golongan dan gerakan belia telah menampilkan sebilangan para pemimpin pelapis dalam barisan kepimpinan politik dan kerajaan yang ada hari ini. Pertubuhan-pertubuhan belia seperti MAYC, Belia 4B, ABIM, GPMS, dan bahkan SANYA dan SEBERKAS adalah beberapa organisasi gerakan ini yang telah mencipta sebilangan nama

personaliti dalam politik dan kepimpinan negara sekarang. Antara mereka yang dapat disebutkan sepintas lalu di sini ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim (ABIM), Datuk Seri Sanusi Junid (MAYC), Datuk Hj. Suhaimi (S46), Datuk Abdullah Badawi (GPMS) dan beberapa yang lain. Inilah beberapa nama penting generasi pemimpin pelapis hari ini yang akan terus berpolitik atau persaingan antara satu sama lain dalam beberapa tahun yang akan datang. Malahan berdasarkan pengamatan peribadi dalam masa pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1990 yang lalu, adalah jelas bahawa *old-gang networks* ini masih lagi menjadi salah satu pertimbangan penting dan berperanan untuk menentukan kemenangan masing-masing kerana adalah jelas pula bahawa perwakilan dalam parti tersebut umumnya terdiri daripada orang yang pernah atau masih bergiat dan masih komited dengan perjuangan belia masing-masing di peringkat cawangan. Barangkali inilah nostalgia masa lalu yang mempengaruhi kedudukan politik beberapa orang tokoh politik ini sekarang.

Soalnya sekarang ialah bagaimana halnya dalam jangkaan masa depan gerakan belia itu sendiri? Dari segi politik kepartian dan kepimpinan negara, pastilah satu-satunya ramalan yang mudah yang dapat disebutkan di sini ialah menjelangnya tahun 1993 bilamana UMNO mengadakan pemilihan pucuk pimpinannya, politik di kalangan bekas pemimpin belia yang disebutkan di atas akan menjadi semakin kritikal dan meruncing. Sekali gus hal ini boleh menyebabkan berlakunya ketegangan dalam masyarakat; khususnya di kalangan ahli parti itu sendiri. Sementara dalam urusan sosioekonomi pula, setidak-tidaknya Wawasan 2020 umumnya, dan PIBN khususnya, bolehlah diterima sebagai usaha terbaru bagi memulihkan semangat dan dorongan – dalam keadaan yang lebih gagah dan *promising* – terhadap golongan dan gerakan belia sebagai golongan pewaris masyarakat dan negara ini pada masa hadapan walaupun pada suatu ketika mereka tampak terabai dan dibayangi oleh beberapa masalah yang lebih mendesak dan perlu diutamakan.

Dalam pada itu, bagaimanapun, gerakan belia umumnya akan ikut terseret dan menerima bahang akibatnya hasil daripada

persaingan politik yang disebutkan itu, sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Tetapi ini tidak bererti bahawa gerakan belia tidak patut menafikan kepentingan politik dan kekuasaan politik semata-mata kerana mempertahankan sikap *non-partisan* atau “berkecuali” itu. Hal ini penting diperhatikan oleh sebab tidak semua persaingan atau konflik itu membawa keburukan dan kemusnahan, bahkan di sebaliknya proses persaingan itu sendiri memungkinkan terhasilnya kebaikan dan kualiti tertentu dari segi kepimpinan; sementara kekuasaan/kedudukan politik itu sendiri seharusnya diterima sebagai suatu kedudukan penting lagi istimewa yang boleh menentukan haluan dan masa depan serta kepentingan golongan belia umumnya.

Sehubungan dengan inilah pula maka adalah penting untuk golongan belia dewasa ini berusaha memupuk dan mengembalikan semula zaman kegemilangan gerakan belia itu. Tentu sahaja dapat dijangkakan bahawa zaman yang akan dibentuk itu sudah jauh berbeza daripada yang pernah dapat dibayangkan sebagai zaman *The angry youngmen* yang pernah wujud itu. Dalam suasana yang menyelubungi gerakan belia dekad 80-an lalu, maka adalah lebih mungkin untuk menjangkakan bahawa yang akan berlaku dalam hal ini lebih berkeadaan *pro-establishment*; sementara adalah semakin sukar dan terbatas sekali untuk melahirkan sikap *anti-establishment* dan menonjolkan peranan “kumpulan pendesak” yang pernah wujud itu. Namun hal ini juga tidak ada salahnya asalkan sahaja keprihatinan mereka terhadap permasalahan masyarakat, terutamanya yang telah digariskan dalam Wawasan 2020, termasuklah usaha yang dirangkakan dalam PIBN – tanpa mengetepikan apa jua usaha untuk memupuk perpaduan, kesetiaan, kebaikan dan menentang segala kemungkaran itu – serta setiap pemikiran dan tindak-tanduk pemimpin dan ahli gerakan belia itu jelas, wajar, rasional, dan benar-benar jujur.

Penutup

Suasana dan iklim yang ada pada gerakan belia hari ini adalah jelas berbeza daripada yang pernah terdapat dalam dekad-dekad

yang lalu. Politiking di kalangan pemimpin dan organisasi belia dahulu begitu ketara dan gerakan mereka, sebagai suatu "fesyen" hampir di seluruh dunia adalah berkeadaan *anti-establishment*. Tetapi daripada pergolakan seperti itulah tampaknya mereka lebih bebas untuk membina imej, "kematangan" dan kesedaran, serta mengadakan program-program tertentu yang sesuai bagi mereka.

Sehubungan dengan itu, dalam membincangkan persoalan "politik belia" dan kaitannya dengan pembangunan negara, pertimbangan yang sewajarnya haruslah juga diberikan kepada apa-apa yang pernah berlaku dan berkembang sebelumnya. Segala yang berlaku itu boleh dijadikan iktibar dan teladan kerana dalam menegakkan dan menentukan identitinya sebagai anggota masyarakat, pemimpin dan ahli pertubuhan belia akan terdedah dan dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor persekitaran hidup mereka.

Gerakan belia dekad 90-an dan seterusnya dalam abad ke-21 kelak tidak mungkin dapat disamakan dengan yang pernah wujud sebelumnya; tetapi satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah apa-apa yang ada sekarang dan pada masa hadapan merupakan suatu lanjutan dan kesinambungan daripada yang telah ada sebelumnya. Dengan tradisi gerakan belia yang sudah ada dalam masyarakat Malaysia sekarang, tentulah dapat dijangkakan bahawa usaha membina dan menyediakan generasi muda sebagai pewaris generasi sekarang tidaklah terlalu sukar untuk dilakukan dengan sebaik-baiknya, sama ada menerusi rancangan-rancangan kerajaan ataupun yang dilaksanakan oleh pemimpin dan ahli pertubuhan itu sendiri.

Nota: Tulisan ini asalnya ialah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam *Simposium Kepimpinan Belia Negeri Sabah, 1991*, anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Sabah; dan ABIM Sabah di Kota Kinabalu, 28-31 Mei 1991.

BELIA DAN PEMBINAAN BANGSA DI MALAYSIA

Pengenalan

Perkara yang pernah mendapat perhatian utama mengenai belia di Malaysia pada suatu masa dahulu ialah permasalahan gerakan belia yang dikatakan lebih radikal, *anti-establishment* dan tepu dengan idealisme tertentu dukungan *the angry-youngmen* dalam tempoh satu dekad sejak pertengahan 1960-an. Pergerakan demikian telah menyebabkan mereka dilabelkan sebagai suatu kumpulan pendesak radikal yang idealistik dan prihatin tetapi paling komited dan paling berkesan dalam menyuarakan kegelisahan masyarakat dan sentiasa dibimbangi oleh pihak pemerintah.

Namun, sebagaimana kelaziman bagi sesuatu fesyen, apa-apa yang pernah merebak ke seluruh dunia dewasa itu, termasuk juga gerakan pelajar-belia di Malaysia, ternyata kemudiannya menjadi semakin terkawal, terutamanya dengan termaktubnya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan, 1975); dan apabila para pendukung gerakan berkenaan yang sudah bergelar siswazah dan berada di luar kampus gerakan berkenaan semakin reda dan sejuk.

Lebih daripada itu, beberapa isu lain telah muncul dan menggerhanakan gerakan radikal belia. Antaranya ialah perubahan pucuk pimpinan Kerajaan yang tampaknya semakin prihatin dengan

masalah rakyat, dan juga masalah penagihan dadah di kalangan anak-anak muda. Isu ini diikuti kemudiannya dengan beberapa pergolakan lain yang lebih banyak mendapat perhatian, misalnya dalam pertengahan tahun 1980-an dengan isu pengangguran belia dan "tanah terbiar". Tetapi yang lebih menarik daripada itu ialah yang tertumpu pada pergolakan parti politik, khususnya dalam UMNO sendiri. Ini terutamanya terhadap kemasukan dan penglibatan Anwar Ibrahim, seorang tokoh dan penggerak penting gerakan belia ke dalam politik UMNO serta beberapa rentetan peristiwa *perpecahan* parti tersebut.

Namun begitu, dalam beberapa waktu kebelakangan ini pula, golongan remaja dan belia kembali mendapat perhatian. Pertamanya berhubung dengan isu belia lepak. Keduanya, yang dikesan hanya sebulan dua yang lalu ialah isu "bohsia" yang melanda gadis-gadis belasan tahun, termasuk golongan remaja yang masih bersekolah.

Segala permasalahan ini sewajarnya menimbulkan pertanyaan tertentu dalam usaha menanganinya: Apakah tidak ada dasar dan tindakan tertentu bagi memanfaatkan tenaga belia itu? Dan jika ada, apakah yang telah dilakukan dan dilaksanakan selama ini bagi menjamin bahawa generasi pewaris masa depan negara ini menjadi lebih produktif? Atau, apakah terdapatnya sesuatu tindakan dibuat untuk mempergunakan potensi yang ada pada golongan muda ini untuk memenuhi berbagai-bagai kepentingan negara umumnya? Sesungguhnya sudah ada beberapa usaha tertentu telah dilakukan sejak zaman kolonial lagi untuk membangunkan dan menggembleng dan memanfaatkan tenaga dan potensi golongan ini. Hal ini bukan sahaja berkaitan dengan bidang ekonomi, pendidikan, sosial mahupun agama dan disiplin, bahkan juga dari segi kepentingan memupuk perpaduan belia antara kaum.

Sehubungan inilah, maka pengalaman sosiopolitik di Malaysia untuk membangunkan sebuah negara-bangsa (*nation-state*) yang berdaulat yang merangkumi matlamat "pembinaan negara" (*state building*) bagi meningkatkan kelicinan pentadbiran negara; untuk menangani masalah "penyertaan" (*participation*) rakyat dalam proses membuat keputusan dan dasar untuk memenuhi matlamat

“pengangihan” (*distribution*) kekayaan, pendapatan, peluang dan penghormatan; dan juga keempat adalah bagi tujuan “pembinaan bangsa” (*nation building*). Dari segi sosiopolitik khususnya, matlamat keempat ini bertujuan mewujudkan kesetiaan dan komitmen politik daripada berbagai-bagai unit dan komponen negara yang bertujuan mewujudkan identiti atau jati diri bangsa. Matlamat pembinaan bangsa ini juga merupakan suatu cabaran yang cukup besar untuk mewujudkan sebuah rupa bangsa atau identiti bangsa dan negara yang mantap, merangkumi bukan sahaja kepentingan antara kaum tetapi juga memberikan pertimbangan dan tempat yang sewajarnya bagi menggalakkan sumbangan dan peranan golongan belia dalam berbagai-bagai aktiviti yang prososial sifatnya itu.

Mengingatkan bahawa golongan belia menjadi satu komponen penting dalam sesebuah negara yang perlu dibangunkan, maka tujuan tulisan ini adalah untuk membincangkan penglibatan dan usaha membangunkan golongan belia dalam proses pembinaan bangsa di Malaysia. Proses pembinaan bangsa (*nation-building*) yang dimaksudkan secara longgar di sini merupakan pelbagai usaha yang dirancang dan dilaksanakan untuk mewujudkan suatu identiti bangsa dan negara Malaysia yang mengambil kira pelbagai isu dan kepentingan rakyat atau penduduknya agar ia bukan sahaja mantap, mencapai tahap integrasi dan persefahaman antara kaum yang kukuh, tetapi juga mempunyai wawasan serta haluan tertentu yang boleh dijadikan sandaran dalam kesinambungan bangsa Malaysia sampai bila-bila.

Dalam konteks belia, identiti bangsa dan negara yang ingin dibentuk itu adalah sesuatu yang seharusnya dirancang bagi memenuhi aspirasi mereka sebagai pewaris masa depan negara dengan berusaha untuk mengembangkan bakat, potensi serta kreativiti mereka yang merentasi perbezaan antara kaum yang menjanjikan suatu masa depan yang optimistik dan positif.

Belia dan Kedudukannya Sebagai Satu Fenomena Sosial

Belia merupakan satu istilah mengenai kelompok orang muda. Biasanya kelompok ini didasarkan pada umur. Lingkungan umur

bagi golongan belia adalah di antara 15 hingga 35 tahun, ataupun kadangkalanya sampai ke paras 40 tahun. UNESCO misalnya membataskan umur belia itu pada lingkungan 15 hingga 35 tahun. Kumpulan umur sebelumnya dikatakan sebagai golongan kanak-kanak dan remaja, sementara yang selepas itu pula sebagai golongan dewasa dan seterusnya sebagai orang tua.

Sungguhpun ukuran umur adalah lebih popular, namun aplikasinya bagi semua masyarakat masih kurang sesuai. Ini kerana ada di kalangan kelompok manusia yang tidak membuat pengelasan yang ketat antara, misalnya, golongan remaja, golongan belia, dan golongan dewasa. Seorang yang berusia lebih 60 tahun, misalnya, pernah dipilih mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO; sementara beberapa orang pemimpin pertubuhan belia kebangsaan di Malaysia hari ini sudah melewati umur 40 tahun. Alasan yang sering dikemukakan dalam kes-kes begini bukanlah sebagai kes-kes kekecualian tetapi kepimpinan dan penglibatan mereka masih diperlukan atas perkiraan bahawa semangat dan perilaku individu berkenaan masih sebagaimana orang muda yang lazim dan kerana itu, masih dianggap ada kemampuan untuk berurusan dan menghadapi pelbagai kerenah golongan orang muda itu.

Golongan muda ini sendiri bagaimanapun mempunyai budaya atau pola tingkah laku mereka sendiri. Ada dua dimensi sejagat budaya belia itu. Pertamanya, yang bersifat positif dan prososial, iaitu mereka merupakan "harta" dan kumpulan yang berpotensi untuk membangunkan masyarakat dan negara. Dan yang keduanya mereka merupakan bebanan dan yang menimbulkan masalah kepada negara oleh sebab dibelenggu oleh perbuatan hedonisme, yang ingin mencuba-cuba membuat sesuatu sehingga ia boleh menghasilkan perbuatan vandalisme, tindakan marah-marah dan yang dikatakan sebagai *rebel without cause*. Semuanya ini merupakan gelagat belia yang terdapat di mana-mana.

Segalanya ini adalah tidak asing sama sekali di Malaysia. Dengan pertambahan penduduk muda yang konsisten selama ini, tidak mustahil terdapatnya perilaku prososial dan antisosial dalam kalangan belia tempatan.

Sementara itu, bancian yang telah dilakukan, terdapat seramai 4.69 juta orang atau 33.79% dalam lingkungan umur "belia" iaitu 15 – 39 tahun dalam tahun 1980, dan jumlah ini meningkat mencapai paras 7.57 juta orang atau 42.39% dalam tahun 1990. Bilangan ini dijangka mencapai jumlah 9.25 juta orang atau 41.24% menjelang tahun 2000 kelak.

Selain itu, perlu juga disebutkan di sini bahawa terdapat hanya seramai kira-kira 2.3 juta orang belia yang menganggotai 4,646 buah persatuan belia di seluruh negara sekarang. Sungguhpun dewasa ini juga terdapat lebih daripada 20 buah pertubuhan belia kebangsaan, namun masih terdapat seramai kira-kira 5.3 juta orang belia yang belum lagi menjadi ahli mana-mana pertubuhan ini.

Sesungguhnya dalam arus pembangunan negara umumnya dan dalam usaha menggerakkan tenaga belia sebagai tenaga kolektif penting di dalamnya, maka satu strategi terbaik dibuat dengan menubuhkan dan menggerakkan mereka dalam persatuan-persatuan sukarela belia. Usaha ini sebenarnya merupakan warisan yang telah dimulakan dalam zaman kolonial Inggeris sendiri, sejak awal abad ke-20 ini bilamana usaha membawa masuk model-model pertubuhan belia di Britain dan di Eropah telah dilakukan.

Usaha ini bagaimanapun, dari satu segi telah menyebabkan wujudnya bentuk politik tertentu di kalangan generasi muda apabila mereka bergiat dalam kumpulan-kumpulan tertentu untuk memperjuangkan dan mempertahankan matlamat dan kepentingan bersama – bermula sebagai "kumpulan berkepentingan" (*interest group*) yang biasa tetapi kadangkalanya bertindak juga sebagai "kumpulan pendesak" (*pressure group*) dan akhir-akhirnya ikut berminat dengan urusan politik kepartian. Dan hal ini tidak ada kekecualiannya pada golongan belia sendiri walaupun seringkali dikatakan bahawa pertubuhan belia haruslah berkecuali dalam soal-soal politik kepartian itu. Sebenarnya adalah silap untuk mengekang mereka daripada dipengaruhi oleh suasana politik kepartian itu. Sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat, maka amatlah aneh bilamana ada pihak yang cuba menghalang mereka daripada meminati politik atau menyediakan diri untuk mengambil bahagian

dalam kegiatan politik pada suatu masa kelak walaupun secara tidak sedar mereka membina imej dan menggilap personaliti politik melalui kegiatan dalam pertubuhan belia.

Segalanya ini memperlihatkan bahawa sesungguhnya peranan, kedudukan dan kepentingan belia dan pertubuhan-pertubuhan belia yang mereka anggotai itu memberikan sumbangan positif dalam apa-apa jua bidang kehidupan masyarakat di negara ini.

Pertubuhan Belia dan Pertubuhan Sukarela

Sebenarnya, pertubuhan belia hanyalah salah satu daripada kira-kira 14 jenis pertubuhan sukarela yang terdapat di Malaysia, iaitu badan atau organisasi yang ditubuhkan oleh ahli-ahli secara sukarela tanpa paksaan, bersifat demokratik dan pada teorinya bebas daripada kawalan langsung pihak kerajaan, khususnya dari segi kewangan, keanggotaan pertubuhan dan proses pemilihan kepimpinan, serta matlamat perjuangannya. Konsep "sukarela" dan "bebas" ini, bagaimanapun, mempunyai batasannya yang tertentu walaupun pada umumnya kemunculan badan-badan ini merupakan suatu petunjuk atau manifestasi kewujudan hak dan kebebasan asasi manusia yang masih dihormati – walaupun ada had dan batasannya – dalam masyarakat tempatan.

Sehubungan dengan ini, maka dalam konteks gerakan belia, tertubuhnya pertubuhan-pertubuhan atau organisasi belia, sama ada yang berupa warisan organisasi belia daripada zaman kolonial Inggeris mahupun yang ditubuhkan selepas merdeka secara "bebas" atau yang "dirancang dan ditaja" oleh pemerintah haruslah pula "bersaing dan disaingi" oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain seperti pertubuhan sukan, pertubuhan sosiobudaya, pertubuhan peladang, organisasi suku kaum, badan-badan perniagaan, badan-badan kebajikan dan lain-lain yang bertaraf sukarela yang secara formalnya masing-masing wajib didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, Malaysia.

Dalam pada itu, saingan itu masih belum lagi mengambil kira pertubuhan parti-parti politik yang sememangnya merupakan pertubuhan sukarela profesional politik, dan juga pertubuhan-

pertubuhan sekerja. Kesatuan atau pertubuhan sekerja (*trade unions*), walaupun dikawal oleh Akta Kesatuan Sekerja dan di bawah pengawasan Pendaftar Kesatuan Sekerja, juga mewujudkan *socio-political networks* tertentu dalam memberikan sumbangan tertentu terhadap kemajuan negara. Bukankah ada sebuah dua parti politik di negara kita mempunyai pengaruh dan *modus operandi* yang istimewa melalui kegiatan kesatuan-kesatuan sekerja begini?

Keterangan-keterangan di atas menjelaskan kepada kita bahawa sekiranya dilihat dari perspektif gerakan sukarela dan demokratik, maka haruslah diterima dan difahami akan hakikat bahawa (i) pertubuhan belia hanyalah salah satu daripada berbagai-bagai bentuk dan jenis pertubuhan sukarela luar kerajaan yang terdapat di negara ini, (ii) pertubuhan belia perlu bersaing dan disaingi oleh banyak lagi pertubuhan lain dalam memberikan sumbangan dan impak terhadap kemajuan dan pembangunan negara dan "perebutan kuasa politik", sementara itu (iii) sesebuah pertubuhan belia pula terdedah pada suasana persaingan atau politiking tertentu, sama ada di peringkat horizontal sesama pertubuhan belia (*inter-organizational politiking*) ataupun di peringkat *vertical* atau dalaman/domestik (*intra-organizational politiking*) untuk menjadi "penyumbang berkesan" (*effective contributor*) atau *effective participant* terhadap pembangunan ahli, masyarakat, dan negara seluruhnya.

Politiking Belia dan Pembangunan Negara

Satu aspek penting dalam proses pembinaan bangsa ialah yang berkenaan dengan pembangunan sosiopolitik rakyat dalam sesebuah negara. Aspek yang mungkin mendapat perhatian di sini adalah mengenai sejauh manakah perlunya belia berpolitik dalam keadaan negara yang sedang membangun ini. Juga boleh dilihat dari segi apa dan bagaimanakah sumbangan belia terhadap pembangunan negara. Sementara itu, ada juga yang lebih suka melihatnya dari sudut politiking yang pernah dan mungkin berterusan di kalangan pemimpin dan ahli pertubuhan-pertubuhan belia, dan impak atau akibatnya terhadap proses pembangunan negara umumnya.

Ketiga-tiga kemungkinan dan perspektif yang disebutkan ini dalam banyak hal adalah saling berkaitan dan mendasari proses membangunkan kesedaran politik di kalangan generasi muda itu sendiri.

Segalanya ini melibatkan juga persoalan tentang apakah pula peranan dan kepentingan mereka sebagai pewaris masyarakat dan negara ini masa hadapan? Hal ini menjadi lebih istimewa lagi kerana jangkauan peranan setiap golongan rakyat sejak beberapa waktu ini bukan lagi sekadar berpandukan konsep Dasar Ekonomi Baru yang sudah berakhir itu, tetapi adalah pula berkenaan dengan Wawasan Tahun 2020. Oleh sebab jangkauan atau *vision* Wawasan ini adalah lebih besar ruang lingkungannya dan dikemukakan berdasarkan sembilan cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju, maka sudah pastilah persoalan yang dihadapkan kepada golongan belia hari ini bukan sekadar perlunya mereka ikut menyertai kegiatan dan kancah politik, tetapi juga mencabar golongan ini untuk terus bersiap sedia dengan impian yang tersirat dalam *Pelan Induk Belia Negara (PIBN)* juga. Pelan ini bagaimanapun telah dipinda dan disesuaikan sepertimana yang dapat diperhatikan pada program Karisma dan seterusnya Briged Muda sebagaimana yang sedang diusahakan dengan gigihnya oleh Kerajaan.

Sebagai satu kerangka pembangunan negara, Wawasan 2020 serta PIBN haruslah diterima dan difahami sebagai suatu kesinambungan *large scale* yang di dalamnya mengandungi pentafsiran semula (*reviews*), pengembangan (*extension*), dan juga penghaluan semula (*redirection*) segala dasar dan rancangan yang pernah dibuat dan sedang dilaksanakan. PIBN misalnya merupakan pemikiran semula (*rethinking*) ke atas beberapa dasar yang pernah wujud dalam usaha memajukan golongan belia umumnya dari segi (i) perpaduan antara kaum, (ii) kemahiran teknikal dan vokasional, serta (iii) kemahiran kepemimpinan seperti yang digariskan dalam melaksanakan konsep *Prinsip 3 Padu* anjuran Kementerian (Kebudayaan), Belia dan Sukan dalam tahun-tahun 1970-an dahulu. Salah satu hasil penting yang dapat dicapai oleh pertubuhan-

pertubuhan belia ketika itu ialah pembentukan *Dasar Belia Negara*. Dasar ini telah dirangkakan oleh Majlis Belia Malaysia yang berkedudukan sebagai badan induk yang menggabungkan berbagai-bagai pertubuhan belia (dianggotai oleh lebih daripada 20 buah pertubuhan belia kebangsaan).

Dasar Belia ini bagaimanapun menjadi kurang popular kerana pada akhir tahun 1980-an, terdapat suatu perancangan yang dianggap lebih wajar dilaksanakan untuk menggerakkan tenaga belia dalam proses pembangunan negara, misalnya dalam kegiatan sukan, kebudayaan, kemahiran dalam pelbagai bidang kerjaya, dan juga pemupukan semangat patriotisme. Rancangan ini dinamakan sebagai Program Induk Belia Negara (PIBN) telah dilancarkan pada 31 Mei 1991. Seterusnya hari ini, dengan beberapa tafsiran dan perancangan semula, rancangan terkini yang masih boleh dianggap sebagai lanjutan daripada yang pernah dirancangkan itu telah diterapkan untuk dilaksanakan dalam Program *Karisma* dan *Briged Muda*. Ia dirasakan lebih mantap, lebih canggih, dan lebih mencakupi, sejajar dengan perubahan dan perkembangan masyarakat dunia umumnya.

Dalam usaha memerangi perbuatan antisosial seperti penagihan dadah, lepak, kemerosotan moral, jenayah generasi muda dan termasuk juga berpelesenan sebagai "mat motor" dan "bohsia" itu, *Karisma* umumnya bertujuan memupuk sistem dan orientasi nilai murni, melalui pelbagai aktiviti sosial bagi mengisi masa dan memberi peluang untuk anak-anak muda membentuk identiti diri dan generasinya. Sementara *Briged Muda* pula merupakan satu gerakan swadaya (sukarela) yang bertujuan mewujudkan kumpulan teras yang akan menggerakkan arus pembangunan belia, memeriahkan suasana masyarakat di peringkat akar umbi, membanteras gejala antisosial dan mendukung nilai murni dalam masyarakat.

Maka itu, dalam menangani semua perubahan dan bentuk kesinambungan yang dimaksudkan ini, sudah sewajarnya juga golongan dan gerakan belia melakukan ulang kajian, renungan, serta pengembangan yang sebanding. Barangkali dalam hal inilah akan terdapat pandangan yang berbeza: ada yang menjadi amat berminat

untuk berusaha melakukan perubahan dan penghaluan semula; sementara akan ada juga pendapat yang ingin menunggu dan melihat terlebih dahulu. Tetapi walau apa pun sikap itu, jelas bahawa permasalahan ini akan menjadi lebih mudah untuk diberikan pertimbangan sekiranya terdapat usaha-usaha untuk merenung kembali dan mempelajari serta menjadikan jalur-jalur perkembangan dan jatuh-bangunnya gerakan belia di negara ini selama ini sebagai iktibar.

Hal ini kebetulannya menjadi satu keazaman baru pada Majlis Belia Malaysia (MBM) di bawah pucuk pimpinan sekarang yang sedang merangka suatu *Pelan Bertindak Majlis Belia Malaysia Tahun 2000*, atau ringkasnya, *MBM 2000*. Pelan ini bagaimanapun masih merupakan kesinambungan pada beberapa dasar MBM selama ini yang berusaha untuk mewujudkan golongan belia yang "berilmu", "beramal", "beriman", "berjiwa besar", "berkepemimpinan", "berbudaya", "beretika dan berakhlak", "berwawasan" (*vision oriented*) dan juga "bertenaga". Dari segi proses pembinaan bangsa di negara ini, perancangan ini dijangka akan melibatkan belia antara kaum yang boleh menjanjikan persefahaman dan perhubungan yang lebih erat di kalangan generasi muda dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Kelesuan Gerakan Belia Dekad 80-an dan Masa kini?

Sungguhpun gerakan belia dalam dekad 80-an menghadapi zaman kelesuan berbanding dengan yang terdapat sebelumnya, tidaklah pula bererti bahawa organisasi gerakan belia sudah berkubur dan kehilangan arah. Tetapi dalam dekad tersebut dirasakan bahawa gerakan belia seolah-olah sudah berada di peringkat *anti-climax*, lebih cenderung untuk bekerja senyap-senyap, birokratik dan seumpama "ayam daging dan ayam telur" yakni segala projek belia sudah tidak lagi menjadi bahan berita media massa yang menarik dan mendapat perhatian.

Dalam dekad tersebut, segala bentuk keghairahan gerakan belia yang pernah wujud sebelumnya bertemakan Belia Bertindak Untuk Kebenaran dan Keadilan sehingga ia tampaknya berk

anti-establishment, dengan subbudaya *the angry youngmen* menjadi semakin kendur dan luntur. Memang tidak siapa pun ingin berlakunya demonstrasi, pemuluan kuliah dan tutorial, dan seumpamanya di kalangan belia dan pelajar. Tetapi gerakan belia dalam dekad 60-an dan terutamanya 70-an jelas memperlihatkan peranan mereka sebagai *catalyst* perubahan masyarakat, bukan sekadar *rhetoric* atau pidato-pidato yang hanya sedap didengar semata-mata. Ia telah melahirkan dan seterusnya mematangkan satu generasi pemimpin muda yang lebih komited dengan aspirasi dan hasrat rakyat. Memang berlaku persaingan antara pemimpin organisasi iaitu yang dianggap antikerajaan dan yang prokerajaan, tetapi secara tidak sedar politik belia yang demikian memperlihatkan satu lagi dimensi penting penyertaan mereka dalam proses pembinaan negara ketika itu, iaitu ingin mendapat pengiktirafan masyarakat bahawa mereka benar-benar prihatin terhadap masa depan masyarakat dan negara mereka, dan mereka sedang mempersiapkan diri untuk mewarisi sebuah masyarakat yang unggul walaupun kata-kata "menegakkan yang makruf dan menentang kemungkaran" belum begitu popular ketika itu.

Malangnya dalam dekad 80-an, pada waktu masyarakat Malaysia mula menikmati hasil DEB dan hasil kemakmuran ekonomi, gerakan belia bukan sahaja menjadi semakin sepi oleh sebab yang lama sudah semakin tua, bahkan lebih menyayat lagi kerana ia telah dibayangi oleh beberapa gejala negatif atau buruk yang lebih besar dan lebih mendesak. Pertama ialah gejala ketagihan dadah. Gejala ketagihan ini masih berterusan sehingga hari ini dan ia cukup mengancam bentuk dan jenis manusia di negara ini pada masa hadapan. Ikut membimbangkan lagi dalam beberapa waktu kebelakangan ini ialah gejala AIDS yang walaupun hanya sekadar dua kes sahaja dalam tahun 1987, tetapi sekarang sudah hampir seribu orang disyaki terjebak dalam kes sindrom Kurang Daya Tahan ini. Di samping itu, gejala-gejala muzik rock juga cukup membimbangkan banyak pihak yang prihatin mengenai masa depan golongan ini, biarpun kegiatan muzik ini membuka peluang ekonomi kepada mereka yang bergiat di dalamnya.

Malangnya dunia ini masih dikira sukar menjamin masa depan seseorang; dan kerana itu, buat beberapa waktu ini, muzik rock seolah-olah berperanan untuk dijadikan suatu *escapism* yang cukup mengkhayalkan dan memabukkan bakal pewaris masa depan masyarakat ini. Sementara itu perbuatan lepak dan "bohsia" tampaknya bukan sahaja membabitkan masalah keruntuhan moral tetapi juga meruntuhkan kerukunan hidup masyarakat Malaysia seluruhnya.

Kedua, pemimpin-pemimpin belia 70-an menjadi lebih dewasa dan berpeluang untuk mengisi "kepimpinan pelapis" dalam politik. Mereka, dengan demikian, seorang demi seorang, sudah meninggalkan alam *the angry youngmen* dan menjadi sebahagian daripada pihak *establishment* itu sendiri sehingga ada antara mereka menjadi lebih cepat *conservative* dan ikut mempertahankan *status-quo* masyarakat yang secara senyap-senyap berlandaskan kepentingan dan kedudukan politik kepartian mereka.

Lebih daripada itu, kehadiran mereka dalam arena politik itu menyeret secara langsung kepentingan dan politik belia sehingga menyebabkan berubahnya sikap daripada *anti-establishment* kepada *pro-establishment*.

Demikianlah, persaingan antara Anwar Ibrahim dengan Hj. Suhaimi untuk merebut jawatan ketua Pergerakan Pemuda UMNO 1982 dan 1984 merupakan sebahagian daripada rentetan persaingan mereka (ABIM vs. 4B) yang pernah terjadi dalam gerakan belia dalam tahun 70-an. Sementara itu, Gerakan Belia 4B Malaysia yang pada suatu masa dahulu bergerak dengan baik dan aktif di kalangan para belia di luar bandar khususnya sedang mengalami kekalutannya sendiri. Ini merupakan rentetan perbezaan haluan politik di kalangan pemimpinnya.

Sementara alasan lain dalam hal ini ialah kerana semakin malapnya semangat dan kegiatan sukarela di kalangan anggota masyarakat dengan sebab semakin berkembang luasnya nilai-nilai material ringgit dan sen dalam pelbagai urusan, hatta gotong-royong yang tidak berupah selama ini juga semakin pupus; sementara dalam banyak kegiatan politik pula, gejala "politik wang" dan

“budaya koporat” semakin kental dalam masyarakat umumnya.

Golongan anak muda juga ikut terseret dalam hal ini kerana mereka juga berminat untuk mendapatkan subsidi sama sebagaimana orang lain. Dan, menjadi lebih malang lagi jika diperhatikan bahawa dalam masa yang sama, *rat-race* dan *survival for the fittest* atau “hukum rimba” semakin berkembang dalam sistem pendidikan, yakni yang menjadi keutamaan ialah kelulusan dan pencapaian sijil dan ijazah.

Kesannya ialah anak-anak muda seolah-olah tidak ada masa untuk berjinak-jinak dengan pertubuhan-pertubuhan belia di kampung mereka sendiri, dan barangkali jurang pemisahan yang dibina antara kumpulan pelajar yang lebih bijaksana, yang tinggal di asrama dengan aktiviti kemasyarakatan, termasuk aktiviti belia juga, dalam persekitaran yang normal semakin melebar. Ini mengasingkan diri mereka dengan hati nurani manusia jembel dan kerdil di luar dunia asrama mereka itu. Memang benar bahawa mereka ini suatu masa kelak boleh menjadi *cream of our society* oleh sebab bijak dan pandainya mereka menjadi orang terpelajar dan terbilang dan mencapai kedudukan yang elitis dalam masyarakat; namun mereka sebenarnya berada di awang-awangan, tidak pernah mengenal dan mengalami hati nurani golongan bawahan yang memerlukan bimbingan mereka.

Sebilangan mereka barangkali memang prihatin terhadap permasalahan masyarakat umumnya, namun paling tidak hambatan daripada Akta Universiti dan Universiti Kolej menjadi sebahagian daripada alasan mereka untuk bersikap nafsu-nafsi walaupun secara terpaksa. Atau di sebaliknya mereka menjadi golongan “serba rapuh” dan mudah putus asa, walaupun tidak “meminta-minta” subsidi itu dan ini.

Sementara itu di peringkat Kementerian atau pentadbiran sendiri dalam dekad yang lalu tampaknya lebih meminati kegiatan dan lapangan sukan sehingga keghairahan bahang Olimpik dan Piala Dunia itu sendiri amat menggoda para pemutus dasar dan anak muda yang mimpikan kejuaan menyebabkan kerja-kerja sukarela dalam organisasi belia seolah-olah sudah beres dan

mantap; sedangkan dalam masa yang sama, begitu banyak kes kegagalan projek belia, baik yang berdagang mahupun yang berbengkel, hatta KOBENA sendiri sedang terumbang-ambing dan semakin gelap masa depannya.

Nostalgia Masa Lalu dan Visi Masa Depan Gerakan Belia

Sesungguhnya kemalapan gerakan belia yang dapat dikesan dalam dekad 80-an itu merupakan suatu teladan yang baik, kerana haruslah diakui bahawa di sebalik gerakan-gerakan radikal dan bernada *anti-establishment* belia dalam dekad 70-an, golongan dan gerakan belia telah menampilkan sebilangan para pemimpin pelapis dalam barisan kepimpinan politik dan kerajaan yang ada hari ini.

Pertubuhan-pertubuhan belia seperti MAYC, Belia 4B, ABIM, GPMS, dan bahkan SANYA dan SEBERKAS ialah organisasi yang telah mencipta sebilangan nama personaliti dalam politik dan kepimpinan negara sekarang.

Antara mereka yang dapat disebutkan sepintas lalu di sini ialah Anwar Ibrahim (ABIM), Sanusi Junid (MAYC), Hj. Suhaimi (S46), Abdullah Badawi (GPMS) dan beberapa yang lain. Inilah beberapa nama penting generasi pemimpin pelapis hari ini yang akan terus berpolitik atau bersaing antara satu sama lain dalam beberapa tahun yang akan datang. Dalam pemilihan UMNO bulan November 1993 lalu, Anwar telah berjaya merebut jawatan timbalan presiden parti, dan mulai 1 Disember beliau telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri di samping mengetuai Kementerian Kewangan.

Sesungguhnya, daripada pengamatan peribadi dalam masa pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1990, tidak keterlaluan kalau dirumuskan bahawa *old-gang networks* dalam pertubuhan belia seperti ABIM, MAYC dan GPMS tampaknya masih lagi menjadi salah satu pertimbangan penting dan berperanan untuk menentukan kemenangan masing-masing kerana jelas pula bahawa perwakilan dalam parti tersebut umumnya terdiri daripada orang yang pernah atau masih bergiat dan masih komited dengan perjuangan belia masing-masing di peringkat cawangan. Barangkali inilah nostalgia

masa lalu yang mempengaruhi kedudukan politik beberapa orang tokoh politik ini sekarang.

Soalnya sekarang ialah bagaimana halnya dalam jangkauan masa depan gerakan belia itu sendiri? Dari segi politik kepartian dan kepimpinan negara, pastilah salah satu jalan dan orientasi popular untuk melatih diri sebagai pemimpin dan seterusnya melibatkan diri dalam parti politik ialah melalui pertubuhan belia. Sebilangan tokoh dan pemimpin pelapis politik Melayu, khususnya UMNO, telah membuktikan bahawa cara ini adalah cukup berkesan. Dan kerana itu, dijangkakan bahawa politiking di kalangan bekas pemimpin belia yang disebutkan di atas akan menjadi semakin kritikal dan meruncing. Sekali gus hal ini boleh menyebabkan berlakunya ketegangan dalam masyarakat, khususnya di kalangan ahli parti itu sendiri.

Sementara dalam urusan sosioekonomi pula, setidak-tidaknya Wawasan 2020, PIBN dengan Program Karisma dan Briged Muda merupakan usaha terbaru bagi memulihkan kembali semangat dan dorongan, dalam keadaan yang lebih gagah dan *promising*, demi menggerakkan kepentingan dan keupayaan positif golongan dan gerakan belia sebagai pewaris masyarakat dan negara ini pada masa hadapan walaupun pada suatu ketika mereka tampaknya menjadi terabai dan dibayangi oleh beberapa masalah yang lebih mendesak dan perlu diutamakan.

Dalam pada itu, bagaimanapun, gerakan belia umumnya akan ikut terseret dan menerima bahang akibat daripada persaingan politik yang disebutkan itu, sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Tetapi ini tidak bererti bahawa gerakan belia tidak patut menafikan kepentingan politik dan kekuasaan politik semata-mata kerana mempertahankan sikap *non-partisan* atau berkecuali itu.

Hal ini penting diperhatikan kerana tidak semua persaingan atau konflik itu membawa keburukan dan kemusnahan, bahkan di sebaliknya proses persaingan itu sendiri memungkinkan terhasilnya kebaikan dan kualiti tertentu dari segi kepimpinan; sementara kekuasaan/kedudukan politik itu sendiri seharusnya diterima

sebagai suatu kedudukan penting lagi istimewa yang boleh menentukan haluan dan masa depan serta kepentingan golongan belia umumnya.

Sehubungan dengan inilah pula maka adalah penting untuk golongan belia dewasa ini berusaha memupuk dan mengembalikan semula zaman kegemilangan gerakan belia itu. Tentu sahaja dapat dijangkakan bahawa zaman yang akan dibentuk itu sudah jauh berbeza daripada yang pernah dapat dibayangkan sebagai zaman *the angry youngmen* yang pernah wujud itu. Dalam suasana yang menyelubungi gerakan belia dekad 80-an lalu, maka adalah lebih mungkin untuk menjangkakan bahawa yang akan berlaku dalam hal ini lebih berkeadaan *pro-establishment*; sementara itu semakin sukar dan terbatas sekali untuk melahirkan sikap *anti-establishment* dan menonjolkan peranan kumpulan pendesak yang pernah wujud itu. Namun hal ini juga tidak ada salahnya asalkan sahaja keprihatinan mereka terhadap permasalahan masyarakat, terutamanya sebagaimana yang telah digariskan dalam Wawasan 2020, termasuklah usaha-usaha yang dirangkakan dalam PIBN dan juga dalam usaha mengembangkan wawasan Karisma di kalangan belia – tanpa mengetepikan apa-apa jua usaha antara kaum untuk memupuk perpaduan, kesetiaan, kebaikan dan menentang segala kemungkarannya – setiap pemikiran serta tindak-tanduk pemimpin dan ahli gerakan belia itu adalah jelas, wajar, rasional, dan jujur dan prihatin.

Penutup

Suasana dan iklim yang mempengaruhi belia dan gerakan belia hari ini adalah jelas berbeza daripada yang pernah terdapat dalam dekad-dekad yang lalu. Politiking di kalangan pemimpin dan organisasi belia dahulu adalah begitu ketara dalam gerakan mereka. Sebagai suatu “fesyen” sejagat, kegiatan mereka diselubungi suasana *anti-establishment*. Tetapi daripada pergolakan seperti itulah tampaknya mereka lebih bebas untuk membina imej, kematangan dan kesedaran serta mengadakan program-program tertentu yang sesuai bagi mereka.

Sehubungan dengan itu, maka dalam membincangkan

persoalan belia dan kaitannya dengan pembinaan bangsa itu, pertimbangan yang sewajarnya haruslah juga diberikan pada gerakan belia yang pernah berlaku dan berkembang sebelumnya. Segala yang berlaku itu boleh dijadikan iktibar dan teladan tertentu kerana dalam menegakkan dan menentukan identitinya sebagai anggota masyarakat, pemimpin dan ahli pertubuhan belia akan terdedah dan dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor persekitaran hidup mereka.

Gerakan belia dekad 90-an dan seterusnya dalam abad ke-21 kelak dijangka tidak mungkin dapat disamakan dengan yang pernah wujud sebelumnya; tetapi satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah apa-apa yang ada sekarang dan pada masa hadapan merupakan suatu lanjutan dan kesinambungan daripada yang telah ada sebelumnya. Dengan tradisi gerakan belia yang sudah ada dalam masyarakat Malaysia sekarang, tentulah dapat dijangkakan bahawa usaha membina dan menyediakan generasi muda sebagai pewaris generasi sekarang tidaklah terlalu sukar untuk dilakukan dengan sebaik-baiknya, sama ada menerusi rancangan kerajaan untuk mereka ataupun rancangan pemimpin dan ahli pertubuhan sendiri.

Rujukan

- Almond, G. & Powell Jr, G. B., *Comparative Politics: A Development Approach*, N. York: Little, Brown & Co., 1966.
- Azizan Bahari, "Majlis Belia Malaysia: Di Mana dan Ke Mana?", *Dewan Masyarakat*, Nov. 1991.
- Azizan Bahari, "Majlis Belia Malaysia: Di Mana dan Ke Mana?" *Dewan Masyarakat*, Nov. 1991.
- Blythe, W., *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, London: OUP, 1969.
- Douglas, S.A. & Pedersen, P., *Blood, Believer, and Brother: The Development of Voluntary Associations in Malaysia*, Center for International Studies, Southeast Asia Series No. 29, Ohio University, 1973.
- Gullick, J.M., *Indigeneous Political System in Western Malaysia*, London: The Athlone Press, 1965
- Hussain Mohamed, "Organisasi Gerakan Belia di Semenanjung Malaysia", Tesis PhD, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1981.
- _____, "Berbagai Tafsiran Mengenai Belia", *Analisa Belia*, Jurnal terbitan Majlis Belia Malaysia, Jil. 1, No. 1, K. Lumpur, 1983,

- _____, *Gerakan Belia di Malaysia*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, 1986,
- _____, "Gerakan Pelajar di Malaysia" *Malaysia Masa Kini*, 1986, terbitan Persatuan Museum, Kuala Lumpur, 1986,
- _____, "Politik Belia dan Pembangunan Negara", Kertas kerja bagi *Simposium Kepimpinan Belia Negeri*, Kota Kinabalu, Sabah (1991), anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah, ABIM Sabah, dan Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah, Mei 28 - 31 1991.
- _____, "Isu-isu Semasa Mengenai Belia: Ke Arah Penyelesaiannya", Kertas Seminar dibentangkan dalam *Simposium Pembangunan Belia Negara*, anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dan Pusat Belia Antarabangsa, K. Lumpur: 12 Nov 1991.
- _____, "Anwar Ibrahim: Dari Politik Belia ke Kancah Politik UMNO" dalam Hairany Naffis (ed), *Amalan Politik Malaysia*, Bangi: Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993,
- _____, "Pemimpin Pelapis UMNO: Bagaimana Kedudukannya dalam Kesenambungan Kepimpinan Melayu?", *Mastika*, Nov. 1993
- _____, "Persatuan-persatuan Belia: Cabaran dan Permasalahan", Kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN), di Kuala Lumpur, 25 & 26 Julai 1994.
- _____, "Pertumbuhan dan Pergerakan Belia di Malaysia", Kertas kerja *Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia*, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme, Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka, Air Keroh Resort, 16 - 18 Ogos 1994.
- Mohamed Abu Bakar, *Mahasiswa Menggugat*, K. Lumpur: Pustaka Antara, 1973,
- Mohd. Noor Nawawi, "Belia Malaysia: Masalah, Cabaran dan Masa Depan", dalam Mahayudin Hj. Yahya (ed), *Islam dan Pembangunan Negara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986,
- Shamsudin A. Rahim, *Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja*, Kuala Lumpur: MYS, 1994.

Nota: Tulisan ini asalnya ialah kertas kerja berjudul 'Youth and Nation Building in Malaysia' yang telah dibentangkan dalam *Fourth Malaysia - Singapore Forum*, anjuran bersama Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dan Faculty of Arts and Social Sciences, National University of Singapore, diadakan di petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, 8 - 11 Dis. 1994.

**PERTUBUHAN BELIA MALAYSIA
(BADAN-BADAN GABUNGAN MBM), 1994**

1. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
2. Briged Putera Malaysia
3. Briged Puteri Malaysia
4. Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semanjung (GPMS)
5. Gerakan Belia 4B Malaysia
6. Gerakan Belia Bersatu Malaysia
7. Majlis Belia Hindu Malaysia
8. Majlis Belia Felda Malaysia
9. Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia
10. Pekerja Pemuda Kristian

11. Pergerakan Pemuda Malaysia
12. Persatuan Asrama Belia Malaysia
13. Persatuan Belia Buddhist
14. Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
15. Persatuan Pandu Puteri Malaysia
16. Persaudaraan Belia Methodist Malaysia
17. Persekutuan Pengakap Malaysia
18. St. John Ambulans Malaysia
19. Young Men Christian Association
20. Pergerakan Puteri Islam Malaysia

21. Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (SANYA)
22. Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS)
23. Majlis Belia Negeri Perlis
24. Majlis Belia Negeri Kedah
25. Majlis Belia Negeri Pulau Pinang
26. Majlis Belia Negeri Perak
27. Majlis Belia Selangor
28. Majlis Belia Negeri Sembilan
29. Majlis Gabungan Belia Melaka
30. Majlis Belia Negeri Johor
31. Majlis Belia Negeri Pahang
32. Majlis Belia Negeri Terengganu
33. Majlis Belia Negeri Kelantan.
34. Majlis Belia Wilayah Persekutuan

GPMS: SUATU MANIFESTASI GERAKAN NASIONALISME

Pengenalan

Nama GPMS (Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung) barangkali tidak perlu diperkenalkan. Apabila seseorang mahaguru atau pendidik yang berpengalaman luas menyebutnya tentu sahaja menghubungkan nama GPMS dengan Allahyarham Aminuddin Baki, seorang tokoh dan pemimpin GPMS yang juga merupakan tokoh pendidik dan sekali gus dianggap sebagai salah seorang nasionalis Melayu yang terbilang. Demikianlah nama dan imej GPMS diabadikan dalam sejarah masyarakat Malaysia umumnya.

Sesungguhnya GPMS adalah satu nama pertubuhan yang citranya berupa sebuah organisasi pelajar-pelajar Melayu yang kegiatan utamanya tertumpu pada bidang pendidikan dan persekolahan, khususnya bagi pelajar-pelajar Melayu. Di kalangan generasi muda hari ini nama GPMS adalah tidak lebih sebagai salah sebuah daripada puluhan nama pertubuhan belia kebangsaan yang lain, dengan kegiatan utamanya adalah yang berkenaan dengan pendidikan dan pelajaran untuk ahli-ahlinya. Barangkali hanya kalangan yang berumur 50-an dan 60-an sahajalah yang lebih maklum akan kehadiran dan keterlibatan GPMS dalam arus

kehidupan rakyat di negara umumnya dan di kalangan orang Melayu khususnya.

Kertas ini bertujuan memerihai dan membincangkan penu-
buan dan matlamat gerakan GPMS sebagai sebuah pertubuhan
belia yang lahir dalam arus dan suasana kebangkitan nasionalisme
Melayu selepas Perang Dunia Kedua; dan ia masih merupakan
salah satu wadah perjuangan dan manifestasi gerakan nasionalisme
Melayu yang penting, khususnya di kalangan belia Melayu se-
hingga hari ini. Barangkali pandangan dan imbauan masa lalu yang
dikemukakan ini tidak lebih hanyalah sebagai suatu nostalgia masa
lampau; dan kalau itu pun ada kebenarannya, barangkali perbin-
cangan ini juga memungkinkan persepektif yang lebih wajar
ditemui untuk menentukan peranan dan kedudukan GPMS dalam
arus nasionalisme Melayu dan Malaysia yang dibincangkan ini.

Untuk maksud ini, maka bagi melengkapkan perbincangan
mengenai GPMS itu, suatu perbincangan umum yang dikira
penting juga dikemukakan dalam hal ini ialah mengenai gagasan
nasionalisme dan kaitannya dengan kedudukan dan peranan yang
boleh dimainkan oleh golongan belia dalam menentukan bahawa
kelangsungan dan kepentingan patriotisme dan nasionalisme itu
akan terjamin dalam hidup mereka pada masa hadapan.

Persoalan ini sebenarnya lebih mendesak lagi kerana suasana
sosiopolitik yang melahirkan GPMS itu berbeza dengan yang
dialami oleh golongan belia hari ini, malahan sebilangan anak
muda sekarang menjadi bebanan dan masalah yang besar kepada
masyarakat dan negara seperti terjebak dengan ketagihan dadah,
jangkitan virus HIV dan AIDS, skandal seks dan kejatuhan moral,
serta suasana lesu yang menyelubungi kegiatan berpersatuan yang
seimbas lalu tampaknya melahirkan masa depan yang cukup
pesimistik.

Perbincangan ini, bagaimanapun, dimulakan dengan memberi-
kan sorotan terhadap keprihatinan, perbincangan dan analisis
sejarah Malaysia sehingga hari ini, yang secara tidak disedari
tampaknya banyak kegiatan dan kepentingan kumpulan bukan
politik seringkali menjadi terabai dan diketepikan. Hampir semua

tajuk yang diberikan perhatian oleh sarjana dan penyelidik sejarah Malaysia sehingga ini tertumpu pada aspek politik dan pentadbiran (Khoo Kay Kim, 1994), sama ada mengenai sejarah politik tradisional Melayu, sejarah kumpulan etnik, historiografi Melayu, sistem pemerintahan, pentadbiran dan pemerintahan, juga mengenai organisasi politik, biografi tokoh politik, atau rentetan peristiwa demi peristiwa serta proses politik yang secara langsung mempunyai kaitannya dengan soal pemerintahan, kuasa dan perjalanan kerajaan. Sementara kajian ke atas sejarah dan pergerakan politik Malaysia selepas Merdeka pula, yang disertai sama oleh sarjana dan penyelidikan Sains Politik, memberikan perhatian yang meluas ke atas persoalan politik perkauman, politik pembangunan, proses pilihan raya, serta permasalahan kepimpinan semasa, khususnya dalam kebanyakan parti politik yang berkuasa.

Kajian-kajian yang dilakukan ke atas sesebuah pertubuhan sosioekonomi, termasuk agensi awam, memang mendapat perhatian daripada sarjana-sarjana dan penyelidik Sosiologi, Psikologi ataupun Ekonomi misalnya. Namun bilangannya masih belum memadai. Malahan kajian ke atas organisasi awam seperti badan perundangan dan eksekutif masih tidak mendapat perhatian sewajarnya, walaupun beberapa usaha awal mengenai aspek pertumbuhannya telah dilakukan. Persoalan tentang sejarah sosial tempatan, mengenai pertumbuhan dan perkembangan sesebuah bandar dan bandar raya, atau mengenai sesebuah institusi pendidikan, serta para pendukung dan aktivis sosioekonomi tertentu didalam organisasi ini juga masih memerlukan kajian lanjut yang lebih berwibawa dan *presentable* yang menuntut pengisian yang lebih konkrit dan wajar.

Kesedaran terhadap sejarah sosial dan ekonomi, bagaimanapun, telah mula dirasai dan dipopularkan sejak beberapa waktu kebelakangan ini. Demikian juga, misalnya, yang berkenaan dengan penglibatan tertentu kalangan bukan politik yang lebih khusus dalam arus kebangkitan nasionalisme tempatan misalnya, khususnya di kalangan orang Melayu atau yang berorientasikan Melayu seperti yang melibatkan golongan dan organisasi belia itu sesungguhnya masih terabai.

GPMS, misalnya, merupakan suatu pertubuhan yang turut memainkan peranan tertentu dalam arus kebangkitan nasionalisme Melayu itu. Seperti yang diperihalkan dalam kertas ini, GPMS sesungguhnya memperlihatkan suatu manifestasi kesedaran politik sebilangan belia pelajar Melayu (Tun Dr. Ismail, 1973) yang walaupun terdidik dalam pendidikan Inggeris, namun telah berusaha untuk melakukan sesuatu demi memajukan bangsa dan kepentingan generasi muda Melayu khususnya dan golongan muda di negara ini seluruhnya.

Persoalan Nasionalisme dan Belia Malaysia Masa Kini

Jika sekiranya nasionalisme itu difahami sebagai suatu rukun politik yang mengandungi idea (Hans Kohn, 1968) yang pada akhirnya akan mewujudkan suatu komitmen dan manifestasi perasaan kasih akan bangsa dan negara, maka ia merupakan suatu fenomena sejagat. Di mana-mana negara pun akan terdapat kesedaran dan gerakan kolektif tertentu di kalangan anggota penduduk atau masyarakat yang menjadi komponen penting sesebuah negara itu untuk membentuk dan menerapkan sesuatu kesedaran, (Hayes, 1926, 1931) komitmen, keyakinan atau matlamat bersama, misalnya untuk menghapuskan penjajahan asing atau kolonialisme (J.H. Kutsky, 1967), membangunkan kesetiaan di kalangan golongan majoriti yang memungkinkan seterusnya kewujudan sebuah negara-bangsa (Hans Kohn, 1943), mewujudkan erti kesatuan dan perpaduan nasional, sehingga pada akhirnya ia berupaya untuk menentukan kesahihan tuntutan terhadap kuasa, kuatkuasa dan kedaulatan negara.

Gerakan nasionalisme dalam politik moden dikatakan bermula dalam masyarakat Eropah selepas abad ke-18 dengan kemunculan beberapa buah negara-bangsa yang "merdeka". Sementara di koloni-koloni Eropah di Asia dan Afrika umumnya, fenomena ini merupakan suatu gerakan politik yang berkembang seiring dan menjadi sanggahan terhadap kolonialisme. Dengan demikian, ia pertama-tamanya dikaitkan dengan gerakan mencapai kemerdekaan (Kutsky, 1967) yang menjadi puncak kepada siri peristiwa dan

kejadian *xenophobia* - bencikan orang asing. Sesudah merdeka dicapai, tahap peranan dan kepentingan nasionalisme sebagai wadah perjuangan politik kemerdekaan itu ditumpukan pula pada usaha-usaha mengisi kebebasan politik tersebut. Dalam hubungan ini, erti dan idealisme nasionalisme itu mendasari usaha-usaha untuk mencapai kemakmuran ekonomi, perpaduan nasional, dan keadaan politik yang mantap. Mimpi-mimpi atau idealisme itu sendiri kadang kalanya menjadi semakin kabur dan tidak menepati sasaran yang pernah dimimpikan semasa menuntut kemerdekaan; dan kerana itu, ada negara yang menjadi semakin mundur dan kacau dari segi ekonomi dan politiknya sehingga terjebak dalam krisis politik dan perang saudara; sementara sebilangan yang lain merombak dan mengubahsuaikan idealisme yang tersirat dan tersurat dalam semangat nasionalisme itu demi kelangsungan politik dan negara.

Komponen penting yang berperanan untuk mewujudkan dan membentuk idealisme dan nasionalisme itu adalah individu manusia sendiri. Mereka adalah pelaku-pelaku politik, baik sebagai objek ataupun subjek kepada gagasan nasionalisme itu. Demikianlah sejarah telah memperlihatkan bahawa penglibatan golongan prososial dan produktif seperti golongan belia adalah penting dalam memupuk dan memikul tanggungjawab membina kesedaran, idealisme, komitmen, citi-cita, dan ideologi sesebuah negara, sama ada dilabelkan sebagai sosialis, nasionalisme, komunis ataupun demokrasi.

Hal ini telah dibuktikan, misalnya, dalam negara Kesatuan Soviet Russia apabila Vladimiar Lenin, setelah memenangi kuasa dalam Revolusi Bolshevik (1917), telah menubuhkan KOMSOMOL (Kommunisticheski soinz Molodezhi - Communist League of Youth) untuk memastikan bahawa ideologi komunis Russia boleh diteruskan dalam generasi belia yang bakal mewarisi negara pada masa hadapan. Demikian juga pada zaman Hitler di Jerman, tenaga belia yang dikelompokkan dalam Belia Nazi atau dikenali juga sebagai *Hitler Youth* diketengahkan bagi menjamin kelangsungan fasis nasionalisme-melampau (*hyper-nationalism*) bangsa Aryan

Jerman. Demikian juga dalam beberapa kes terdekat dengan Malaysia, misalnya di Indonesia dengan Sumpah Pemuda 1928 itu merupakan penggerak ulung yang menyemarakkan nasionalisme yang mendasari, pada akhirnya, gerakan politik kemerdekaan dan penubuhan sebuah negara Indonesia.

Dalam konteks Malaysia, gerakan politik kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua adalah suatu kesinambungan pada siri *xenophobia* sejak penjajahan Eropah bermula yang telah melahirkan beberapa wira Melayu seperti Datuk Maharajalela, Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Datuk Naning, dan seterusnya beberapa nama lain di Sarawak dan Sabah seperti Rosli Dhobi dan Mat Salleh. Sumpah Pemuda 1928 di Indonesia ikut dirasakan di kalangan masyarakat Melayu tempatan, terutamanya melalui interaksi para pelajar Melayu-Indonesia yang belajar di institusi pengajian agama di Timur Tengah, dan juga melalui bahan-bahan propaganda sosiobudaya yang dibaca oleh para pelajar Melayu tempatan.

Kesedaran dan kepedulian terhadap nasib bangsa dan negara ini akhirnya melahirkan beberapa persatuan politik Melayu bawahan dan atasan, dan barangkali boleh dianggap mula memperlihatkan kehadirannya setelah tercetusnya usaha mengabadikan kolonialisme Inggeris dalam bentuk Kesatuan Malaya (1946). Gerakan ini telah melahirkan UMNO sebagai sebuah parti yang berlandaskan nasionalisme Melayu, dengan melibatkan sebilangan ahli yang muda sehingga perlu ia mewujudkan Pergerakan Pemuda UMNO dalam tahun 1949. Melalui perjuangan UMNO khususnya, kemerdekaan dan kebebasan politik negara ini telah dicapai dalam tahun 1957.

Latar belakang sejarah politik ini, bagaimanapun, tidak menjamin kekalnya nasionalisme sebagai satu-satunya tonggak kedaulatan dan identiti sesebuah negara, apalagi dalam konteks Malaysia yang bersifat majmuk itu. Semangat nasionalisme itu, sama sebagaimana yang banyak terjadi di negara lain juga, menjadi semakin kabur dan terpinggir dengan semakin lamanya masa berlalu dan semakin dilupakan pula ingatan terhadap proses dan peristiwa

yang berlaku dalam arus pencapaian kemerdekaan itu. Maka itu, dalam konteks Malaysia umumnya, sehingga beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat sekurang-kurangnya empat persoalan dan citra politik penting yang berkaitan dengan nasionalisme:

- a. Kalangan pemimpin dan tokoh politik Melayu, khususnya daripada kalangan UMNO, masih beranggapan bahawa nasionalisme, khususnya nasionalisme Melayu masih penting dan masih ada.
- b. Tokoh dan pemimpin politik bukan UMNO, khususnya PAS yang menjadi pesaing utama UMNO tidak menganggap nasionalisme sebagai wadah perjuangannya dan malahan beranggapan bahawa nasionalisme Melayu atau yang dikaitkan dengan sesuatu kaum adalah suatu fahaman asabiah yang amat bertentangan dengan ajaran Islam (Subkey Latif, 1983; Hj. Abd. Hadi Awang, 1985).
- c. Kalangan tokoh dan pemimpin politik bukan Melayu, di samping mengiktiraf wujudnya nasionalisme Melayu, tetap berhasrat untuk memperjuangkan suatu nasionalisme Malaysia yang merangkumi kepentingan semua etnik, misalnya gagasan politik *Malaysian Malaysia* yang berupa suatu pentarafan sama rata kepentingan dan kedudukan Melayu dan bukan Melayu (B.N. Cham, 1975).

Kepentingan dan keluhuran nasionalisme Melayu yang mendasari perjuangan politik UMNO dan dianggap sebagai asas kenegaraan Malaysia itu juga, bagaimanapun, telah menimbulkan beberapa kebimbangan tertentu dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kemunculan golongan kelas menengah Melayu, konsep Melayu Baru yang luwes, Melayu korporat dengan nilai dan budaya niaga yang mampu hidup serba mewah dan lebih-lebih lagi wabak politik wang dalam suasana politik Melayu yang lebih elitis sifatnya itu telah dilihat sebagai faktor-faktor yang menyebabkan semakin

longgar dan pudarnya konsep nasionalisme Melayu itu sendiri. Datuk Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri pernah menyebutkan gejala ini seperti berikut:

.... Saya khuatir kemewahan akan membuat kita mengabaikan tugas dan tanggungjawab memelihara kemerdekaan negara. Manalah tahu oleh kerana gelojoh mengejar kebendaan, kedudukan, pangkat dan kuasa, maka ada di antara kita yang tidak lagi menghargai diri sehingga mengetepikan perpaduan yang berteraskan semangat patriotisma dan nasionalisma...(1985)

Gejala yang melanda kalangan orang dewasa itu bukan tidak ada akibatnya ke atas kehidupan golongan anak muda. Hal ini tidak mustahil berlaku biarpun dewasa ini gerakan dan semangat *anti-establishment* dengan sikap marah-marah *the angry-youngmen* hampir tidak kedengaran lagi. Namun pengabaian para generasi ibu bapa yang sibuk mengejar kemewahan, di samping pengaruh dan ledakan media yang semakin mengecilkan dunia, turut bertanggungjawab menjejaskan generasi anak-anak sehingga merebak pula wabak ketagihan dadah, jangkitan HIV dan AIDS, kegilaan pada muzik, gelagat lepak dan membuang masa sehingga terjebak dengan perbuatan jenayah seksual, bohsia dan bohjan atau "anak ikan", dan seumpamanya. Jenayah seksual itu sendiri menghasilkan pula perbuatan negatif lain seperti pembuangan bayi.

Di samping itu, kekhawatiran mengenai generasi pewaris masa depan negara ini juga membabitkan penjejasan nasionalisme. Dalam zaman sebelum Merdeka, semangat nasionalisme begitu berkobar-kobar untuk menghapuskan penjajahan Eropah, tetapi selepas merdeka, generasi muda dihanyutkan oleh misalnya kegilaan terhadap muzik yang dibawa oleh budaya asing misalnya. Hal ini merebak lagi pada kegiatan berpersatuan di kalangan mereka apabila dalam tahun-tahun kebelakangan ini wujudnya suatu suasana kelesuan pada gerakan belia dengan penyertaan yang hambar di kalangan generasi belia hari ini (Azizan Bahari, 1991).

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan

generasi muda hari ini mempunyai suatu kehidupan yang mewah tetapi mereka sentiasa dibebani dengan cabaran, khususnya untuk mencapai kelulusan akademik dan profesional tertentu sehingga menyebabkan gejala dan sindrom budaya asrama penuh menjadi sebahagian daripada proses pemupukan pemyarakatan atau sosialisasi yang mereka lalui. Segalanya ini semakin menyebabkan mereka yang cerdik dan bijaksana itu menjadi tidak ada masa dan tidak prihatin untuk bercampur gaul dengan anggota masyarakat, misalnya memberikan sedikit masa untuk menyertai kegiatan dan pertubuhan sukarela. Ini menjadikan suasana kehidupan semakin elitis sifatnya dan orientasi begini menyebabkan semakin renggangnya mereka dengan kegiatan berpersatuan, hatta untuk menyertai kegiatan parti politik sekalipun (Posiah: 1987; Umar Khan, 1991).

Sementara itu kalangan yang kurang bijaksana pula mempunyai kecenderungan untuk berhijrah ke bandar atau ke sektor bukan pertanian, dan tidak berminat lagi untuk meneruskan kehidupan di kampung. Kerjaya pertanian yang dewasa ini merupakan *sunset industry* rata-ratanya diteruskan oleh golongan dewasa yang tenaga keringat mereka semakin berkurangan dan ditelan usia.

Dalam keadaan yang berubah sedemikian rupa, apakah mungkin idealisme yang menjurus pada pemupukan patriotisme dan nasionalisme di kalangan generasi belia itu dapat dipertahankan? Secara logik, ia dirasakan semakin payah. Di kalangan generasi belia Melayu sendiri khususnya, pernah dilaporkan bahawa sekitar satu juta orang daripada mereka tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi (BM, 26/3/89). Demikian juga kalangan kelas menengah Melayu yang dilaporkan, dalam beberapa waktu kebelakangan ini, begitu ketara enggan mendaftarkan diri sebagai pengundi. Ini juga menjadi salah satu petunjuk istimewa terhadap kesedaran politik dan sikap prososial golongan muda dalam beberapa waktu kebelakangan ini.

Sehubungan ini, maka barangkali sebagai suatu renungan dan sorotan kembali bagi generasi muda di Malaysia hari ini, proses penubuhan dan matlamat perjuangan sebuah pertubuhan sukarela

pelajar belia seperti GPMS yang diperihalkan di bawah ini merupakan suatu iktibar istimewa yang boleh memperlihatkan betapa gigihnya dan kuatnya keazaman generasi muda yang lalu dalam menangani dan mempersiapkan diri mereka dalam arus kebangkitan nasionalisme Melayu itu.

Penubuhan GPMS: Manifestasi Nasionalisme Melayu

Sejarah pertumbuhan dan perkembangan GPMS berkaitan secara langsung dengan suasana kemajuan pendidikan pelajar Melayu dalam institusi pengajian tempatan selepas Perang Dunia Kedua yang rata-ratanya adalah daif, terkebelakang dan berhadapan dengan saingan yang cukup sengit daripada kalangan pelajar bukan Melayu. Ia juga berkaitan secara langsung dengan beberapa nama intelektual Melayu yang ulung; antaranya yang terpenting dalam hal ini ialah Dr. Abd. Wahab Mohd. Ariff dan Aminuddin Baki serta para pendukung dan pengasas *Kesatuan Persuratan Pelajar-pelajar Melayu Selangor*.

Nama Dr. Abd. Wahab Ariff kurang dikenali umum, namun satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah beliau merupakan salah seorang individu penting yang telah memikirkan dan merintis serta menjadi peserta yang cukup prihatin terhadap kemajuan pendidikan di kalangan orang Melayu. Beliau merupakan pelajar Penang Free School terbaik dalam peperiksaan Senior Cambridge dalam tahun 1937 dan kejayaannya itu telah merintis jalan untuknya menubuhkan sebuah Malay Boys League, sebuah organisasi pelajaran dan sosial pelajar-pelajar Melayu yang berhasrat untuk mempertingkatkan prestasi mereka dalam pelajaran ketika itu. Sungguhpun kewujudan Liga ini sekadar dua tahun sahaja, ia telah memulakan usaha penubuhan sebuah organisasi pelajar Melayu yang lebih terkemuka kemudiannya iaitu GPMS.

Sewaktu mengusahakan penubuhan dan seterusnya menerajui pucuk pimpinan Liga Pelajar Melayu di Pulau Pinang itu, Abd. Wahab berusia 18 tahun. Dalam tahun 1939, beliau terpilih untuk melanjutkan pelajaran di King VII College of Medicine, Singapura.

Sementara itu, perkembangan lain dalam hal ini ialah kegiatan

sebilangan pelajar Melayu di institusi pengajian tahun 1940-an, atas kesedaran dan keprihatinan yang sama berhubung dengan masa depan pelajar dan pendidikan Melayu itu juga terdapat di Kuala Lumpur, khususnya di Victoria Institution. Dalam tahun 1945 misalnya hanya terdapat 11 orang pelajar Melayu di sekolah ternama ini. Kekurangan ini telah menimbulkan kesedaran di kalangan mereka untuk mengatasinya dan untuk tujuan tersebut, mereka berusaha menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan sebagai Kesatuan Penuntut-penuntut Melayu Victoria Institution kemudiannya, sewaktu ditubuhkan dengan rasminya dalam satu mesyuarat penubuhan pada 20 Nov. 1945. Mulai 11 Februari 1946, namanya ditukarkan sebagai Kesatuan Persuratan Penuntut-penuntut Melayu Kuala Lumpur.

Atas hasrat dan kesedaran yang sama, Kesatuan Penuntut-penuntut Melayu di Victoria Institution itu mengembangkan kegiatan mereka ke kawasan berhampiran, khususnya di Daerah Kajang (Hulu Langat) dan Kelang di negeri Selangor. Hasilnya, pada awal tahun 1947, tertubuhlah sebuah persatuan yang dinamakan sebagai Kesatuan Persuratan Penuntut-Penuntut Melayu Selangor (KPPMS) yang ditaja oleh sekumpulan pelajar Melayu Selangor; antara lainnya, Mohamed bin Mohd. Noor, Wan Sulaiman Pak Wan Teh, Asraf bin Hj. Abd. Wahab, Siti Hasmah Mohd. Ali, Radziah Mohd. Ali, Ann Abd. Majid, Hanum Sulaiman, Nyaros Othman, Abd. Hamid Hj. Yahya, Shukor Ayob, Wan Ariffin Pak Wan Teh, Wan Mahmud Pak Wan Teh, dan Wan Hassan Pak Wan Teh. Antara tujuan penubuhan KPPMS ialah:

- (a) mencegah pemberhentian penuntut-penuntut Melayu dari sekolah Inggeris sebelum tamat pelajaran mereka ...pemberhentian ini sering berlaku kerana kesempitan hidup atau berumah tangga pada kadar umur yang "awal";
- (b) menubuhkan satu derma pelajaran bagi membantu penuntut-penuntut yang ada cita-cita hendak meneruskan pelajaran tetapi tidak ada keupayaan, (tabung derma ini dinamakan "Badan Derma Pelajaran Melayu Kuala Lumpur");

- (c) menggalakkan penuntut-penuntut belajar bersungguh-sungguh dan memberi didikan kepada mereka yang lemah dalam pelajaran dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan.

Para pemimpin KPPMS kemudiannya terlibat dalam penubuhan beberapa buah persatuan pelajar di tempat-tempat lain tetapi yang lebih istimewa dalam hal ini ialah penubuhan GPMS. Dari segi individu, yang lebih penting diberikan perhatian dalam hal ini ialah penglibatan Abd. Wahab Mohd. Ariff serta sebilangan pengasas KPPMS itu sendiri, yang kemudiannya disertai pula oleh seorang tokoh pendidikan Melayu yang terkemuka, iaitu Aminuddin Baki. Institusi pendidikan yang terlibat pula terletak di Kuala Lumpur dan Singapura.

Kesedaran terhadap nasib dan masa depan bangsa Melayu di kalangan pemimpin pelajar Melayu dalam tahun-tahun 1945 – 48 menjadi lebih jelas lagi oleh sebab pergolakan politik ekoran daripada kekalahan tentera Jepun, kembalinya semula pemerintahan Inggeris, tindakan-tindakan politik radikal Pasukan Bintang Tiga dan seterusnya projek *Malayan Union*. Semuanya ini mendorong dan memerlukan pelajar-pelajar ini bersatu dan bekerjasama untuk menangani nasib dan masa depan bangsa mereka tanpa mengira asal keturunan atau perbezaan negeri asal mereka.

Inilah antara beberapa idea yang telah dilontarkan oleh Abd. Wahab Mohd. Arif, selaku Presiden persatuan, dalam satu jamuan makan tahunan Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Maktab Raffles dan Maktab Perubatan Singapura yang dipimpinnya itu.

Seorang yang turut hadir dalam majlis itu ialah Aminuddin Baki, seorang pelajar tahun pertama Maktab Raffles yang pernah berusaha mewujudkan penyatuan tenaga di kalangan pelajar Melayu ketika itu. Beliau kemudiannya menjadi tenaga penting yang membantu Abd. Wahab untuk merealisasikan cita-cita mereka itu.

Langkah pertama ke arah itu adalah dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa penaja. Jawatankuasa ini terdiri daripada yang berikut:

Pengerusi	: Abd. Wahab Mohd. Ariff
Setiausaha	: Aminuddin Baki
Pen. Setiausaha	: Ahmad Ridduan Hj. Zainuddin
Bendahari	: Abdullah Majid
Wakil Pemuda/Wanita	: Siti Hasmah Mohd. Ali
Ahli-ahli	: Mohamed Noor Marahakim W. Sulaiman Pak Wan Teh Abd. Rahim Ishak

Jawatankuasa penaja ini telah berusaha merangka perlembagaan persatuan, lambang serta menghubungi badan-badan pelajar Melayu yang telah wujud ketika itu, terutamanya di Perak, Selangor dan Pahang serta beberapa buah Maktab di Kuala Lumpur. Satu kongres penubuhan GPMS telah diadakan dengan dihoskan oleh pelajar-pelajar Islam Maktab Teknik, Kuala Lumpur (sekarang kampus Universiti Teknologi, Jalan Gurney, Kuala Lumpur). Pengerusi bagi kongres yang diadakan pada 11 dan 15 Ogos 1948 itu ialah Aminuddin Baki dan dihadiri oleh perwakilan tujuh buah persatuan pelajar Melayu, iaitu daripada Maktab Teknik, Maktab Pertanian Serdang (sekarang Universiti Pertanian Malaysia, Serdang), Perhimpunan Pelajar-Pelajar Melayu Insaf Perak, Kesatuan Persuratan Penuntut-Penuntut Melayu Pahang, Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor, Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor Cawangan Kuala Lumpur, dan Kesatuan Penuntut-Penuntut Melayu Selangor cawangan Kajang.

Kongres yang dirasmikan pembukaannya oleh R.P.S. Walker yang mewakili H.R.Cheeseman, Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu itu telah berjaya menubuhkan sebuah persatuan kebangsaan bagi menggabungkan tenaga pelajar Melayu. Namanya diabadikan sebagai Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Pucuk pimpinannya yang pertama yang dipilih dalam kongres berkenaan terdiri daripada:

Yang Dipertua	: Abd. Wahab Mohd. Ariff (Kolej Perubatan)
Naib YDP	: Ismail Majid (Maktab Teknik)

- S/Usaha Agung : Khalid Nasir (Maktab Pertanian)
 Bendahari : Ahmad Z. Abidin Yusuf (KPPMS/
 K.Lumpur)
 Ahli-ahli : Tahir Majid (Maktab Teknik)
 : Abd. Rahim Hussin (KPPM insaf, Perak)
 : Ann Majid (KPPMS/K.Lumpur)
 : Abd. Aziz Rawi (KPPM Pahang)
 : Ahmad Salleh (KPPMS)

Salah satu perkara yang menarik dalam kelahiran dan penubuhan GPMS ini ialah keputusan memberikan penghormatan pada Dato' Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor untuk menjadi Penaungnya yang pertama. Sementara itu, satu ikrar telah dirakamkan sebagai mercu tanda komitmen para penajanya dalam mengusahakan dan menghadiri perhimpunan dalam kongres penubuhannya, menyebutkan, dalam terjemahannya, iaitu mereka:

- * sedar atas perlunya disatukan tenaga sekalian pelajar Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu;
- * sedar akan kemunduran kami di alam pengetahuan;
- * sedar akan kewajipan kami untuk meninggikan darjat pengetahuan bangsa;
- * sedar bahawa maju mundur, kaya miskin dan hina mulia bangsa itu di tangan kami berpendapat, bahawa Gabungan Penuntut-penuntut Melayu Semenanjung wajiblah didirikan dengan tujuan menjaga hak-hak, mengemukakan segala permintaan dan memperbaiki keadaan penuntut-penuntut Melayu di segenap lapisan.

Sehubungan dengan ikrar ini, maka Perkara 5 dalam Perlembagaan GPMS atau yang didaftarkan nama asalnya sebagai Federation of Malay Students' Unions, Malaya - FMSU menggariskan sembilan tujuan dan bidang kegiatannya seperti berikut:

- (i) To bring forward all applications, appeals and requests of Malay Students to the higher authorities.
- (ii) To maintain relationship with other non-political

- students' organizations inside and outside Malaya.
- (iii) To defend the rights and interests of Malay students.
 - (iv) To fight illiteracy.
 - (v) To extend wider opportunities for Malay students to go for higher studies.
 - (vi) To help those Malay students who are unable to continue their studies due to financial weakness.
 - (vii) To publish information regarding students and education.
 - (viii) To form a body that will investigate into Malay culture and arts.
 - (ix) All other activities that may be necessary to further the aims of the F.M.S.U.

Berdasarkan latar belakang penubuhan serta matlamat perjuangannya itu, nyatalah bahawa GPMS telah menjadi salah satu manifestasi perjuangan nasionalisme di kalangan pelajar Melayu. Maka itu tidak hairanlah bahawa ia menjadi arena penting bagi sebilangan tokoh pelajar dan seterusnya menjadi salah satu saluran kesinambungan dan mobiliti sosial ke atas bagi golongan elit Melayu baru yang dihasilkan oleh sistem pendidikan Inggeris dan kebangsaan, sebelum dan selepas Merdeka. Pengalaman mereka dalam GPMS inilah turut melengkapkan pengalaman dan pengaruh mereka dalam bidang sosial, ekonomi dan politik tanah air dalam dekad 60-an sehinggalah hari ini.

Atas kesedaran dan landasan perjuangannya dalam memajukan bidang pendidikan di kalangan pelajar Melayu, maka imej GPMS sentiasa dikaitkan dengan bidang berkenaan. Antara kegiatan yang dilakukan dalam hal ini, khususnya dalam tahun 1960-an itu ialah mengadakan kelas bimbingan bagi pelajar-pelajar Melayu dan menjadi penggerak terhadap usaha merealisasikan Dasar Pelajaran Kebangsaan sepertimana yang dirakamkan dalam Penyata dan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. Usaha ini termasuklah merangsangkan penubuhan sekolah menengah Melayu di seluruh negara, sementara konsep pelajaran aneka jurusan yang diusahakan oleh Aminuddin Baki itu juga turut menggiatkan usaha GPMS

dalam membangunkan dan mempertingkatkan taraf pendidikan di kalangan pelajar Melayu umumnya. Tumpuan kegiatan begini adalah berbeza daripada yang diberikan perhatian oleh beberapa persatuan belia semasa yang lain ketika itu, misalnya MAYC ataupun kemudiannya Belia 4B yang lebih tertumpu pada kegiatan ekonomi, kesenian, dan pertanian.

Saingan penting dalam konteks kegiatan berpersatuan GPMS dalam tahun 1960-an ialah kemunculan badan-badan pelajar di beberapa buah institusi pengajian tinggi sekitar Kuala Lumpur yang terutamanya tertumpu kepada pendidikan dan gerakan yang berorientasikan kepentingan agama Islam. Yang memisahkan kedua-dua bentuk pergerakan badan pelajar ini ialah premis masing-masing. GPMS berorientasikan nasionalisme Melayu dengan barisan pimpinan sejak awalnya terdiri daripada kalangan mahasiswa-mahasiswi universiti; namun kegiatannya lebih tertumpu kepada para pelajar di peringkat sekolah, sementara badan-badan pelajar Islam lebih tertumpu di kalangan pelajar universiti dan maktab.

Sementara itu, kalangan para tokoh dan pemimpinnya pula, selain Dr. Wahab Mohd. Ariff yang menerajui dan mengasaskan penubuhannya itu, berbangga kerana pernah dipimpin oleh beberapa tokoh lain yang juga telah mengukir nama masing-masing dalam perkembangan dan pembangunan negara, baik dalam bidang pendidikan, ekonomi, pentadbiran awam mahupun politik.

Antara mereka yang boleh disebutkan ialah Puan Anne Majid, seorang aktivis sosial yang terkenal; Tan Sri Abdullah Ayub, bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia; Datuk Hj. Lokman Musa, bekas Ketua Pengarah Pendidikan dan Pengarah Institut Teknologi MARA dan wakil Malaysia ke UNESCO; Allahyarham Datuk Ali Hj. Ahmad, bekas Menteri Pertanian (yang mendapat nahas dalam kemalangan kapal terbang di Tanjung Kupang, 1976, Prof. Hamzah Sendut, Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia yang pertama; dan juga Dr. S. Husin Ali, bekas Profesor di Universiti Malaya dan sekarang menjadi Presiden Parti Rakyat Malaysia. Seorang tokoh yang lebih istimewa ialah Datuk Abdullah

Hj. Ahmad Badawi, Presiden GPMS 1962 – 64, dan sekarang menjadi Menteri Luar Malaysia. Datuk Abdullah yang pernah bertugas sebagai Pengarah, Bahagian Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelum melibatkan diri sepenuh masa dalam politik bermula dalam pilihan raya umum 1978 itu lebih mesra di kalangan ahli GPMS dengan panggilan “Pak Lah” sahaja, suatu manifestasi kemesraan dan kebapaan yang mungkin tidak dapat dicapai oleh pemimpin GPMS yang lain selama ini. Namun, satu-satunya tokoh yang lebih istimewa daripada itu ialah Aminuddin Baki, seorang tokoh pendidikan kebangsaan yang kemudiannya menjadi Pengarah Pendidikan Malaysia. Beliau bukan sahaja menjadi salah seorang penggerak penubuhan GPMS, malah telah menerajui pucuk pimpinannya dalam tahun 1950, 1952 dan seterusnya. Di samping kesibukan tugasnya sebagai pegawai tinggi pendidikan, kemudiannya menjawat Ketua Penasihat Pelajaran Malaysia (setaraf dengan Ketua Pengarah Pendidikan sekarang) di Kementerian Pelajaran, beliau masih berdamping rapat dan menjadi penasihatnya sehingga akhir hayatnya pada 24 Dis. 1965.

Dalam usaha mengenang jasa dan baktinya kepada GPMS dan pendidikan Melayu umumnya, GPMS telah mengusahakan penubuhan sebuah yayasan yang dinamakan sebagai Yayasan Aminuddin Baki, bermula dalam tahun 1966 dan direalisasikan dalam tahun 1971. Yayasan ini antara lain bertujuan mengabadikan jasa Allahyarham terhadap usaha memajukan pendidikan di kalangan pelajar Melayu dengan menyediakan peruntukan biasiswa tertentu bagi membantu para pelajar yang kurang mampu untuk meneruskan pelajaran masing-masing. Landasan ini sesungguhnya menepati titik mulanya kesedaran di kalangan para pengasas GPMS sendiri yang berusaha untuk mengatasi masalah yang menghalangi pencapaian pelajar-pelajar Melayu dalam bidang pendidikan. Dan ia sekali gus pula cuba ditampungi oleh Allahyarham Aminuddin berdasarkan kedudukan dan jawatan rasminya di Kementerian Pendidikan. Tegasnya di sini, kedua-dua GPMS dan Aminuddin Baki berkeadaan saling melengkapi antara satu sama lain dalam merealisasikan wadah perjuangan yang melahirkan gerakan pelajar

ini. (*Hayatilah sajak Dr. Firdaus Abdullah, seorang aktivis dalam Persatuan Pelajar Melayu Selangor dan GPMS yang membayangkan kesedihan GPMS terhadap Aminuddin Baki.*)

Penutup

Sungguhpun ada kelemahan yang tertentu pada GPMS, misalnya dari segi kewangan dan penghaluan aktiviti, di samping ada pihak tertentu yang melihatnya tidak lebih sebagai persatuan untuk murid-murid sekolah, GPMS telah mencipta sejarah sosialnya sendiri sebagai sebuah gerakan kolektif pelajar. Wadah dan kemunculannya di tengah-tengah perubahan politik dan gerakan menuntut kemerdekaan menjadikannya satu-satunya pertubuhan belia yang secara sedar dibangunkan atas kesedaran dan semangat nasionalisme Melayu yang matlamatnya, iaitu pendidikan, masih lagi memerlukan bantuan dan usaha yang berterusan agar generasi pelajar Melayu tidak tercalar dan ketinggalan jauh berbanding dengan yang dicapai oleh para pelajar bukan Melayu. Permasalahan ini sendiri sebenarnya masih lagi relevan sekarang. Juga masih relevannya pegangan Aminuddin betapa: *Ayam di kepuk jangan mati kebuluran, itik di air jangan mati kehausan*. Malahan ia menjadi lebih mendesak lagi oleh sebab pembangunan di bidang pendidikan pelajar-pelajar berkenaan menghadapi lebih banyak godaan tertentu yang boleh menjerat dan memerangkap mereka dengan berbagai-bagai masalah sosial seperti dadah, lepak, bohsia dan bohjan, dan sebagainya itu, sedangkan pada hari ini segalanya terarah untuk merealisasikan Wawasan 2020 dengan masyarakat dan negara Malaysia mencapai taraf sebuah negara maju.

Rujukan

- Abd. Hadi Awang, Hj, "Konsep dan Matlamat Negara Islam", kertas kerja dibentangkan dalam *Simposium Negara Islam*, anjuran Dewan Pemuda PAS Pusat, K. Lumpur, 6 Okt., 1985,
- Ahmad Faiz Hj. Abdul Hamid, "Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung - GPMS", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Antropologi & Muda Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1977/78.
- Amir Hamzah, "Aminuddin Baki Ke Depan Membawa Obor", *Mastika*, No. 12,

- Tahun ke-30, Dis., 1970.
- Azizan Bahari, "Majlis Belia Malaysia: Di Mana dan Ke Mana?" *Dewan Masyarakat*, Nov. 1991,
- Cham, B.N., "Case and Communal Conflict in Malaysia", *Journal of Contemporary Asia*, Vol. 5, No. 4, 1975,
- Dauglas, S.A., & Pedersen, P., *Blood, Believer, and Brother: The Development of Voluntary Associations in Malaysia*, Center for International Studies, Southeast Asia Series No. 29, Ohio University, 1973.
- Funston, J., *Malay Politics in Malaysia*, K. Lumpur: Heinemann, 1980.
- GPMS, "Jubli Perak G.P.M.S - Ulangtahun ke-25", Ibupejabat GPMS, K. Lumpur: 1973.
- Hussain Mohamed, "Organisasi Gerakan Belia di Semenanjung Malaysia", Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981.
- _____, *Gerakan Belia di Malaysia*, K. Lumpur, Gateway Publishing House, 1986.
- _____, "Politik Belia dan Pembangunan Negara", Kertas dibentangkan pada *Simposium Kepimpinan Belia Negeri Sabah, 1991*, anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Sabah, ABIM Sabah, dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Sabah, 28 - 31 May 1991.
- _____, "Isu-isu Semasa Mengenai Belia: Ke Arah Penyelesaiannya" Kertas dibentangkan pada *Simposium Pembangunan Pengurusan Belia Kebangsaan*, anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan, serta Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur, 12 Nov. 1991.
- _____, "Dari GPMS ke ABIM: Jalan Lain Dalam Kesenambungan Kepimpinan Politik Melayu", kertas dibentangkan dalam *Seminar Mengenai Sejarah Malaysia Modern*, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21 - 22 Dis 1992.
- _____, "Anwar Ibrahim: Dari Politik Belia ke Kancah Politik UMNO", dalam Hairany Naffis (ed), *Amalan Politik Malaysia*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993.
- _____, *Youth Movements in Malaysia: Its Growth and Development*, K. Lumpur: 1994.
- _____, "Permasalahan Belia Masa Kini dan Usaha Penyelesaiannya", kertas dibentangkan dalam *Kongres Majlis Perundangan Belia Negara*, anjuran bersama Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 15 - 16 Julai 1994.
- Ibrahim Saad, "Nasionalisme Malaysia: Kita + Mereka = Kita Semua", *Dewan Masyarakat*, Okt. 1983.
- Kautsky, J.H., *Political Change in Underdeveloped Countries*, New York: John Wiley & Sons, 1967.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, *Karisma, Briged Muda and Rakan Sukan*, July 1994.
- Khoo Kay Kim, "Memories and Biographies in Malaysian Historiography", paper presented at *Persidangan Kebangsaan Isu-isu Persejarahan*, anjuran Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, P. Pinang, 17 - 18 Ogos 1992.

- _____, "Sejarah Sosial Akhir Abad ke-19 dan Awal Abad ke-20", kertas dibentangkan dalam *Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia*, anjuran Jabatan Sejarah Universiti Malaya, dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Melaka, 16 - 18 Ogos 1994.
- Kohn, Hans, *The Idea of Nationalism: A Study in Its Origins and Background*, N. York: 1944, London: Macmillan, 1967.
- _____, "Nationalism" in Crespijney, A.D. & Cronin, J (eds), *Ideologies of Politics*, Cape Town: OUP, 2nd impression, 1978.
- Majlis Belia Malaysia, "Pelan Bertindak Majlis Belia Malaysia Tahun 2000 - "MBM 2000", kertas program dibentangkan dalam *Bengkel MBM 2000*, K. Lumpur, 21 - 22 Oct. 1994.
- Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman, *Aminuddin Baki - Tokoh Pendidikan*, P. Jaya: Pelanduk Publications, 1987.
- Musa Hitam, *Nasionalisme: Krisis dan Kematangan*, P. Jaya: Pelanduk Publications, 1986.
- "Nationalism" *Journal Royal Institute of International Affairs*, A Report of Working Group, London: Frank Cass & Co., A new impression, 1963.
- Posiah Hj. Mohd. Isa, "Kelas Menengah Melayu - Satu Kajian Mengenai Sosialisasi Politik dan Budaya Politik", Tesis Sarjana Pentadbiran Awam, FEP, U. Malaya, 1987.
- Roff, W.R., *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2nd printing, 1980.
- Rustam A. Sani, "Robohan Nasionalisma Melayu: Asas Sosial Bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional", *Ilmu Masyarakat*, No. 4, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Okt. - Dis., 1983.
- _____, "Nasionalisme Malaysia: Mitos atau Realiti?", *Dewan Budaya*, Sept. 1989.
- _____, *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1993.
- Shamsudin A. Rahim (ed), *Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja*, K. Lumpur, Kem. Belia dan Sukan, 1994, Smith, A. D., *Nationalism in the 20th Century*, Oxford: Martin Robertson, 1979.
- Subky Latif, "PAS Menolak Nasionalisma", *Watan*, 17 Jun 1983.
- Suntharalingam, R. & Abd. Rahman Ismail (eds), *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, P. Jaya: Fajar Bakti, 1985.
- Synder, Louis L., *The Meaning of Nationalism*, New Brunswick, N.Jersey: Rutgers University Press, 1954.
- Tun Dr. Ismail, (Allahyarham), "GPMS Sebagai Nadi Penggerak Dalam Memperjuangkan Alam Pendidikan Melayu", ucapan perasmian Perayaan Jubli Perak GPMS, di Kelab Sultan Sulaiman, K. Lumpur: 2 Ogos, 1973.
- Umran Mohd. Anas Khan, "Kelas Menengah Melayu Bandar: Satu Kajian Status Sosio-Ekonomi dan Politik", Tesis Sarjana Sastera, Jab. Antropologi & Sosiologi, U. Malaya 1991.
- Wan Ahmad Nasir, "Aminuddin Baki Dengan GPMS", *Mastika*, Bil. 12, Tahun ke-30, Dis. 1970.

Zahid Sopian, Hussain Mohamed & Lin Luck Kee, "Nasionalisme di Kalangan Golongan Remaja dan Belia Malaysia Masa Kini", Laporan Kerja Penyelidikan Perundingan, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Mac 1989.

Nota: Tulisan ini asalnya ialah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan mengenai Nasionalisme dan pembangunan di Malaysia, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 15 Nov. 1994.

PAHLAWAN ENKKAU TELAH PERGI

Petang itu, petang pertama bulan puasa
 ku paksa diriku untuk tidak mempercayainya
 dan kepalaku beryinar demi mendengar khabar
 kata adik-adikku: Aminuddin Baki telah meninggal.

(Satu jam sebelum khabar sedih kudengar
 entah mengapa
 aku menuliskan kembali sebuah sajak
 mengenai dia dan Zulkifli
 dua pahlawan ibarat hati dan nadi
 yang mendenyutkan ilham
 untuk bangsaku mengenal diri).

Oh kenapa engkau, wahai panglima
 kenapa engkau yang harus pergi dulu
 perang belum selesai jalan sejarah masih panjang
 dan masa depan kami kemungkinannya penuh bercabang
 kita yang kami baca belum tamat, belum tamat
 dan engkau sebagai pelita utama telah padam, telah padam
 kami kehilangan Aminuddin, kehilangan.

(belum seminggu dulu kita bersua di gedung parlimen
 seperti biasa engkau tersenyum bagai menangis
 sedang mataku merangkul tubuhmu penuh sayang
 tetapi kini, aminuddin
 kudengar khabar telah meninggal
 oh luhunya hati melepas engkau pergi).

Kupaksa
 kupaksa diriku untuk mempercayainya
 tentang kemangkatan seorang panglima
 umpamanya gugurnya berpuluh, beratus jenderal

kuyaksa
 kuyaksa diriku untuk tidak mempercayanya
 tetapi kekasih, engkau benar-benar telah tiada
 pada hari engkau dimakamkan, hari kedua bulan puasa
 kujenguk wajahmu kali penghabisan
 kau terbujur keku berwajah tenang
 isterimu disamping memegang surrah yassin
 serta putera-puteramu begitu muda jadi yatim
 dan perempuan keliling bertangisan
 oh buahnya hati
 buahnya hati melepas engkau pergi kekasih
 di pusaramu, dalaku masih mendalam
 engkau akan disamakan sekarang.

("ayah dah tak ada, nak" isterimu menunjuk pusara
 putera bungsumu tidak mengerti erti kematian
 tetapi mengocak seadbersama ibunya di pinggi kuburan
 "ayah dah tak ada mak," dia mengesak dalam pelukan).

Aku tahu dan tiap orang tahu
 kerana cintakan kami hidupmu resah tersula
 engkau tahu dan engkaulah yang paling tahu
 bahawa amallah malang itek di air mati dahaga
 aku tahu dan tiap orang tahu
 kerana sayangkan kami resah hidupmu bagai tersalai
 engkau tahu dan engkaulah yang paling tahu
 malang bangsamu, menang sorang kampung tergadai.

Engkau telah tiada, oh pahlawan
 engkau telah tiada, oh kekasih
 engkau telah tiada.


Dewan Masyarakat
 January 1966

Firdaus Abdullah



PEMIMPIN MUDA UMNO:

Dari kiri: Datuk Seri Mohd Najib, Datuk Seri Sanusi Junid, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim



Datuk Seri Anwar Ibrahim



*Datuk Abdullah Hj.
Ahmad Badawi*



*Datuk Seri Sanusi
Junid*



*Datuk Hj Suhaimi
Kamaruddin*

DARI GPMS KE ABIM: JALAN LAIN DALAM KESINAMBUNGAN KEPIMPINAN POLITIK MELAYU

Pengenalan

Sekiranya kita melihat secara *global* akan penglibatan golongan belia atau orang muda dalam arena politik, maka sudah tentu akan kita temui begitu banyak maklumat mengenai peristiwa dan sumbangan yang mereka mainkan sepanjang sejarah perkembangan tamadun manusia seluruhnya.

Sesungguhnya peranan golongan muda, kerana tenaga semula jadi mereka adalah lebih kuat, lebih produktif dan lebih berpotensi itu, semacam terkhusus dalam pelbagai bidang aktiviti walau dalam masyarakat mana sekalipun. Daripada berperanan sebagai gembala ternakan di dalam kehidupan kebanyakan suku kaum di Afrika, menjadi *cowboy* di ladang-ladang ternakan di Amerika Syarikat atau juruselam dan awak-awak nelayan di pantai Bachok, Kelantan sehinggalah pada kedudukan sebagai pemimpin-pemimpin gerakan pelajar di kampus-kampus univesiti, menjadi ahli-ahli teknokrat dan korporat serta pemimpin-pemimpin pelapis dalam parti-parti politik, jelas memperlihatkan betapa besarnya potensi, peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh golongan muda ini sejak sekian lama.

Menginsafi potensi dan peranan yang demikian besarnya

beginilah, maka dalam banyak parti politik terdapat pasukan atau sayap pemudanya guna menggembelng tenaga muda ini untuk menggerakkan jentera parti dan merancang kesinambungan perjuangan politik mereka. Ini merupakan satu fesyen yang juga sejagat sifatnya. Sebagai misalannya, salah satu langkah penting yang dilakukan oleh Vladimir Ilyich Ulyanov Lenin sesudah memenangi gerakan dan Revolusi Bolshevik di Russia dalam tahun 1917 ialah menubuhkan barisan Pemuda Komunis. Tujuan asasi pasukan yang dinamakan sebagai KOMSOMOL (*Kommunisticheski soinz Molodezhi - Communist League of Youth*) ini ialah untuk memastikan bahawa pengembangan dan perjuangan ideologi dan parti Komunis itu dapat dipertahankan dan diteruskan sampai bila-bila.

Kepentingan ideologi dan politik ini, sama ada dalam keadaan yang nyata ataupun semata-mata untuk keperluan logistik jangka panjang sesuatu perjuangan, baik dalam masyarakat Komunis ataupun demokrasi, merupakan suatu proses yang dimaksudkan oleh Maurice Duverger dalam bukunya, *Political Parties*, (1967: 54) sebagai *ideological decentralization*. Proses *decentralization of ideology* bagi sesebuah parti politik yang pragmatik seperti UMNO misalnya adalah berguna dalam memperluas pengaruh parti dan menangani segala kemungkinan dan perbezaan yang jelas pada ciri-ciri politik kedaerahan, perpecahan dan sikap berpuak-puak dalam parti. Matlamat "penyebaran ideologi" sedemikian rupa dijangka akan merangsang wujudnya suasana perbincangan, persaingan intelektual (*intellectual rivalry*) serta kebebasan berpolitik, misalnya menentukan dan melatih pemimpin di kalangan barisan pemimpin pelapis dan ahli-ahlinya.

Namun dalam apa pun keadaannya, haruslah diinsafi bahawa keperluan mewujudkan *parti dalam parti* tersebut tampaknya telah merebak dan menjadi ikutan dalam banyak masyarakat koloni yang sedang memperjuangkan kemerdekaan masing-masing selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini penting diberikan perhatian kerana kemunculan beberapa organisasi ala-KOMSOMOL seperti Pertubuhan Pemuda Nazi di Jerman dalam tahun 1940-an dan Pasukan Gadna di Israel umpamanya tidaklah didasarkan pada

kuantiti atau bilangan rakyat mudanya, tetapi adalah sebagai suatu tuntutan dan lojistik politik kepartian.

Hal yang sama tampaknya pada akhir-akhirnya telah merebak dan meluas ke dalam banyak masyarakat koloni di luar Eropah. Kegiatan-kegiatan berpersatuan sukarela di kalangan orang muda yang bukan politik seperti yang banyak terdapat di Amerika Syarikat tampaknya menjadi kurang perlu dalam urusan kepartian dan proses sosialisasi politik.

Sehubungan dengan itu, maka wajar juga kalau disebutkan di sini bahawa tidak semua badan atau pertubuhan sukarela ini dapat memainkan peranan sebagai *kumpulan pendesak* dalam memperjuangkan kepentingan ahlinya. Malahan banyak daripadanya sekadar bertaraf *kumpulan kepentingan* yang biasa yang lebih banyak bertindak *pro-establishment*, lebih bersedia mengelakkan diri daripada bertindak secara radikal dan vokal, mengelakkan diri daripada menanggung risiko yang menyebabkannya dilabelkan sebagai *anti-establishment*. Sekiranya hal-hal ini tidak dapat dielakkan, ia mungkin dianggap menjejaskan kedudukan dan kepentingan pemimpin dan ahli-ahli kumpulan belia itu sendiri.

Dalam pada itu, tidak dapat dinafikan bahawa banyak pergolakan dalam masyarakat itu sendiri mempengaruhi corak tindakan dan suasana radikal tidaknya tindakan dan gerakan tenaga kolektif belia. Radikalisme itu sendiri tidaklah menjadi konotasi mutlak dalam sejarah gerakan belia di Malaysia; tetapi mereka sesungguhnya menjadi satu ejen kemasyarakatan yang penting yang boleh menggerakkan dan menentukan masa depan masyarakat (Leopold Rosenmayr, 1979).

Hal ini ada relevannya yang tertentu dalam konteks pengajian sejarah sosial dan politik Malaysia umumnya. Memang benar pendapat yang mengatakan bahawa telah banyak diperlihatkan kepentingan golongan muda dan *fahaman atau pegangan perjuangan orang muda* sejak zaman Hang Tuah lima sahabat di Melaka dan seterusnya pada persaingan *golongan tua* dan *golongan muda* dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Pertama sehinggalah kemunculan Persatuan Sahabat Pena, penglibatan orang muda dalam politik

kepartian dalam Angkatan Pemuda Insaf (API) dan seumpamanya, Pergerakan Pemuda UMNO, dan malahan kepada politik UMNO hari ini. Ada antara bekas pemimpin gerakan pelajar-belia itu kemudiannya telah terlibat secara langsung dan menjadi pemimpin parti politik pula. Arena perjuangan mereka melalui mata pena dan kegiatan sosiobudaya telah banyak diperkatakan, khususnya dalam kegiatan politik antipenjajahan.

Namun begitu, selain perjuangan melalui tulisan dan media massa, yang boleh dianggap *missing link* yang sepatutnya telah banyak diberikan perhatian dalam hal ini ialah analisis terhadap pertumbuhan, keterlibatan serta pengkaderan pimpinan dalam organisasi gerakan belia dan sumbangan gerakan ini dalam politik kebangsaan, khususnya selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini dikira penting kerana di sebalik wujudnya cabang-cabang organisasi atau jawatankuasa khusus mengenai golongan belia dalam pergerakan parti induk seperti Pemuda UMNO, Pemuda MCA, Pemuda PAS, Pemuda MIC, Wanita UMNO, Wanita MCA dan seumpamanya itu, yang turut memainkan peranan tertentu dalam usaha mengisi kemerdekaan, ternyata bahawa badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan belia bukan politik itu juga sebenarnya menjadi *jalan lain* yang berperanan untuk memberikan erti pada usaha pembinaan bangsa dan pemupukan satu identiti negara-bangsa Malaysia. Dan yang lebih mendesak daripada itu adalah dalam meneruskan kesinambungan kepimpinan politik dan negara.

Hanya malangnya oleh sebab jalan lain ini sering menyebabkan rekrutmen kepimpinan melalui badan-badan bukan parti politik itu menjadikan seseorang itu sebagai jaguh politik payung terjun yang mendarat pada lapangan yang serba terencana dan lengkap, maka mereka ini pula seringkali dianggap tidak lebih sebagai pemimpin ingus-ingusan yang baru setahun jagung, yang bernasib baik kerana dinaungi, bahkan menjadi terlalu cepat matang sehingga dalam masa yang sama mengukuhkan lagi tradisi politik naungan (tokoh-tokoh begini perlu dinaungi oleh pemimpin dan ketua-ketua tertentu di peringkat yang lebih tinggi).

Dalam politik UMNO khususnya, tanggapan dan perkem-

bangsan seperti ini memang sering kedapatan bilamana seseorang itu dijadikan calon pilihan raya UMNO tanpa berpengalaman dan melalui ritual politik dan pendedahan tertentu budaya UMNO sebagaimana yang banyak diharapkan oleh ahli – dari peringkat bawahan/cawangan sehinggalah peringkat bahagian – untuk beberapa tahun lamanya pula.

Latar Belakang Ringkas Pertumbuhan Badan-badan Belia

Dalam membincangkan pertumbuhan badan-badan belia ini, satu perkara yang dapat diperhatikan adalah mengenai proses penajaan penubuhannya. Penubuhannya boleh jadi secara semula jadi atas tuntutan dan pergaulan berdasarkan minat dan tingkah laku semula jadi. Misalnya kawan-kawan sepermainan yang sebaya umurnya. Satu contoh menarik dalam hal ini ialah kumpulan Hang Tuah lima bersahabat. Mereka bukanlah sebuah organisasi belia *per se* tetapi cukup baik untuk dilihat sebagai satu kumpulan anak-anak muda yang terkelompok oleh kerana minat dan ciri-ciri tingkah laku mereka yang sama: sebagai orang muda yang terlibat secara langsung dalam seni mempertahankan diri, permainan senjata dan menjadi pahlawan istana Melaka.

Satu lagi ialah penajaan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkuasa atau oleh *state*. Maksud penajaan (*sponsorship*) di sini ialah bilamana usaha penubuhan sesebuah badan atau pertumbuhan belia itu dilakukan atau melibatkan pihak kerajaan seperti pegawai dan kakitangannya yang tertentu, khususnya di peringkat awal. Dalam konteks lima buah persatuan belia Melayu yang menjadi teras perbincangan dalam kertas ini - GPMS, MAYC, Belia 4B, PKPIM dan ABIM - dapat diperhatikan bahawa dua daripadanya adalah yang dirancang penubuhannya oleh pihak kerajaan, dan yang tiga buah lagi diusahakan oleh sekumpulan pemimpin dan aktivitis pelajar-belia Melayu yang merasai beberapa kepentingan tertentu orang Melayu tersisih daripada arus perkembangan semasa.

Pertumbuhan Badan-Badan Sebelum Perang Dunia Kedua

Kewujudan kelompok atau badan-badan belia sebagai satu kelompok sekunder dalam mana-mana masyarakat sekalipun adalah

tidak lain disebabkan oleh naluri (*instinct*) ingin hidup berkelompok yang menjadikan manusia dikatakan sebagai *haiwan sosial*. Hubungan sosial begini, tegasnya adalah satu naluri semula jadi manusia. Hanya kepentingan tertentu sahajalah yang boleh mengukuhkan dan menentukan kelangsungan atau *survival* kelompok demikian. Misalnya, berkenaan dengan Hang Tuah dan lima sahabatnya itu: ikatan mereka adalah lebih lama kekalnya kerana mereka mempunyai satu kepentingan yang serupa iaitu keterampilan bermain senjata dan semangat kepahlawanan dalam sebuah rejim politik feodal. Sementara itu imej yang terhasil daripada ikatan mereka lima bersahabat itu diabadikan sebagai sebahagian legenda pertahanan, kekuatan dan konsep wira bangsa Melayu yang diberi nilai-nilai positif tertentu untuk mengukuhkan semangat dan ciri hidup kemelayuan itu dari generasi ke satu generasi sehinggalah hari ini.

Sebenarnya kita tidak pernah dapat memisahkan kepentingan tenaga dan golongan belia, yang biasanya dimaksudkan bagi orang-orang muda yang berusia antara 15 hingga 35 atau selebih-lebihnya 40 tahun, daripada kepentingan kelompok keseluruhannya. Demikian juga dalam pertumbuhan dan perkembangan masyarakat tempatan. Tetapi sekurang-kurangnya dengan merujuk pada legenda kepahlawan Hang Tuah dan semangat Hang Jebat, di samping penemuan-penemuan kajian antropologikal yang sebanding dalam beberapa buah komuniti kecil dan sederhana di luar Malaysia umumnya, nyatalah bahawa secara umumnya kewujudan fenomena dan kepentingan golongan muda ini adalah bersifat sejagat, melengkapi keperluan hidup kelompok masing-masing dengan tugas dan jangkaan peranan tertentu, misalnya untuk mengerjakan aktiviti ekonomi, untuk tujuan pembelajaran dan pendidikan dan seumpamanya sebagai warisan generasi mereka pada masa hadapan. Hal inilah yang sering dikatakan sebagai *Pemuda Harapan Bangsa*, *Pemudi Tiang Negara* itu (cf. S.N. Eisenstadt, 1956; James S. Coleman, 1974).

Maka itu, dalam beberapa rakaman hasil kesusasteraan Melayu misalnya, jiwa remaja dan orang muda yang seringkali digambarkan

dengan penuh romantik itu tersimpan potensi tertentu yang boleh sahaja digunakan untuk menjalankan peranan dan tugas tertentu kepada masyarakat dan bangsa. Orang-orang mudalah yang menjadi kumpulan pengikut dan tenaga penting bagi ketua-ketua feudal atasan dan tempatan bagi kelangsungan sistem sosiopolitik tersebut. Dalam Hikayat Pelayaran Munshi Abdullah ke Kelantan misalnya, golongan inilah yang menjadi tenaga perang yang penting bagi anak-anak raja yang merebut takhta kerajaan di negeri Kelantan. Demikian juga dalam masyarakat Melayu di Perak dalam sistem politik bumiputeranya sebagaimana yang pernah dihuraikan oleh beberapa orang penyelidik dan sarjana. (cf. J.M. Gullick, 1970; Shahrudin Maaruf, 1984).

Dalam zaman awal pentadbiran Inggeris di negeri-negeri Melayu, golongan muda tempatan menjadi tenaga penting yang telah digunakan untuk menjaga keselamatan awam, dalam Pasukan Polis misalnya. Tetapi, di samping terlibat juga dalam gerakan kecil-kecilan pemberontakan menentang kuasa kolonial itu sebagai suatu wadah semangat bencikan orang asing (*xenophobia*), yang lebih istimewa daripada itu ialah penglibatan orang-orang muda tempatan dalam beberapa jenis permainan sukan yang diperkenalkan oleh pihak kolonial. Pertumbuhan bandar-bandar baru serta cara hidup Inggeris yang tertentu telah mengembangluaskan beberapa bentuk budaya popular massa, khususnya budaya popular (seperti bangsawan, opera dan seterusnya filem) serta budaya kesukanan seperti permainan bola sepak, hoki, kriket dan juga tenis. Pertumbuhan kelab-kelab bola sepak dan juga minat terhadap permainan bola sepak di kalangan masyarakat tempatan sehingga hari ini mulai dipupuk sejak itu (W. R. Roff, 1974; Wan A. Kadir, 1988 & 1992).

Di samping itu, satu lagi pengaruh penting cara hidup Inggeris yang berkenaan dengan orang muda ialah pertumbuhan badan-badan belia yang berorientasikan ajaran agama Kristian. Dua tujuan penting dapat dikesan dalam hal ini. Pertama untuk menjadi saluran pengembangan agama Kristian di kalangan orang muda tempatan, khususnya bagi pegawai-pegawai muda Inggeris sendiri di samping para penganut baru agama tersebut. Dan yang kedua adalah untuk

tujuan pendidikan moral dalam konteks pengembangan pendidikan Inggeris umumnya (cf. R. Hunt, L.K. Hing & J. Roxborough (eds), 1992).

Dua buah pertubuhan belia yang diusahakan pengembangannya di sini dalam hal-hal moral dan keagamaan ini ialah *Youngmen Christian Association (YMCA)* (ditubuhkan di Tanah Melayu, 1905) dan *Youngwomen Christian Association (YWCA)* (1914). Kedua-duanya adalah yang dibawa masuk dari Eropah. Sementara itu, beberapa konsep gerakan belia beruniform bagi murid-murid sekolah juga diperkenalkan, iaitu *Pasukan St. John Ambulance* (1908), *Pasukan Pengakap* (1910), *Pandu Puteri* (1917). Sehingga menjelang Perang Dunia Kedua, peranan dan kedudukan persatuan-persatuan yang bercorak keagamaan Kristian ini adalah jauh lebih penting daripada kebanyakan persatuan sukarela golongan belia yang lain. Beberapa *fellowship* Kristian juga turut bergiat dalam kedua-dua lapangan iaitu agama dan pendidikan, misalnya Methodist Fellowship dan Catholics Youngmen Association (CYMA).

Pertumbuhan Gerakan Belia Selepas Perang Dunia Kedua

Konsep gerakan belia berpersatuan yang moden di kalangan golongan belia Melayu adalah fenomena selepas Perang Dunia Kedua. Dalam perkembangan yang dianggap baru ini, sesebuah persatuan sukarela, termasuk persatuan belia, dikehendaki didaftarkan terlebih dahulu sebelum dibenarkan bergerak secara sah mengikut peraturan-peraturan yang dimaktubkan dalam Akta Pertubuhan. Persatuan ini dikecualikan bagi mana-mana persatuan sukarela yang merupakan pengembangan atau cawangan sesebuah badan induknya yang telah didaftarkan mengikut *Royal Charter* tertentu (Hussain Mohamed, 1983).

Perkembangan politik selepas Perang itu, khususnya gerakan antipenjajahan ekoran daripada rancangan penubuhan Kesatuan Malaya, menjadi dorongan awal yang membantu melahirkan persatuan belia Melayu melalui kesedaran politik tertentu di kalangan sebilangan aktivis pelajar-belia Melayu. Hal ini dapat diperhatikan daripada kelahiran GPMS dalam tahun 1948.

Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (1948)

Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) atau nama asalnya sebagai *Federation of Malay Students' Union, Malaya* adalah salah satu nama yang akan kekal abadi sebagai sebuah pertubuhan sukarela pelajar yang ditubuhkan pada zaman kolonial oleh para pelajar Melayu yang memperjuangkan dan mempertingkatkan taraf dan kemajuan pendidikan Melayu sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Sesungguhnya sejarah pertumbuhan dan perkembangan GPMS berkaitan secara langsung dalam memperjuangkan usaha untuk mengatasi suasana kemajuan pendidikan pelajar-pelajar Melayu dalam institusi-institusi pengajian tempatan selepas Perang Dunia Kedua yang rata-ratanya adalah daif, terkebelakang dan berhadapan dengan saingan yang cukup sengit daripada pelajar bukan Melayu.

Keinsafan terhadap kemajuan pendidikan itu menjadi lebih mendesak lagi dalam tahun 1945 – 48 oleh sebab pergolakan politik Tanah Melayu ekoran daripada kekalahan tentera Jepun, kembalinya semula pemerintahan Inggeris, tindakan-tindakan politik radikal Pasukan Bintang Tiga, dan seterusnya projek *Malayan Union*. Semuanya ini mendorong dan memerlukan pelajar-pelajar ini bersatu dan bekerjasama untuk menangani nasib dan masa depan bangsa mereka tanpa mengira asal keturunan atau perbezaan negeri asal mereka.

Dua orang individu utama yang menggerakkan usaha penubuhan GPMS itu ialah dua orang pelajar Melayu, iaitu Dr. Abd. Wahab Mohd. Ariff dan Aminuddin Baki di samping para pendukung dan pengasas Kesatuan Persuratan Pelajar-pelajar Melayu Selangor.

Sungguhpun nama Dr. Abd. Wahab Ariff memanglah kurang dikenali umum beliau merupakan pelajar terbaik Penang Free School dalam peperiksaan *Senior Cambridge* dalam tahun 1937. Kejayaannya itu membolehkannya diberi kepercayaan untuk memimpin *Malay Boys League*, sebuah organisasi pelajaran dan sosial pelajar-pelajar Melayu yang berhasrat untuk mempertingkatkan prestasi mereka dalam pelajaran dewasa itu. Ketika itu

Abd. Wahab berusia 18 tahun. Dalam tahun 1939, beliau terpilih untuk melanjutkan pelajaran di King VII College of Medicine, Singapura.

Dalam tempoh yang sama, kesedaran dan keinsafan yang serupa juga mendorong sekumpulan pelajar Melayu di Victoria Institution, Kuala Lumpur menubuhkan sebuah pertubuhan yang dinamakan sebagai Kesatuan Penuntut-Penuntut Melayu Victoria Institution dengan rasminya dalam satu mesyuarat penubuhan pada 20 Nov. 1945. Mulai 11 Februari 1946, namanya ditukarkan sebagai Kesatuan Persuratan Penuntut-Penuntut Melayu Kuala Lumpur (KPPMKL).

Aktiviti KPPMKL telah berkembang dan mendapat sambutan sehingga tertubuhlah sebuah persatuan yang lebih besar pada awal tahun 1947 yang dikenali sebagai Kesatuan Persuratan Penuntut-Penuntut Melayu Selangor (KPPMS). Antara mereka yang kemudiannya meneruskan pengajian di Kolej Perubatan dan juga Raffles College di Singapura ialah Mohamed bin Mohd. Noor, Wan Sulaiman Pak Wan Teh, Asraf bin Hj. Abd. Wahab, Siti Hasmah Mohd. Ali, Radziah Mohd. Ali, Ann Abd. Majid, Hanum Sulaiman, Nyaros Othman, Abd. Hamid Hj. Yahya, Shukor Ayob, Wan Ariffin Pak Wan Teh, Wan Mahmud Pak Wan Teh, dan Wan Hassan Pak Wan Teh. Antara tujuan penubuhan KPPMS ialah:

- (a) mencegah pemberhentian penuntut-penuntut Melayu dari sekolah Inggeris sebelum tamat pelajaran mereka ...pemberhentian ini sering berlaku kerana kesempitan hidup atau berumahtangga pada kadar umur yang "awal",
- (b) menubuhkan satu derma pelajaran bagi membantu penuntut-penuntut yang ada cita-cita hendak meneruskan pelajaran tetapi tidak ada keupayaan, (tabung derma ini dinamakan "Badan Derma Pelajaran Melayu Kuala Lumpur"),
- (c) menggalakkan penuntut-penuntut belajar bersungguh dan memberi didikan kepada mereka yang lemah dalam pelajaran dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan.

Perkembangan seterusnya memperlihatkan Abd. Wahab Mohd. Arif, serta sebilangan pelajar yang mengasaskan penubuhan KPPMS meneruskan pengajian mereka di Singapura dan bertemu pula dengan seorang lagi penuntut Melayu yang sama prihatinnya dalam hal ini iaitu Aminuddin Baki, berasal dari Chemor, Perak untuk menubuhkan GPMS. Tempat pertemuan ialah di Singapura. Lontaran idea tentang betapa pentingnya ditubuhkan sebuah pertubuhan pelajar Melayu bertaraf kebangsaan telah dibuat dalam pertemuan majlis makan awal tahun 1948 Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Maktab Raffles pimpinan Abd. Wahab Mohd. Arif.

Pertemuan itu telah melahirkan sebuah Jawatankuasa Penaja untuk meralisasikan hasrat itu yang dianggotai oleh:

Pengerusi	: Abd. Wahab Mohd. Ariff
Setiausaha	: Aminuddin Baki
Pen. Setiausaha	: Ahmad Ridduan Hj. Zainuddin
Bendahari	: Abdullah Majid
Wakil Pemuda/Wanita	: Siti Hasmah Mohd. Ali
Ahli-ahli	: Mohamed Noor Marahakim
	: W. Sulaiman Pak Wan Teh
	: Abd. Rahim Ishak

Jawatankuasa ini telah menganjurkan kongres penubuhan GPMS bertempat di Maktab Teknik, Kuala Lumpur (sekarang kampus Universiti Teknologi, Jalan Gurney, Kuala Lumpur). Pengerusi bagi kongres yang diadakan pada 14 – 15 Ogos 1948 itu ialah Aminuddin Baki. Kongres ini telah dihadiri oleh perwakilan tujuh buah persatuan pelajar Melayu dari sekitar Kuala Lumpur, juga dari Perak dan Pahang. Ia dirasmikan oleh R.P.S. Walker yang mewakili H.R. Cheeseman, Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dewasa itu. Hasilnya tertubuhlah sebuah persatuan kebangsaan yang dikenali kemudiannya sebagai Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Pucuk pimpinannya yang pertama yang dipilih dalam kongres berkenaan terdiri daripada:

- Yang Dipertua : Abd. Wahab Mohd. Ariff
(*Kolej Perubatan*)
- Naib YDP : Ismail Majid (*Maktab Teknik*)
- S/Usaha Agung : Khalid Nasir (*Maktab Pertanian*)
- Bendahari : Ahmad Z. Abidin Yusuf (*KPPMS/
K. Lumpur*)
- Ahli-ahli : Tahir Majid (*Maktab Teknik*)
: Abd. Rahim Hussin (*KPPM Insaf, Perak*)
: Ann Majid (*KPPMS/K.Lumpur*)
: Abd. Aziz Rawi (*KPPM Pahang*)
: Ahmad Salleh (*KPPMS*)

Sebagai satu manifestasi perjuangan nasionalisme di kalangan pelajar Melayu yang lebih besar dan menyeluruh, GPMS menjadi arena penting bagi beberapa orang tokoh pelajar dan seterusnya menjadi salah satu saluran kesinambungan golongan elit Melayu baru yang dihasilkan oleh sistem pendidikan Inggeris dan kebangsaan, sebelum dan selepas Merdeka. Secara simbolik, misalnya, Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai penaung GPMS yang pertama.

GPMS menganggotai Majlis Belia Malaysia (MBM) sejak tahun 1968 dan sehingga kini telah berjaya mengangkat martabat dan kesedaran ahli-ahlinya khususnya dan pelajar-pelajar Melayu umumnya. Selain Dr. Wahab Mohd. Ariff, beberapa orang tokoh lain turut mengukir nama masing-masing dalam memajukan GPMS di samping membangunkan negara umumnya. Tetapi yang tampaknya jauh lebih terkemuka dikaitkan dengannya ialah Aminuddin Baki, Presidennya bagi tahun 1951 - 53, seorang tokoh penting dalam pendidikan negara. Beliau menjadi Presiden GPMS dalam tahun 1951 hingga 1953. Seorang lagi ialah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang kedua, juga bekas menteri, Allahyarham Datuk Ali Hj. Ahmad yang menjadi Presidennya dalam tahun 1952 - 55. Allahyarham meninggal dunia dalam kemalangan kapal terbang di Tanjung Kupang, 1973.

Tokoh politik semasa yang seringkali dikaitkan dengan GPMS

ialah Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi, anak seorang ulama terkemuka di Kepala Batas, Seberang Perai yang pernah terlibat dalam kepimpinan dan penubuhan Parti UMNO. Datuk Abdullah memimpin GPMS dalam tahun 1962 dan 1963; memasuki Perkhidmatan Awam Malaysia selepas lulus daripada Universiti Malaya (1964) dan pernah bertugas sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuhkan selepas tragedi Peristiwa 13 Mei. Datuk Abdullah yang dilahirkan dalam tahun 1939 itu telah ditugaskan sebagai Pengarah Belia, di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia dalam tahun 1971, dan memasuki barisan kepimpinan UMNO mulai dalam pilihan raya tahun 1978. Beliau pernah menjadi Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Wilayah Persekutuan (1978 – 80), Timbalan Menteri di Kementerian yang sama (1980 – 81); Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982 – 84) dan Menteri Pelajaran (1984 – 86), sebelum ditukarkan ke Kementerian Pertahanan (1986 – 87). Beliau sekarang (1992) adalah salah seorang daripada tiga orang Naib Presiden UMNO dan berjawatan sebagai Menteri Luar Malaysia.

Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC)

Nama Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia sebenarnya lebih dikenali sebagai MAYC (Malaysian Association of Youth Clubs). Dari segi sejarahnya, MAYC adalah sebuah pertubuhan belia yang tradisi dan identitinya berasal mula daripada *National Association of Youth Clubs (NAYC)*, iaitu sebuah badan gabungan kebangsaan kelab-kelab belia di Britain yang begitu popular dalam dekad 40-an dan 50-an.

Nama MAYC yang bermula sebagai *Malayan Association of Youth Clubs* ialah satu gagasan bertujuan menjadi badan gabungan atau badan induk kebangsaan yang menggabungkan berbagai-bagai kelab dan persatuan belia peringkat tempatan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Matlamat pergerakan MAYC umumnya adalah bersifat sosio-ekonomi dan tertumpu ke kawasan bandar. Ia pada mulanya diperkenalkan sebagai salah satu usaha untuk memenangi dan

menghindari para pemuda-pemudi di negara ini daripada diresapi dan dipengaruhi oleh ideologi komunis. Sewaktu MAYC ditubuhkan, sememangnya sudah ada *Majlis Belia Malaya* (ditubuhkan dalam tahun 1950) yang sepatutnya menjadi badan induk kebangsaan yang menggabungkan berbagai-bagai badan belia. Namun oleh sebab MBM ketika itu lebih banyak memberikan tumpuan pada kegiatan di peringkat antarabangsa, maka kegiatannya sebagai badan induk penyelaras kegiatan belia di peringkat domestik menjadi tidak berkesan dan kurang memuaskan.

Penubuhan MAYC melibatkan tiga pihak yang menjadi penajanya. Pertama ialah Bahagian Belia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (yang ditubuhkan dalam tahun 1953); kedua, Majlis Belia Malaya; dan ketiganya, pihak British Council. Antara mereka yang terlibat itu ialah F.C.Arulanandom, (Peguam/Presiden MBM 1953 – 54); Ching Thin Huat (Guru/S.usaha Agung MBM 1953 – 54); D.G. Smith (Pegawai Belia/Bendahari MBM 1953 – 54); Tan Hock Lin (Pekerja sukarela/AJK MBM 1953 – 54); R.K. Brady (Pegawai British Council); W. Amslie (Pegawai British Council); M.C.ff. Sheppard (Pegawai Malayan Civil Service); A. R. Allen (Penasihat Belia di Jabatan Kebajikan Masyarakat); dan juga Yaacob A. Latif (Pegawai Penerangan Kanan).

Langkah pertama yang dilakukan oleh mereka ini ialah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Sementara MAYC yang terdiri daripada:

Pengerusi	: M.C.ff.Sheppard
Naib Pengerusi	: Yaacob A. Latif
Setiausaha	: A. R. Allen
Bendahari	: D. G. Smith
Ahli-ahli	: F. C. Arulanandom
	W. Emslie
	Chong Thin Huat
	J. Siow Loong Hin
	Helen Tan

Mesyuarat penubuhannya secara rasmi telah diadakan di Kuala Lumpur pada 23 Januari 1954, dan M. C. ff. Sheppard, Yaacob

Latif, serta D. G. Smith kekal pada jawatan masing-masing. Jawatan setiausaha yang dipegang oleh A.R. Allen telah digantikan oleh M. D. Milman, juga daripada Bahagian Belia, Jabatan Kebajikan Masyarakat sebelum ia diambil alih oleh YM Tunku Abdullah ibni al-Marhum Tuanku Abd. Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang ketika itu berjawatan pegawai Malayan Civil Service, dengan jawatan sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (1952 – 54). M. C. ff. Sheppard sendiri sebenarnya telah dilantik menjadi Penasihat Inggeris di Negeri Sembilan sekitar tahun 1954 – 55.

Sebagaimana pertubuhan belia yang lain, matlamat pergerakan MAYC juga adalah untuk mengerakkan, menyatukan dan memajukan golongan belia umumnya serta ahli-ahli, yang berbagai-bagai kaum dan keturunan, dalam badan-badan gabungannya, khususnya. Sebagai sebuah pertubuhan yang ditubuhkan dalam zaman kolonial, MAYC berusaha untuk memberikan perhatian istimewa kepada golongan ini, khususnya di kalangan belia kawasan bandar dan kampung-kampung baru. Hal ini menjadikan MAYC agak popular dan mendapat sambutan yang baik di kalangan belia bukan Melayu dalam tahun-tahun awal perkembangannya.

Tunku Abdullah telah mengambil alih pucuk pimpinan MAYC mulai tahun 1956 sehinggalah beliau digantikan dalam tahun 1971, iaitu kira-kira selama 15 tahun. Beliau sekarang adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Kewangan MBF serta pengasas/ Pengerusi Kumpulan Melewar, sebuah syarikat perniagaan yang terkemuka. Dalam tempoh 1971 - 1972, MAYC dipimpin oleh Syed Ahmad Idid, seorang peguam yang pernah menjadi Setiausaha agungnya dalam tahun 1970. Beliau sekarang berjawatan Hakim Mahkamah Tinggi. Pada umumnya, sehingga tahun-tahun 1970-an, kepimpinan MAYC ketara sekali dilibati oleh kalangan kakitangan awam dan swasta, termasuk golongan profesional seperti peguam dan akuantan, serta kalangan ahli perniagaan, berbanding dengan satu dekad yang lalu ia turut diminati dan disertai oleh tokoh-tokoh politik tertentu di peringkat tempatan.

Dalam tahun 1971, Sanusi Junid telah mengundurkan diri

daripada ABIM yang turut diasaskan penubuhannya itu untuk bergiat aktif dalam MAYC. Beliau telah dipilih menjadi Setiausaha Agung; dalam tahun berikutnya beliau dipilih menjadi Naib Yang Dipertua II; dan mulai tahun 1973, beliau terus-menerus menjadi Presiden MAYC sehinggalah sekarang (Ogos, 1992). Beliau yang dilahirkan dalam tahun 1945, berpengalaman sebagai pegawai bank, mulanya memasuki sebuah cawangan UMNO di Seremban dalam tahun 1963; memenangi kerusi Parlimen kawasan Jerai atas tiket UMNO dalam pilihan raya umum 1974, dan pernah dilantik menjadi Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri (1978 – 80); Timbalan Menteri di Kementerian Tanah dan Pembangunan Luar Bandar (1980 – 81) dan seterusnya sebagai Menteri di Kementerian Tanah dan Pembangunan Luar Bandar (1981 – 86), dan selepas itu sebagai Menteri Pertanian. Beliau pernah dilantik menjadi Setiausaha Agung Parti UMNO (1984 – 87).

Sementara itu, Setiausaha Agung dalam tahun pertama Sanusi mengambil alih pucuk pimpinan MAYC itu ialah Rahmah Othman (bekas Timbalan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, bekas Timbalan Menteri dan jawatan politik terakhir, bekas Ketua Pergerakan Wanita Parti Semangat 46), dan dalam dua tahun berikutnya, jawatan tersebut dipegang semula oleh Mohd. Taib Wahab, seorang pegawai swasta, yang pernah memegangnya dalam tahun 1972. Mulai tahun 1977 sehingga sekarang (Ogos 1992), jawatan setiausaha agung MAYC dipegang oleh Mohd. Nazim Yahaya, seorang ahli perniagaan dan aktivis politik UMNO di kawasan Hilir Perak.

Dalam politik belia, MAYC bergerak secara sederhana. Ia menjadi ahli gabungan MBM sehinggalah tahun 1978 bilamana ia menarik diri daripada MBM di peringkat kebangsaan. Ini adalah kerana tidak puas hati dengan tindakan MBM menerima semula kemasukan beberapa pertubuhan belia seperti Belia 4B yang dianggap telah “mengkhianati” MBM di saat-saat genting MBM menghadapi tekanan pelbagai pihak untuk membubarkannya atas dakwaan sebilangan pemimpin MBM terlibat dalam Demonstrasi Pelajar-Baling bulan Disember 1974. MAYC adalah satu-satunya ahli gabungan MBM yang berusaha keras “menyelamatkan” MBM

daripada "dibubarkan" sewaktu beberapa orang pemimpin MBM seperti Anwar Ibrahim berada dalam tahanan ekoran daripada demonstrasi 1974 itu.

Memang terdapat persaingan tertentu antara MAYC dengan Belia 4B tetapi tidaklah begitu ketara dan membimbangkan. Hal ini terjadi kerana penubuhan Belia 4B itu sendiri disebabkan oleh beberapa kelemahan tertentu MAYC dalam menangani keperluan aktiviti persatuan-persatuan belia, terutamanya yang terdapat di kawasan luar bandar.

Sementara itu, salah satu konsep pergerakan MAYC yang diperkenalkan dalam tahun 1976 oleh Datuk Sanusi, bertujuan untuk memajukan ahli-ahlinya ialah yang dinamakan MENJARO. Konsep ini berupa cara-cara untuk mempersiapkan dan memajukan *Mental, Jasad dan Rohani* ahli-ahli MAYC khususnya, dan golongan belia umumnya, dalam menyediakan diri mereka untuk memenuhi tuntutan dan kerja-kerja pembangunan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dalam tahun 1970.

Kegiatan badan-badan belia yang bergabung dalam MAYC adalah berbagai-bagai. Kemajuannya dalam bidang sosioekonomi pernah tergenjat dalam tahun-tahun 1960-an kerana ahli-ahlinya lebih berminat pada kegiatan hiburan dan kesenian. Pergerakannya kembali aktif pada awal tahun 1970-an dengan berubahnya pucuk pimpinan. Namun beberapa tradisi pergerakan belia telah diwujudkan seperti kegiatan sosioekonomi dan juga pertukaran belia di peringkat antarabangsa (khususnya dengan belia Jepun). Di samping itu, sesuai dengan perubahan sosio-ekonomi, ahli-ahlinya juga bergiat dalam berbagai-bagai jenis perniagaan. Ini termasuklah yang dilakukan di peringkat kebangsaannya sendiri dengan asrama dan pusat aktiviti yang bertempat di Wisma Belia merupakan salah satu lambang istimewa kewujudan MAYC sehingga hari ini.

Perkembangan awal Persatuan Belia 4B Malaysia

Sebuah lagi pertubuhan belia yang penting di kalangan orang Melayu ialah Pertubuhan Belia 4B Malaysia. Sebenarnya nama Pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia atau lebih terkenal sebagai

Belia 4B ialah salah sebuah daripada kira-kira 30 buah pertubuhan belia di negara ini yang masih bergabung dan menganggotai Majlis Belia Malaysia (MBM).

Penajaan penubuhan pertubuhan ini berdasarkan konsep gerakan dan pertubuhan belia di Amerika Syarikat yang terkenal dengan gagasan 4H Youth. 4H itu adalah singkatan untuk *Head, Heart, Health* dan *Hand* yang memperlihatkan nilai-nilai positif dan kewujudan seseorang individu yang rajin, berhemat, waras, berdaya usaha, serta menjaga keadaan kesihatannya untuk membolehkannya berbakti kepada negara dan bangsanya. Maka itu, konsep ini telah dianggap boleh diterima-pakai dan disesuaikan bagi memajukan golongan belia di negara ini. Konsep 4B itu dimaksudkan menjurus pada nilai-nilai positif sebagai "*Bersatu*", "*Belajar*", "*Bekerja*" dan "*Berkhidmat*".

Gagasan pergerakan Belia 4B telah dicetuskan dalam "Seminar Kerja-kerja Belia Se-Tanah Melayu" yang diadakan pada 22 Disember 1965 di Pusat Latihan Belia Kebangsaan, Pertak, Kuala Kubu Baru, Selangor. Dua kelompok pemimpin belia telah menghadiri Seminar ini. Pertama ialah pemimpin-pemimpin pertubuhan belia kebangsaan itu. Yang kedua dan yang lebih penting dalam melahirkan Gerakan Belia 4B ialah petugas-petugas dalam Persidangan Tetap Belia Daerah (PTBD). Ini kerana wakil-wakil PTBD inilah yang lebih merasakan perlunya mereka memikirkan penubuhan sebuah persatuan belia yang bergerak di kawasan luar bandar, lebih berorientasikan kegiatan sosioekonomi dan pertanian, berbanding dengan kebanyakan pertubuhan belia ketika itu yang lebih banyak tertumpu pada kegiatan budaya dan kesenian di kawasan bandar. Wakil-wakil PTBD ini merupakan warisan kakitangan yang dilantik oleh Bahagian Belia, Kementerian Kebajikan Masyarakat, sebelum ditubuhkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1964.

Ketetapan wakil-wakil pertubuhan belia kebangsaan dalam seminar itu untuk membubarkan PTBD, telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan 48 orang petugas PTBD yang menyertai seminar berkenaan dan lantas kerana itu, mereka telah

bertindak mengadakan mesyuarat tergepar pada 23 Disember 1965 di tempat yang sama untuk mengatasi tindakan pembubaran tersebut. Hasilnya ialah persetujuan mereka untuk mewujudkan sebuah pertubuhan belia kebangsaan yang lain yang pada mulanya dinamakan sebagai *Gerakan Belia Malaysia*. Sebuah jawatankuasa penaja telah ditubuhkan dan wakil-wakil PTBD negeri Selangor diberi tanggungjawab istimewa dalam hal ini kerana mereka lebih hampir dengan Kementerian dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Jawatankuasa ini terdiri daripada:

Pengerusi	: Mohd. Kassim Shah
Naib Pengerusi	: Baharuddin Hussein
S/usaha agung	: Mohd. Noor Hj. Yusof
Pen. S/usaha agung	: Abd. Manaf Sulaiman
Bendahari	: Mokhtar Hj. Dahlan
Ahli J/kuasa	: Mohd. Zain Rashid.

Mesyuarat agung penubuhannya telah diadakan di Dewan Belia Kg. Pandan, Kuala Lumpur pada 21 Ogos 1966 dengan dihadiri oleh kira-kira 120 orang tokoh dan perwakilan persatuan-persatuan belia dari negeri Johor, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis. Mesyuarat agung yang dirasmikan oleh Datuk Engku Mohsein Abd. Kadir, Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia itu telah berjaya menubuhkan Gerakan Belia 4B Malaysia yang konsepnya menyerupai 4H Youth yang begitu popular di Amerika Syarikat dewasa itu. Jawatankuasa kepimpinannya yang pertama terdiri daripada:

Yang Dipertua	: Mohd. Kassim Shah (Guru)
Naib Y/Dipertua I	: Mohd. Salleh Tahir (ADUN - Johor)
Naib Y/Dipertua II	: Baharuddin Hussein (Kerja sendiri)
S/usaha Agung	: Mohd. Ali Abd. Rahman (J/Teknik Rendah)
Pen. S/usaha	: Mohd. Zain Rashid (Penterjemah)
Bendahari	: Bala Velusamy (Guru)
Ahli-ahli:	: Jaapar Lasim (Melaka - Guru) W.Zainal Kassim (Perak - Kerani)

Mohd. Noor M. Isa (Kedah - Guru)
 Mohd. Din Yaakob (Perlis - Pengelola)
 Khaidir Ibrahim (Selangor - Kerani)
 Abd. Rahman Mahmood (Johor - Guru)
 Wan Harun Hj. Yusof (Terengganu -
 J/T Gigi)

Kemunculan Belia 4B merupakan suatu manifestasi perasaan tidak puas hati pihak-pihak yang menganjurkan penubuhannya terhadap kecenderungan badan-badan belia dewasa itu yang lebih mengutamakan kegiatan hiburan dan kesenian. Kegiatan-kegiatan yang dikira meleakakan dan tidak produktif ini kurang bermanfaat lagi terutamanya ia secara tidak langsung mengabaikan kepentingan belia-belia luar bandar. Maka itu, tujuan penubuhannya yang asasi adalah untuk membolehkan lebih ramai golongan belia di luar bandar melibatkan diri dalam kegiatan sosioekonomi, khususnya dalam sektor pertanian serta perikanan. Untuk itu, matlamat penubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia antara lain untuk menyatukan, menyusun dan menggembeng tenaga belia untuk mengambil peranan positif dalam pembangunan negara dan untuk menegakkan masyarakat yang adil, menggalakkan dan menganjurkan pengkajian, latihan dan bimbingan untuk belia-belia dalam semua bidang kemahiran dan pengetahuan, memajukan dan mengukuhkan kedudukan ekonomi ahli-ahli untuk mewujudkan masyarakat yang lebih makmur, di samping bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang sehaluan dengan kehendak, tujuan dan perjuangannya serta memajukan sokongan kepada kerajaan dan kepada badan-badan yang sesuai.

Kepesatan pergerakan Belia 4B begitu ketara apabila mesyuarat agung tahun 1973 bersetuju melaksanakan sistem cawangan iaitu yang membolehkan cawangannya ditubuhkan di mana-mana tempat yang sesuai tanpa perlu menunggu sesebuah persatuan belia memohon untuk bergabung dengannya. Sehingga akhir tahun 1970-an, bilangan cawangan dan ahli Belia 4B Malaysia menjadi cukup terkenal di Semenanjung Malaysia sebanding

dengan beberapa pertubuhan belia yang ditubuhkan sebelumnya, termasuklah MAYC, yang menjadi badan saingan langsungnya itu.

Sejak tahun 1969, pucuk pimpinan Belia 4B telah diambil alih oleh Hj. Suhaimi Datuk Hj. Kamaruddin, seorang peguam, yang dewasa itu menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor. Beliau telah memimpin persatuan ini sehingga tahun 1992. Perlu disebutkan di sini bahawa Hj. Suhaimi pernah memimpin Pergerakan Pemuda UMNO (1977 – 82). Kalau Datuk Sanusi Junid terlibat secara langsung dalam penajaan dan kepimpinan awal ABIM, maka Hj. Suhaimi pula terlibat dalam proses mendraf perlembagaan penubuhan ABIM pada awal tahun 1970-an.

Sepanjang kehadirannya dalam UMNO, kepimpinan beliau dalam Belia 4B adalah relatif “terjamin”, tetapi setelah “terkeluar” daripada parti itu, perasaan tidak puas hati terhadap kepimpinannya dalam Belia 4B itu semakin jelas. Sungguhpun terdapat percubaan untuk menggantikannya dalam tahun 1991, memandangkan beliau berjawatan Setiausaha Agung Parti Semangat 46, sebuah parti saingan UMNO gara-gara krisis politik UMNO sejak pemilihan pucuk pimpinan parti dalam tahun 1987, beliau mendakwa masih menjadi Presiden pertubuhan berkenaan. Daripada pemerhatian umum bagaimanapun, sehingga Nov. 1992 ini, media massa tampaknya lebih berminat untuk “memencilkan” beliau dalam konteks gerakan belia, dan untuk Belia 4B pula, nama Datuk Tajol Rosli Tan Sri Ghazali, tampaknya telah “diiktiraf” sebagai Presiden persatuan berkenaan.

Perkembangan yang berlaku ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi persatuan ini bilamana mengingatkan betapa hasrat penubuhannya bertujuan menggerakkan golongan belia di luar bandar berkecimpung dalam kegiatan sukarela di samping mendedahkan mereka pada perjuangan politik kebangsaan – Belia 4B sejak sekian lamanya dianggap sebagai barisan hadapan Pergerakan Pemuda UMNO. Sebilangan pemimpin politik yang berjawatan dalam Parti UMNO dan juga kerajaan sekarang pernah atau masih terlibat dalam kepimpinan badan belia ini. Antara mereka ialah Datuk Mohamed Rahmat yang pernah menjadi Naib Presidennya

dalam tahun 1970-an; Datuk Abu Bakar Daud dan Datuk Wan Zakaria Abdul Rahman, dua orang tokoh politik UMNO negeri Terengganu; Datuk Mohd. Isa Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan; juga Datuk Tajol Rosli Tan Sri Ghazali.

Dalam kemelut belia, Belia 4B pernah bertindak menarik diri dalam tahun 1975 – 76 ekoran daripada usaha-usaha pihak tertentu untuk membubarkan MBM atas dakwaan terlibatnya beberapa orang pemimpin MBM dalam Demonstrasi Pelajar - Baling bulan Disember 1974. Sebagai sebuah pertubuhan yang sememangnya dimaklumi sengaja ditaja dan dipengaruhi oleh tokoh politik kepartian, termasuk kedudukan Hj. Suhaimi sebagai seorang tokoh dan pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO tahun 1970-an, kehadiran Belia 4B dalam MBM ternyata kurang disenangi oleh kepimpinan tertinggi MBM dewasa itu yang dipengaruhi oleh kepimpinan belia-pelajar seperti Anwar Ibrahim; dan kerana itu, percubaan Hj. Suhaimi untuk “menguasai” badan induk belia itu tidak pernah berjaya.

Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Sebuah lagi pertubuhan belia yang popular di kalangan belia Melayu ialah PKPIM, atau nama panjangnya Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia. Sewaktu ia ditubuhkan dalam tahun 1961, nama asalnya ialah Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM). Dalam banyak hal, PKPIM mewakili gerakan belia dan pelajar Melayu yang lebih berorientasikan kepentingan agama Islam.

Seperti yang telah diperihalkan di atas, kegiatan berpersatuan di kalangan golongan belia yang berdasarkan kepentingan agama sudahpun terdapat sejak awal penjajahan Inggeris lagi, khususnya dengan tertubuhnya YMCA, YWCA, beberapa *young fellowship* Kristian, termasuk juga pertubuhan yang setaraf di kalangan orang-Cina dan India.

Sehubungan ini, bagaimanapun, sehingga menjelang kemerdekaan dan malahan sepanjang dekad 50-an, jarang sekali

kedapatan kegiatan berpersatuan yang serupa berdasarkan kepentingan agama Islam. Jika pun ada, ia lebih banyak dipengaruhi oleh kepentingan sosiopolitik. Penubuhan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) (1948) misalnya lebih menonjolkan ciri-ciri nasionalisme dan pendidikan pelajar-pelajar Melayu.

Kesedaran mengenai "kekurangan" ini telah disuarakan buat pertama kalinya dalam satu seminar mengenai Pelajar-pelajar Islam Se-Malaya yang julung kalinya berorientasikan kepentingan Islam yang diadakan pada 4 Sept. 1960. Ia telah dihadiri oleh peserta-peserta yang mewakili institusi pengajian tinggi terkemuka dewasa itu: Universiti Malaya, Maktab Teknik Kuala Lumpur, Maktab Pertanian Malaya, Kolej Islam Malaya, dan Maktab Perguruan Bahasa; sementara kalangan peserta jemputannya terdiri daripada perwakilan pelajar Islam di Brunai, Indonesia, Singapura, Sri Lanka, Filipina dan juga dari Sabah dan Sarawak.

Seminar ini telah memutuskan beberapa resolusi tertentu demi kepentingan golongan pelajar Islam, tetapi dua daripadanya adalah yang paling penting. Pertama ialah mengusahakan penubuhan sebuah persatuan pelajar Islam di Persekutuan Tanah Melayu yang bertaraf kebangsaan yang boleh menyatupadukan tenaga mereka sebagai sebuah kumpulan pelajar.

Yang keduanya, yang selanjutnya menjadi asas pergerakan dan perjuangan mereka dalam tahun-tahun berikutnya ialah memperjuangkan penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf universiti bagi menampung keperluan dan kepentingan pengajian agama Islam. Perjuangan ini mencapai kejayaannya bilamana tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa dalam tahun 1983.

Pihak penganjur seminar berkenaan kemudiannya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penaja penubuhan PKPIPTM yang terdiri daripada yang berikut:

- | | |
|------------|--|
| Pengerusi | : Sulaiman Hj. Nordin (Maktab Pertanian) |
| Setiausaha | : Ahmad Juhari Moin (Maktab Pertanian) |
| J/Kuasa | : W. Jaafar Abdullah (Universiti Malaya) |
| | Mohd. Ghazali Hanafiah (Universiti Malaya) |

Azizzuddin Meor Hamzah (Maktab Teknik)
 Annuar Hj. Abd. Razak (Maktab Teknik)
 Ismail Ibrahim (Kolej Islam)
 Ahmad Awang (Kolej Islam)
 Ab. Rahman Hj. Taib (Maktab Per. Bahasa)
 Zainal Adnan Y. Yahya (Maktab Per. Bahasa)

Sesudah mengadakan beberapa pertemuan untuk merangka struktur dan juga perlembagaan PKPIPTM, maka mesyuarat penubuhannya telah diadakan pada 31 Mac 1961 bertempat di Asrama Kedua, Universiti Malaya dan telah didaftarkan secara rasmi pada 27 Jun 1961. Nama Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM) telah diubah menjadi Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), sesuai dengan gagasan Persekutuan Malaysia, pada 29 September 1965.

Tujuan persatuan ini ditubuhkan pertama-tamanya adalah untuk mewujudkan sebuah badan induk kebangsaan yang dapat menggabungkan sebanyak mungkin persatuan pelajar Islam di berbagai-bagai institusi pengajian di seluruh tanah air. Tujuan yang kedua ialah memperjuangkan dan memajukan apa-apa jua kepentingan yang berkenaan dengan kehidupan pelajar-pelajar Islam khususnya dan umat Islam umumnya di negara ini dan juga di seluruh dunia.

Bagi merealisasikan matlamat perjuangannya itu, PKPIM telah berusaha keras dan memang terkenal dengan dua bentuk kegiatannya. Pertama dari segi peningkatan intelek ahli-ahli dan umat Islam umumnya dengan menganjurkan dan menyertai pelbagai seminar dan pertemuan di peringkat kebangsaan dan serantau serta antara-bangsa bagi membincangkan hala cara dan idealisme Islam sebagai wadah dan cara hidup manusia. Yang keduanya dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran dalam komuniti Islam di dalam negeri untuk mempertingkatkan kesedaran dan keprihatinan ahli-ahlinya terhadap masalah kehidupan rakyat. Sehingga hari ini, PKPIM telah berkembang menjadi badan pelajar kebangsaan yang berjaya

berkembang menggabungkan kira-kira 30 buah persatuan pelajar Islam yang terdapat di peringkat maktab perguruan, politeknik, Institut Teknologi MARA dan juga universiti-universiti tempatan.

Sesuai dengan kedudukan dan peranannya sebagai badan pelajar Islam kebangsaan, barisan kepimpinan persatuan ini diterajui bersama oleh pemimpin-pemimpin pelajar daripada berbagai-bagai institusi pengajian. Yang Dipertuanya yang pertama iaitu bagi sesi 1961/62 ialah Hanafiah bin Ahmad, seorang penuntut Universiti Malaya (sekarang berjawatan Pengerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji Malaysia). Salah seorang pemimpin PKPIM yang terkemuka dalam tahun 1967 – 70 ialah Anwar Ibrahim, seorang pelajar Universiti Malaya. Melalui badan ini, beliau berjaya memperluas kepimpinannya di kalangan badan belia dan pelajar yang lain, khususnya melalui kerjasama dengan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia (PKPM) untuk memimpin Majlis Belia Malaysia (MBM), badan induk yang menyelaraskan segala kegiatan belia dan belia-pelajar yang dianggotai oleh lebih daripada 30 buah persatuan belia bertaraf kebangsaan itu.

Sementara itu, PKPIM (dewasa itu di bawah pimpinan Kamaruddin Mohd. Noor) jugalah yang telah melahirkan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dalam tahun 1971. ABIM sesungguhnya adalah replika PKPIM di luar kampus; bahkan statusnya lebih strategik lagi kerana ia berperanan sebagai jambatan yang boleh menampung dan meneruskan kepimpinan belia selepas lulus daripada universiti. Penaja dan pemimpin pertama ABIM yang didaftarkan pada pejabat Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 8 hb. Ogos, 1971 adalah seperti berikut:

Pengerusi J/Kuasa Penaja	: Anwar Ibrahim
Pengerusi Mesyuarat	: Kamaruddin Mohd. Noor
Setiausaha Mesyuarat	: Mohd. Zaki A. Rahman

Sementara barisan Jawatankuasa Kerja yang pertama bagi ABIM terdiri daripada:

Presiden	: Ab. Wahab Abdullah, 29, pegawai MARA
Naib Presiden	: Sulaiman Mohd. Noor, 32, pegawai MARA
Setiausaha	: Fauzi Ab. Rahman, 25, Jurutera galian
Pen. S/Usaha	: Ahmad Hj. Ismail, 25, pegawai PTD
S/Usaha Kewangan	: Syed Ibrahim S. A. Rahman, 27,
S/Usaha Penerangan	: Mohd. Redhuan Halim, pegawai MARA
S/Usaha Perhubungan	: Anwar Ibrahim
S/Usaha Dakwah	: Sanusi Junid
S/Usaha Kebajikan	: Mahmood Kitom
S/Usaha Wanita	: Faridah Tan Sri Hussein (*tentatif)

Salah satu peristiwa penting yang melibatkan secara langsung gerakan belia-pelajar umumnya dan PKPIM khususnya ialah penyertaan pemimpin dan sebilangan ahli serta ramai pelajar lain di kampus-kampus Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Institut Teknologi MARA dalam Demonstrasi Pelajar-Tani Baling pada awal bulan Disember 1974. Tidak kurang daripada enam orang pemimpin PKPIM dan MBM, termasuklah terutamanya Presiden MBM dewasa itu, iaitu Anwar Ibrahim menjadi tahanan politik selama beberapa bulan ekoran daripada demonstrasi tersebut. Peristiwa itu juga menyebabkan pihak Kerajaan bertindak memperketat Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dalam tahun 1975, terutamanya untuk mengawal kegiatan-kegiatan pelajar dengan mewujudkan pentadbiran khusus yang dinamakan sebagai Bahagian Hal Ehwal Pelajar di universiti-universiti tempatan.

Dengan berkuatkuasanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975, kegiatan para pelajar di dalam kampus, termasuklah kegiatan PKPIM sendiri menjadi semakin terkawal dan jauh daripada menunjukkan ciri-ciri radikal sepertimana dalam awal tahun 70-an itu. Walau bagaimanapun, perjuangannya untuk

memenuhi kepentingan pelajar-pelajar Islam termasuklah menegakkan sebuah universiti tetap diteruskan dan menjadi kenyataan apabila Universiti Islam Antarabangsa akhirnya ditubuhkan.

Dalam bulan April 1982, Anwar Ibrahim yang sudah banyak berpengalaman dalam politik belia dalam PBMUM, PKPIM, MBM dan ABIM telah memasuki UMNO. Beliau memenangi kerusi Parlimen kawasan Permatang Pauh, P. Pinang dalam pilihan raya umum 1982. Kemudiannya dalam bulan September 1982, beliau memenangi jawatan ketua Pergerakan Pemuda UMNO dengan mengalahkan Datuk Hj. Suhaimi yang pernah ditewaskannya dalam merebut jawatan presiden MBM kira-kira lapan tahun sebelum itu. Beliau mempertahankan jawatan itu sekali lagi dalam tahun 1984, juga mengalahkan Datuk Hj. Suhaimi, dan melepaskannya dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1987 untuk merebut satu daripada kerusi Naib Presiden UMNO. Tokoh belia yang terkemuka yang dilahirkan dalam tahun 1947 ini telah mula dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982 – 83), Menteri di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1983 – 84), Menteri Pertanian (1984 – 86), Menteri Pendidikan (1986 – 90), dan sejak tahun 1991, sebagai Menteri Kewangan. Beliau berjaya mempertahankan kerusi naib presiden dalam pemilihan parti tahun 1990. Di samping itu, jawatan kerajaannya adalah sebagai Menteri Kewangan serta Pengerusi Majlis Universiti Islam Antarabangsa. Beberapa orang rakan seperjuangan beliau dalam PKPIM dan ABIM juga telah turut bergiat dalam berbagai-bagai bidang dan ada antaranya menjadi usahawan, pentadbir kanan, pemimpin politik, termasuk juga di kalangan parti PAS.

Penutup: Gerakan Belia dan Kepimpinan UMNO Hari Ini dan Akan Datang

Berdasarkan huraian yang diberikan di atas, maka adalah jelas bahawa penglibatan politik generasi belia Melayu khususnya, bermula dalam kegiatan persatuan-persatuan belia. Atau tidak keterlaluan pula kalau dikatakan bahawa persatuan belia, sama ada yang bernama GPMS (berorientasikan kepentingan pendidikan pelajar-

pelajar Melayu), MAYC dan Belia 4B (berorientasikan kepentingan sosioekonomi bandar dan luar bandar); ataupun kemudiannya PKPIM dan ABIM (berorientasikan kepentingan agama, pendidikan Islam dan Melayu), terdedah pada pengaruh dan orientasi politik kepartian tertentu sehingga badan-badan belia ini menjadi tempat latihan bakat kepimpinan yang paling baik bagi mereka untuk diteruskan kemudiannya dalam gelanggang politik pula.

Apakah yang dapat dikesan berlaku pada empat tokoh muda politik Melayu: Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Datuk Seri Sanusi Junid, dan tidak ketinggalan juga Datuk Hj. Suhaimi? Barangkali hanya tiga nama pertama lebih mendapat perhatian sekarang kerana mereka menduduki kerusi naib presiden UMNO sejak pemilihan tahun 1990. Sungguhpun peraturan ABIM menghendaki para pemimpinnya meletakkan jawatan sebaik sahaja memegang jawatan dalam badan-badan politik, namun imej dan kewibawaan kepimpinan yang pernah dibentuk dalam ABIM itu tidak mudah untuk dihapuskan begitu sahaja. Simpati daripada rakan-rakan seperjuangan dan ahli-ahli, lebih-lebih lagi yang dijalin atas dasar ukhuwah Islamiah itu adalah relatif sukar untuk dinafi dan diketepikan begitu sahaja. Hal yang sama tidak menjadi masalah bagi Belia 4B dan MAYC kerana pemimpin mereka tidak dikehendaki melepaskan jawatan sebaik sahaja memasuki dan memegang jawatan dalam parti-parti politik.

Bilamana ketiga-tiga bekas pemimpin gerakan belia ini memenangi kerusi naib presiden UMNO tahun 1990 itu, maka dijangkakan oleh banyak pihak bahawa persaingan politik itu seterusnya akan menjadi lebih sengit dan lebih mendapat perhatian. Pertamanya ialah dari segi warisan gerakan dan politik belia; tentulah ketiga-tiga mereka – Anwar Ibrahim, Abdullah Badawi dan Sanusi Junid – akan mendapat perhatian tentang siapakah yang bakal berupaya untuk mempertahankan kerusi tersebut dalam pemilihan UMNO tahun 1993 kelak. Mengingatkan bahawa kedua-dua tokoh utama UMNO iaitu Presiden Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Encik Ghafar Baba sekarang sudah menjangkau usia 66 tahun, maka isu penggantian mereka sebagai

pemimpin UMNO akan datang menjadi persoalan yang cukup menarik untuk diberikan perhatian.

Hal ini juga menjadi lebih istimewa lagi kerana dalam masa yang sama, seolah-olah berkembangnya persaingan tertentu bukan sahaja antara ketiga-tiga Naib Presiden itu sendiri, bahkan juga telah didesas-desuskan berlaku antara Encik Ghaffar dan Anwar Ibrahim sendiri. Memang mereka berdua secara peribadi tidak mungkin memperakukan wujudnya persaingan dan polarisasi sokongan yang dibimbangi akan mengulangi kembali perpecahan UMNO ekoran daripada persaingan tahun 1987 lalu, namun persaingan itu boleh diuruskan oleh "orang-orang mereka".

Persoalan lain yang berkaitan dengan penglibatan tokoh-tokoh gerakan belia dalam politik ini, khususnya dalam UMNO, ialah peranan tidak langsung kedua-dua persatuan sukarela politik dan bukan politik itu yang tampaknya saling berkaitan dan kukuh-mengukuhkan antara satu sama lain. Sungguhpun buat beberapa ketika tampaknya peranan yang dimainkan oleh Belia 4B adalah lebih menonjol dalam hal ini, namun sehingga hari ini, tidaklah dapat dinafikan bahawa semua pertubuhan belia Melayu ini memainkan peranan tertentu dalam memprojeikkan imej politik bekas-bekas pemimpin mereka yang berada dalam arena politik sekarang. Sebenarnya hal ini sukar untuk dibuktikan dengan tepatnya, tetapi bagi seseorang pemerhati politik yang prihatin dan peka akan perkembangan tertentu yang berkaitan dengan semua pertubuhan belia dan politik UMNO itu, ramalan dan rumusan berhubung dengan "jalan lain" dalam membentuk imej politik dan melebarluaskan pengaruh politik seperti ini tidaklah terlalu meleset. Namun begitu, pengalaman masa lalu menunjukkan bahawa tidak semua tokoh yang dimaksudkan itu mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan itu.

Rujukan

Selain hasil penyelidikan yang saya sendiri lakukan untuk ijazah PhD saya kira-kira satu dekad yang lalu dan yang telah diterbitkan dengan judul, *Gerakan Belia di Malaysia* (1986), beberapa bahan tertentu telah dirujuk semula di samping beberapa bahan baru telah digunakan bagi menyiapkan tulisan ini.

Antara bahan tersebut ialah W.R. Roff, *The Origin of Malay Nationalism*, K. Lumpur: University of Malaya Press, 1967; W. A. Kadir W. Yusoff, *Pertumbuhan dan Perkembangan Budaya Populer di Tanah Melayu* (1988), juga tulisan beliau, "Urbanisasi dan Modernisasi Budaya Melayu", kertas *Titian*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1992. Mengenai perkembangan agama Kristian umumnya, maklumat diperoleh daripada buku koleksi yang disunting bersama R. Hunt, L.K. Hing & J. Roxborough, *Christianity in Malaysia* (1992). Sementara yang berkenaan dengan konsep wira dalam masyarakat Melayu, kajian yang dibuat oleh Shahrudin Maaruf melalui bukunya, *Concept of A Hero in Malay Society* (1984) adalah menarik dan relevan untuk dijadikan salah satu bahan rujukan.

Sementara itu, mengenai gagasan gerakan belia, rujukan juga dibuat pada tulisan S.N. Eisenstadt, *From Generation to Generation: Age Groups and Social Structure*, N. York: The Free Press, 1956; James S. Coleman, *Youth: Transition to Adulthood*, Report of the Panel on Youth, U.S. President's Science Advisory Committee, Chicago: University of Chicago Press, 1974; dan juga tulisan Leopold Rosenmayr, "Youth and Society: Conceptual and Theoretical Formulations", *Current Sociology*, Vol. 27, No. 2 & 3, 1979.

Perbincangan mengenai Akta Pertubuhan pernah saya kemukakan dalam tulisan saya, "Asalmula Akta Pertubuhan di Malaysia: Satu Catatan Rengkas", *Malaysia dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 12, 1983. Saya juga telah menulis beberapa artikel tertentu mengenai gerakan belia selepas tesis PhD saya itu disiapkan. Antaranya, "Gerakan Pelajar di Malaysia", *Malaysia Masakini 1986*, Persatuan Muzium Malaysia, 1986/87; "Berbagai Tafsiran Mengenai Belia" dan "Belia, Gerakan Sosial dan Perubahan Masyarakat: suatu Diskripsi Umum Mengenai Penglibatan Belia Antara-masyarakat", dalam *jurnal Analisa Belia*, Jilid 1 No. 1, Terbitan Majlis Belia Malaysia, 1983. Sementara dua tulisan lain, "Mempersiap Belia Beridentiti Untuk Tahun 2020", dan "Gerakan Belia, UMNO dan Kepimpinan Politik di Malaysia" pula telah dimuatkan dalam buku *Wawasan 2020: Aspek Politik dan Sosial*, suntingan bersama dengan Jurij Hj. Jalaludin (Nov. 1991).

Kajian mengenai perkembangan GPMS yang agak baik setakat ini, yang digunakan dalam tulisan ini, adalah yang diusahakan oleh Ahmad Faiz Abd. Hamid, "Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)", latihan ilmiah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1977/78; sementara Che Hani Abdullah mengkaji, "Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM): Satu analisa Rengkas Tentang Organisasi dan Ideologi Perkembangannya", latihan ilmiah di Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1979/80. Seorang lagi penuntut di jabatan yang sama, iaitu Abu Bakar Muhammad pula mengkaji, "Majlis Belia Malaysia (MBM)", 1978/79.

Di samping itu, wajar disebutkan juga akan beberapa tulisan dan laporan jurnalistik yang menyentuh soal belia dan politik Malaysia. Antara yang telah dirujuk ialah tulisan yang mengulas enam orang tokoh muda dalam UMNO, iaitu Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Ser. Mohd.

Najib Tun Razak, Datuk Rais Yatim, Datuk Seri Sanusi Junid, dan Datuk Shahrir Samad, dengan fokus utamanya, "UMNO's Young Challengers", dalam *Asiaweek*, April 27, 1984. Selain itu, rujukan juga dibuat pada tulisan S. Jayasenkanan, "Anwar Ibrahim: Man To Watch", dan "Meteoric Rise: From Critic to Key Government Post", *Malaysian Business*, June 16, 1986. Saya juga telah merakamkan hasil temuramah dengan Anwar Ibrahim dalam "Anwar Speaks Out - The Consummate Politician", *Malaysian Business*, Dec. 16 - 31, 1989; dan juga, "In the Glaring Spotlight", *Malaysian Business*, Dec. 16 - 30, 1991. Sementara majalah terbitan Pemuda UMNO, *Suara Pemuda*, Sept. & Okt. 1991 memuatkan fokus utama terhadap En. Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri; sementara keluaran Feb/Mac 1992 pula memuatkan fokus utama pada Anwar Ibrahim. Lihat juga rakaman temuramah Chamil Wariya, wartawan kanan Utusan Melayu dengan En. Ghafar Baba, *Utusan Malaysia*, 11 & 12 Okt. 1989. Analisis yang menarik dan relevan yang juga dirujuk ialah tulisan Noritah Sulaiman, "Naib Presiden: Barisan Pelapis Kepimpinan UMNO", *Mastika*, Jan. 1991. Antara buku popular mengenai politik semasa yang terkini dalam pasaran yang juga dirujuk bagi tulisan ini ialah yang ditulis oleh Mohd. Sayuti Omar, seorang penulis wartawan, diberi judul, *Antara Anwar, Dollah dan Sanusi: Tuhan Pilih Siapa?* (Mei, 1992). Mohd. Sayuti pernah menghasilkan sebuah buku yang banyak mempersoalkan ketokohan Anwar, dalam tahun 1990, sewaktu menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO dewasa itu, yang berjudul, *Anwar Ibrahim: Di antara Mimpi dan Realiti*.

Nota: Tulisan ini asalnya ialah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Sejarah Malaysia Moden: Penilaian ke atas Pembinaan Negara Bangsa, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21-22 Disember 1992

PERGERAKAN PEMUDA UMNO: BEBERAPA CATATAN MENGENAI PERKEMBANGAN DAN KEPRIHATINANNYA

Pengenalan

Sekiranya kita melihat secara *global* akan penglibatan golongan belia atau pemuda dalam arena politik, maka sudah tentu kita akan menemui begitu banyak maklumat mengenai peristiwa dan sumbangan yang mereka mainkan sepanjang sejarah perkembangan tamadun manusia seluruhnya.

Sesungguhnya peranan golongan muda, kerana tenaga semula jadi mereka adalah lebih kuat, lebih produktif dan lebih berpotensi itu, semacam terkhusus walau dalam masyarakat mana sekalipun. Daripada berperanan sebagai gembala ternakan dalam kehidupan kebanyakan suku kaum di Afrika, menjadi *cowboy* di ladang-ladang ternakan di Amerika Syarikat atau juruselam dan awak-awak nelayan di pantai Bachok, Kelantan sehinggalah pada kedudukan sebagai pemimpin-pemimpin gerakan pelajar di kampus-kampus universiti dan pemimpin-pemimpin pelapis dalam parti-parti politik, sesungguhnya jelas memperlihatkan betapa besarnya peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh golongan muda ini sejak sekian lamanya itu.

Menyedari potensi dan peranan yang demikian besarnya itulah, maka hampir di mana-mana pun parti politik mempunyai pasukan

atau sayap pemudanya guna mengembleng tenaga muda ini untuk menggerakkan jentera parti dan merancang kesinambungan perjuangan politik mereka. Ini barangkali merupakan satu fesyen yang juga sejagat sifatnya. Sebagai misalannya, ambil sahaja yang berlaku di Soviet Russia satu masa dahulu, salah satu langkah penting yang dilakukan oleh Vladimir Ilyich Ulyanov Lenin sesudah memenangi gerakan dan Revolusi Bolshevik dalam tahun 1917 di Russia ialah menubuhkan barisan Pemuda Komunis. Tujuan asasi pasukan yang dinamakan sebagai KOMSOMOL (*Kommunisticheski soinz Molodezhi - Communist League of Youth*) ini ialah untuk menjamin bahawa perjuangan dan penerapan nilai dan ideologi Komunis itu dapat dipertahankan dan diteruskan dari satu generasi ke satu generasi berikutnya.

Kepentingan ideologi dan politik ini, sama ada dalam keadaan yang nyata ataupun semata-mata untuk keperluan lojistik jangka panjang sesuatu perjuangan, baik dalam masyarakat komunis ataupun demokrasi, merupakan suatu proses yang diistilahkan oleh Maurice Duverger dalam bukunya, *Political Parties*, (1967:54) sebagai *ideological decentralization* yang di dalam konteks sesebuah parti politik yang pragmatik seperti UMNO adalah cukup berguna untuk memperluas arena perjuangan parti dan menampung kemungkinan dan intensiti ciri-ciri politik kedaerahan, perpecahan dan sikap berpuak-puak dalam parti sedapat mungkin kerana penyebaran matlamat perjuangan itu sesungguhnya merangsang wujudnya suasana perbincangan, persaingan intelektual (*intellectual rivalry*) serta kebebasan di kalangan pemimpin pelapis dan ahli mereka.

Namun dalam apa pun keadaannya, haruslah diinsafi bahawa keperluan mewujudkan "parti dalam parti" tersebut tampaknya telah merebak dan menjadi ikutan dalam banyak masyarakat koloni yang sedang memperjuangkan kemerdekaan masing-masing selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini penting diberikan perhatian kerana kemunculan beberapa organisasi ala KOMSOMOL seperti Pertubuhan Pemuda Nazi di Jerman dalam tahun 1940-an dan Pasukan Gadna di Israel umpamanya, tidaklah didasarkan pada

kuantiti atau bilangan rakyat mudanya, tetapi adalah sebagai suatu tuntutan dan lojistik politik kepartian.

Hal yang sama pada akhir-akhirnya telah merebak dan meluas ke dalam banyak masyarakat koloni di luar Eropah itu. Kegiatan-kegiatan berpersatuan sukarela di kalangan orang muda yang bukan politik seperti yang banyak terdapat di Amerika Syarikat ternyata menjadi kurang perlu dalam urusan kepartian dan proses sosialisasi politik ini.

Namun begitu, harus disebutkan di sini bahawa tidak semua badan ini dapat memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak dalam memperjuangkan kepentingan ahlinya, malahan banyak daripadanya sekadar bertaraf kumpulan kepentingan yang biasa, yang lebih banyak bertindak sebagai *pro-establishment* dan lebih bersedia mengelakkan diri daripada menghadapi risiko sehingga dilabelkan sebagai *anti-establishment* yang boleh menjejaskan kedudukan dan kepentingan pemimpin dan ahli-ahlinya. Semuanya ini merupakan sebahagian daripada pengalaman yang pernah dan barangkali masih dialami oleh pergerakan Pemuda UMNO sendiri; dan ia cukup menarik untuk diberikan perhatian dan renungan bersama secara yang saksama.

Penubuhan dan Kepimpinan Awal Pemuda UMNO: 1947 - 50

Pemuda UMNO yang asalnya dikenali sebagai Perikatan Pemuda UMNO adalah salah satu contoh penting bagaimana perlunya perjuangan politik dikembangkan di kalangan golongan muda itu. Ia ditubuhkan pada 26 Ogos 1949 di Seberang Perai, iaitu sehari selepas ditubuhkan Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Terkemudiannya penubuhan sayap Pemuda ini bukanlah bererti UMNO sengaja mengabaikan kepentingan dan sumbangan pemuda, tetapi disebabkan kepentingan mereka ini sudahpun diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Pemuda yang telah diwujudkan dalam UMNO melalui ketetapan persidangan agungnya pada 1 dan 2 Mac 1947 yang diadakan di Seremban. Jabatan ini juga diketuai oleh Setiausaha Agung parti sendiri, iaitu (Allahyarham Tun)

Hussein Onn. Beliau jugalah yang secara rasminya dipilih untuk mengetuai Perikatan Pemuda UMNO yang pertama sebaik sahaja ia ditubuhkan.

Barisan pimpinan Pemuda UMNO bagi tahun 1949/50 terdiri daripada:

Penasihat: Dato' Onn bin Jaafar
Ketua: Kapten Hussein Onn
Ahli-ahli: 25 orang daripada 14 Bahagian UMNO.
(termasuk: Hj. Ahmad bin Abdullah Fahim, Sopiee bin Sheikh Ibrahim).

Hj. Ahmad Abdullah Fahim serta juga Sopiee Sheikh Ibrahim (Datuk Sopie Ibrahim masih aktif dalam urusan-urusan berkaitan dengan buruh dan juga kolumnis mingguan *The Sunday Star*) adalah wakil Pemuda dalam persidangan agung parti tahun 1949; tetapi oleh sebab Sopie berlepas ke luar negeri pada akhir tahun itu, tempat beliau digantikan oleh Mejar Ibrahim Ismail (telah bersara sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia dalam tahun 1982).

Kemunculan Pemuda UMNO adalah terkemudian daripada barisan pemuda Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Barisan Pemuda Hisbul Muslimin serta Ikatan Pemuda Tanah Air yang kemudiannya menjadi Ikatan Pembela Tanah Air. Oleh sebab pergerakannya yang jauh lebih lembut dan tertumpu pada kegiatan kebudayaan, kemasyarakatan dan pendidikan, maka pemimpin Pemuda UMNO tidaklah mengalami nasib malang seperti yang dialami oleh sebahagian besar pemimpin barisan pemuda lain itu yang telah ditahan dan organisasi mereka diharamkan dalam bulan Julai 1948 berikutan dengan Perisytiharan Darurat di Tanah Melayu.

Perjuangan yang tidak radikal ini, bagaimanapun, masih mempunyai matlamat politiknya yang tertentu bilamana usaha-usaha telah dibuat untuk menyebarkan kegiatan politik UMNO di kalangan orang muda, khususnya melalui institusi sekolah dan jabatan kerajaan. Perjuangan dalam tempoh 1946 - 50 yang berdasarkan pegangan *Hidup Melayu* tidak banyak memperlihatkan kelainannya daripada organisasi UMNO seluruhnya, malahan yang

lebih jelas ialah Pemuda UMNO tidak lebih hanyalah sebahagian daripada badan induknya itu.

Di sebalik kesamaran ideologi dan matlamat perjuangannya itu, bagaimanapun, satu hakikat penting yang tidak harus dilupakan di sini ialah kewujudan dan aktiviti Perikatan Pemuda UMNO telah berjaya untuk menggerakkan tenaga belia Melayu dalam kegiatan politik yang lebih menyeluruh dan bijaksana, tidak semata-mata bertindak panas dan ganas seperti kebanyakan gerakan sosial orang muda yang lain.

Pergerakan Pemuda UMNO 1950 – 57: di sebalik Antipenjajahannya

Tahun 1948 hingga 1955 merupakan tahun-tahun yang paling sibuk bagi kebanyakan pertubuhan politik tempatan, termasuklah UMNO, dalam politiking dan proses mencapai kemerdekaan. Ekoran daripada penolakan usul Dato Onn untuk membukakan keahlian UMNO kepada bukan Melayu dan pengunduran beliau serta anaknya, Hussein Onn daripada UMNO dan pimpinan Pemuda UMNO, maka tempat Hussein Onn sebagai pemimpin Pemuda UMNO telah digantikan oleh Abdul Razak bin Dato' Hussein, seorang pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan negeri Pahang.

Memang Abdul Razak mempunyai pengalaman tertentu dalam kegiatan politik, misalnya melalui *Malayan Forum* sewaktu sedang belajar di England dan juga dalam kegiatan UMNO di Pahang, namun tidak banyak yang dilakukannya dalam memimpin Pemuda UMNO. Tidak salah kalau dikatakan bahawa beliau sebenarnya lebih berminat pada badan induk, bukannya sayap Pemuda. Beliau lebih berhati-hati dalam mengemudikan gerakan parti, sedangkan tokoh-tokoh Pemuda seperti Abd. Samad Idris misalnya lebih berminat bertindak lebih aktif lagi sehingga menganjurkan slogan parti ditukar daripada *Hidup Melayu* kepada *Merdeka*, satu seruan yang masih tidak begitu diminati oleh pucuk pimpinan sendiri.

Pucuk pimpinan Pemuda UMNO telah diambil alih oleh Sardon Hj. Jubir dalam bulan Ogos 1951.

Jika dibandingkan dengan beberapa orang pemimpin utama UMNO setakat ini, ternyata bahawa kepimpinan Sardon Hj. Jubir adalah yang paling lama, iaitu kira-kira 13 tahun. Dalam perhimpunan agung UMNO pada bulan Ogos 1951, beliau telah diberi mandat oleh ahli untuk memimpin sayap Pemuda, sementara Abd. Razak pula terpilih menjadi Timbalan Presiden parti, iaitu menjadi tokoh kedua pentingnya selepas Tunku Abd. Rahman mengambil alih teraju pimpinan UMNO, akibat pengunduran diri Dato' Onn kerana cadangannya untuk membukakan keahlian Parti UMNO kepada semua kaum telah tidak disetujui oleh ahli.

Haruslah diakui bahawa kepimpinan Sardon Hj. Jubir adalah yang sebenarnya menerokai liku-liku pergerakan Pemuda UMNO sebagai satu kumpulan ahli parti yang seharusnya bersifat melengkap dan peka dengan kedudukan dan kepentingan parti induk. Kepimpinannya itu bukan sahaja lebih lama, bahkan juga peluang UMNO menjadi semakin jelas untuk menjuarai usaha-usaha mencapai kemerdekaan. Ini adalah kerana ia terselamat daripada tindakan pengharaman oleh pihak pentadbiran kolonial Inggeris berbanding dengan yang dialami, misalnya, oleh Parti Hizbul Muslimin ataupun Angkatan Pemuda Insaf. Perubahan slogan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan itu juga turut membantu mempopularkannya, malahan menjadi alternatif kepada barisan pemuda parti-parti Melayu yang lain, termasuklah pada Angkatan Pemuda Insaf sendiri.

Kebijaksanaan (Tun) Sardon dalam menangani kerenah Pemuda UMNO adalah jelas. Beliau berusaha sedapat mungkin untuk berdamping rapat dan mendapatkan naungan daripada pucuk pimpinan parti, sementara tidak jemu-jemu pula berusaha untuk mengukuhkan perpaduan serta sokongan ahli kepada parti, termasuk kesediaan mereka untuk bertindak secara radikal sekiranya tuntutan kemerdekaan itu menemui jalan buntu. Sesungguhnya kebijaksanaan pimpinan Pemuda sedemikian rupa membolehkannya sentiasa mendapat perlindungan daripada pucuk pimpinan parti.

Demikianlah Pemuda UMNO pada zaman pimpinannya itu telah mengalami perubahan tertentu di samping menjadi sayap parti

yang semakin prihatin terhadap masa depan parti dan negara umumnya. Nama Perikatan Pemuda UMNO telah diubah menjadi Pergerakan Pemuda UMNO dalam tahun 1955. Pemuda UMNO jugalah yang mendesak pucuk pimpinan parti untuk mengusahakan perundingan kemerdekaan dengan menetapkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, dan seterusnya, selepas Merdeka, membantu kerajaan dalam menghadapi tindakan konfrontasi Indonesia (1963 – 66) dengan cara-cara tertentu demi menjamin keselamatan awam.

Kepimpinan Pemuda UMNO berubah lagi bilamana Senu Abd. Rahman berjaya mengalahkan Sardon Hj. Jubir dalam mesyuarat agung tahunan Pemuda dalam tahun 1964. Sama sebagaimana Sardon Jubir, kepimpinan (Datuk) Senu juga memberikan perhatian tertentu pada kegiatan dan kepentingan ahli parti khususnya dan orang Melayu umumnya.

Satu tindakan yang dibuat oleh sebab kemerdekaan telah pun dicapai ialah menukar slogan Pemuda UMNO daripada "Merdeka" kepada "Pemuda Harapan Bangsa". Di samping itu, telah juga dilakukan penyusunan semula gerakan ini dengan menetapkan bahawa setiausaha UMNO Bahagian adalah secara automatik menjadi setiausaha Pemuda, sementara di peringkat kebangsaan, jawatan penolong setiausaha agung parti telah diwujudkan untuk mentadbir gerakan ini. Satu lagi perubahan yang dibuat ialah menetapkan bahawa had umur ahli gerakan ini tidak melebihi 40 tahun, kecuali bagi jawatan ketua serta ahli jawatankuasa yang dilantik.

Era kepimpinan Senu (1964 – 69) adalah era untuk mengemas-kan dan menyebarkan pengaruh parti dan kegiatan politik di kalangan orang muda. Maka itu, kegiatan pengkaderan dan sosialisasi politik seperti mengadakan khemah kerja dan kursus-kursus politik telah diadakan dengan begitu pesat. Kegiatan sekadar perbarisan berpakaian seragam yang diwarisi daripada zaman kepimpinan Sardon memang diteruskan, namun telah ditambah pula dengan kegiatan sukan dan kesenian. Yang lebih penting daripada itu ialah usaha mewujudkan konsep Pemuda Tahan Lasak yang membolehkan ahli-ahli Pemuda UMNO digerakkan dan menjadi jentera kempen pilihan raya UMNO secara yang lebih berkesan.

Lanjutan daripada konsep tahan lasak (*tough guy*) inilah juga yang melahirkan kegiatan perniagaan melalui syarikat yang dinamakan Syarikat Talasco, khususnya di bidang polisi insurans.

Satu perkara lagi yang melibatkan gerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinan Senu ialah usaha beliau menaja penulisan dan penulisan buku *Revolusi Mental*, dalam tahun 1968, yang tujuannya untuk mengubah cara berfikir dan menyedarkan kalangan belia Melayu dan ahli UMNO umumnya, terhadap segala kelemahan mereka selama ini, khususnya dalam meningkatkan taraf ekonomi serta kualiti hidup mereka. Malangnya buku ini dianggap sebagai *counter-productive* kerana ia sekali gus mendedahkan segala macam kelemahan orang Melayu. Hal ini menyebabkan buku ini tidak popular.

Pemuda UMNO sebagai Kumpulan Pendesak

Sehingga berakhirnya era kepimpinan Senu yang mengosongkan jawatan ketua Pergerakan Pemuda UMNO sesudah dilantik menjadi Setiausaha Agung parti, yang kebetulan beliau sendiri tewas dalam pilihan raya 1969, tradisi gerakan ini tidak banyak menunjukkan ciri-ciri mendesak, apalagi untuk bangkit menentang pucuk parti. Sejak mula ia ditubuhkan, setiap pemimpinnya seolah-olah tidak berminat untuk bertindak lain daripada yang dipegang oleh pucuk pimpinan. Maka itu, beberapa permasalahan yang mungkin menjadi lebih berbeza keadaannya daripada yang telah berlaku, misalnya yang berkenaan dengan taraf kerakyatan, isu dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta juga tanduk Parti Tindakan Rakyat sewaktu Singapura berada dalam Malaysia tidak banyak mendapat perhatian dan keprihatinan daripada gerakan ini. Segalanya ini terjadi kerana rapatnya perhubungan pemimpin mereka dengan pucuk pimpinan parti seluruhnya.

Keadaan ini telah berubah bilamana regu Datuk Haji Harun bin Hj. Idris, Menteri Besar Selangor dan Datuk Musa Hitam, seorang tokoh radikal dan progresif UMNO yang terkemuka dewasa itu, telah terpilih menerajui gerakan Pemuda UMNO dalam tahun 1970.

Datuk Harun yang telah mencapai imej wira orang Melayu dalam Peristiwa 13 Mei, 1969 di Kuala Lumpur telah berjaya memenangi jawatan ketua Pergerakan Pemuda UMNO dengan mengalahkan Datuk Ali Hj. Ahmad, pemangku ketua Gerakan (1969 – 70).

Usaha pertama yang dilakukan oleh regu Datuk Harun – Musa Hitam itu ialah mengubah slogan pergerakan Pemuda daripada “Pemuda Harapan Bangsa” kepada “Pemuda Pelopor Pembangunan”. Ia menandakan bermulanya era baru bagi Pemuda UMNO yang selama ini sekadar menjadi ahli dan pengikut setia parti, tetapi seharusnya menjadi pelopor dan peneroka pembangunan. Slogan ini sendiri adalah sesuatu yang *timely* kerana dalam tahun 1970 itu juga bermulanya Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan memerangi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia dari segi identiti penguasaan kekayaan ekonominya.

Semuanya ini telah mengubah peranan Pergerakan Pemuda UMNO daripada yang terlalu *pro-establishment* kepada kumpulan pendesak yang bertanggungjawab dan cukup prihatin terhadap apa-apa juga kelemahan dan penyelewengan yang mungkin berlaku dalam sektor awam dan swasta sehingga boleh menjejaskan pelaksanaan cita-cita DEB itu sendiri. Inilah wadah penting yang mendorong gerakan Pemuda dewasa itu menegur perjalanan Malaysian Airlines System, penguasaan milik syarikat akhbar The Straits Times, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Institut Penyelidikan Getah dan malahan juga pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Akibatnya Pemuda UMNO mulai kurang disenangi dan pernah diingatkan secara umum, agar berusaha mengelakkan wujudnya “parti dalam parti”, kerana Pemuda UMNO seolah-olah menjadi kumpulan pendesak yang secara tidak disedari mengancam kedudukan dan badan induk UMNO sendiri.

Tradisi inilah juga yang telah cuba diteruskan oleh Tan Sri Syed Jaafar Albar sewaktu menawarkan diri dan terpilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam tahun 1977, iaitu kira-kira setahun selepas jawatan itu dikosongkan akibat daripada kes dan hukuman Mahkamah yang dihadapi oleh Datuk Harun (1976 – 77).

Tan Sri Syed Jaafar berusaha untuk “melembutkan” sedikit imej Pemuda UMNO dengan menamakannya sebagai Kumpulan Halia (*Ginger Group*). Imej inilah juga yang ingin diteruskan oleh pemangku Ketua Pergerakan tersebut, iaitu Datuk Hj. Suhaimi yang menjalankan tugas akibat kematian Tan Sri Syed Jaafar dalam tahun 1977 itu. Haji Suhaimi yang seterusnya mengetuai Gerakan ini (1978 – 82) berusaha mengekalkan imej sederhana itu dengan slogan “Era Bertindak” yang bermaksud untuk lebih membanyakkan kerja daripada bercakap. Walaupun dalam era kepimpinannya itu, Pemuda UMNO hampir sinonim pula dengan Gerakan Belia 4B Malaysia yang turut dipimpinnya itu, namun tidak banyak kejayaan dan pembaharuan yang telah dicapainya.

Imej dan kejayaan yang telah dicipta oleh Datuk Harun nampaknya terus-menerus menjadi piawaian pada Pergerakan Pemuda UMNO. Suasana inilah juga yang tampaknya dialami oleh Anwar Ibrahim sesudah berjaya mengalahkan Hj. Suhaimi untuk menerajui pergerakan ini dalam bulan September 1982 (dan mempertahankannya dalam pertandingan tahun 1984 – masih berhadapan dengan cabaran Hj. Suhaimi juga). Walau bagaimanapun, Anwar lebih bernasib baik dalam hal ini terutamanya kerana beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Dr. Mahathir, Presiden parti dan juga Perdana Menteri. Memang beliau diterima dengan berat hati oleh ahli-ahli UMNO kerana imejnya selama ini sebagai seorang tokoh yang anti-UMNO itu.

Sungguhpun pengalaman serta penglibatannya memang masih baru dalam UMNO tetapi beliau berpengalaman luas sebagai pemimpin pelajar dan pemimpin belia serta salah seorang penggerak penting gerakan Islamiah di Malaysia sejak tahun 1970-an. Segalanya ini, di samping menimbulkan sedikit kegusaran dan rasa bimbang pada setengah-setengah kalangan dalam UMNO sendiri, telah juga memberikan harapan baru kepada UMNO seluruhnya kerana melalui penyertaan Anwar itu, suatu input baru diharapkan bagi memantapkan perjuangan politik UMNO.

Sehingga bulan April 1987, bilamana Anwar melepaskan jawatan dalam pergerakan tersebut untuk bertanding dan memen-

nangi kerusi naib presiden parti, Pemuda UMNO telah kembali kepada imejnya yang asal iaitu menjadi sebahagian daripada badan induk UMNO, bergerak secara sederhana tetapi sentiasa prihatin dan menunjukkan persefahaman yang memuaskan dengan ketua dan kepimpinan parti induk. Hal ini adalah wajar kerana Pemuda sendiri mempunyai imej yang lebih meyakinkan dengan slogan, "Generasi Penggerak Zaman". Dan melalui slogan ini, usaha-usaha telah digemblengkan untuk memajukan dan mengatasi gejala kemiskinan yang masih berleluasa di kawasan luar bandar melalui Projek dan Yayasan Gerak Bakti Pemuda UMNO yang dilancarkan pada 1 Mei 1984. Usaha ini sesungguhnya bertujuan menampung dan melengkapkan usaha-usaha pembangunan semasa yang tampaknya lebih memberatkan pelaksanaan kawasan bandar dan sektor perindustrian. Dan ia sekali gus berusaha untuk mengadunkan keprihatinan golongan muda dalam sebuah parti pemerintah seperti UMNO untuk tidak sahaja mampu untuk meluahkan perasaaan melalui retorik tetapi juga turun ke padang untuk melaksanakan komitmen dan keyakinan yang ada pada mereka itu.

Kepimpinan Pemuda UMNO Masa Kini: Cabaran dan Harapan

Sesungguhnya warisan kepimpinan (mulanya sebagai pemangku) UMNO yang diwarisi oleh Datuk Seri Mohd. Najib sejak bulan April 1987 itu merupakan suatu kesinambungan dalam konteks kepimpinan politik UMNO khususnya, dan orang Melayu umumnya, yang lebih mencabar dan lebih bermasalah.

Cabaran yang dihadapi oleh Pemuda UMNO sebenarnya makin banyak. Misalnya dalam menghadapi desakan-desakan daripada Parti MCA dan parti-parti politik bukan Melayu yang telah mencetuskan satu demonstrasi besar-besaran anjuran Pemuda UMNO di Stadium TPCA, Kg. Baru, Kuala Lumpur pada 17 Oktober 1987. Akibatnya beberapa orang pemimpin Pemuda UMNO sendiri telah ditahan dalam Operasi Lallang akhir bulan Oktober 1987.

Mungkin ada benarnya dakwaan beberapa pihak bahawa Pemuda UMNO telah dijangkiti oleh sindrom demonstrasi yang

dibawakan oleh imej dan ketokohan Anwar Ibrahim; namun selepas beliau meninggalkan pucuk pimpinan gerakan ini, ia tidaklah semestinya demikian. Tanggapan ini barangkali kurang tepat. Yang lebih tepat sebenarnya ialah semakin pentingnya kewarasan dan keupayaan Pemuda UMNO mengimbangi berbagai-bagai kepentingan yang perlu ditanganinya dari semasa ke semasa. Tegasnya, kepimpinan yang diwarisi oleh Datuk Seri Najib itu tidak hanya sekadar untuk mengayakan pengalaman dan menyiapkan diri bagi kesinambungan kepimpinan parti dan masyarakat, bahkan juga untuk memastikan segala tindakan yang dibuat itu adalah sesuatu yang bermanfaat dan dilakukan dengan penuh bijaksana. Untuk itu, Pemuda UMNO memerlukan peningkatan tertentu dari segi kebijaksanaan, kepekaan, misi dan visi masa depannya.

Ini kerana hakikat jelas menunjukkan begitu banyak dan semakin kompleksnya perkara yang perlu dihadapi oleh golongan Pemuda hari ini. Umpamanya di samping berhadapan dengan isu-isu politik dalaman parti – konflik dan persaingan yang semakin meruncing di kalangan tokoh dewasa dalam kepimpinan induknya yang memerlukan barisan Pemuda mempergunakan pertimbangan mereka untuk menyokong atau memenangkan sesuatu pihak atau seseorang individu, meneruskan keprihatinan dan peranan sebagai “kumpulan pendesak” yang berusaha untuk memerangi musuh parti, musuh orang Melayu dan musuh negara satu demi satu – Pemuda UMNO juga perlu memberikan perhatian yang sewajarnya dalam isu dan permasalahan serantau dan antarabangsa.

Hal ini sebenarnya semakin penting kerana seluruh tumpuan negara hari ini tampaknya menjurus kepada usaha memenuhi hasrat Dasar Pembangunan Negara dalam jangka pendeknya dan dalam jangka panjangnya untuk membolehkan Wawasan 2020 tercapai. Sekiranya Pemuda UMNO merasakan bahawa mereka sebenarnya semakin tidak banyak mempunyai masa dan lebih kerap disaingi oleh banyak lagi persatuan dan pertubuhan lain yang lebih profesional dalam kegiatan kemasyarakatan, atau sudah berpuas hati kerana sebilangan tertentu tokohnya telah dilantik menjadi menteri, atau telah terpilih menjadi anggota Dewan Rakyat dan Dewan

Negara, atau telah berjaya menjadi usahawan dan jutawan dan seumpamanya, perasaan puas hati ini adalah terlalu awal; malahan ia adalah satu kesilapan, sama sebagaimana silap dan malangnya nasib semut yang mati di dalam gula. Pemimpin pelapis UMNO yang demikian sebenarnya sudah mati dalam perjuangan mereka; dan ketewasan mereka itu menjadi tanda-tanda awal betapa malap dan tidak bermayanya kepimpinan UMNO dan kewibawaan orang Melayu pada masa hadapan.

Kejayaan yang terlalu cepat dan kenikmatan yang melimpah-ruah sesungguhnya tidaklah membahagiakan, bahkan ia adalah permulaan terhadap suatu kegagalan dan keputusan perjuangan.

Rujukan

Dalam menyiapkan artikel ini, beberapa bahan tertentu telah digunakan, khususnya tulisan-tulisan mengenai Pergerakan Pemuda UMNO sehingga kini. Antara yang dapat disebutkan di sini ialah hasil penyelidikan Sarjana Sastera Hambali A. Latif, di Universiti Sains Malaysia, mengenai, *Perjuangan Politik Pemuda UMNO* yang kemudiannya diterbitkan dalam tahun 1985. Dengan berdasarkan banyak maklumat peribadi daripada tokoh-tokoh dan bekas pemimpin, Hambali telah memberikan suatu pemerihal yang menarik melalui bukunya ini mengenai pasang surutnya pengaruh dan pergerakan sayap UMNO ini sejak ia ditubuhkan, sehinggalah tahun-tahun 1980-an. Satu lagi tulisan yang ilmiah sifatnya mengenai hal ini telah diusahakan oleh Aminuddin Mohd. Yusof dan Mohd. Ali Kamaruddin, *Kepimpinan Pemuda UMNO*, terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (1988). Buku ini pula berusaha untuk menganalisis dan mengukur pengaruh dan keberkesanan kepimpinan dalam pergerakan ini dari beberapa perspektif psikologi politik. Ini adalah satu percubaan yang menarik dan jarang dilakukan oleh para sarjana.

Buku yang tampaknya lebih popular mengenai pergerakan ini adalah yang dihasilkan oleh Subky Latif & Chamil Wariya yang diberi judul, *Dilema Pemuda UMNO* yang pertama kalinya diterbitkan dalam tahun 1976 dan diulang cetak sebagai edisi baru dalam tahun 1985. Edisi terbaru ini mengandungi beberapa analisis tertentu mengenai pergolakan dalam pergerakan ini, khususnya sejak ia diterajui oleh Anwar Ibrahim, seorang pemimpin dan tokoh belia tahun 1970-an.

Sementara itu, dalam bukunya, *Siapa Kuasai UMNO?* (1985) wartawan Chamil Wariya telah menyentuh beberapa isu mengenai pergerakannya dalam tiga bab bukunya itu, iaitu berhubung dengan "Angkatan Profesional", "Anak-anak Pemimpin" dan "Pengaruh Pemuda UMNO".

Sebuah lagi buku politik popular ialah yang dihasilkan oleh seorang wartawan muda iaitu Mohd. Sayuti Omar yang diberi judul sensasi, *Antara Anwar, Dollah dan Sanusi: Tuhan Pilih Siapa?* (Mei, 1992). Perbincangan jurnalistik mengenai

ketiga-tiga tokoh belia dan Naib Presiden UMNO ini adalah cukup menarik memandangkan bahawa perhatian banyak pihak sekarang adalah mengenai ketiga-tiga mereka yang dijangka akan berusaha sungguh-sungguh, dalam pemilihan semula pucuk pimpinan UMNO tahun 1993, bagi mempertahankan jawatan parti yang telah mereka menangi dalam pemilihan tahun 1990 itu.

Di samping itu, beberapa bahan rujukan disiplin Sains Politik telah digunakan juga dalam menyiapkan tulisan ini. Dua daripadanya ialah yang ditulis oleh Maurice Duverger, *Political Parties*, (terjemahan, 1967).

Sementara itu, harus juga disebutkan bahawa tulisan ini merupakan lanjutan daripada beberapa aspek tertentu yang telah saya bincangkan dalam buku saya, sebagai hasil penyelidikan untuk tesis Doktor Falsafah saya di Universiti Malaya (1981) yang kemudiannya diterbitkan dengan judul *Gerakan Belia di Malaysia* (1986). Beberapa aspek yang berkaitan dengan Pergerakan Pemuda UMNO ini telah saya muatkan dalam buku berkenaan, khususnya yang melibatkan penglibatan Anwar Ibrahim, Sanusi Junid dan Hj. Suhaimi dalam *politik belia* awal tahun-tahun 1970-an. Namun untuk menyiapkan tulisan ini, saya lebih memberikan tumpuan pada perkembangan awalnya dengan membuat rujukan tertentu terhadap *Laporan Tahunan 10 Tahun UMNO* serta rakaman peribadi Tan Sri Abd. Samad Idris, *25 Tahun Perjuangan UMNO* yang diterbitkan dalam tahun 1984.

Sehubungan dengan itu, beberapa tulisan dan laporan jurnalistik telah juga dirujuk. Satu daripadanya ialah yang dimuatkan dalam majalah mingguan *Asiaweek*, April 27 1984 di bawah tajuk, "UMNO's Young Challengers" yang antara lain, memerihalkan kemunculan beberapa orang tokoh muda dalam kepimpinan UMNO, termasuklah tiga nama tokoh yang diberikan perhatian istimewa dalam tulisan ini, iaitu Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Anwar Ibrahim dan Sanusi Junid. Seorang editor penulis tempatan, iaitu A.F. Yassin pernah mengulas perkembangan dan "kemosotan" pengaruh pergerakan ini dalam tulisannya, "Pemuda UMNO: Taringnya Semakin Tumpul" dalam majalah *Dewan Masyarakat*, Ogos, 1982. Membaca tulisan ini wajar juga dibandingkan dengan pandangan Datuk Seri Najib Tun A. Razak, ketua pergerakan ini sekarang sebagaimana yang dinyatakan dalam satu temu ramah dengannya oleh Noritah Sulaiman, "Siapa Kata Pemuda UMNO Hilang Taring?", yang dimuatkan dalam majalah *Mastika*, Julai 1989. Lihat juga sorotan mengenai kepimpinan beliau, "Pemuda UMNO di Era Najib", dalam majalah *Suara Pemuda* (Bil. 15, Julai 1991).

Juga majalah yang sama, keluaran Nov. 1991 terdapat satu tulisan oleh Mohamad Abror Nasution mengenai isu, "Pemuda UMNO sebagai parti dalam parti". Beberapa laporan akhbar mengenai persidangan tahunan Pemuda UMNO tahun 1992 yang dilangsungkan pada 4 Nov. 1992 juga dirujuk, khususnya yang berkaitan dengan pandangan "sindrom bisu" dalam pergerakan itu sejak beberapa waktu kebelakangan ini.

Nota: Tulisan ini telah dimuatkan dalam *Jurnal Alam Melayu*, Bil. 1, Jilid 1, April 1993, terbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ANWAR IBRAHIM: DARI POLITIK BELIA KE POLITIK UMNO

Pengenalan

Artikel ini telah dikemukakan dengan judul asal “Anwar Ibrahim: Dari Politik Belia ke Kancah Politik UMNO” dengan tujuan umumnya untuk membincangkan saling-kaitan tertentu antara gerakan belia dengan politik kepartian dengan meletakkan Anwar Ibrahim sebagai tokoh *centralnya*. Hal ini penting kerana dalam gerakan belia Malaysia sehingga ini, nama Anwar Ibrahim adalah jauh lebih menonjol dan mempunyai impak yang sudah diinstitusikan dengannya berbanding dengan ramai lagi tokoh dan pemimpin belia yang sezaman dengannya. Sementara dalam politik kepartian pula, khususnya dalam Parti UMNO, kehadiran beliau sebagai seorang pemimpin pelapis telah juga menimbulkan impak dan suasana tertentu dalam arena kuasa berkenaan, sama ada secara kebetulan mahupun yang dirancang sebegitu rupa, sehingga ia mempunyai rentetan peristiwa dan politiking tertentu terutamanya apabila menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti berkenaan. Bahkan menjelang pemilihan pucuk pimpinan tertinggi UMNO sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kehadiran beliau amatlah dirasakan dan menjadi perhatian yang cukup menarik.

Dalam hubungan ini, bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa dari perspektif dan kepentingan ilmiahnya pula, pemerihalannya mengenai seseorang tokoh yang masih hidup dan terdedah kepada berbagai-bagai kemungkinan dan perubahan itu sesungguhnya mempunyai risiko tertentu dari segi kewajaran ide yang dipaparkan mengenainya. Pemerihalannya menjadi tidak sesuai lagi dalam waktu yang cukup singkat semata-mata kerana terdapatnya perubahan pesat yang berlaku pada diri dan kedudukan politiknya, dan boleh juga disebabkan oleh perubahan luaran dirinya yang boleh menjejaskan atau mempertingkatkan status dan jawatan politiknya itu.

Segala kemungkinan demikian sememangnya disedari dan diberikan perhatian. Maka itu, oleh sebab artikel ini disiapkan pada bulan Julai 1993, maka adalah tidak adil untuk membuat apa-apa unjuran politik yang lebih jauh daripada itu walaupun sehingga bulan November 1993 kelak perebutan kerusi Majlis Tertinggi UMNO akan berlangsung dan tokoh yang dibincangkan ini menjadi salah satu watak politik yang cukup penting dalam proses persaingan tersebut.

Dalam pada itu, menarik untuk disebutkan di sini betapa daripada sekian banyak peranan yang boleh dimainkan oleh sesebuah parti politik hari ini, yang tampaknya semakin penting dan lebih berkesan ialah sebagai tempat dan alat untuk seseorang membentuk imej, personaliti dan ketokohnya sebagai pemimpin.¹ Dalam parti UMNO misalnya, ketokohan dan keterampilan seseorang tokoh dan pemimpinnya, secara tradisi, bermula dalam jawatankuasa atau kelompok kepemimpinan parti di peringkat paling bawah iaitu peringkat kampung dan desa; dan lama-kelamaannya, jika bernasib baik, akan meningkat tahap demi tahap sehingga imejnya menjadi cukup penting dan mendapat tempat di peringkat kebangsaan.

Sebagaimana yang dapat diperhatikan, bagaimanapun, sebilangan tokoh dan pemimpin hari ini berjaya membina imej politiknya daripada luar pertubuhan politik. Ia boleh jadi dijemput masuk kerana imej dan ketokohnya cukup gagah dan kukuh dalam kelompok ekonomi, atau kelompok agama, atau sesuatu

gerakan sosiopolitik seperti dalam gerakan belia, gerakan pengguna ataupun dalam bidang pentadbiran awam tertentu. Malahan dalam lingkungan dan kaitan kekeluargaan tertentu sekalipun sering terhasil penerusan kepimpinan daripada satu generasi kepada satu generasi yang bersifat pewarisan kuasa yang semula jadi, walaupun cara ini sering dianggap serong kerana mengandungi unsur nepotisme yang kurang disenangi. Namun cara ini juga bukanlah sesuatu yang luar biasa.

Tegasnya, proses rekrutmen sebagai pemimpin politik yang digelar sebagai *tokoh payung terjun* atau *parachute politician* ini telah terbentuk imejnya daripada kalangan *strategic elite* tertentu yang hanya menunggu ketika dan masanya sahaja yang dikira sesuai untuk dijemput dan dipelawa menyertai politik kepartian oleh pucuk pimpinan parti. Mereka ini rata-ratanya dibawa masuk atas tajaan dan naungan daripada pucuk pimpinan di atas iaitu berdasarkan kesetiaan, pengalaman, keyakinan, serta komitmen terhadap sesuatu matlamat perjuangan bersama sebagai satu kesatuan atau *pasukan moral*.² Pengalaman yang dilalui oleh Dr. Mahathir sebagai tokoh UMNO dalam buangan yang mendapat sokongan dan pentas PBMUM pimpinan Anwar Ibrahim untuk menyuarakan keyakinan politiknya kepada para mahasiswa dalam tahun 1970 di kampus Universiti Malaya adalah satu episod terbaik yang menyebabkan mudahnya Anwar mendapat tempat dalam UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir kemudiannya. Mereka berdua sekurang-kurangnya memperlihatkan ciri-ciri *political comradship* yang terjalin pada keyakinan dan kesatuan moral yang dimaksudkan ini.

Namun begitu, dalam masa yang sama, oleh sebab anggota lain yang disatukan atas kepentingan sebagai sebuah *pasukan kontrak* yang memungkinkan terhasilnya faedah dan manfaat daripada kegiatan politik yang disertai itu, hubungan politik itu bukan sahaja berkeadaan rapuh bahkan kesetiaan pada masing-masing pihak tidak kekal lama, malahan lebih mungkin sekadar sejauh mana faedah dan manfaat yang dapat dihasilkan itu sahaja. Demikianlah, dalam suasana penaungan daripada pucuk pimpinan yang sering dilakukan itu bagi memenuhi kepentingan tertentu yang

bersifat semasa, ia selalunya pula menimbulkan kegelisahan dan perasaan tidak puas hati di kalangan ahli dan pemimpin parti yang sedia ada. Ini lebih-lebih lagi disebabkan sebilangan mereka ini berjaya mencapai jawatan dan kedudukan yang lebih baik dalam kepimpinan parti dan kerajaan dalam masa yang relatif singkat kemudiannya. Dalam keadaan ini, tidaklah menghairankan bilamana mendapati mereka dikelilingi oleh sekian ramai musuh politik yang sentiasa berusaha mencari ruang kesalahan dan mengatur strategi untuk menjatuhkan mereka. Tetapi selagi pemimpin ini berupaya mendapat kepercayaan pucuk pimpinan dan berjaya memperlihatkan keberkesanannya sebagai pemimpin, maka lazimnya tidak ada apa-apa yang boleh menggugat kehadirannya dalam barisan kepimpinan parti.

Sehingga hari ini terdapat beberapa nama dalam parti-parti politik di negara ini, baik parti Melayu mahupun bukan Melayu, sebilangan nama tokoh dan pemimpin masing-masing yang boleh digolongkan sebagai tokoh payung terjun itu.³

Demikianlah, sebagaimana yang dibayangkan seimbias lalu di atas, salah seorang daripada tokoh yang berada dalam keadaan demikian ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim, seorang tokoh gerakan belia tahun-tahun 1970-an yang sejak memasuki UMNO dalam tahun 1982, mencapai peningkatan dan kedudukan dalam parti yang begitu cepat. Jawatan politiknya sekarang sebagai salah seorang daripada tiga orang Naib Presiden UMNO dengan kedudukannya dalam kerajaan sebagai Menteri Kewangan (sejak tahun 1991) menjadikan beliau tokoh politik yang sentiasa mendapat perhatian, baik daripada kalangan rakan dan bekas rakan seperjuangannya dalam gerakan belia mahupun tokoh lama dan yang sezaman dengannya dalam arena politik kepartian, sama ada di dalam mahupun di luar UMNO.

Proses Politik dan Gerakan Belia

Sejarah dan perkembangan gerakan belia (dan pelajar) di Malaysia telah memperlihatkan terdapatnya dua tahap politiking atau perebutan kuasa dan kedudukan pemimpinnya setakat ini.

Sebagaimana yang telah di perkatakan selama ini, satu-satunya tokoh terpenting dalam kedua-dua fasa ini ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim.⁴

Pertama, dalam akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an, iaitu yang berlaku dalam konteks perebutan kuasa Majlis Belia Malaysia (MBM) yang menjadi badan penyelaras induk organisasi gerakan belia. Pergeseran dan politik yang berlaku di peringkat ini adalah dalam menghadapi tindakan-tindakan tertentu kerajaan untuk menguasai dan seterusnya menentukan haluan gerakan belia agar tidak bersikap *anti-establishment* sebagai rentetan gerakan belia yang telah mencapai klimaknya dalam peristiwa Demonstrasi Baling-Pelajar-Belia, Disember 1974.

Pelaku-pelaku utamanya dewasa itu ialah Anwar Ibrahim (PKPIM/ABIM) yang dianggap mewakili golongan *anti-establishment*, Suhaimi Datuk Hj. Kamaruddin (Belia 4B) yang mewakili golongan belia *pro-establishment*, sementara organisasi belia yang lain khususnya Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang tidak menentu; sementara Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) yang dewasa itu beberapa tahun sahaja di bawah pimpinan Sanusi Junid (sehingga sekarang; beliau adalah juga seorang Naib Presiden UMNO dan menjawat Menteri Pertanian, sejak 1986) yang lebih banyak bertindak menjadi pendamai dan benteng yang penting dalam mempertahankan kewujudan MBM yang dirancang oleh kerajaan untuk digantikan dengan sebuah badan baru yang dinamakan sebagai Majlis Belia Kebangsaan (MBK).

Tahap kedua politik belia, yang lebih lama tempohnya, dapat disoroti sejak mulanya Parti UMNO berada di bawah pimpinan Dr. Mahathir, pada bulan Julai tahun 1981. Ia juga berkisar pada tokoh belia yang dianggap karismatik iaitu Anwar Ibrahim. Isu utama yang menjadi titik-tolak dalam hal ini ialah mengenai bagaimana sebuah organisasi parti dan kerajaan yang dipimpin oleh seseorang, seperti Dr. Mahathir, yang telah pernah dilabelkan sebagai tokoh *ultra* yang telah dipecat kerana bertindak mengkritik ketua parti dalam tahun 1969 dan berada di luar parti sehingga

tahun 1972, sebelum dibawa masuk ke dalam UMNO; dan dua tahun kemudiannya kembali bertanding dalam pilihan raya umum dan dilantik menjadi Menteri Pelajaran.

Penerimaan kembali Dr. Mahathir dan seterusnya kejayaan beliau menerajui parti terpenting di Malaysia itu merupakan suatu perubahan yang di luar jangkaan kerana UMNO seolah-olah tidak banyak mempunyai pilihan dalam meneruskan kepimpinannya ekoran kematian Allahyarham Tun Hj. Ab. Razak secara tiba-tiba pada awal tahun 1976. (Allahyarham) Tun Hussein Onn sendiri sewaktu mengumumkan bahawa Dr. Mahathir dilantik menjadi Timbalannya hanya mendoakan semoga pilihan yang dibuatnya itu "tepat dan mencapai kejayaan tertentu".⁵

Sebagai sebuah organisasi politik yang bersifat pragmatik – perjuangannya boleh disesuaikan dengan keperluan dan desakan semasa – kepimpinan Dr. Mahathir dalam UMNO ternyata mempunyai daya kepekaan tertentu selari dengan tuntutan dan pergolakan politik semasa. Di samping melahirkan beberapa dasar baru seperti *Dasar Pandang Ke Timur*, *Dasar Bersih*, *Cekap dan Amanah dalam Pentadbiran* dan seumpamanya, perubahan istimewa yang dilakukan oleh kepimpinan Dr. Mahathir ialah untuk menentukan *Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam* yang nampaknya sejajar dengan hala cara atau *world order* sejak tertubuhnya Republik Islam Iran dalam tahun 1979.

Salah satu tindakan strategik yang dilakukan ialah mempopularkan dan mengembangkan nilai-nilai keislaman dalam urusan pentadbiran negara, termasuklah yang dikatakan sebagai "*pengislaman UMNO*" itu sendiri dalam menghadapi saingan politik utamanya iaitu Parti PAS yang semakin popular sebagai organisasi politik Melayu yang sejak ditubuhkan sememangnya berlandaskan perjuangan Islam.⁶

Satu daripada kejayaan besar yang dicapai oleh Dr. Mahathir dalam hal ini ialah memenangi tokoh dan pemimpin gerakan belia yang terkemuka iaitu Anwar Ibrahim, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia, sebuah pertubuhan belia yang bergerak atas perjuangan Islam. Anwar telah meletakkan jawatannya sebagai

Presiden ABIM untuk memasuki UMNO dalam bulan April 1982; dan sehingga hari ini beliau dikatakan sebagai satu-satunya *Mahathir loyalist* yang cukup berpengaruh dalam kepimpinan UMNO dan kerajaan Barisan Nasional.⁷

Anwar ialah seorang tokoh dan pemimpin belia yang bukan sahaja terkemuka dan mencipta nama sebagai pemimpin yang berpotensi melalui Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) diikuti kemudiannya dengan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) sewaktu berada di kampus Universiti Malaya, bahkan kemudiannya, iaitu sejak tahun 1971, beliau bersama-sama beberapa orang rakan telah berusaha menubuhkan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan menjadi Setiausaha Penerangannya yang pertama.

Beliau sendiri pernah menjadi ahli jawatankuasa Majlis Belia Malaysia (MBM) sejak tahun 1969 dan malahan dua tahun kemudiannya menjadi Setiausaha Agung MBM, seterusnya menjadi Presiden organisasi belia kebangsaan berkenaan dalam tahun 1972. Pada awal tahun 1975, beliau telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atas pertuduhan penglibatannya, selaku Presiden MBM, dalam peristiwa demonstrasi Baling-Pelajar-belia, Disember 1974.

Peristiwa demonstrasi itu telah menyebabkan pihak kerajaan (melalui KKBS) berusaha untuk mewujudkan sebuah lagi badan gabungan belia kebangsaan yang dinamakan sebagai Majlis Belia Kebangsaan (MBK) buat menggantikan MBM itu. Salah satu pihak yang telah dilibatkan dalam "menerokai" pertubuhan yang baru ini ialah Belia 4B sendiri, di samping seorang dua pegawai di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta beberapa orang menteri besar sehingga MBK telah berjaya ditubuhkan di dua buah negeri iaitu Perak dan Melaka.

Usaha penubuhan MBK ini, bagaimanapun, telah gagal dan MBM yang dewasa itu di ambang keretakan dan perpecahan yang benar-benar mengancam hidup-matinya itu, telah dapat diselamatkan kerana masih terdapat pertubuhan belia yang bertindak secara

bijaksana dan rasional seperti MAYC di bawah pimpinan Sanusi Junid yang berusaha mempertahankan kewujudan MBM itu. Bagaimanapun, pucuk pimpinan MAYC kemudiannya menarik diri daripada bergabung dengan MBM di peringkat kebangsaan akibat tindakan MBM berlembut dan menerima kembali dengan *segala senang hati* semua pertubuhan belia yang pernah bertindak menarik diri daripada menjadi ahli gabungannya dalam krisis MBM – MBK tahun 1975 – 77 itu.

Badan-badan dan persatuan belia yang menjadi ahli gabungan dalam MAYC di peringkat negeri dan daerah, bagaimanapun, masih dibenarkan berada dalam badan-badan MBM di peringkat berkenaan; dan hal ini memang boleh berlaku dalam MAYC kerana sistem organisasinya yang berdasarkan “sistem gabungan” itu adalah lebih bebas daripada sistem cawangan yang terdapat pada kebanyakan pertubuhan belia yang lain.

Haruslah diperhatikan di sini bahawa tindakan MAYC ini merupakan kemuncak daripada sejarah “persaingan” tertentu antara MAYC dengan Belia 4B sendiri. Sebenarnya, sejak Belia 4B diusahakan penubuhannya oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1965/66 berdasarkan “kurang berkesannya MAYC” menangani kegiatan-kegiatan belia di luar bandar dewasa itu telah tercetus bibit-bibit tertentu yang memisahkan kedua-duanya. Ini lebih-lebih lagi kerana kedua-duanya memberikan tumpuan bentuk kegiatan sosioekonomi dan lokasi yang serupa sahaja. Maka itu, tindakan MAYC itu merupakan sebahagian daripada keretakan yang pernah menyelubungi pertubuhan belia selama ini. Dan dalam keadaan MAYC Kebangsaan masih lagi berada di luar MBM sehingga sekarang (Dis. 1992), tidak sukar untuk menyimpulkan di sini bahawa perpecahan dan persaingan, khususnya dari segi prinsip dan pengaruh organisasi, sebenarnya masih wujud dalam gerakan belia di negara ini.⁸

Impak Politik Atas Kehadiran Anwar Dalam UMNO

Kemasukan Anwar Ibrahim sememangnya menjadi satu titik-tolak penting kerajaan Barisan Nasional dan Parti UMNO khusus-

nya dalam menghadapi pilihan raya umum keenam (1982), kira-kira empat bulan selepas kemasukannya itu.

Sehubungan dengan ini bagaimanapun, tidak harus dinafikan bahawa kehadiran faktor Anwar dalam UMNO telah menimbulkan beberapa implikasi tertentu, khususnya dalam konteks penerusan dan kesinambungan politik parti terkanan itu. Mengingatkan Anwar atau yang sering dipanggil *Brother Anwar* adalah seorang tokoh yang diakui lawan dan rakan sebagai pejuang dan pemimpin gerakan belia yang jauh *mendahului* pengaruh dan kewibawaan rakan-rakan pemimpin belia yang lain pada zamannya, baik di dalam mahupun di luar kampus, kehadiran beliau dalam politik kepartian menimbulkan beberapa persoalan tertentu yang boleh dilihat dari tiga perspektif utama.⁹

Pertama dari perspektif harakah Islamiah dan kebangkitan Islam khususnya melalui ABIM dan organisasi setaraf. Beberapa orang tokoh tertentu yang pernah terlibat dalam kepimpinan dan kebangunan harakah ini seperti Fadzil Noor, Nakhaie Hj. Ahmad, Abd. Hadi Awang dan beberapa yang lain telah meninggalkan gelanggang belia dan berkecimpung dalam kepimpinan Parti PAS. Nakhaie, bagaimanapun, meninggalkan jawatan naib presiden PAS dan memasuki UMNO dalam tahun 1988 dan pada akhir tahun 1991 telah dilantik menjadi Timbalan Ketua Penerangan UMNO. Kehadirannya Anwar dalam UMNO, sama ada sebagai seorang ahli politik atau sebagai pemimpin UMNO dan seterusnya sebagai menteri sentiasa mendapat perhatian pihak PAS.

Sehubungan dengan itu, "Brother Anwar" juga dijangka berhadapan dengan kelompok rakan seperjuangannya dalam harakah Islamiah atau mereka yang komited dan prihatin terhadap gerakan Islam tahun 1970-an dahulu. Di sebalik terdapatnya beberapa kelompok dakwah seperti Tabligh dan Al-Arqam yang mempunyai ciri pergerakannya yang agak berbeza, namun melalui ABIM yang diasas dan dipimpinnya sebelum memasuki parti UMNO itu, Anwar berhadapan dengan saingan politiknya iaitu PAS. Lebih malang lagi dalam hal ini ialah integrasi tenaga dakwah itu yang tidak pernah disatukan sebagai tenaga tunggal untuk mencapai

cita-cita perjuangan Islamiah mungkin menyulitkan seseorang tokoh, termasuk Anwar sendiri, untuk mencapai hasrat perjuangan asalnya itu.

Hal kedua yang menjadi rintangan tertentu bagi Anwar dalam hal ini ialah *status-quo* dalam UMNO sendiri, baik yang berupa generasi pemimpin muda yang sebaya dengannya mahupun pemimpin-pemimpin lama yang masih kukuh pengaruh dan kedudukan politiknya dalam Parti UMNO dan dalam Kerajaan. Sebagai seorang tokoh baru, yang sememangnya dinaungi oleh Presiden parti, imej dan kemajuan kerjaya politik dan kerajaan Anwar memang ketara kepesatannya. Namun dalam masa yang sama, beliau yang masih dilabelkan sebagai *orang luar* UMNO selama ini sentiasa menjadi pusat perhatian, bandingan dan ukuran sehingga ada yang menyusahkannya sendiri semata-mata kerana merasakan mereka lebih lama berada dalam parti dan berasa tersisih oleh kehadirannya itu.

Dalam konteks politik UMNO secara khusus, kehadiran beliau dianggap mengancam kemungkinan dan peluang tokoh lain yang sebaya dengannya yang "jauh lebih lama" dan "mimpikan" jawatan atau kedudukan yang lebih berwibawa dengan menduduki kerusi dan jawatan penting dalam UMNO dan kerajaan. Hal ini menjadi lebih menarik lagi bilamana dengan kehadirannya itu, beliau pertama-tamanya telah menjadi pencabar kepada Datuk Haji Suhaimi yang ketika itu menjawat Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.¹⁰

Bagi mereka berdua, pertandingan pada tahun 1982 sebenarnya "mengulangi" rentetan persaingan antara kedua-duanya dalam Majlis Belia Malaysia, khususnya dalam tempoh 1975 – 76 bilamana Gerakan Belia 4B pimpinan Datuk Hj. Suhaimi terlibat dalam usaha menggantikan MBM dengan sebuah Majlis Belia Kebangsaan (MBK) yang lebih berkedudukan *pro-establishment* itu.

Sementara itu, dalam pemilihan kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO tahun 1984, sekali lagi berlakunya pertandingan antara Datuk Hj. Suhaimi yang kali ini menjadi *outsider* dengan Anwar Ibrahim untuk mempertahankan jawatan berkenaan.¹¹

Di samping itu, faktor Anwar juga sebenarnya menimbulkan implikasi politik tertentu yang boleh dilihat dalam konteks kepimpinan UMNO di negeri Pulau Pinang, negeri asalnya itu. Yang lebih istimewa dalam hal ini ialah beliau secara langsung berhadapan dan bersaing dengan Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang telah pun menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang sesudah meletakkan jawatan awam dan memasuki politik dalam pilihan raya umum tahun 1978, bertanding di kawasan undi Kepala Batas, Seberang Perai.

Isu dan masalah ketiga yang dikira berbangkit daripada kehadiran *Pak Sheikh*, satu lagi nama lain baginya, dalam kepimpinan UMNO itu ialah ia menyaingi tokoh tertentu dari Pulau Pinang, khususnya, dan negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia, umumnya, iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Dalam hubungan ini, tokoh yang pertama merasakan gugatan dan saingannya ialah Datuk Abdullah Ahmad Badawi, juga salah seorang Naib Presiden UMNO dan sekarang berjawatan Menteri Luar.¹²

Selain imej famili dan pendidikan keagamaan pada bapanya di Seberang Perai, ternyata bahawa kekuatan Datuk Abdullah Badawi dari segi pergerakan belia, khususnya daripada kalangan tokoh GPMS, juga didasarkan pada pangalaman pentadbiran awam beliau dalam urusan belia sewaktu berada di KKBS. Kalau dibandingkan dengan Anwar, ternyatalah bahawa pengalaman dan kedudukan dalam belia "memisahkan" mereka: Anwar sebagai aktivis; Datuk Abdullah pentadbir belia.

Implikasi yang kedua dan ketiga atas kehadiran Brother Anwar dalam UMNO itu sememangnya menjadi satu isu penting kerana banyak pihak dalam UMNO sendiri malahannya, menganggap hal tersebut sebagai suatu "bebanan" kepada Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri. Ertinya beliau menimbulkan kedengkian dan rasa kurang senang di kalangan sebilangan tokoh UMNO yang merasakan dan mendapati bahawa mereka menjadi semakin tersisih daripada Presiden parti; dan hal ini dikatakan telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan Dr. Mahathir sendiri ditentang dalam pemilihan pucuk pimpinan parti dalam tahun 1987 itu.¹³

Di Pulau Pinang, beliau secara langsung berhadapan dengan Abdullah Hj. Ahmad Badawi dalam konteks UMNO negeri Pulau Pinang. Sebagai dua orang tokoh utama dalam perhubungan UMNO negeri berkenaan, salah seorang menjadi alternatif kepada yang seorang lagi. Hal ini berlaku bilamana Anwar Ibrahim telah dilantik menggantikan Abdullah Badawi ekoran daripada peristiwa perebutan pucuk pimpinan UMNO 1987. Abdullah Badawi *mendapati dirinya* berada dalam kem yang diketuai oleh Tengku Razaleigh, yang menjadi saingan kepada kem Dr. Mahathir. Di sebalik kemenangannya sebagai salah seorang Naib Presiden parti, kedudukan Abdullah Badawi sebagai Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang telah digantikan oleh Anwar, yang juga memenangi kerusi Naib Presiden parti, sesudah mengosongkan kerusi Ketua Pergerakan Pemuda.

Tanggapan Terhadap Imej Politik Anwar

Sejak mula Anwar memasuki UMNO, beliau disifatkan sebagai "seekor kambing yang terlepas daripada kumpulan dan bakal menjadi mangsa sang singa". Pepatah Arab ini telah digunakan oleh sebilangan rakan beliau yang kurang berpuas hati dengan tindakannya memasuki UMNO, dan bukannya memasuki PAS sebagaimana yang kelihatan tidak banyak berbeza dengan perjuangan Islamiah dalam ABIM selama ini. Tanggapan ini jelas memperlihatkan kebimbangan bahawa tokoh belia ini akan "hanyut" dan dibawa arus sekular UMNO yang akan mengabui pandangan dan komitmen perjuangannya selama ini. Hal ini telah dinafikan berulang kali oleh Anwar dalam beberapa temuramah dengan media massa. Beliau masih berpegang pada kesedaran dan keyakinan terhadap perjuangannya dalam ABIM. Soal keadilan, kesaksamaan dan kebajikan ummah itu tetap menjadi pegangannya.

Demikianlah, hal ini diusahakannya dengan menubuhkan Yayasan Gerak Bakti (YBK) Pemuda UMNO di bawah pimpinannya yang bertujuan memerangi kemiskinan dalam masyarakat. Demikian juga dalam beberapa waktu kebelakangan ini, dengan jawatan Menteri Kewangan yang disandanginya itu, Anwar telah

berusaha menyediakan peruntukan yang jutaan ringgit nilainya untuk membolehkan golongan termiskin memiliki sijil-sijil Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang didakwa oleh seorang penulis buku politik popular Malaysia, dengan jawatan Menteri Kewangan itu:

... Nampaknya golongan ABIM yang mahu Anwar memperjuangkan Islam sejati dalam parti politik gagal mendapat simpati tokoh ini. Akibatnya Anwar kini dikelilingi oleh parasit-parasit yang ingin mencari kesempatan untuk mencari kekayaan, jawatan pengarah dalam berbagai syarikat korporat, kenaikan pangkat dalam kementerian dan juga mendapatkan saham untuk Bumiputera yang diagih-agihkan oleh Kementerian Kewangan...¹⁴

Bukan itu sahaja sebenarnya. Beberapa buah buku politik popular¹⁵ yang telah dikemukakan oleh beberapa orang penulis menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1990 sehingga hari ini hampir tidak ada sebuah pun yang berminat untuk memberikan sanjungan kepadanya. Dengan kedudukan dan jawatan politik serta kerajaan yang disandangnya sekarang, beliau diperihalkan sebagai seorang tokoh yang sudah jauh berbeza dan lari daripada idealisme perjuangannya selamanya. Bukan itu sahaja. Gaya hidup, cara berpakaian dan pergaulannya juga dikatakan sudah jauh berbeza; dan malahan telah ditohmahkan dengan beberapa skandal tertentu, terutamanya yang melibatkan dengan tokoh-tokoh korporat, termasuk kawalan dan hak milik penerbitan akhbar.¹⁶

Lebih daripada itu, kedudukan beliau sebagai Menteri Kewangan itu sendiri sering dianggap amat tidak wajar memandangkan kelulusan akademiknya sama sekali tidak berkaitan dengan bidang berkenaan.¹⁷

Anwar Ibrahim dan UMNO: Sekarang dan Akan Datang

Satu perkara yang banyak diberikan perhatian dalam memperihalkan kesinambungan dan corak kepimpinan UMNO pada masa

hadapan adalah tentang sejauh manakah mantapnya pengaruh politik Anwar Ibrahim itu sendiri. Ini lebih-lebih lagi dalam pemilihan pucuk pimpinan parti dalam bulan November, 1993 ini, terutama mengingatkan bahawa Dr. Mahathir dan Encik Ghafar "semakin tua" dengan usia masing-masing sudah mencecah 68 tahun.¹⁸

Sebenarnya banyak pihak melihat bahawa hubungannya yang rapat dengan Perdana Menteri sejak tahun 1970-an itu dan diberi kepercayaan untuk menerajui dua buah kementerian utama iaitu Kementerian Pendidikan (1987 – 91) dan sekarang ini Kementerian Kewangan (sejak 1991), beliau seolah-olah diberi pendedahan serta peluang bersiap sedia untuk menerajui negara dalam masa yang tidak begitu lama lagi.

Banyak pihak, dengan demikian, telah menjangkakan bahawa beliaulah yang paling layak bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia sama ada selepas Dr. Mahathir ataupun selepas Encik Ghafar. Dan memandangkan rekod-rekod politiknya, baik dalam konteks belia mahupun imej politiknya di peringkat antarabangsa dan dalam UMNO sendiri, Anwar Ibrahim yang sekarang ini berusia 44 tahun dikira tokoh yang sesuai daripada kalangan tokoh UMNO yang ada hari ini untuk meneruskan kepimpinan dan wawasan sosiopolitik yang sedang dilaksanakan di bawah pimpinan Dr. Mahathir sekarang.

Hal ini menyebabkan timbulnya tohmahan tertentu, yang sama ada dirancang ataupun sebaliknya, yang mengatakan wujudnya semacam suatu persaingan antara Encik Ghafar selaku Timbalan Presiden parti dengan Anwar Ibrahim menjelang pemilihan UMNO 1993 ini. Sungguhpun kemungkinan ini telah dinafikan sendiri oleh Anwar,¹⁹ sehingga tulisan ini disiapkan, persiapan ke arah pemilihan tersebut masih lagi berjalan dan penamaan calon masih belum dilakukan secara rasmi. Dan kerana itu, penafian Anwar masih belum muktamad; ia masih terbuka untuk dilakukan sebaliknya.

Namun di sebaliknya, dan yang mungkin lebih penting untuk diberikan perhatian ialah keprihatinan banyak pihak terhadap prestasi dan kehadiran *Dr. Mahathir blue-eyed boy* ini dalam

barisan kepimpinan UMNO sekarang. Beberapa kekurangan, kelemahan, kurang sabar dan gelagat orang-orang sekeliling beliau yang pernah disebutkan oleh Marina Yusof (1990) sebagai, *...those who can't wait to see him (Dr. Mahathir) go so that they can take his place, the most obvious being Anwar Ibrahim...*²⁰

Segalanya ini dikira menjadi perkara penting yang akan dijawab dan ditentukan oleh para perwakilan UMNO tahun 1993 yang akan memilih pucuk pimpinan parti dalam perhimpunan mereka dalam bulan November nanti.

Penutup

Sebagai penutup bagi perbincangan ini, wajarlah disebutkan bahawa sebagai seorang pemimpin dan tokoh yang selamanya merupakan seorang pejuang, tidak ada yang luar biasa bagi Anwar dalam menghadapi segala kerenah politik dalam UMNO. Barangkali tidak ada sesiapa pun yang menafikan label yang diletakkan padanya sebagai satu-satunya *Mahathir loyalist* atau sebagai *Mahathir's blue-eyed boy*. Yang penting ialah biarpun kehadiran dan pengaruhnya dalam UMNO dan kerajaan dimaklumi sebagai hasil tajaan dan naungan oleh keluarga dan juga pucuk pimpinan tertinggi parti, tetapi yang lebih penting daripada itu ia juga bergantung pada rekod perjuangannya selama ini yang masih menunjukkan beliau adalah seorang tokoh yang tahan ujian dan berjaya menangani banyak konflik dan saingan daripada lawannya satu demi satu. Keupayaannya berpidato yang tidak sesiapa pun menafikan betapa memukau, sudah cukup untuk memikat para pendengar dan meletakkannya sebagai tokoh yang dikira berpengalaman dan menyenangkan hati. Inilah kelebihan dan keistimewaan yang ada padanya sebagai seorang pemimpin selama ini, baik dalam konteks gerakan belia mahupun dalam menghadapi kritikan bekas rakan gerakan belia yang sebilangannya berada dalam barisan parti lawan atau daripada pengkritik dan pemedato dalam setiap kali perhimpunan agung UMNO diadakan.

Namun, sebagaimana yang disebutkan, oleh sebab arena politik itu dikelilingi oleh pasukan kontrak yang lebih lentur

sifatnya, imej UMNO Anwar sentiasa dibayangi oleh pandangan yang dingin dan negatif daripada kalangan pesaing politiknya, lebih-lebih lagi dalam UMNO sendiri. Begitu banyak pihak yang berusaha mencari kelemahan dan kekurangannya, baik dalam parti mahupun dalam kerajaan; dan lebih daripada itu, imej *anti-establishment* gerakan belia yang ada padanya itu masih terlekat padanya sehingga sering pula membatasi imej kepimpinan generasi baru yang sedang dibangunkan dalam UMNO. Demikianlah Anwar Ibrahim yang pernah diibaratkan sebagai seekor kambing yang bakal dibaham oleh serigala bilamana meninggalkan ABIM untuk memasuki gelanggang politik UMNO itu ternyata masih berupaya untuk memperlihatkan bahawa ketokohan dan kehadirannya dalam UMNO dan kerajaan itu sentiasa mendapat perhatian, dicemburui dan sentiasa dinilai oleh lawan dan kawan.

Epilog

Anwar Ibrahim telah mencapai kemenangan besar mengalahkan En. Ghafar Baba dengan tanpa bertanding sesudah sokongan lebih daripada 95% Bahagian UMNO berpihak padanya. Dengan mendapat penamaan daripada lima Bahagian, Encik Ghafar telah mengundurkan diri daripada jawatan timbalan presiden parti dan seterusnya meletakkan jawatan menjelang perhimpunan dan mesyuarat agung tahunan pada tahun 1993.

Dengan mencapai kemenangan yang luar biasa dan dikukuhkan lagi oleh faktor teknikal undi bonus bagi seseorang calon timbalan presiden (dan juga bagi jawatan presiden), Anwar telah dimahkotakan sebagai pemimpin kedua tertinggi UMNO. Dengan kedudukannya itu, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri mulai 1 Dis. 1993.

Dalam pemilihan tahun 1993 itu, Anwar telah dijadikan *rallying point* bagi Kumpulan Wawasan iaitu kumpulan longgar yang terdiri daripada beberapa orang tokoh muda UMNO seperti Abdul Rahim Thamby Chik, Ketua Menteri Melaka yang bertanding bagi jawatan ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Dalam kumpulan ini juga terdapat Tan Sri Muhammad Hj. Muhd. Taib,

Menteri Besar Selangor, juga Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abd. Razak, Menteri Pertahanan. Demikian juga Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Johor.

Keempat-empat tokoh ini telah berjaya memenangi kerusi yang mereka tandingi. Tan Sri Abdul Rahim memenangi kerusi Ketua Pergerakan Pemuda; Tan Sri Muhyidin, Datuk Seri Mohd. Najib dan Tan Sri Muhammad Hj. Muhd. Taib pula memenangi kerusi naib presiden.

Antara yang gagal mempertahankan kerusi yang mereka sandang dalam pemilihan tahun 1993 itu Datuk Abdullah Ahmad Badawi (Menteri Luar) dan Datuk Seri Sanusi Junid (Menteri Pertanian).

Sehingga pertengahan tahun 1994, perkembangan yang istimewa dalam politik UMNO adalah dalam konteks pengembangannya ke Sabah. Ekoran pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah yang diadakan dalam bulan Mac 1994, Parti PBS telah berjaya mempertahankan kedudukannya. Namun, kehadiran UMNO dalam politik Sabah akhirnya mengancam kewibawaan dan pengaruh Parti PBS. Akhirnya PBS telah ditinggalkan dan sebilangan tokoh politik Melayu-Islam negeri Sabah telah menganggotai UMNO, sementara sebilangan yang lain menubuhkan parti yang baru. Dalam bulan April 1994, kerajaan baru Sabah yang diketuai oleh UMNO telah berjaya ditubuhkan, menggantikan kerajaan PBS pimpinan Datuk Joseph Pairin.

Walau bagaimanapun, peristiwa pahit yang dialami UMNO bermula dalam pertengahan bulan Ogos 1994 bilamana Tan Sri Abd. Rahim, Ketua Pergerakan Pemuda telah dikatakan terlibat dalam satu skandal seks dengan seorang gadis bawah umur. Tomahan tersebut telah menyebabkan kira-kira sebulan kemudiannya Tan Sri Rahim mengundurkan diri sebagai Ketua Menteri Melaka dan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO diambil alih oleh timbalannya, Datuk Nazri Tan Sri Aziz.

Peristiwa ini merupakan perpecahan pada Kumpulan Gagasan yang sememangnya longgar dan bersifat sementara itu. Sungguhpun perkembangan ini pada zahirnya tidak banyak menjejaskan

kedudukan Anwar Ibrahim, namun ia dikira menyebabkan imej beliau sebagai seorang tokoh perjuangan Islam kurang disenangi.

Dalam tahun 1995, perkembangan penting yang berlaku ialah pilihan raya umum bagi menubuhkan penggal kesepuluh Parlimen Malaysia. Kawasan undi Parlimen telah bertambah daripada 180 menjadi 192. Pilihan raya yang diadakan pada 24 - 25 April 1995 itu telah menghasilkan kemenangan yang begitu besar kepada BN - BN memenangi 162 kerusi.

Kemenangan BN yang besar ini memperlihatkan keyakinan majoriti penguudi pada kepimpinan UMNO yang diterajui oleh Dr. Mahathir dan dibantu oleh Anwar Ibrahim. Kedua-dua mereka telah diberikan kepercayaan untuk terus menerajui parti bilamana Perhimpunan Agung UMNO pada November 1995 bersetuju supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak ditandingi dalam pemilihan yang akan diadakan dalam tahun 1996. Ini bermakna kedua-dua mereka diberikan mandat memimpin UMNO sehingga tahun 1999. Keputusan perhimpunan UMNO ini bertujuan mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya perpecahan dalam parti sebagaimana yang dialami dalam tahun 1987 - 88.

Perhimpunan agung dan pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1996 telah menyaksikan perubahan-perubahan tertentu dalam barisan Pasukan Wawasan, dan seterusnya dalam Pergerakan Pemuda dan juga Wanitanya. Pemilihan yang berlangsung pada 9 hingga 12 Oktober itu memberikan kemenangan pada Datuk Mohd. Zaid Hamidi dengan mengalahkan penyandangannya Tan Seri Ab. Rahim Tambi Chik, bekas Ketua Menteri Melaka. Sementara Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Menteri Kesihatan pula telah berjaya merampas kerusi Ketua Pergerakan Wanita daripada tangan Datuk Seri Rafiah Aziz, Menteri Perusahaan dan Perdagangan Antarabangsa yang telah memimpin pergerakan kaum ibu itu sejak 12 tahun lalu.

Sungguhpun Datuk Ahmad Zaid adalah tokoh dalaman yang sejak dua penggal lalu memegang jawatan Ketua Penerangan pergerakan itu sendiri, namun sebilangan pemerhati politik melihat bahawa perkembangan berkenaan adalah sejajar dengan gesaan

Anwar Ibrahim, selaku Timbalan Presiden parti yang dalam ucapan perasmian persidangan telah memprojeikkan imej bersih dan politik bermoral dalam Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO. Selaku bekas Setiausaha Politik kepada Datuk Mohd. Najib, banyak pihak beranggapan bahawa kehadiran Datuk Ahmad Zaid Hamidi yang secara automatik menduduki kerusi Naib Presiden parti atas jawatannya dalam pergerakan pemuda itu lebih banyak menguntungkan bekas ketua lamanya itu daripada misalnya kepada tokoh-tokoh yang lain, termasuk Anwar Ibrahim sendiri.

Sementara itu bagaimanapun isu terpenting yang telah diberikan perhatian dalam seluruh persidangan UMNO 1996 itu ialah usaha menghapuskan politik wang. Ucapan Dr. Mahathir selaku Presiden parti yang bertemakan 'Pemimpin dan Kepimpinan' yang diakhiri dengan sedu sedan sebak dada yang mengharapka n wujudnya kesedaran ahli parti terhadap keburukan dan ancaman penggunaan wang dan rasuah politik dalam mendapatkan sokongan dan meraih kemenangan dalam pertandingan meebut kuasa dan jawatan dalam parti. Usaha pembenterasan perilaku politik mungkar kali ini nampaknya benar-benar dilakukan. Ianya bermula dengan pembatalan pencalonan 6 orang calon yang didapati oleh Jawatan-kuasa disiplin parti, yang dipengerusikan oleh Anwar selaku Timbalan Presiden, merupakan amaran keras dalam usaha menghapuskan ledakan dan ancaman wang dan rasuah politik itu. Dua daripada tokoh yang terlibat itu dimaklumi umum sebagai penyokong kuat Anwar sendiri.

Lebih daripada itu, pertandingan kali ini juga menyaksikan kembalinya Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang dimaklumi dan dilabelkan oleh presiden parti sendiri sebagai 'Mr. Clean' untuk menduduki kerusi Naib Presiden yang gagal dipertahankannya dalam pemilihan tahun 1993 lalu. Ada pihak yang beranggapan bahawa kemenangan Datuk Abdullah ini merupakan amaran awal kepada masa depan politik Anwar Ibrahim sendiri, khususnya menjelangnya pemilihan pucuk pimpinan UMNO dalam tahun 1999 kelak.

Dalam masa yang sama, Anwar juga dikira masih boleh

tergugat dan masa depan politiknya belum dikira selamat sepenuhnya bilamana mengingatkan bahawa tiga hari sebelum persidangan UMNO itu berlangsung, Parti Melayu Semangat 46 telah dibubarkan dan Tengku Razaleigh Hamzah serta tokoh-tokoh yang pernah berada dalam UMNO sebelum tersisih dan terlibat dalam parti serpihan UMNO itu, telah diterima kembali menjadi ahli UMNO secara *en-block*.

Memang benar bahawa Tengku Razaleigh kembali ke dalam UMNO masih sebagai ahli biasa parti. Beliau tidak mengharapkan apa-apa kedudukan dan jawatan baik dalam parti mahupun dalam kerajaan sebagai pertaruhan dan balasan atas kepulangan politiknya itu. Namun beberapa pihak telah meramalkan bahawa sekiranya tidak ada perubahan yang mendadak dalam beberapa waktu yang akan datang, beliau sebenarnya masih ada banyak masa untuk mempersiapkan diri dan berusaha kembali untuk merebut jawatan dalam UMNO sebagaimana yang pernah diharunginya di masa-masa lalu.

Perkembangan terbaru ini merupakan sebahagian daripada faktor yang menentukan masa depan politik dan kedudukan Anwar Ibrahim dalam kepimpinan UMNO dan kerajaan. Dalam pemilihan tahun 1996 ini beliau dan juga Presiden parti, tidaklah ditandingi; tetapi sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Mahathir sendiri dalam temuramah dengan media massa sewaktu persidangan itu, bahawa proses pertandingan yang biasa boleh sahaja diadakan dalam pemilihan pucuk pimpinan parti di masa-masa hadapan.

Semuanya ini merupakan beberapa cabaran yang perlu ditangani oleh Anwar Ibrahim sendiri sekiranya beliau ingin mempersiapkan diri menjadi pengganti kepada Dr. Mahathir sebagai ketua parti dan ketua kerajaan dalam beberapa tahun yang akan datang.

Barangkali masih banyak lagi perkembangan dan peristiwa yang akan berlaku yang boleh menimbulkan implikasi tertentu terhadap masa depan kedudukan dan jawatan politik Anwar sendiri.

Rujukan

- 1 Antara perbincangan yang menarik mengenai peranan parti politik dan kaitannya dengan masalah kepimpinan, kewujudan konsep "Inner circle" dan seterusnya "politik naungan" ialah yang dikemukakan oleh Maurice Duverger, *Political Parties: Their Organization and Activity in the Modern State*, (trans.), Bab III, London: Methuen & Co. Ltd, reprinted 1967, hal. 133 - 204. Lihat juga perbincangan umum mengenai isu ini oleh Chandra Muzaffar, *Protector?*, Penang: Aliran Publications: 1976 (diterjemahkan sebagai *Pelindung?*, 1992); dan juga Aminuddin Mohd. Yusof, *Kepimpinan*, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 1990.
- 2 Perbincangan lanjut atas kerangka teori permainan politik yang menjurus pada terbentuknya pasukan atau ikatan moral dan lawannya, pasukan kontrak, telah dikemukakan oleh F.G. Bailey, seorang sarjana dalam bidang Antropologi Politik dalam kajiannya mengenai kehidupan politik Mafia di Amerika dalam bukunya, *Strategems and Spoils: A Social Anthropology of Politics*, N. York: Schocken, 1969.
- 3 Konsep ini dipakai secara longgar untuk menunjukkan bahawa keterlibatan aktif seseorang dalam barisan kepimpinan sesebuah parti politik itu bermula daripada "atas", didatangkan atau atas jemputan dan pelawaan pemimpin utama parti. Individu yang terlibat itu dengan demikian menjadi "tokoh nasional" terlebih dahulu dengan memegang jawatan politik tertentu di peringkat kebangsaan; dan hanya beberapa waktu kemudiannya sahaja berpeluang untuk menjadi pemimpin atau ketua parti di peringkat sesebuah bahagian atau kawasan undi pilihan raya. Lihat beberapa sorotan menarik mengenai isu ini dan yang ada kaitannya dengan penglibatan Anwar dalam UMNO. Antaranya "UMNO's Young Challengers", *Asiaweek*, April 27, 1984; juga satu tulisan Maria Samad, "A Top Government Man in Just 4 Years", *The Star*, 22 May 1986; dan juga sorotan berita, "Premiers in Waiting", *Asiaweek*, July 19, 1991.
- 4 Saya sendiri pernah melakukan kajian tertentu mengenai gerakan belia di Malaysia, dan kebetulan sekali menyentuh tokoh berkenaan. Lihat: Hussain Mohamed, *Gerakan Belia di Malaysia*, K. Lumpur: Gateway Publications, 1986. Lihat juga antara lain, Mohamed Abu Bakar, *Mahasiswa Menggugat*, K. Lumpur: Pustaka Antara, 1973; dan sebuah biografi oleh J. Victor Morais, *Anwar Ibrahim: Resolute in Leadership*, K. Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd., 1983.
- 5 Ulasan tertentu mengenai hal ini dilakukan oleh beberapa orang wartawan politik, dan satu daripadanya disebutkan sebagai, "Hussein puts his faith in Mahathir", *Far Eastern Economic Review*, March 19, 1976.
- 6 Lihat perbincangan lanjut mengenai hal ini oleh Diane K. Mauzy & R.S. Milne, "The Mahathir Administration: Discipline through Islam", *Pacific Affairs*, Vol. 56, No. 4 (Winter 1983/84), hal. 617 - 648. Lihat juga, Judith Nagata, "Islamic Revival and the Problems of Legitimacy among Rural

- Religious Elites in Malaysia", *Man*, Vol. 17 (1982), hal. 43 - 57. Perbincangan yang lebih terkini mengenai hal-hal ini telah dilakukan misalnya oleh Khoo Kay Jin, "The grand vision: Mahathir and Modernization" dalam Joel Kahn & Francis Loh (eds), *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, Sydney: Allen & Unwin, 1992.
- 7 Lihat laporan dan pemerihal awal mengenai perkembangan politik menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1993 dalam *Far Eastern Economic Review*, July 15, 1993. Lihat juga hasil temubual dengannya pada awal tahun 1983 sebagaimana yang dimuatkan oleh Tan Chee Khoo dalam bukunya, *Malaysia Today: Without Fear or Favour*, Raj Vasil (ed), P. Jaya: Pelanduk Publications, 1985, hal. 177 - 181. Lihat juga fokus bulanan dan tulisan Alias Hashim mengenai: "Anwar: Pemimpin Serba Boleh", *Suara Pemuda*, Bil. 18, Terbitan Biro Penyelidikan dan Penerbitan, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Feb/Mac 1991.
 - 8 Lihat: Hussain Mohamed, op. cit. (1986). Berhubung dengan isu perpecahan ini, khususnya sekitar tahun 1970-an, boleh dirujuk pada tulisan tertentu yang lain, antaranya oleh Mahmud Kitom, "Percaturan Politik Belia Mengancam Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN)", *Dailog*, Edisi 1, Bil. 2, Sept. 1976, hal. 12 - 17; Lihat juga Chamil Wariya, *UMNO (Baru): Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*, K. Lumpur: K. Publishing & Distributors Sdn. Bhd., 1988, terutama hal. 68 - 75.
 - 9 Lihat perbincangan lanjut yang telah saya lakukan mengenai hal ini, op. cit. (1986), hal. 240 - 241. Saya juga ada menyentuh sedikit mengenai hal ini dalam tulisan saya, "Pergerakan Pemuda UMNO: Beberapa Catatan Mengenai Kepedulianannya", *Alam Melayu*, Jilid 1 Bil. 1, April 1993, *Jurnal Terbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya*, K. Lumpur, hal. 30 - 42; juga Chamil Wariya (1988), op. cit.
 - 10 Lihat perbincangan lanjut mengenai isu ini oleh Subky Latif & Chamil Wariya, *Dilema Pemuda UMNO* (edisi baru), P. Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd., 1985, hal. 126 - 156. Lihat juga *Malaysian Business*, June 16, 1986.
 - 11 Lihat sorotan akhbar mengenai hal ini oleh N.V. Raman & Zainal Epi, "Outsider Suhaimi vs. the establishment", *The Star*, 11 April 1984; Lihat juga perbincangan oleh Aminuddin Mohd. Yusof & Mohd. Ali Kamaruddin, *Kepimpinan Pemuda UMNO*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.
 - 12 Lihat antaranya, hasil temuramah dengan Datuk Abdullah Badawi yang disiarkan dalam *Malaysian Business*, 16 April 1987. Lihat laporan *Malaysian Business*, 16 - 31 Dec. 1989. Seterusnya lihat juga beberapa ulasan dan sorotan berita dalam beberapa buah buku politik popular, antaranya oleh Mohd. Sayuti Omar, *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti* (1990) dan juga *Antara Anwar, Dollah dan Sanusi: Tuhan Pilih Siapa?* (Mei 1992). Seorang lagi penulis lain iaitu Zakry Abadi juga telah

menyoroti hal ini melalui bukunya, *Kualiti Kepimpinan* (1991) dan juga *Mengapa Anwar?* (1993).

- 13 Lihat Laporan temuramah dengan Dr. Mahathir dalam *Malaysian Business*, Jan. 1, 1989. Lihat juga tulisan Marina Yusof, *Time for Change*, K. Lumpur: The Champ Sdn. Bhd. 1990.
- 14 Dipetik daripada Yahaya Ismail, *Anwar Ibrahim: Antara Nawaitu dan Pesta Boria*, K. Lumpur: Dinamika Kreatif, 1993, hal. 47.
- 15 Antara buku popular yang ditulis oleh penulis-wartawan politik tempatan dalam bahasa Melayu setakat ini berkenaan dengan Anwar Ibrahim ialah oleh Mohd. Sayuti Omar dan juga oleh Zakry Abadi (Lihat nota no. 12 di atas). Selain itu, seorang bekas aktivis pelajar dan pernah menjadi wartawan akhbar *Harakah* yang diterbitkan oleh Lujnah Penerangan Parti PAS ialah Ahmad Lutfi Othman melalui bukunya, *Anwar Lawan Ghafar?*. Buku yang setebal 437 halaman ini memuatkan berbagai-bagai sorotan dan tulisan mengenai pergolakan UMNO dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dan yang berkenaan dengan Anwar Ibrahim khususnya. Sama sebagaimana buku Ahmad Lutfi yang diterbitkan pada awal tahun 1993 itu, seorang lagi penulis iaitu Yahaya Ismail (lihat nota no. 14) turut membuat sorotan terhadap penglibatan Anwar Ibrahim dalam UMNO dan kerajaan Barisan Nasional itu. Semua penulis ini bercakap pada nada yang sama iaitu menyoroti berbagai-bagai bentuk "kelamahan" dan "keburukan politik" tokoh yang dimaksudkan ini. Kecuali Zakry Abadi (1993) yang tampaknya menulis dengan nada yang agak optimis mengenai Anwar, dan pendirian ini nampaknya agak berbeza daripada tulisan beliau mengenai ketiga-tiga Naib Presiden UMNO - Anwar, Abdullah Badawi dan Sanusi Junid - dalam buku beliau sebelum ini iaitu *Kualiti Kepimpinan*. Untuk mendapatkan analisis umum mengenai buku-buku politik popular ini, lihat perbincangan yang telah saya kemukakan dalam tulisan saya, *Politik Melayu Masa Kini: Beberapa Isu dan Permasalahan Dalam Penulisan Popularnya*, Titian, Bil. 1, 1993, Siri Kertas Kerja, Terbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1993).
- 16 Selain isu Kod Etika Raja-raja, kutipan duti import kereta Lamborgini milik Sultan Kelantan yang tercetus pada awal tahun 1992 dan juga isu peruntukan RM10 juta saham Telekom kepada Parti MIC, maka isu-isu milikan akhbar serta pemberitaan berat sebelah akhbar-akhbar utama terbitan *The New Straits Times* dan Kumpulan Utusan Melayu dikatakan dikuasai oleh rakan-rakan Anwar sehingga menyebabkan pelaporan berita dan peristiwa akhbar-akhbar ini sentiasa memberati Anwar dan "orang-orangnya". Selain itu, isu "kerugian mata wang asing" yang dijalankan urusniaganya oleh Bank Negara Malaysia juga menjadi satu lagi skandal politik yang dianggap mencemarkan nama beliau selaku Menteri Kewangan. Lihat perbincangan dan pelaporan lanjut mengenai isu-isu ini seperti yang dibuat oleh Aliran dalam beberapa penerbitannya kebelakangan ini. Antaranya, "Who Benefits From Special Share Allocations?", *Aliran*

- Monthly*, Vol. 12, No. 6, 1992; "Pembelian NSTP dan STMB: Kawan Anwar Menguasai Media?", *Majalah Aliran*, Jilid 3 Bil. 3, 1993. Lihat juga perbincangan mengenai beberapa isu ini oleh Chamil Wariya, *Krisis Sultan - Menteri Besar: Apa Sebenarnya Terjadi*, K. Lumpur: Media Indah, Julai 1992.
- 17 Lihat beberapa sorotan menarik mengenai isu ini dalam berbagai-bagai akhbar dan majalah berita. Antaranya yang bertajuk, "Political Springboard: Finance Ministry tests Anwar's principles" dan "Finding a focus: Anwar's task is to put flesh on Mahathir's economic plans", *Far Eastern Economic Review*, 16 May 1993.
- 18 Isu usia ini sebenarnya adalah sesuatu yang sensitif dan di luar kawalan manusia; dan kerana itu, ia tidak banyak dibangkitkan. Walau bagaimanapun persoalan politik berkaitan dengan usia serta kesihatan kedua-dua pemimpin utama UMNO itu telah sekian lamanya dimaklumi dan diberikan perhatian; tetapi adalah sesuatu yang amat tidak bermoral untuk membincangkannya secara terbuka. Tetapi secara lembut ia diberikan perhatian. Demikianlah yang dapat dikesan daripada beberapa tulisan dan sorotan tertentu mengenai persoalan kesinambungan kepimpinan dalam UMNO sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Lihat antaranya, Ahmad Lutfi Othman, "Apa Kurangnya Ghafar, Apa Lebihnya Anwar?", *Dunia Islam*, Bil. 36, Nov. 1992.
- 19 Lihat laporan muka depan akhbar-akhbar utama tempatan seperti *The New Straits Times* dan *Berita Harian* bertarikh 1 Mei 1993 mengenai penafian ini.
- 20 Marina Yusof, op. cit. (1990), hal. 127. Lihat juga Yahaya Ismail (1993), op. cit.. Lihat juga sindiran tajam En. Ghafar Baba, yang senada dengan pandangan Marina itu bila beliau dilaporkan di bawah tajuk, "Hentikan tabiat gila kuasa" betapa, "...Kita bimbang pemimpin yang melonjak naik tergopoh-gapah sehingga tidak menghiraukan pemimpin lama akan merosakkan perpaduan parti. Gejala berebut kuasa itu jika tidak dihentikan boleh menyebabkan negara tidak stabil..." sebagaimana yang dimuatkan dalam hal. 2, *Berita Harian*, 19 Julai 1993.

Nota: Tulisan ini pertama kalinya dimuatkan dalam buku, *Amalan Politik Malaysia*, disunting oleh Hairany Naffiss, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993, hal. 84-103.

SENARAI RUJUKAN TERPILIH

- Abdul Samad Idris, *25 Tahun Merdeka*, K. Lumpur: Pustaka Budiman, 1982.
- Ahmad Faiz Abdul Hamid, 'Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)', Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.
- Almond, G.B. & Powell, G.B., *Comparative Politics: A Developmental Approach*, Mass.: Little, Brown, 1966.
- Altbach, P.G., 'Student Movements in Historical Perspective: The Asian Case', *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 1, No. 1, 1970.
- ____ (ed), *The Student Revolution: A Global Analysis* Bombay: Lalvani Pub. House, 1970.
- Aminudin Mohd. Yusof & Mohd. Ali Kamaruddin, *Kepimpinan Pemuda UMNO*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.
- Azizan Bahari, "Majlis Belia Malaysia: Di Mana dan Ke Mana?" *Dewan Masyarakat*, Nov. 1991.
- Bailey, F.G., *Stratagem and Spoils: A Social Anthropology*, N. York: Schocken, 1969.
- Blythe, W., *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, London: OUP, 1969.
- Chamil Wariya, *UMNO (Baru): Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*, K. Publishing & Distributors Sdn. Bhd., 1988.
- Chandra Muzaffar, *Protector?*, Penang: Aliran Publications, 1976.
- Chandra Muzaffar, 'Haluan Perhubungan Etnik di Malaysia' dalam S. Ahmad Hussein & Y. Mansoor Marican (p), *Integrasi Politik*, K. Lumpur: DBP, 1979.
- Coleman, James S. et. al., *Youth: Transition to Adulthood*, A Report, Chicago: University of Chicago Press, 1974.
- Douglas, S.A. & Pedersen, P., *Blood, Believer, and Brother: The Development of Voluntary Associations in Malaysia*, Center for International Studies, Southeast Asia Series No. 29, Ohio University, 1973.
- Duverger, M., *Political Parties: Their Organization and Activity in the Modern State*, (terjemahan), London: Methuen, 1967.
- Eisenstadt, S.N., *From Generation to Generation: Age Groups and Social Change*, N. York: The Free Press, 1956.
- Emmerson, D.K. (ed), *Students and Politics in Developing Nations*, London: Frederick A. Praeger Inc., 1968.
- Gomez de Souza, L.A. & Ribeiro, L., *Youth Participation in Development Process: A Case Study in Panama*, UNESCO Report, Paris: The UNESCO Press, 1976.
- Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (terjemahan), K. Lumpur, DBP, 1970.
- Gungwu, W. (ed), *Malaysia: A Survey*, London: Praeger, 1964.
- Hambali A. Latif, 'Perjuangan Politik Pemuda UMNO', Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1982.

- Heberle, R., *Social Movements: An Introduction to Political Sociology*, N. York: The Free Press, 1951,
- Havighurst, R.J. & Dreyer (eds), *Youth*, Chicago: The University of Chicago Press, 1975,
- Hussain Mohamed, "Organisasi Gerakan Belia di Semenanjung Malaysia", Tesis PhD, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1981.
- _____, *Gerakan Belia di Malaysia*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, 1986,
- Kahn, Joel S., & Loh Kok Was, F. (eds), *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, ASAA Southeast Asia Publications Series, Sydney: Allen & Unwin, 1992,
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, *Perkhidmatan Belia di Malaysia*, K. Lumpur: KKBS, 1975,
- Kementerian Belia dan Sukan, *Rakan Muda*, K. Lumpur: 1994,
- _____, *Karisma, Briged Muda dan Rakan Sukan*, K. Lumpur: KBS, Julai 1994,
- Marina Yusof, *Time for Change*, K. Lumpur: The Champ Sdn. Bhd. 1990,
- Mauzy, D.K. & Milne, R.S., "The Mahathir Administration: Discipline Through Islam", *Pacific Affairs*, Vol. 56, No. 4, Winter 1983/84,
- Means, Gordon P., *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapore: OUP, 1991,
- Milson, F., *Youth in a Changing Society*, London: Routledge & Kegan Paul, 1972,
- Mohamed Abu Bakar, *Mahasiswa Menggugat*, K. Lumpur: Pustaka Antara, 1973,
- Mohd. Noor Nawawi, "Belia Malaysia: Masalah, Cabaran dan Masa Depan", dalam Mahayudin Hj. Yahya (p), *Islam dan Pembangunan Negara*, Penerbit Uni. Kebangsaan Malaysia, Bangi: 1986,
- Mohd. Sayuti Omar, *Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 1990,
- _____, *Antara Anwar, Dollah dan Sanusi: Tuhan Pilih Siapa?*, K. Lumpur: Tinta Merah, 1992,
- Morais, Victor, *Anwar Ibrahim: Resolute in Leadership*, Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd., 1983,
- Nagata, Judith, "Islamic Revival and the Problems of Legitimacy among Rural Religious Elites In Malaysia", *Man*, Vol. 17, 1982,
- Purcell, Victor, *The Chinese in Modern Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1956,
- Rabuska, A., *Race and Politics in Urban Malaya*, Stanford: Hoover Institution Press, 1967,
- Rosenmayr, L., 'Towards an Overview of Youth Sociology', *International Social Science Journal*, Vol. 20, No. 2, 1968,
- _____, 'Introduction: New Theoretical Approaches to the Sociological Study of Young People', *International Social Science Journal*, Vol. 24, No. 2, 1972,
- _____, 'Youth and Society: Conceptual and Theoretical Foundation & Historical Comparative Study of Youth: The Case of Europe', *Current Sociology*,

Vol. 27, No. 2 & 3, 1979,

- Shamsudin A. Rahim, *Tingkah Laku Lepak di kalangan Remaja*, Kuala Lumpur: KBS, 1994.
- Shamsul A.B., 'The "Battle Royal": The UMNO Elections of 1987', *Southeast Asian Affairs*, 1988, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1988.
- Silverstein, J., 'Burmese and Malaysia Student Politics: A Preliminary Comparative Inquiry', *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 1, No. 1, 1970,
- Subky Latif & Chamil Wariya, *Dilema Pemuda UMNO* (edisi baru), P. Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd., 1985,
- Tamney, Joseph B. (ed), *Youth in Southeast Asia*, Occasional Paper No. 11, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1972,
- Taufik Abdullah (p), *Pemuda dan Perubahan Sosial*, Jakarta: LP3ES, 1974,
- Vasil, R.K., *Politics in a Plural Society*, K. Lumpur: OUP, 1971,
- Wilkinson, P., *Social Movement*, London: Macmillan, 1971,
- Zald, M.N. & Ash, R. 'Social Movement Organization: Growth, Decay and Change', *Social Forces*, Vol. 44, March 1966,

- Harun Hj. Idris, Datuk, 232 - 233,
Hedonisma, 36, 93,
 Himpunan Mahasiswa Indonesia (HMI), 28,
 Hitler, 10, 23, 29,
 Hitler Youth Movement, 23,
hippies, 94, 117,
 HIV, 130, 170
huay-kuans, 50, 68n, 118, 127
hukum rimba, 105,
 Hussein Onn, Tun, 228, 229,
 Ibrahim Yaakub, 78
 Ideologi politik, 23, 32
 Indische Party, 27
individualistic, 98,
 Integrasi, (lihat perpaduan),
intellectual proletariat, 76
Internal Security Act (ISA), 71,
interest groups (kumpulan kepentingan), 138, 154, 196,
issue-oriented, 86, 91, 114,
 Jabatan:
 Belia, 81,
 Perangkaan Malaysia, 57, 67n
 Perpaduan Negara, 100, 124,
 Pertahanan Negara, 32
Jihad Abad ke-21, 106, 108,
 Joyful Youth Associations, 132
 Kaibodan, 28,
kakaktua, 19,
 KAMI, 28 - 29,
 KAPI, 29,
 KAPPI, 29
Karisma, Program Rakan Muda, 158, 164, 165
 Kelab:
 4H (Persatuan), 132
 Sukan, 101,
 Belia Tamil Bell, 54, 71, 81, 95, 118, 168,
Kelesuan belia, 123,
 Kemalapan, (lihat kelesuan),
 Kementerian:
 Belia dan Sukan (KBS), 40, 44, 45, 113, 124,
 Dalam Negeri, 124, 125,
 Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) 34, 60, 64, 81, 124, 132, 157, 245,
 246,
 Kewangan, 163, 252,
 Pelajaran/Pendidikan, 183, 252,
 Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, 100, 124, 125

- kerahan tenaga*, 43,
 Kepimpinan pelapis, 161,
 Kesatuan, konsep: 50,
 Kesatuan Melayu Muda (KMM), 79,
 Kesatuan Pelajar-pelajar (Penuntut) Melayu Victoria Institution, 179,
 Kesatuan Persuratan Penuntut-penuntut Melayu Selangor (KPPMS) 80, 178, 179,
 180,
Kesukarelaan, 98, 122, 123,
 Ki Hadjar Dewantore, 27
 Khidmat Belia, 32,
 KOBENA (Koperasi Belia Nasional), 16, 146, 163,
 Komitmen kenegaraan, vi
 KOMSOMOL, 24, 173, 195, 226,
kongsi, 50, 68n, 118,
 Konsep:
 belia, 1, 6; kesatuan, 50, remaja, 1,
 Kristian, 60, 132,
Kronologi umur, 3
 Kuatkuasa, 6
 Kumpulan: umur, 2, 56; etnik, 54,
 Kumpulan Wawasan (UMNO), 254,
 liberal, 7, 19,
 Luther, M., 22,
 Mahathir Mohamad, Dr., 107, 234, 243, 244, 252, 253,
Mind: the captive, 103, 129, *the slavic*, 103, 129,
 Majlis:
 Belia Kebangsaan (MBK), 245,
 Belia FELDA Wilayah Selatan (Gabungan), 71, 168,
 Belia Hindu 71, 81, 95, 118, 168,
 Belia Malaysia (MBM), 14, 17, 80, 81, 82, 84, 86, 113, 114, 125, 131,
 132, 158, 159, 168; 207, 245, 246; kelesuan dalam MBM, 91, 95, 99, 100,
 114,
 Perundingan Belia Negara (MPBN), 46, 60, 91, 100, 114, 125
 Perundiangan Ekonomi Negara (MAPEN), 106,
 Maktab: Raffles/Raffles College, 180;
 Teknik, 181,
 Majmuk, masyarakat majmuk, 48,
Malay affairs, 17, 53,
 Malayan Union (Kesatuan Malaya), 174, 180,
 Malaysia: v, 4, 5, 11, 15, 34, 47, 107, 117, 119, 140,
 Malaysia Cergas: 99, 124; Malaysia Baru, 131; Malaysia Patriotik, 99,
Malaysian affairs, 17,
 Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC), (lihat: PKBM) 54, 62, 71, 74,
 80, 85, 95, 96, 97, 113, 120, 121, 163, 184, penubuhan dan perkembangan
 awal, 206 - 210,
Malaysian Malaysia, 175,

- Manunkusumo, Dr. Tjipto, 27,
 Masyarakat Penyayang, 104,
Masyarakat tua, 103,
 MBM-2000, 159,
 Melayu Baru, 131; Melayu Korporat, 175,
 MENJARO (Mental, Jasmani, Rohani) MAYC, 210,
miao, 50
 Mohd. Najib Tun A. Razak, 235, 236, 255, 256,
 Mubin M.C.ff.Sheppard, 207,
Mullah, 94,
 Munshi Abdullah, Kisah Pelayaran, 200,
 Musa Hitam, Datuk, 233,
 Muzik *rock*, 105,
 Nakhaie Hj. Ahmad, 88,
 Nasionalisme, vi, 28, 183, 184; *hypher-*, 23, 172,
 National Association of Youth Clubs, 132, 206,
 Nazisme, 23,
 Negara-bangsa, 3
 Nilai, 12, 13
Ninety-nine theses, 22,
Non-partisan, 21
 Nur Harapan PKBM, 62,
Old-gang networks, 20
 Onn Jaafar, Datuk, 228,
Opportunist: opportunistic, 19,
orang muda, 2, 10, 24, 30
 Order Baru (Indonesia), 28;
 Order Baru Politik Dunia, 104, 105, 130,
 Organisasi (lihat: persatuan/pertubuhan)
 pak sanggup, 19,
 Pandu Puteri, 32, 71, 80, 81, 132, 168,
 Panel Penasihat Perpaduan Belia, 100, 124,
 Parti politik: Komunis Rusia, 24; Nasional Indonesia (PNI), 27,
 PARTIDO, 27,
 Pasukan: Kontrek, Moral, 241,
 Patriotisma, vi, 105, 158,
 Pelan Induk Belia Negara (PIBN), Program, 99
 PEMADAM, 124,
 Pembangunan Lima Tahun (PELITA), 33; PELITA 4B, 62,
 Pembinaan-bangsa, 4, 10, 23, 151, 152,
 Pembinaan-negara, 15, 151,
Pemimpin dan Kepimpinan, 257,
 Pemuda: MCA, MIC, PAS, UMNO, 30,
 Penagihan/ketagihan dadah, 1, 12, 39,
 Pengagihan, 152,
 Pendaftar: Pendaftar Pertubuhan, 9, 54, 118, 123; Kesatuan Sekerja, 139, 156,

- Pendesak, kumpulan, (lihat: *pressure group*),
 Penyertaan, 152,
 Penswastaan, 105,
 Penyata dan Laporan: Rahman Talib, 183; Razak, 183,
 Pergerakan/Pasukan Pengakap, 32, 71, 80,
 Persatuan Asrama Belia Malaysia (PABM), 168,
 Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM), 54, 55, 71, 74,
 80, 83, 84, 95, 133, 168, penubuhan 215 - 219,
 Perilaku kolektif, vi,
 Peringkat umur, 1,
 Prinsip 3 Padu, 142, 157,
 Persatuan kesukuan, 50
 Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia (PKPM), 78, 82,
Personal evolution, 7,
 Pertubuhan:
 belia ix,
 Bangsa-bangsa Bersatu, 5, 30,
 4H (lihat: Kelab)
 Perundingan Belia Negara (Lihat: Majlis)
 PETA (Pembela Tanah Air), 28,
 Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (PKBM) (Lihat: MAYC)
 Polis Dunia, 105, 131,
Political comradeship, 241,
 Politik, 7, politik mantap, 14, *politik wang*, 123, 161, 257; Sains Politik 171,
 Politik belia; 140, 149; proses politik: inter-organizational, intra-organizational,
 122, 139, 141, 156,
 Pop-yeh-yeh, 117,
Pressure group, 138, 148, 154, 196; kumpulan pendesak, 232,
 Pro-sosial, 3, 5, 6
 Proses sosialisasi, 6,
 Protestan, 22, 29,
 PTBD (Persidangan Tetap Belia Daerah), 211,
 Pusat-pusat Latihan Kemahiran, 59,
 Radikal, 1, 19
 Rancangan Buku Hijau, 72,
 Rancangan Pembangunan: Malaya I; Malaysia Kedua, 58, 62,
Rat-race, 17
 Reformasi agama, 29,
 Revolusi:
 Bolshevik, 173,
 Kebudayaan, 29
 Kemerdekaan, 29
 Rite de passage, 3,
 Rizal, Jose, 32; Rizal Youth Foundation, 32,
 Romusja, 28,
Royal Charter, 201,

- Rukunegara, vii, 16,
 SANYA (Sabah National Youth Association), 71, 95, 118, 121, 146, 163, 168,
 Sanarjo, 27,
 Sanusi Junid, Datuk Seri, 19, 88, 97, 121, 147, 163, 207, 255,
 Sardon Hj. Jubir, Tun, 229, 230 - 231,
 Sarekat Islam, 27,
 Sartono, 27
 SEBERKAS (Persatuan Belia Kebangsaan Sarawak), 71, 95, 97, 118, 121, 146,
 163, 168,
 Sekolah Doktor Djawa (Stovia), 77,
 Semangat 46, Parti Semangat 99, 123,
 Senu Abd. Rahman, Datuk, 231,
 set umur, 3
Sindrom (sekolah) asrama penuh, 126- 127,
 Singapore, People's Associations, 34,
 Sistem Unipolar (Lihat: Oder Baru Dunia),
 Sosialis-Komunis, 28, 29,
 Socialist Rural Youth Union, 24,
 Societies Act (lihat: Akta Pertubuhan),
 Sosiologi, vi, Sosiologi Politik, vi, 97,
 St. John Ambulance, Pasukan: 32, 132, 168,
Status-quo, 21, 87, 101, 248,
stepping stone, 97,
 Suhaimi Hj. Kamarudin, Datuk Hj., 84, 88, 145, 147, 163, 234,
 Suharto, General, 29
 Sukarela (lihat: Pertubuhan),
 Sukarno, 10, 27, 29, 78,
 Sultan Idris Training College (SITC), 77, 79,
 Sumpah Pemuda, 27,
 Syed Jaafar (Albar), tan Sri, 234,
supporting ground, 88, 97,
tabligh, 108, 110,
 Tabligh, Jemaah, 247,
 Tengku Razaleigh Hamzah, 258,
 Thanom-Prapas, demonstrasi anti regim politik, 10, 13
 Tokoh belia, viii,
training ground, 88
 Tunku Abdullah, YM, 84, 208,
 Tunku Abdul Rahman, 230,
 UMNO: 73, 79, 98, 107, 108, 112, 113, 121, 147, 151, 163, 164, 174, 175, 215,
 240, Majlis Tertinggi, 240; Pemilihan Tahun 1996, 254 - 258; Pemuda,
 viii, 119, 153, 174; 215; penubuhan, 227 - 230; Kumpulan Halia, 234;
 Pasukan Wawasan, 256; Yayasan Gerak Bakti, 235, 250; Wanita: 197;
 UNESCO, 3, 97, 121, 153,
 Universiti Malaya:
 Persatuan Bahasa Melayu (PBMUM), 78, 241, 245,

- Persatuan Mahasiswa (UMSU), 78
Persatuan Mahasiswa Islam (PMIUM), 84, 245,
Universiti Witthenberg, 22, 76,
Vandalisme, 36, 116, 153, Victoria Institution, 179,
Victoria Institution, 179,
Vision 2020 (lihat: Wawasan 2020),
Wawasan 2020, vii, 5, 40, 42, 45, 104, 106, 107, 108, 129, 134, 142, 147, 157,
185,
window shopping, 40
wira Melayu, 174,
xenophobia, 173, 174, 200,
Young Movement of Malaysia (Pergerakan Pemuda Malaysia), 71, 168
YMCA (Youngmen's Christian Associations), 80, 132, 168, 201,
YWCA (Young Women's Christian Associations) , 80, 132, 201,
Zaman Pertengahan, 21,

BELIA DIMALAYSIA: MASALAH, GERAKAN DAN MASA DEPAN

merupakan sebuah koleksi tulisan ilmiah bertujuan memerihail dan membincangkan banyak perkara berkenaan dengan golongan belia di negara ini. Dengan mengambil kira bahawa belia merupakan golongan yang mempunyai imej positif dan negatif dalam masyarakat dan umumnya pula sebagai pewaris masa depan sesebuah negara, maka ada banyak isu yang boleh diperbincangkan mengenai mereka. Antaranya yang dikatakan sebagai perbuatan *antisosial* seperti membuang masa dan melepak. Koleksi ini bagaimanapun berusaha untuk melihat bahawa dalam perkembangan masyarakat dan negara ini umumnya, golongan belia sesungguhnya sudahpun mempunyai tradisi gerakan dan peranan tertentu yang turut mewarnai dan menentukan haluan perkembangan itu, khususnya dari segi politik dan kepimpinan negara.

Koleksi, ini dikira sesuai untuk memperluas pengetahuan dan minda pembaca berkenaan dengan pelbagai isu yang terdapat dalam arus perkembangan belia dan juga masa depan kepimpinan politik negara ini umumnya.

HUSSAIN MOHAMED ialah pensyarah dalam bidang Sosiologi Politik di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Beliau merupakan pengkaji pertama yang berusaha menerokai dan memahami arus serta perkembangan gerakan belia di negara ini dan usaha tersebut telah membolehkannya memperoleh ijazah PhD dari universiti yang sama dalam tahun 1982. Di samping itu, penceburan dalam kegiatan penyelidikan dan pengajaran politik telah juga mendorong beliau menghasilkan banyak tulisan ilmiah dan popular-jurnalistik mengenai permasalahan dan politik kepartian Malaysia.

Kini beliau sedang giat menyunting dan mengusahakan penerbitan tulisan-tulisan mengenai politik, di samping terlibat dalam projek penyelidikan akademik mengenai politik di kalangan orang Melayu bandar.



ISBN 983-9821-09-1



9 789839 821093